

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 15	Rabu	1 April 2015
----------------	-------------	---------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) 2014	(Halaman 25)
Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014	(Halaman 92)
Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2014	(Halaman 141)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 24)
---	--------------

Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Di Bawah P.M. 62	(Halaman 91)
---	--------------

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 1 April 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah perbelanjaan tahunan yang dikeluarkan bagi menampung segala kos yang melibatkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), termasuk kos serbuan/siasatan, kos makan minum semasa dalam tahanan, kos penghantaran pulang ke negara asal dan sebagainya serta langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan perbelanjaan tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Batu datang dari Batu Pahat,

Soalan satu akan dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, kos perbelanjaan tahunan yang ditanggungkan oleh kerajaan bagi menampung segala kos yang melibatkan pendatang asing atau PATI termasuk kos serbuan dan siasatan, kos makanan minuman semasa dalam tahanan, kos penghantaran pulang ke negara asal bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM29,611,324.57.

Untuk makluman Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua kos serbuan dan siasatan tidak dapat dinyatakan secara terperinci dan dijumlahkan atau di *quantify* dengan izin, oleh kerana kaedah dan keanggotaan pegawai yang menyertai operasi adalah berbeza dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, sepanjang tahun 2014 sebanyak 5,452 operasi telah dilaksanakan dan seramai 37,644 orang PATI telah ditangkap. Mereka seterusnya telah ditempatkan di depot tahanan imigresen sementara menunggu penghantaran pulang ke negara asal.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini antara langkah yang diambil bagi mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam perkara ini adalah melalui pelaksanaan Program Penghantaran Pulang PATI yang menyerah diri secara sukarela bermula 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Di bawah program tersebut mana-mana PATI yang menyerah diri akan dikenakan kompaun sebanyak RM300 dan bayaran pas khas sebanyak RM100 serta dikecualikan pendakwaan di bawah seksyen 6(3) Akta Imigresen 1959/63 iaitu Akta 155. Iaitu melibatkan kesalahan masuk dan

tinggal tanpa pas atau permit yang sah serta seksyen 15(4) di bawah akta yang sama iaitu melibatkan kesalahan tanpa alasan yang munasabah, didapati tinggal di Malaysia selepas permit dan pas tamat tempoh.

PATI yang berkenaan juga telah disenaraihitamkan daripada memasuki negara dan biometrik diambil boleh membantu dalam mengesan dan mencegah jenayah dari memasuki negara ini kali yang kedua. Sejumlah 112,276 orang PATI telah menyerahkan diri untuk pulang ke negara asal melalui program bagi tahun 2014 yang melibatkan kutipan kompaun sebanyak RM33,657,024 dan pas khas sebanyak RM11,227,600.

Kerajaan tidak mengalami kerugian, walau bagaimanapun, menanggung kos yang tinggi dalam operasi penguatkuasaan. Makanan minuman, kemudahan asas yang lain mengikut standard antarabangsa. Kerajaan tidak lagi perlu menanggung kos perbelanjaan penghantaran pulang PATI. Memandangkan segala kos pulang ke negara asal adalah ditanggung oleh PATI itu sendiri ataupun keluarganya ataupun saudara mara PATI ataupun kerajaan atau kedutaan negara asal PATI tersebut. Pelaksanaan Program 3+1 juga didapati turut dapat membantu mengurangkan kesesakan di depot tahanan imigresen. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam keadaan negara yang sepatutnya mengambil kira punca-punca untuk penjimatan perbelanjaan. Berapa lamakah tempoh bagi seorang PATI berada di dalam tahanan? Saya ada pergi melawat penjara di bawah sebuah NGO baru-baru ini. Saya ingin merakamkan di sini kepada Kerajaan Malaysia terutamanya kerana layanan yang diberi kepada PATI adalah sangat baik dan memuaskan. Mereka juga dilengkapi dengan beberapa kemahiran yang mana jika mereka pulang ke negara mereka, mereka boleh menambah ilmu. Persoalannya berapa lama mereka akan ditahan di sini kerana kosnya pasti melibatkan dalam perbelanjaan negara kita. Apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah kemasukan PATI ini kerana ianya jelas mendatangkan kerugian kepada negara dan rakyat Malaysia secara menyeluruhnya. Sekian terima kasih.

■1010

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas persoalan Yang Berhormat. Ada dua persoalan sebenarnya.

Satu, soalan lawatan Yang Berhormat dan berjumpa PATI yang ditahan di depot penjara. Saya ingin juga menjelaskan di sini bahawa kita banyak bekerjasama dengan pihak NGO termasuk SUHAKAM, *United Nations High Commissioner for Refugees* dan badan *Red Cross* antarabangsa untuk memastikan standard yang kita perkenalkan ini diterima pakai dan diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa. Jadi dalam keadaan inilah kenapa penjagaan kita, walaupun mereka telah melakukan kesalahan, mereka juga dijaga dengan begitu rupa dan mendapat pengiktirafan antarabangsa bahawa depot tahanan ataupun penjara di mana kita menahan PATI ini dapat *accreditation* dengan izin, daripada pihak antarabangsa. Itu yang pertama.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, soalan tahanan berapa lama. Secara puratanya, tahanan di depoh kita tidak melebihi daripada tiga bulan sebenarnya. Akan tetapi, ada juga di kalangan mereka ini ditahan lebih panjang masanya daripada itu sampai lapan bulan oleh kerana masalah kita mendapat dokumen dari negara tersebut, daripada kedutaan negara-negara asal ataupun mereka tidak diterima oleh mereka dari negara asal oleh sebab, umpamanya kalau dari Myanmar, mungkin tidak diterima berlandaskan fakta-fakta yang tertentu. Jadi dalam keadaan sedemikian, mereka ini berada di tahanan lebih panjang daripada yang perlu ataupun secara puratanya. Walau bagaimanapun, kita akan terus berusaha, berbincang dengan pihak kedutaan-kedutaan yang terlibat supaya mereka ini boleh dipercepatkan pemberian dokumen perjalanan untuk mereka dihantar pulang ke negara asal mereka.

Saya cukup yakin ia akan mengurangkan kos perbelanjaan yang kerajaan belanjakan. Walau bagaimanapun, keseluruhannya bukan kita hendak melihat keuntungan dan kerugian dalam kita menjaga pihak PATI dalam tahanan kita. Dalam sudut apa yang saya telah sebutkan awal tadi, bahawa kita tidak sebenarnya berbelanja berlebihan sangat daripada apa yang kita kutip daripada mereka dari sudut kompaun dan juga kos pemberian pas sementara untuk mereka sebelum dihantar pulang ke negara asal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah perbelanjaan dan bilangan penguat kuasa yang diperlukan oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah yang berpanjangan, berdekad-dekad ini, memandangkan jalan tikus Thailand dan Malaysia pun lebih 600 dan bagaimana Yang Berhormat dapat menyelesaikan masalah ini?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasihlah kepada soalan Yang Berhormat dari Kepong. Kita menerima hakikat bahawa di sempadan utara Malaysia di antara Kelantan, Perak, Perlis, Kedah dengan Thailand mempunyai jalan tikus yang banyak, dan juga di sempadan negeri Sarawak dan Sabah. Sarawak sahaja mempunyai sempadan sepanjang 2,000 kilometer dari Tanjung Datu iaitu kawasan saya hingga ke kawasan Ba'kelalan dan juga Sabah yang mempunyai kurang lebih 800 kilometer. Ini semua boleh dibolosi Yang Berhormat, oleh pihak-pihak pendatang asing.

Selagi Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang boleh menampung hidup mereka mencari kehidupan yang lebih baik daripada negara mereka sendiri, sepanjang itulah sempadan kita akan terus dibolosi oleh pihak-pihak ini. Bukan kerana mereka nak melakukan kesalahan di negara ini tetapi untuk mencari kesenangan hidup yang mungkin tidak didapati di negara asal mereka. Jadi selagi gula ini ada di negara kita, sepanjang itulah semut akan datang, Yang Berhormat.

Walaupun bagaimanapun, perbincangan di antara Kementerian Dalam Negeri dan juga Yang Berhormat Menteri yang jaga MKN ada dekat sini, berterusan untuk mencari sumber kewangan untuk kita membuat tembok di sempadan utara negara kita dengan Thailand. Ini sebenarnya secara prinsipnya kita sudah bersetuju Yang Berhormat tetapi kosnya yang begitu tinggi. Menteri sendiri dah bagi tahu tetapi walaupun bagaimanapun, kementerian masih memikirkan dan juga MKN bersama memikirkan mekanisme supaya mengurangkan kos kerajaan tapi hendak melaksanakan juga tembok ini secara sistem-sistem lain termasuklah juga benteng-benteng tertentu di Sarawak dan juga di Sabah termasuk membina dan

merancang pembinaan pos dan CIQ yang lebih banyak lagi di Sarawak dan di Sabah yang kita rancang sekarang ini. Akan tetapi Yang Berhormat, *constraint* kita ialah daripada sudut kos, perbelanjaan yang begitu besar untuk melaksanakan program yang kerajaan lihat penting dan perlu dilaksanakan. Terima kasih Yang Berhormat.

2. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan status terkini rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan bilakah ia akan dimuktamadkan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Saya tak dengar pantun tadi, tak boleh jawablah. Pantun lain.

"Pagi-pagi kita menguap, soalan TPP saya jawab"... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan hari ini bersama soalan Yang Berhormat Klang, soalan nombor 54 dan soalan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai pada 7 April 2015 akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus kerana telah membangkitkan soalan untuk meminta saya memberi status terkini rundingan TPPA. Daripada semasa ke semasa memang kerajaan memberikan status terkini termasuklah kepada kokus Parlimen. Kokus Parlimen diketuai oleh Yang Berhormat Jasin. Kita mengadakan pertemuan 3 Mac, yang terakhir. Kita sepuluh kali dah berjumpa. Lima daripada pembangkang, enam daripada kerajaan. Saya pernah sebut lima tapi sebenarnya enam kerajaan dan lima pembangkang termasuklah Yang Berhormat dari Johor Bahru dan diketuai oleh Yang Berhormat Jasin. Kali terakhir kita berjumpa, saya berjumpa dengan kokus Parlimen yang mewakili pelbagai parti ialah pada 3 Mac yang lalu dan dalam pertemuan tersebut, saya telah *update*, telah kemas kini status terkini.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya hendak maklumkan beberapa perkara berkaitan dengan rundingan TPP. Banyak kali saya dah maklum dalam Dewan ini. Saya ambil kesempatan untuk memberi sedikit *update*.

Sebagai latar belakang, Malaysia merupakan salah sebuah daripada 12 buah negara yang menyertai rundingan ini bermula Oktober 2010. Lima tahun dah kita berunding TPP ataupun Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik ini. Ia merupakan satu perjanjian yang kontroversi kerana ia adalah komprehensif daripada segi liputannya. Kalau perjanjian biasa meliputi perdagangan, barangan dan perkhidmatan tetapi TPP merangkumi juga isu buruh, alam sekitar, syarikat milik kerajaan, perolehan kerajaan dan hak harta intelek. Ini antara perkara-perkara baru yang dirundingkan di bawah TPP. Oleh itu ia kontroversial bukan sahaja di Malaysia, negara-negara lain di Jepun, Amerika Syarikat pun menimbulkan banyak kontroversi. Oleh itu, perlu diadakan banyak *engagement* di Malaysia.

Saya nak maklumkan bahawa perundingan ini melibatkan beberapa peringkat. Yang pertama, peringkat pegawai, hampir kesemua kementerian terlibat dan yang kedua peringkat Menteri. Setakat ini saya sendiri telah terlibat dalam sepuluh mesyuarat menteri-menteri TPP. Di peringkat Ketua-ketua Kerajaan, lima kali telah diadakan di peringkat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan pemimpin-pemimpin yang lain. Itu daripada segi prosesnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ia mempunyai banyak implikasi kepada kerajaan dan rakyat, ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat banyak kali, maka kita telah buat keputusan untuk membuat kajian kos faedah ataupun *cost benefit analysis*.

■1020

Kita sudah laksanakan peringkat interim, awalan sudah selesai. Sekarang ini peringkat akhir dan kita sudah melantik dua pihak. Satu, untuk melaksanakan kajian kepentingan negara ataupun *national interest study*. Kedua ialah analisis kos faedah oleh sebuah firma perunding antarabangsa. Jadi syarikat-syarikat telah pun memulakan kerja dan skopnya adalah seperti berikut:

- (i) kesan kepada kedaulatan negara dan ruang dasar negara termasuklah bilangan undang-undang yang perlu dipinda ataupun yang perlu digubal berikutan sekiranya kita menyertai TPP;
- (ii) impak TPP kepada bumiputera;
- (iii) impak ke atas industri kecil sederhana tempatan; dan
- (iv) sekiranya Malaysia tidak menyertai TPP, apa kosnya?

Ini kerana kita sebagai sebuah negara perdagangan - iaitu nombor empat dalam dunia yang kebergantungannya kepada perdagangan. Pertama ialah Hong Kong, kedua ialah Singapura, ketiga ialah Vietnam. Kita nombor empat dalam dunia, kita banyak bergantung kepada perdagangan dan pelaburan. Pelaburan asing juga memainkan peranan penting dalam negara kita iaitu kira-kira 50%, 55% ataupun 60% daripada pelaburan baru dalam sektor pembuatan umpamanya datang dari luar negara. Semalam saya melawat Kulim Hi-Tech Park dan dapat bersama-sama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan di sana ada 32 buah syarikat kebanyakannya asing. Di sana, syarikat-syarikat telah melabur USD34 bilion. Ini satu contoh di Kulim yang mana kita mempunyai ramai ataupun banyak pelabur asing.

Jadi Malaysia sebuah negara perdagangan, bergantung kepada perdagangan dan juga pelaburan asing. Oleh itu, kita menyertai beberapa perjanjian antarabangsa termasuklah perjanjian perdagangan. Itulah sebabnya kenapa kita rasakan perlu kita terus berunding TPP. Apa pun, kita akan laksanakan kajian analisis kos faedah ataupun *cost benefit analysis* dengan mendalam. Kita juga telah buat komitmen bahawa Parlimen akan membahaskan TPP ini. Jadi kita menjangkakan bulan Julai akan siap *cost benefit analysis*. Kita akan berunding dengan Pejabat Speaker bila masa yang sesuai untuk membentangkan isu ini kepada Ahli Parlimen untuk dibuat keputusan, untuk membolehkan kita mendapat panduan daripada rakyat termasuk Ahli Parlimen.

Sebenarnya esok dan lusa, kita ada program yang besar di MITI. Esok, saya akan adakan *Town Hall Meeting* di MATRADE daripada 9.00 pagi hingga 11.00 pagi yang mana saya akan menjawab semua soalan yang dibangkitkan oleh peserta. Kita telah menulis kepada semua parti politik kerajaan dan

pembangkit untuk menghantar wakil dan juga NGO, persatuan perniagaan dan individu. Kita menjangkakan 700 orang atau 800 orang akan hadir dan kita juga akan ada woksyop bermula pagi, petang, esok dan hari Jumaat. Jadi dua hari kita ada perbincangan secara terbuka mengenai TPP dan tujuannya ialah untuk membolehkan kita mendapat pandangan daripada rakyat dan ini penting untuk memandu kita bagi mengharungi cabaran-cabaran.

Kita ada beberapa cabaran. Pertama berkaitan dengan isu bumiputera. Ini termasuklah perolehan kerajaan kerana TPP juga berkaitan dengan untuk membuka sektor perolehan kerajaan kepada negara-negara TPP. Ada isu-isu yang berkaitan dengan syarikat milik kerajaan, ada isu berkaitan dengan mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pelabur - Negara (ISDS), ada juga isu-isu berkaitan dengan hak harta intelek. Perundingan ini adalah satu perundingan yang amat rumit dan kita telah mendapat banyak pandangan Ahli Parlimen dan rakyat Malaysia. *Insyaa-Allah*, mana-mana pandangan yang kita rasakan munasabah, kita akan ambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia terus - saya tahu bahawa banyak pihak dalam Dewan ini ataupun di luar yang mendesak supaya kerajaan berhenti untuk berunding dengan negara lain. Kerajaan berpendapat bahawa sebagai sebuah negara yang banyak bergantung kepada perdagangan dan pelaburan asing, adalah wajar kita terus berbincang dengan rakan-rakan kita untuk memastikan bahawa Malaysia terus menjadi satu destinasi pelaburan dan perdagangan yang utama di rantau ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang beri jawapan yang menarik pada pagi ini. Saya setuju seperti disebut oleh Menteri tadi bahawa perjanjian ini ialah satu perjanjian kontroversi yang sudah berlarutan lima tahun lamanya. Selalunya dalam isu seumpama ini, kita akan diberitahu oleh kerajaan ia bagus untuk negara, bagus untuk rakyat, samalah seperti GST bagus untuk negara, bagus untuk rakyat. Itu janji manis. Akan tetapi hakikatnya, perkongsian yang disebut oleh Menteri sebentar tadi, ia membentuk satu penjajahan melibatkan kedaulatan negara di samping penjajahan ekonomi oleh negara kapitalis yang lebih besar lagi.

Persoalan saya ialah, jika selepas kajian *benefit* dibuat sama ada oleh kerajaan, adakah kerajaan juga bersedia untuk membentuk satu jawatankuasa luar daripada kerajaan untuk juga mengkaji kebaikan dan keburukan TPPA dan bersediakah kerajaan jika terbukti keburukan melebihi daripada manfaat ataupun sekurang-kurangnya manfaat dan keburukan sama banyak? Adakah kerajaan bersedia untuk menarik balik TPPA ini atas dasar konsep kalau kita ambil kaedah Islam, dar'ul mafasid, "*Menolak keburukan lebih baik daripada menarik manfaat*"? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagus atau tidak bagus ini biasalah. Apa juga langkah yang kita ambil, ada yang bagus, ada yang tidak bagus. Tidak ada semuanya bagus. Itu lumrah alam kita sebagai manusia, tidak maksum dan tidak ada siapa yang sempurna, kita manusia tidak sempurna. Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang penting kita akan adakan kajian *cost benefit analysis* dan selepas itu kerajaan akan buat keputusan, kita akan tetapkan pendirian. Selepas itu kita akan datang ke

Parlimen dan Ahli Parlimen akan membuat keputusan sama ada hendak buat jawatankuasa - Ahli Parlimen akan menentukannya.

Ini ialah satu tindakan kerajaan yang dengan izin, *unprecedented*, tidak pernah. Sebenarnya perjanjian perdagangan, saya sendiri sudah tandatangan lima dan yang terakhir dengan Turki. *Insyallah* akan berkuat kuasa beberapa bulan lagi, lima. Jadi tidak pernah kita bawa ke Parlimen tetapi oleh kerana ini merupakan satu perkara yang amat penting, kita buat keputusan untuk datang ke sini dan Ahli Parlimen akan buat cadangan, jawatankuasa atau tidak, tertakluk kepada Ahli Parlimen. Apa yang penting, ada kajian *cost benefit analysis*.

Kita akan bentang dalam Dewan Rakyat ini dan akan dihebahkan juga pada umum dan rakyat akan berhak membuat pandangan dan melalui Ahli Parlimen mereka, kita harap Ahli Parlimen akan menyatakan sama ada buruk lebih banyak daripada baik ataupun baik lebih banyak daripada buruk. Ini akan ditentukan oleh Parlimen Malaysia pada masa yang akan ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucap terima kasih kepada pihak kerajaan kerana membuat penelitian yang cukup mendalam melalui *cost benefit analysis*. Sebab apa pun yang disebut oleh Menteri tadi, tetapi TPPA ini masih lagi mengundang skeptisisme. Ini juga terdorong kerana disebabkan kerjasama multilateral *free trade* ini telah mengasingkan negara China, sebuah negara yang secara *regional* dekat dengan kita dan negara *the fast growing and the highest growth in the world*. Malahan kalau diambil kira market pun, ia hampir membentuk 1/5 daripada keseluruhan market dunia.

Jadi soalan saya, apakah pihak kerajaan melihat seandainya terdapat kekangan-kekangan dalam kita untuk bersetuju tentang TPPA ini, apakah pihak kerajaan akan menilai satu lagi bentuk kerjasama yang telah dicadangkan oleh pihak China iaitu ialah *Free Trade Area of the Asia Pacific* (FTAAP) yang dibangkitkan di dalam Mesyuarat APEC pada tahun lalu yang dipersetujui hampir 50% anggota APEC yang mana negara itu membabitkan negara China dan dilihat market dia lebih *friendly* dan mungkin kerjasama blok ini akan jauh lebih memberi manfaat seandainya TPPA ini tidak dapat direalisasikan? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Tuan Yang di-Pertua, negara-negara APEC ini bilangannya 21 buah negara dan telah menjadi aspirasi negara APEC untuk mewujudkan satu kawasan perdagangan bebas dalam kalangan negara APEC menjelang tahun 2020. Jadi kita ada lima tahun lagi. Pada sidang kemuncak APEC di Beijing pada tahun lepas yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya pun hadir bersama, telah dikeluarkan satu kenyataan dan kenyataan itu merupakan kenyataan yang dipersetujui oleh semua, bukan 50% Yang Berhormat, 100% bersetuju. Semua negara APEC bersetuju dengan cadangan negara China untuk diwujudkan *Free Trade Area of the Asia Pacific* (FTAAP) 2020.

Itu maknanya semua negara bersetuju bahawa kita hendak wujudkan kawasan bebas cukai dalam kalangan kesemua negara APEC. Itu antara sebab kenapa APEC ditubuhkan lebih 20 tahun yang lalu.

■1110

Sehubungan ini, saya hendak maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa beberapa perjanjian perdagangan yang ada dibincangkan ini termasuklah TPP ini dianggap sebagai satu *building block*. Satu pergerakan ke arah FTAAP. Makna ada negara menganggap bahawa TPP adalah selari dengan hasrat untuk mewujudkan FTAAP pada tahun 2020. Maknanya ada negara-negara yang tertentu berpendapat bahawa TPP ini tidak bercanggah dengan hasrat untuk mewujudkan FTAAP, malah ia dilihat sebagai membantu mewujudkan satu kawasan bebas cukai. Itu daripada segi faktanya.

Isu yang dibangkitkan ialah China dengan Amerika. Ada yang berpendapat bahawa ini merupakan langkah geopolitik ataupun politik Amerika untuk mengekang pengaruh beberapa negara lain termasuklah negara China. Kita tidak tahu apa niat negara lain. Kita melihat ini dalam konteks negara kita Malaysia sebagai sebuah negara merdeka yang berdaulat kita hendak lihat apa faedah untuk kita, apa kos. Kita tidak pernah menyatakan semua ada faedah. Kita terus menyatakan bahawa kos ada juga tetapi kalau faedah itu jauh melebihi kos, maka kenapa tidak kita terlibat dalam perjanjian ini.

Jadi Malaysia tidak melihat ini sebagai satu usaha yang jelas untuk mengekang pengaruh negara tertentu. Kita lihat dari sudut Malaysia. Akhir sekali kepentingan negara dan kedaulatan negara sama ada ia akan membawa faedah kepada negara kita Malaysia. Itulah yang menjadi pertimbangan terpenting bagi Malaysia, bukan kepentingan negara-negara lain.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya apabila perkara ini TPPA dibawa ke Parlimen, adakah Parlimen diberi kuasa untuk undi sokong atau bantah TPPA. Kalau undi itu dibuat dan keputusan dibuat oleh Parlimen, adakah keputusan itu diterima oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Ini isu yang pernah dibangkitkan dalam Dewan ini. Kalau dirujuk ke Parlimen dan Parlimen membuat satu keputusan, sudah pasti kerajaan akan menjadikan itu sebagai panduan untuk membuat keputusan dan panduan itu sudah pasti satu panduan yang kuat. Jadi saya tidak boleh *pre-empt* dengan izin, apa yang akan berlaku tetapi hakikat bahawa dibawa ke sini dengan izin ia akan jadi *mockery* kalau kerajaan tidak mengambil kira pandangan Ahli Parlimen. Setakat itu sahaja yang boleh saya nyatakan pada masa ini kerana kita belum sampai ke peringkat bulan Julai, Ogos apabila isu ini akan dibawa dibentangkan dalam Parlimen untuk keputusan. Terima kasih.

[Soalan No. 3 – Y.B. Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah (Jasin) tidak hadir]

4. Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan status terkini pembinaan laluan keluar MEX di Seri Kembangan, tarikh jangkaan siap dan kadar tol yang akan dikenakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Serdang atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 30 Mac 2015, status kemajuan semasa projek membina persimpangan bertingkat Seri Kembangan ke Lebuhraya Kuala Lumpur Putrajaya (MEX) telah mencapai kemajuan 70% siap. Projek dengan kos RM112 juta ini telah

memulakan pembinaan pada bulan Disember 2013 dan dijangka siap pada bulan Disember 2015. Mengenai penetapan kadar tol di susur keluar berkenaan ia akan diumumkan kerajaan sebaik sahaja keseluruhan projek ini disiapkan akhir tahun nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak memberi satu cadangan lepas itu saya mohon penjelasan ataupun respons daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Memandangkan bahawa pemegang konsesi MEX ini telah mendapatkan keuntungan yang begitu banyak di mana kos pembinaan RM1.3 bilion ini sebahagian besar ditampung oleh Kerajaan Pusat di mana RM976.6 juta diberikan sebagai satu geran oleh Putrajaya kepada pemegang konsesi dan tempoh konsesi ini untuk 33 tahun anggaran *profit* (keuntungan) ialah RM3 bilion.

Jadi pada masa yang sama *cost interchange* ini, RM20 juta diberikan oleh Putrajaya sebagai kos untuk mengambil alih tanah. Cadangan saya ialah supaya tidak mengenakan tol kepada pengguna yang akan keluar ataupun masuk menggunakan *exit* di Seri Kembangan memandangkan bahawa keuntungan pemegang konsesi adalah banyak. Itu yang pertama.

Kedua, saya rasa kutipan tol yang akan didapati oleh pemegang konsesi akibat daripada peningkatan trafik dan juga penambahan kereta yang menggunakan MEX *Highway* ini keluar di Salak South dan juga di Putrajaya akan menambahkan keuntungan MEX dan cukup untuk menampung kos pembinaan *interchange* ini. Saya rasa buat masa sekarang ada juga pengguna yang menggunakan MEX *Highway* misalnya keluar ataupun masuk di KESAS ataupun keluar dan masuk di Jalan Kuchai Lama yang tidak perlu bayar tol. Jadi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri juga boleh memberi satu *consideration* untuk tidak mengenakan tol kerana apabila mereka menggunakan Salak South *exit*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: ...RM1.50, kalau hendak guna Putrajaya RM2.50. Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat Serdang sebenarnya tidak mengemukakan soalan tetapi lebih berbentuk cadangan. Cadangan Yang Berhormat agar tol tidak dikenakan ini bukan untuk Kementerian Kerja Raya untuk membuat keputusan tetapi ia akan disampaikan dan seterusnya akan diputuskan oleh kerajaan Yang Berhormat seperti yang saya katakan dalam awal jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu Lebuhraya MEX ini memang menjadi laluan untuk segera daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya dan persimpangan bertingkat yang menghubungkan Lebuhraya MEX dan Seri Kembangan ini telah dimulakan pembinaannya seawal tahun 2012 dan kita tahu laluan sejauh 10 kilometer yang memasuki lebuhraya ini kos pembinaannya terutamanya berkaitan dengan pengambilan tanah ini bernilai hampir RM20 juta.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah nilai RM20 juta ini mencukupi memandangkan nilai tanah yang sudah semakin meningkat pada hari ini dan berapakah jumlah jangkaan kenderaan yang akan melalui persimpangan baru tersebut selepas ia dibuka nanti. Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang atas soalan yang dikemukakan. Sebenarnya dalam kos projek terutama sekali dalam kos pengambilan tanah hanya RM20 juta yang terlibat Yang Berhormat. Mengenai jangkaan trafik memandangkan cadangan persimpangan bertingkat Seri Kembangan ini adalah satu projek yang dilaksanakan khusus untuk menyuraikan trafik. Soalan mengenai spesifik berapa jumlah trafik yang akan terlibat selepas sahaja siapnya persimpangan ini akan saya berikan Yang Berhormat secara bertulis kerana saya tidak ada faktanya pada ketika ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pekerja kontrak dalam sektor awam ketika ini dan adakah kerajaan bercadang untuk menyerap secara tetap dan automatik kepada mereka yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan nombor tujuh bertarikh 6 April 2015 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang memandangkan ia melibatkan isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2015 bilangan pegawai kontrak dalam perkhidmatan awam adalah seramai 47,728 orang. Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk menyerap secara tetap dan automatik kepada mereka yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun. Oleh itu, kerajaan tidak memberi komitmen bahawa pegawai kontrak akan dilantik serta diserap secara automatik ke jawatan tetap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab pegawai lantikan kontrak untuk memohon jawatan tetap dengan pihak berkuasa melantik yang berkenaan berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman yang dimiliki. Pengalaman berkhidmat dengan kerajaan merupakan satu kelebihan untuk dipertimbangkan pelantikan ke jawatan tetap. Terima kasih.

■1040

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri. Dalam kawasan saya, ibu bapa sering bertanyakan bila pegawai kontrak dapat diserap. Oleh sebab mereka tiap-tiap tahun menghadapi kerisauan kerana mungkin disambung, mungkin tidak. Setiap ibu bapa yang hantar anak-anak belajar sehingga peringkat pengajian tinggi mempunyai satu impian untuk anak mereka dapat jawatan tetap dalam kerajaan. Begitu juga kita tahu, Jabatan Perkhidmatan Awam jabatan yang mengawal pengambilan pegawai-pegawai dan kakitangan, menjaga kenaikan pangkat. Pegawai-pegawai pula menjadi pengerusi tender dan pelbagai-bagainya di tiap-tiap jabatan. Akan tetapi kadang-kadang pembangkang memberi tuduhan kononnya Ketua UMNO yang bagi projek.

Oleh sebab itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Sejauh mana pihak JPA merujuk kepada Yang Berhormat Menteri soal-soal JPA? Ini kerana bila berbangkit masalah, setiap Ahli

Parlimen akan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, pegawai kontrak ini, saya menjawab soalan yang ditanya tadi iaitu sama ada mereka ini dilantik selepas lima tahun, secara automatik dipertimbangkan jawatan tetap. Saya jawab bahawa tidak. Akan tetapi walau bagaimanapun, kita kena ingat bahawa kerajaan sentiasa prihatin kepada masalah rakyat dan benda ini telah pun diperbincangkan dari semasa ke semasa. Cuma saya kata buat masa ini, belum kita ada polisi bahawa mereka akan dilantik secara automatik. Akan tetapi sudah pasti ia menjadi pertimbangan kerajaan dari semasa ke semasa. Cuma tentang jumlah tahun itu, kita serah kepada Yang Amat Perdana Menteri untuk mempertimbangkannya dan saya percaya benda ini sedang diberi perhatian yang serius ya.

Saya sedar bahawa memang kalau berdasarkan pasaran sekarang, semua orang mempunyai kelulusan yang hebat. Akan tetapi bukan semua orang yang dapat dilantik ke jawatan tetap, setengahnya kontrak dan sebagainya. Jadi, kita mengambil kira perkara ini dan saya sentiasa maklum kepada mereka yang mendapat jawatan tetap bahawa walaupun mereka tetap tetapi masih banyak yang layak di luar sana yang tidak dapat dilantik secara tetap. Jadi, yang tetap hendaklah bekerja bersungguh-sungguh dan bersyukur ke hadrat *Allah Subhana Wata'ala*.

Berhubung dengan kompelin bahawa terdapat anggota-anggota kerajaan, termasuk Ketua Jabatan yang kononnya dituduh terlibat dengan pemberian kontrak dan sebagainya. Saya hendak bagi tahu bahawa memang Pengerusi Jawatankuasa Kontrak ialah ketua jabatan yang berkenaan sama ada KSU ataupun ketua jabatan yang berkenaan. Sudah pasti mereka yang membuat pemilihan bersama dengan jawatankuasa. Akan tetapi berhubung dengan tuduhan yang dibuat dari semasa ke semasa, tuduhan ini selalunya dibuat oleh orang yang tidak dapat kontrak. Saya rasa tuduhan itu tidak tetap. Walau bagaimanapun, oleh sebab benda ini dibangkitkan dari semasa ke semasa, beri saya sedikit tempoh untuk membolehkan ia dimaklumkan dengan secara rasmi nanti bahawa tuduhan tersebut timbul kerana sebab-sebab tertentu.

Jadi, pada masa sekarang ini jawapan saya ialah tidak ada. Akan tetapi kalau dibangkitkan dari semasa ke semasa, kita hendaklah mengikut proses biasa, *report* pada SPRM dan sebagainya. Akan tetapi di pihak kerajaan sendiri, untuk memastikan supaya kita bersih daripada tuduhan tersebut, kita ada Laporan Audit yang dibuat dua kali setahun. Laporan Audit akan dibawa kepada PAC yang mana anggota pembangkang berada dalam PAC. Selepas itu tindakan akan diambil kepada mereka yang didapati salah laku dan sebagainya.

Sama ada JPA sentiasa beri taklimat kepada saya, kalau saya minta, mereka bagi taklimat. Akan tetapi mungkin ada benda-benda lain yang mereka rasa tidak perlu dirujuk kepada saya, mereka rujuk kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang itu saya tidak tahu, sebab kecuali benda-benda itu yang memerlukan saya tahu, saya tahulah. Mana yang saya tidak tahu, tidak tahulah. Jadi, sebab benda itu tidak perlu saya tahu dan tidak perlu saya umumkan ataupun tidak ada pertanyaan mengenai perkara tersebut, maka saya pun tidak menjawabnya. Akan tetapi kalau ada sekiranya perkara tersebut yang ada hubung kait yang ditanya kepada saya, saya akan menjawabnya.

Saya mengambil pendekatan yang mudah iaitu memberi ruang seluas-luasnya untuk anggota kerajaan bertindak dan menjalankan tugas masing-masing dengan penuh kebebasan. Akan tetapi kalau sekiranya ada perkara-perkara yang orang tidak puas hati, maka kita akan ambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menanti soalan nombor tiga tidak dapat tadi. Yang Berhormat Menteri, seperti mana Yang Berhormat Menteri beri jawapan tadi, lebih daripada 47 ribu orang pekerja kontrak yang berada pada tahap ini. Seperti mana amalan biasa Tuan Yang di-Pertua, pekerja kontrak berlaku daripada generasi kepada generasi dan terutama di sektor pendidikan, PBT dan di semua kementerian bermasalah berdepan dengan pekerja kontrak. Masalahnya ialah apabila mereka tua, dia tidak ada masa depan. Maknanya, dia tidak ada pencen, dia tidak ada apa dan yang menyedihkan lagi ialah mereka ini bekerja lebih 10 tahun. Ada lebih berbelas tahun pun ada Yang Berhormat Menteri dan ini memberikan satu isyarat bahawa perlu ada sesuatu yang perlu dilakukan.

Soalan saya ialah apakah langkah KPI yang boleh diambil oleh kerajaan untuk memastikan pekerja kontrak ini dapat dalam tempoh kelayakan. Sekurang-kurangnya ada tempoh macam lebih 10 tahun kah yang boleh mereka harapkan dalam bertugas untuk mereka diserapkan kepada pekerja tetap. Jadi, ada sesuatu yang boleh menanti mereka sekurang-kurangnya dan ini akan memberikan motivasi kepada mereka untuk bekerja dengan lebih efisien dan lebih baik. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, soalan yang baik seperti juga soalan asal yang ditanya oleh Yang Berhormat Gerik tadi. Yang Berhormat, saya tahu akan tanya soalan berapakah pegawai KEMAS, tapi terlupa ya? Pegawai KEMAS yang bertaraf kontrak 17,075 dan 2 ribu daripada mereka jawatan tetap. Jadi, untuk ingatan ke depan ini bahawa 15 ribu lebih tidak tetap dan 2 ribu tetap. Jadi, jumlah 17,075. Yang Berhormat, berhubung dengan kontrak ini, kita tahu bahawa mereka ini bila diambil bekerja, mereka orang yang bekerja ini faham bahawa mereka diambil bekerja secara kontrak ya, pekerja kontrak. Akan tetapi iaitu mereka yang diambil bekerja secara *contract for service* sebanyak 3,867 atau 8.1% sementara *contract of service* 43,861 orang ataupun 91.9%.

Bila mereka diambil bekerja, mereka tahu bahawa ini kerja kontrak. Cuma sekarang ini menjadi tugas wakil rakyat untuk memperjuangkan supaya orang yang kontrak itu dapat kerja tetap. Ini perjuangan kita dan mereka yang bekerja itu mereka faham bahawa itu kerja kontrak dan ada kerja tetap. Ada yang dapat tetap, tetap. Ada yang dapat kontrak, kontrak. Jadi, orang yang bekerja kontrak sepatutnya faham bahawa mereka bukan tetap. Mereka kontrak, itu yang pertama.

Sekarang ini perjuangan kita wakil-wakil rakyat, Wakil Rakyat Barisan Nasional terutamanya, juga wakil rakyat pembangkang untuk memperjuangkan supaya mereka ini dapat tetap. Akan tetapi orang yang dapat kontrak ini Yang Berhormat, dia kelebihan satu yang utama. Bila ada pekerjaan tetap mereka meminta, mereka markah lebih sedikit daripada orang yang baru untuk memohon kerja. Itu kelebihan mereka. Mereka kena bersyukur itu. Banyak daripada mereka yang dapat kerja tetap ini ialah mereka yang asalnya kontrak. Akan tetapi oleh sebab pengalaman mereka bekerja, mereka boleh

menjawab soalan dengan baik dan menunjukkan sifat *confident* dan sebagainya, mereka lebih mudah dapat kerja.

■1050

Ini kelebihan yang pertama yang harus kita terima iaitu orang yang bekerja kontrak sekurang-kurangnya mendapat kelebihan bila mereka ditemu duga untuk jawatan tetap.

Nombor duanya, saya hendak beritahu bahawa kerajaan tidak berdiam diri tentang apa-apa perkara yang menimbulkan resah gelisah rakyat terutamanya anggota kerajaan. Jadi, perkara ini diberi pertimbangan dari semasa ke semasa dan diperbincangkan dari semasa ke semasa. Kita berdoa semoga akan tiba masanya mungkin akan dipertimbangkan apa Yang Berhormat akan sebutkan tadi atau pun kita terus berada dalam keadaan sekarang tetapi dalam bentuk kelebihan bahawa pegawai kontrak kelebihannya ialah bila minta kerja tetap mereka ada markah yang lebih daripada orang lain.

Akan tetapi, saya hendak beritahu Yang Berhormat di samping kerja kontrak ini, ada kerja yang kurang sedikit daripada kontrak. Kontrak ini dapat gaji bulanan. Ini kerja yang dipanggil sambilan harian. Ini pula minta kalau boleh mereka dapat kontrak. Jadi Yang Berhormat tengok peringkat-peringkat yang ada itu. Pekerja sambilan harian minta dapat kontrak. Yang kontrak dapat tetap.

Jadi, kerajaan akan mempertimbangkannya dari semasa ke semasa tetapi sekurang-kurangnya bagi mereka yang bekerja walaupun sebagai kontrak bersyukur *alhamdulillah* kerana mereka berada dalam jawatan tersebut. Ini kerana dalam keadaan dunia yang mencabar dan gawat ini Malaysia masih mampu mempertahankan pegawai kontrak walaupun ada pelbagai tekanan dan inilah suatu kewajaran yang harus kita ucapkan terima kasih pada kerajaan. Akan tetapi kerajaan tidak pernah melupakan bahawa pegawai kontrak ini berada dalam keadaan begitu sahaja tetapi mereka sedang dilihat sejauh mana kerajaan mampu untuk mempertimbangkan mereka ke tempat yang lebih bagus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai tidak berada di Dewan pada ketika ini untuk soalan nombor 6. Seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan.

[Soalan No. 6 – Y.B. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai) tidak hadir]

7. Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kemungkinan ekonomi negara akan dilanda kesan atau kegagalan sistemik (*systemic effect* atau *systemic failure*) akibat daripada ketidaktentuan ekonomi global yang dialami sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Yang Berhormat Parit, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketidaktentuan ekonomi global dijangka tidak akan mengakibatkan kegagalan sistematik ataupun *systemic effect* atau pun *systemic failure* kepada kedudukan ekonomik negara.

Ini kerana asas ekonomi negara ketika ini adalah kukuh untuk menangani persekitaran luar yang tidak menentu. Saya bagi mungkin lima sebab mengapa saya mengatakan tersebut. Pertama sekali ialah kerana kita telah pun mempelbagaikan asas struktur ekonomi kita di mana kita tidak terlalu

bergantung kepada mana-mana subsektor ataupun komoditi. Sebagai contohnya sumbangan sektor perkhidmatan kepada ekonomi kita telah meningkat kepada tahap 55%, sumbangan sektor pembuatan pada tahap 25% dan penggantungan kita kepada sektor komoditi, minyak dan gas pada kadar 15%.

Keduanya adalah kedudukan persekitaran pasaran domestik kita yang stabil, sebagai contoh kadar inflasi negara kita terkawal pada kadar kurang daripada 3% sejak lima tahun yang lepas dan dijangka terus rendah berikutan jatuhnya harga minyak mentah dan juga harga komoditi dunia. Kita juga menikmati kadar guna tenaga penuh semenjak 20 tahun yang lalu dan kini kadar pengangguran adalah rendah, sekitar 3%. Ini banyak membantu dalam menstabilkan kedudukan domestik kita.

Ketiga ialah dalam konteks saiz kedudukan imbalan pembayaran kita yang kekal berdaya tahan di mana baki akaun semasa negara telah pun meningkat daripada RM39.9 bilion pada tahun 2015 kepada RM49.5 bilion pada tahun 2014. Ini merupakan 4.8% daripada pendapatan negara kasar untuk tahun 2014.

Keempat adalah kedudukan *reserve* antarabangsa kita yang mana pada 13 Mac 2015 adalah berjumlah RM381.5 bilion bersamaan dengan USD 109.2 bilion. Paras *reserve* ini memadai untuk membiayai 7.8 bulan import tertangguh dan 1.1 kali ganda jumlah hutang luar negeri jangka pendek. Sebagai perbandingan, semasa kali terakhir kadar mata wang Malaysia pada kadar RM3.67 untuk setiap Dolar Amerika, ketika itu kedudukan *reserve* kita adalah pada kadar RM79 bilion. Ini bermakna pada tahap RM109 bilion adalah lebih tinggi dan kalau kita bandingkan semasa ekonomi Asia yang merudum ataupun krisis ekonomi Asia tahun 1999 kedudukan *reserve* kita hanya pada kadar kurang daripada USD30 bilion.

Kelima, antara yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua ialah sistem kewangan dan perbankan negara kita yang kekal kukuh, yang mana bank-bank kita mempunyai nisbah jumlah modal yang melebihi paras pengawalseliaan minimum, kadar kecairan yang masih menyokong aktiviti ekonomi di mana nisbah pinjaman kepada deposit semasa adalah pada kadar 87% dan jumlah pinjaman tidak berbayar yang rendah. Untuk itu sistem kewangan kita dan perbankan negara mampu menghadapi sebarang ketidaktentuan ekonomi.

Sebagai seorang bekas *banker* dengan izin, saya memang boleh *confirm* kan perkara ini yang mana bagi saya sistem kewangan negara kita merupakan antara yang paling terbaik, yang dikawal selia dan di *supervise* kan oleh Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya ialah negara kita telah pun berjaya mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 6% untuk tahun 2014 berbanding dengan 4.7% pada tahun 2013. Untuk tahun 2015 kita menjangkakan pertumbuhan ekonomi antara 4.5% hingga 5.5%. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat menafikan bahawa ketidaktentuan ekonomi global yang berpanjangan boleh menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi negara kita memandangkan Malaysia adalah sebuah ekonomi yang terbuka.

Dalam hubungan ini, kita di pihak kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif serta melaksanakan strategi-strategi pengukuhan ekonomi yang berterusan seiring dengan perubahan senario ekonomi global bagi mengelakkan kegagalan sistemik kepada ekonomi kita. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas soalan tambahan. Antara faktor utama kemelesetan ekonomi negara tahun 1997, 1998 ialah kejatuhan nilai mata wang ringgit yang begitu teruk sehingga ke paras RM4.20 bersamaan USD1 pada satu peringkat. Faktor ini telah mencetuskan kegagalan sistematik kepada ekonomi negara sehingga menyebabkan hutang negara meningkat, kadar hutang tidak berbayar yang tinggi. Usahawan menjadi muflis, syarikat perniagaan terpaksa tutup kedai dan memberi kesan inflasi yang amat teruk terhadap rakyat.

Pada krisis ekonomi 1997, 1998 kadar hutang negara ialah 32.2% dari KDNK tetapi sekarang telah meningkat kepada 55%. Soalan saya, sungguhpun tabung *reserve* negara telah banyak meningkat seperti Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, adakah itu dapat menjamin bahawa kegagalan sistematik tidak akan berlaku apabila melihat kepada nilai mata wang ringgit yang telah jatuh ke paras RM3.70 bersamaan UDS1 sekarang. Hampir sama dengan kesan ekonomi 1997, 1998 kerana ini ditambah dengan kadar hutang negara yang meningkat.

Selain dari melakukan tambatan mata wang ringgit, apakah usaha lain yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan kegagalan sistemik ini tidak akan berulang lagi? Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih sahabat dari Parit. Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perbezaan kedudukan ekonomi kita sekarang berbanding dengan semasa krisis ekonomi Asia pada tahun 1997 dan 1998. Antaranya adalah, pertama sekali daripada segi kedudukan hutang sektor korporat pada masa dahulu amat tinggi dan di mana terdapat juga banyak korporat-korporat yang mempunyai hutang luar negara. Ini berbeza dengan kedudukan sekarang di mana kadar hutang korporat adalah lebih rendah dan kebanyakannya didominasi dalam mata wang Ringgit Malaysia.

■1100

Keduanya, daripada segi kedudukan bank-bank ketika itu. Sebelum tahun 1998, Malaysia mempunyai sekitar 60 buah institusi perbankan yang datangnya dari pelbagai bentuk seperti ada bank perdagangan, bank saudagar, *finance company*, syarikat diskaun dan lain-lain. Lanjutan daripada krisis kewangan Asia, banyak pembaikan telah dilaksanakan. Antaranya, program konsolidasi sektor kewangan yang diterajui oleh Bank Negara Malaysia di mana lebih daripada 60 buah institusi kewangan ini telah digabungkan menjadi 10 buah kumpulan perbankan yang lebih besar, yang lebih teguh, mempunyai dana dan modal yang lebih tinggi dan diuruskan dengan lebih baik secara profesional dan juga dikawal selia dengan baik oleh Bank Negara Malaysia. Ini telah berterusan. Oleh sebab itulah semasa krisis ekonomi global pada tahun 2007 dan 2008, kita tidak terjejas dengan teruk berbanding dengan semasa krisis kewangan Asia tahun 1997 dan 1998.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, daripada segi kedudukan hutang negara. Walaupun kita dapati bahawa memang ada peningkatan daripada segi peratusan hutang negara kepada GDP dengan izin, di bawah tahap bawah 55% sekarang ini, tetapi perlu diingatkan bahawa hutang-hutang ini hanya diambil untuk menampung perbelanjaan pembangunan dan kebanyakan hutang ini dalam bentuk mata wang Ringgit Malaysia. Jadi 97% daripada hutang negara didominasi dalam mata wang Ringgit Malaysia dan

hanya 3% dalam mata wang asing. Untuk itu, berdasarkan kepada kedudukan tersebut, kita percaya bahawa apa yang kita alami sebelum ini, *insya-Allah*, tidak akan terkena pada Malaysia.

Walau apapun, kita perlu peka akan kedudukan persekitaran yang mungkin berubah dari semasa ke semasa. Apa yang lebih penting kita terus mengukuhkan struktur ekonomi kita, terus memperkukuhkan kedudukan rizab negara kita dan juga terus memperkukuhkan kedudukan kewangan kerajaan. Oleh sebab itulah kita telah mensasarkan untuk *consolidate*, dengan izin, kedudukan fiskal kita dan seterusnya untuk mencapai satu sasaran bajet yang seimbang menjelang tahun 2020. Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh tidak puas hati, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Seputeh ini kakak saya. Dia memang beri peluang jugalah.

Yang Berhormat Menteri, saya mengikut secara teliti jawapan Menteri tadi di mana Menteri telah katakan dalam Dewan yang mulia ini di mana sistem kewangan negara kita adalah antara yang paling kukuh dan kawal selia sistem kewangan kita juga adalah yang paling efisien.

Bagaimanapun, adakah Yang Berhormat Menteri sedar mengikut Laporan GFI atau *Global Financial Integrity*- Menteri sudah senyum, dia tahu. Di mana Malaysia merupakan negara yang mengalami *illicit outflow of money* antara yang paling teruk di dunia sepanjang 10 tahun ini. Jumlah *illicit outflow* wang haram ini berjumlah RM1.1 trilion di mana negara paling teruk China, kedua Rusia, ketiga Mexico dan Malaysia menduduki tangga kelima.

Maka saya mahu tahu... [Disampuk] Ini laporan terkini. Maka saya hendak tahu, apa mekanisme yang akan dilakukan oleh kerajaan... [Dewan riuh] Ini adakah terlibat dalam pengeluaran wang haram? Mengapakah bising sangat ini? Jika tidak, mengapakah bising? Oleh sebab itu saya hendak tanya, *is this amount to internal bleeding of our economy system?* Maka saya hendak tahu, apa rancangan dan mekanisme yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan *illicit outflow*, pengaliran wang haram ini tidak berlaku di Malaysia lagi? Sila jawab. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Tuan Yang di-Pertua, saya tersenyum sebab perkara ini setiap tahun dibangkitkan oleh pihak pembangkang dan setiap tahun pihak Bank Negara telah membuat penjelasan dan masih tidak faham-faham lagi [Ketawa]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya bukan tidak faham. Keadaan tidak diperbaiki.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun, kebanyakan daripada *gap* yang disebutkan itu akibat *transfer pricing* dan juga akibat di mana banyak eksport dan import kita kepada negara seperti China dan sebagainya, sebagai contohnya, melalui negara-negara tertentu seperti Singapura dan juga Hong Kong. Saya minta mungkin agar Yang Berhormat Taiping boleh merujuk kembali kepada penjelasan yang telah dibuat oleh Bank Negara Malaysia laporan tahun lepas lagi. Ia *explanation* yang serupa, Tuan Yang di-Pertua.

Antara tujuan kita mengadakan GST, memandangkan tadi ada sebut GST, adalah untuk kita mengurangkan apa yang kita sebutkan *tax gap* di mana kita percaya ketika ini kita mempunyai satu *tax gap*, dengan izin, pada kadar 20%. Dengan pelaksanaan GST, antara manfaatnya yang baik adalah di mana kita dapat mengurangkan ketirisan ataupun *tax leakages*, dengan izin, dan ini bakal mempertingkatkan pendapatan kerajaan yang mana boleh digunakan bukan sahaja untuk mengurangkan kedudukan defisit fiskal kita tetapi juga dapat melaksanakan banyak program dan projek untuk manfaat rakyat seperti projek-projek jalan raya, jambatan di luar bandar, projek-projek pembinaan sekolah, hospital dan klinik desa yang banyak tertangguh sebelum ini.

Jadi saya berharap dapat sokongan daripada semua agar kita dapat sama-sama melaksanakan sistem percukaian yang lebih *transparent* ini. Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, boleh dapat soalan tambahan?... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kelam kabut Yang Berhormat.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Negara kita telah pun melaksanakan untuk beberapa tahun *Economic Transformation Program* yang digandingkan dengan *Government Transformation Program* untuk memastikan ekonomi kita terus meningkat daya saing dan *delivery system* menjadi lebih efisien untuk kita bergerak dengan lebih cepat dan membolehkan kita mencapai Wawasan 2020 diumumkan sebagai negara maju.

Malah, negara kita *Global Rating* ada mengatakan yang *recently* dengan izin, *ease of doing business* pun sebenarnya agak tinggi, *top five* kalau saya tidak silap. Akan tetapi daripada pengalaman-pengalaman yang kita ada, saya yakin ia berlaku di beberapa buah tempat di Malaysia dan termasuk di kawasan saya Labuan, ia macam tidak membayangkan *ease of doing business* itu *rated* seperti yang saya katakan tadi. *Demand* begitu tinggi dan keperluan begitu tinggi dan kita sedar pembangunan sepatutnya lebih *private sector driven* dan JV di antara *private sector* dengan kerajaan terutamanya untuk kawasan-kawasan yang tanahnya lebih sesuai untuk dibangunkan dan dibangunkan oleh pihak swasta perlu dilakukan dengan secepat mungkin untuk membolehkan kita respons kepada permintaan pasaran.

Soalan saya, adakah kerajaan akan melihat dengan serius untuk melihat sistem ataupun birokrasi yang selama ini dilihat memberikan kekangan kepada keperluan-keperluan yang amat mendesak sebenarnya? Itulah sahaja soalan saya, Tuan Yang di-Pertua.

■1110

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih sahabat Yang Berhormat Labuan. Memang betul kita telah banyak melaksanakan program-program yang mana kita telah banyak mempermudah proses-proses untuk para pelabur datang ke negara kita dan ini selaras dengan Program Transformasi Ekonomi dan *Government Transformation Programme*, dengan izin yang telah dilaksanakan. Sebab itulah kita telah mendapat peningkatan daripada segi pelbagai indeks yang dijalankan oleh pelbagai badan seperti

Bank Dunia dan *The World Economic Forum* dan yang lain-lain. Untuk itu, kita juga telah berjaya untuk menarik pelaburan sebanyak RM35 bilion untuk tahun 2014 dalam satu suasana yang mencabar.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa lagi isu-isu yang masih berbangkit, banyak isu tertentu yang *isolated* dari semasa ke semasa dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Untuk itu, kami di pihak kerajaan secara keseluruhannya dan MIDA terutamanya mengambil maklum akan isu-isu ini dan akan terus cuba mengatasi isu-isu yang berbangkit. Semasa itu, PEMUDAH akan terus mengenal pasti apa juga isu-isu ataupun proses yang perlu diperbaiki untuk masa hadapan. Terima kasih.

8. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun] minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah bagi memastikan saham Felda Global Ventures (FGV) terus kekal berdaya saing.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jika dilihat daripada prestasi kewangan FGV untuk tahun 2014 seperti yang dilaporkan di Bursa Malaysia pada 24 Februari 2015, FGV sebenarnya mencatatkan keuntungan kasar sebanyak RM2.14 bilion dan keuntungan operasi sebanyak RM1.03 bilion, berbanding masing-masing RM878 juta dan RM610 juta bagi tahun 2013. Jumlah tersebut menunjukkan pencapaian yang lebih baik. Namun begitu, keuntungan bersih syarikat bagi tahun 2014 telah menurun kepada RM522 juta berbanding RM1.12 bilion pada tahun 2013. Ini disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah *fair value charge*, dengan izin yang perlu dipatuhi dalam *loan lease agreement* yang telah memberi kesan kepada prestasi akaun. Faktor lain ialah proses penanaman semula, faktor cuaca kemarau dan banjir serta ketidakpastian harga minyak sawit mentah.

Tuan Yang di-Pertua, faktor kejatuhan saham FGV ditentukan oleh pasaran dan keyakinan pelabur. FGV merupakan sebuah kumpulan perladangan yang mana 75% daripada pendapatannya adalah berdasarkan kepada komoditi sekali gus berkait rapat dengan pergerakan harga komoditi dunia. Harga minyak sawit mentah mula mencatatkan nilai lebih rendah berbanding tahun lalu bermula pada pertengahan tahun dan harga purata tidak banyak berubah sehingga Januari 2015. Purata harga minyak sawit mentah 2014 ialah RM2,410 per tan metrik. Pergerakan harga ini di luar kawalan FGV.

Apa yang boleh dilakukan adalah dengan meningkatkan semula keyakinan pelabur dan mengukuhkan syarikat melalui perniagaan hiliran untuk mengimbangi pendapatan agar tidak bergantung terus kepada perniagaan hulu semata-mata. Bagi mengukuhkan lagi operasi syarikat, FGV telah menekankan tiga aspek utama iaitu keberkesanan kos operasi, model perniagaan baru dan penstrukturan semula anak-anak syarikat kumpulan. Perancangan yang dibuat ini dijangka mampu mengembalikan semula keyakinan pelabur sekaligus memberi kesan positif kepada saham FGV untuk jangka masa panjang.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Atas jawapan yang telah diberikan, ada dua perkara penting yang ditekankan. Satu ialah berkaitan dengan syarikat FGV itu dan yang kedua ialah berkaitan dengan saham-saham yang dibeli oleh puluhan ribu peneroka. Ini mestilah dipastikan bahawa

dalam menentukan saham Felda Global Ventures ini dapat berdaya saing supaya beban hutang yang ditanggung oleh para peneroka pada masa pengapungan IPO dibuat dengan jumlah nilai RM4.55 pada masa itu atas nilai korporat IPO itu dijamin akan mendapat menstabilkan keadaan. Saya pohon langkah-langkah tegas yang dijanjikan itu dapat diberikan satu jaminan supaya peneroka tidak terbeban dengan hutang yang sedia ada. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kita akan ambil maklum tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dungun. Malahan, perlu saya perelaskan di sini bahawa, sebenarnya hutang-hutang peneroka telah pun ditebus oleh pihak FELDA yang mana peneroka hanya perlu membayar RM50 sebulan selama 72 bulan dan dia akan terus menikmati dividen jika diberikan. Ini adalah salah satu cara yang dibuat FELDA bagi memastikan para peneroka tidak terus terbeban dengan pinjaman ketika mereka diberikan 800 saham seorang waktu disenaraikan. Maknanya secara mudah, pihak FELDA sebenarnya telah menebus pinjaman tersebut dan peneroka perlu membayar tanpa faedah dan secara mudah, ia dijamin oleh pihak FELDA. Mereka juga sebenarnya bebas untuk terus memegang ataupun melupuskan saham-saham yang telah diperuntukkan kepada setiap peneroka yang terlibat. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, memandangkan dengan penurunan nilai ringgit dan juga penurunan harga nilai CPO, FGV sebagai sebuah syarikat yang bergantung kepada perniagaan. Saya ingin bertanya kepada Menteri, mampukah saham FGV kembali mencapai ke tahap yang lebih tinggi? Sekarang ini, lebih kurang RM2.10 sekurang-kurangnya kepada RM4.55 iaitu nilai asal dan bagaimanakah perancangan itu? Kalau ia mampu, agak-agaknya bilakah harga saham yang disasarkan itu akan tercapai? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Sik, terima kasih Yang Berhormat semua kerana memberi penekanan terhadap keuntungan FGV, seterusnya dapat memberi faedah kepada peneroka. Pertama, seperti yang saya nyatakan tadi, kita menjangkakan bahawa dapat melakukan penjimatan hampir RM100 juta daripada keberkesanan kos operasi dan juga saya sebut tadi bahawa kita memperkenalkan model perniagaan baru iaitu dengan menubuhkan sebuah FGV Trading Sdn. Bhd yang akan menguruskan perdagangan 3 juta tan metrik minyak sawit mentah dan kita sasarkan pada tahun pertama, dapat membuat perolehan sebanyak RM2.5 bilion.

Ketiganya saya juga menyebutkan tentang penstrukturan semula anak-anak syarikat yang ada di bawah FGV yang banyak ini, yang mana ada mencatatkan keuntungan, ada yang mempunyai liabiliti. Perkara ini akan disusun semula dan perkara ini semua akan dapat sekali lagi memberi faedah yang positif kepada masa hadapan saham FGV.

Satu lagi saya perlu nyatakan di sini bahawa pada tahun 2012, jumlah pokok sawit tua yang dimiliki oleh FGV adalah dalam sekitar 57% dan sehingga sekarang kita dapat mengurangkan kepada 43%. *Insyaa-Allah*, kita jangkakan pada tahun 2020, jumlah pokok sawit muda kita akan dapat melepasi tahap 60%. Walaupun Yang Berhormat mengatakan bahawa harga minyak sawit mentah sekarang ini rendah, FGV mempunyai kawasan yang belum mengeluarkan hasil. Jadi, kita harap apabila sudah mula mengeluarkan hasil dan harga minyak sawit mentah dunia meningkat, pada ketika itu dia akan dapat

memberi faedah yang besar kepada peneroka dan seterusnya dapat meningkatkan harga saham FGV itu sendiri. Pengumuman ini saya harap dapat memberikan keyakinan kepada mana-mana pelabur yang ingin membuat pelaburan dalam bidang komoditi minyak sawit. Untuk berbuat demikian kerana prospek masa hadapan FGV lebih baik apabila mengenai pokok-pokok muda yang bakal matang sekitar beberapa tahun lagi.

Mengenai pertukaran mata wang, FGV dan mana-mana syarikat sebenarnya mempunyai faedah apabila melakukan urusan import dan eksport. Apabila kita eksport, kita tidak terkesan sangat dengan harga ringgit yang rendah. Malahan, ini semua adalah faktor yang menyumbang kepada penentuan kos operasi, kos keuntungan kasar dan keuntungan bersih sesebuah syarikat. Terima kasih Yang Berhormat.

■1120

9. Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah drastik yang telah diambil oleh Kementerian bagi menangani kes penderaan kanak-kanak yang melibatkan tekanan emosi. Dan apakah peranan media melalui kementerian yang telah diambil demi membantu usaha tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani kes penderaan kanak-kanak termasuklah yang melibatkan tekanan emosi, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang melibatkan penggubalan dasar, perundangan, penyediaan perkhidmatan sokongan serta juga pelaksanaan program advokasi. Antaranya adalah seperti berikut.

Akta Kanak-kanak telah digubal pada tahun 2001 dan mereka yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga menyebabkan mereka mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual boleh disabitkan di bawah seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak ini. Pesalah boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya.

Majlis penyelarasan bagi perlindungan kanak-kanak juga telah ditubuhkan bagi menasihati Menteri tentang aspek perlindungan kanak-kanak, seterusnya Majlis ini juga telah mewujudkan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak ataupun dipanggil PPKK yang anggotanya terdiri daripada pelindung iaitu pegawai kebajikan masyarakat, pegawai perubatan, pegawai kanan polis dan juga anggota masyarakat yang lain yang prihatin terhadap isu sosial yang melibatkan kanak-kanak. Fungsi utama PPKK adalah untuk menyelaras supaya perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan. Pada masa ini terdapat 134 buah PPKK di seluruh negara.

Ketiga, kita mempunyai dasar perlindungan kanak-kanak. Kerajaan telah menggubal dasar perlindungan kanak-kanak pada bulan Julai 2009 untuk memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan sewajarnya. Dasar ini turut memastikan komitmen menyeluruh diambil oleh semua pihak

termasuklah para ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dalam melindungi kanak-kanak khususnya daripada sebarang bentuk keganasan mental, fizikal, kecederaan, pengabaian, penderaan atau eksploitasi dengan menyediakan persekitaran yang selamat dan juga mesra kepada kanak-kanak.

Seterusnya kita juga menyediakan pusat aktiviti kanak-kanak. Pusat Aktiviti Kanak-Kanak ataupun PAKK ini ditubuhkan bagi menyediakan perkhidmatan sokongan dan advokasi kepada keluarga dan kanak-kanak yang berisiko tinggi dalam aspek penderaan dan pengabaian. Kita juga menyediakan khidmat kaunseling kepada mangsa penderaan kanak-kanak bagi membantu mengukuhkan lagi emosi dan psikologi mereka. Kita juga menyediakan rumah kanak-kanak. Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan 12 buah rumah kanak-kanak di seluruh negara untuk memberikan perlindungan kepada kanak-kanak yang didera.

Pasukan Pencegah Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-kanak (SCAN Team) juga diperkenalkan di 34 buah hospital kerajaan di seluruh negara. Pasukan ini berperanan khusus untuk mengendalikan kes dera dan penganiayaan kanak-kanak dan dilaksanakan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang mempunyai pakar pediatrik. Kita juga menyediakan Talian NUR 15999 dan Childline. Pada tahun 2007 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memperkenalkan perkhidmatan Talian NUR 15999. Talian ini membantu untuk memudahkan orang awam dan mangsa penderaan kanak-kanak membuat aduan dan mendapatkan khidmat nasihat. Pada bulan November 2010 pula, kementerian telah memperluaskan perkhidmatan Talian NUR 15999 dengan mewujudkan talian khusus bagi aduan kanak-kanak iaitu Childline 15999.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga menggunakan media sebagai saluran untuk melengkapkan usaha untuk menangani masalah penderaan kanak-kanak seperti berikut:

- (i) kenyataan media turut dikeluarkan dalam tempoh 24 jam selepas sesuatu kes dera yang besar berlaku dengan mengambil reaksi daripada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri serta pegawai kanan kementerian serta tindakan daripada agensi yang terlibat;
- (ii) hebahan dan publisiti melalui media menerusi penulisan rencana, advertorial di media cetak dan pesanan khidmat masyarakat (BSA) menerusi media elektronik; dan
- (iii) media sosial rasmi kementerian dan agensi termasuklah laman web, Facebook dan Twitter kementerian digunakan untuk menguar-uarkan langkah pencegahan dan tips menangani gejala ini serta fungsi dan peranan Talian NUR 15999 itu.

Terima kasih.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih atas jawapan. Kita lihat bahawa banyak kes penderaan kanak-kanak telah meningkat secara mendadak. Akan tetapi daripada jawapan kementerian, kita banyak menumpu kepada mangsa ataupun kanak-kanak yang terdera. Akan tetapi kita mesti lihat kepada fakta pendera itu sendiri atau penjenayah di dalam satu tahap yang lebih luas.

Ini kerana ia ada kaitan langsung dengan masalah kesihatan mental di kalangan pendera-pendera dan juga orang-orang dewasa. Kalau kita lihat kepada *National Health and Mobility Survey*, 12% daripada penduduk Malaysia yang berumur antara 18 hingga 60 tahun mengalami masalah kesihatan mental. Bermakna dalam Dewan ini pun mungkin ada kita mengalami sedikit masalah kesihatan mental. Daripada perangai yang kita tahu macam mana. Jadi saya ingin menyatakan bagaimanakah pihak kementerian melihat kepada perkara ini, masalah yang begitu serius yang mengejutkan.

Ini kerana kita tahu bahawa kesihatan mental ini satu perkara yang benar-benar serius dan boleh menjejaskan negara yang mana kita mahu rakyatnya sihat fizikal, mental dan spiritual. Soalan saya adakah pihak kementerian benar-benar prihatin ataupun memberi satu perancangan dan bekerjasama dengan kementerian lain seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan lain-lain kementerian, Kementerian Penerangan untuk melihat perkara ini secara menyeluruh. Bukan hanya sekadar kepada melindungi mangsa-mangsa dera tetapi kepada pendera-pendera dan juga bakal-bakal penjenayah yang boleh membahayakan kesihatan rakyat negara kita keseluruhannya. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar di atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, pertama-tamanya tugas kita ialah kita beri perhatian kepada kanak-kanak yang didera itu. Ini kerana mereka adalah merupakan kumpulan sasar kita yang perlu kita jaga kebajikan mereka. Oleh sebab itulah kita banyak menyediakan pelbagai program seperti mana yang saya sebut tadi untuk memastikan kanak-kanak ini dapat kita jaga.

Pertamanya jangan mereka terkena didera ini. Keduanya apabila berlaku penderaan maka kita selamatkan mereka dan kita cuba usaha supaya mereka dapat kita pulihkan, kita kembalikan ke dalam masyarakat. Akan tetapi dalam masa yang sama juga kita sedar bahawa memang dari tahun ke tahun ada sahaja berlakunya penderaan ini. Kalau kita tengok daripada segi statistiknya, penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak pada tahun 2010 hingga 2014 memang berlaku – kita ada jumlah 9,956 kes dan pada itu terdapat emosi itu adalah 476, fizikal – 5,004, seksual – 4,476.

Pertamanya di bawah Akta Kanak-kanak itu memang kita hukum penjenayah ini yang menjadi pemangsa ini, *abuser* dengan izin, kita hukum mereka. Hukuman itu sehinggalah RM20,000 dan 10 tahun penjara. Mungkin dalam pindaan akan datang kita cuba tengok dan kita tingkatkan pula. Itu daripada segi kita menghukumlah Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi daripada segi melihat bagaimana kita dapat mengelakkan daripada berlakunya perkara ini, kita tahu di antara sebab-sebab berlakunya penderaan ataupun *abuse* terhadap kanak-kanak ya, ada yang disebabkan perpecahan keluarga, penceraian, perpisahan di antara kedua keluarga, disebabkan oleh bapa yang bukan sahaja sakit mental, tetapi kerana dia terlalu banyak minum arak menyebabkan dia jadi mabuk. Jadi ini juga menyebabkan dia jadi pendera. Banyak lagi sebab-sebab yang lain. Akan tetapi kita melihat ini setelah kita tahu ini kita buat kajian bagaimana kita dapat membantu.

■1130

Itu sebab kita ada juga program melalui LPPKN, program untuk keluarga. Program ini adalah untuk membantu supaya kita dapat meningkatkan kesedaran kedua-dua ibu bapa ini bagaimana untuk

menjaga anak-anak mereka. Jika didapati ada simptom-simptom masalah dalam keluarga, maka mereka ini akan diberikan kaunseling oleh kaunselor-kaunselor yang ada di kementerian kita, *insya-Allah*.

Saya juga ambil maklum tentang apa yang telah dikatakan Yang Berhormat tadi dan *insya-Allah* kita akan melihat lagi bagaimana kita dapat memastikan kerjasama yang erat akan dapat diwujudkan di antara kita dengan kementerian-kementerian yang lain kerana itulah cara Barisan Nasional bekerja. Bagaimana kita dapat membantu keluarga ini dan ibu bapa supaya mereka tidak lagi menjadi pendera (*abuser*) dengan izin, kepada anak-anak mereka. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, selamat hari GST.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah Yang Berhormat, sudah menyumbang kepada GSTkah Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa yang mungkin kerajaan akan menimbangkan adakan hukuman yang lebih tinggi kepada pendera kanak-kanak. Saya cadangkan ini haruslah dikaji semula kerana bukan semua hukuman yang tinggi akan menegah sesetengah jenayah atau salah laku daripada berlaku. Kadang-kadang ia memberi tekanan kepada orang yang ingin melapor dan juga mangsa penderaan kanak-kanak kerana kalau bapa kamu mendera kamu, kamu tidak akan berani melaporkan, khususnya kepada kanak-kanak. Saya rasa ini adalah satu aspek yang perlu dikaji semula.

[Dewan riuh]

Tadi bila Timbalan Menteri jawab tentang ada Nur 15999, saya baru masuk *Facebook* dia, agak baru sedikit. Ramai orang tidak tahu ada talian Nur 15999. Kalau kerajaan boleh adakan lagu GST, panggil pegawai kastam menari dan menyanyi, saya rasakan dari segi peranan media, mungkin kementerian haruslah gunakan cara yang sama di mana Timbalan Menteri menyanyikan Nur 15999 yang boleh melaporkan penderaan kanak-kanak supaya ini dijadikan lebih popular.

[Dewan riuh]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya sokong. Cantik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kalau di antara kalangan Ahli Yang Berhormat yang ada pembangkang, kaunseling semua juga boleh panggil talian itu supaya ini dijadikan lebih popular.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Setuju Menteri, setuju.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Ini yang sakit mental ini.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Yang Berhormat Seputeh. Kita jangan main-mainlah. Bagi saya ini adalah perkara yang serius. Apabila kanak-kanak didera, ini adalah perkara yang serius.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Memang serius. Saya cadangkan ia jadi satu talian yang popular. Sekarang ramai tidak tahu, termasuk Tuan Yang di-Pertua pun tidak tahu.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Bila dia perkara yang serius, tentulah bila kita mengkaji undang-undang itu, kita mendengar dari pelbagai pihak. Dari pelbagai pihak

itu, pihak yang mempunyai kepentingan, *stakeholders*, wakil daripada kanak-kanak, ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya. Ada yang mengatakan bahawa perlunya kita meningkatkan *punishment* ini terhadap mereka yang *abuser* ataupun pendera ini. Jadi kita ambil kira. Kita dengar daripada Yang Berhormat Seputeh hari ini, kita dengarlah. Nanti kita beritahu Yang Berhormat Seputeh tidak mahu supaya dinaikkan ini sebab takut nanti orang tidak mahu buat pelaporan. Keputusan ini belum kita buat, tetapi ini adalah cadangan kita. Kita akan lihat secara menyeluruh Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang dikatakan Yang Berhormat Seputeh tadi untuk menyanyi, hendak suruh Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyanyi pula itu, kalau begitu tidak ada kerjalah orang lain. Kita beri *chance* orang lain juga kerja. Tidak payah kita menyanyi. Apa yang penting hari ini kita beritahu, kita maklum kepada orang ramai, Yang Berhormat yang ada di sini yang bijak pandai semua dengar, maklumkan kepada rakyat Yang Berhormat semua adanya kemudahan yang diberikan oleh kerajaan ini. Bukan sedikit-sedikit kalau ada, marah sahaja. Asyik mengata yang bukan-bukan. Beritahu *that the government is providing all this good services for the rakyat*, dengan izin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Setakat itu sesi soal jawab untuk pagi ini. Masa terlalu lanjut Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.35 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga 8.30 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Khamis, 2 April 2015.”

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) (NO.2) 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.36 pg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No.2) 2014 ialah suatu akta yang memperuntukkan pindaan kepada seksyen 2, seksyen 4, seksyen 5, seksyen 6, seksyen 6B, seksyen 7 dan agenda utama Akta 234 bagi menyenaraikan *kratom* dan *mitragynine* sebagai dadah berbahaya serta menyediakan peruntukan untuk menyekat pengimportan, pengeksporan, pemilikan, penanaman dan pegusahaan *kratom*.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No.2) 2014 diwujudkan bertujuan untuk meminda seksyen 2, seksyen 4, seksyen 5, seksyen 6, seksyen 6B, seksyen 7 serta Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234].

Keperluan pindaan kepada Jadual Pertama Akta 234 adalah untuk menyenaraikan *kratom* dan *alkaloidnya mitragynine* sebagai dadah berbahaya. Manakala pindaan kepada seksyen 2 adalah untuk memasukkan takrif baru *kratom*. Keperluan kepada pindaan seksyen 4, seksyen 5, seksyen 6, seksyen 6B dan seksyen 7 adalah untuk mewujudkan kawalan ke atas *kratom* sebagai kawalan ke atas *raw opium*, *coca leaves*, *poppy-straw* dan *cannabis* iaitu menyediakan peruntukan untuk menyekat pengimportan, pengeksporan, pemilikan, penanaman serta pengusahaan *kratom*.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] mula berkuat kuasa pada 1 November 1952 di Semenanjung Malaysia dan 1 Jun 1978 bagi Sabah dan Sarawak. Ini bertujuan untuk satu, mengawal pengimportan, pengeksporan, penghasilan, penjualan, penggunaan dan pemilikan dadah berbahaya dan bahan-bahannya dan memberi peruntukan khas berkaitan bidang kuasa mahkamah bagi kesalahan di bawah Akta 234.

Akta 234 pada asasnya mengawal pokok-pokok dan bahan-bahan yang mempunyai kesan khayal dan menyebabkan kebergantungan kepadanya. Antara jenis pokok yang dikawal di bawah akta ini adalah pokok ganja, *kanabis*, pokok kopi, pokok koka, pokok-pokok yang disenaraikan dalam Bahagian I, Jadual Pertama Akta 234 adalah dikawal penanaman dan pengusahaannya di Malaysia. Kawalan yang dikenakan ke atas dadah berbahaya tersebut telah berjaya menyekat penanaman dan pengedarannya.

Kini penagih mula beralih kepada air ketum yang mudah diperolehi terutama di Utara Semenanjung Malaysia. Pokok ketum juga dikenali sebagai pokok biak atau ketum iaitu sejenis tumbuhan daripada *family Rubiaceae* dan daripada jenis *mitragyna*. Daun *kratom* mengandungi beberapa *alkaloid*, antaranya *ajmalicine*, *corynantheidine*, *7-hydroxymitragynine*, *isomitrphylline*, *paynantheine*, *speciofoline*, *speciogynine* dan *mitragynine*. Antara semua *alkaloid* ini, *mitragynine*

merupakan *alkaloid* yang paling aktif dan bersifat psikoaktif. *Mitragynine* bertindak atas reseptor yang sama dengan reseptor opiat.

■1140

Justeru pengambilannya memberi kesan yang hampir sama dengan pengambilan dadah opiat lain yang dikawal di bawah Akta 234. Penyalahgunaan kratom mitragynine boleh mengakibatkan kesan buruk seperti hilang kawalan diri, rasa bosan dan malas, kurang sensitif terhadap kesakitan fizikal dan emosi, anak mata menjadi kecil, merasa loya, mulut menjadi kering, kerap kencing, hilang selera makan dan kurang berat badan, sembelit dan juga insomnia.

Pada masa ini mitragynine yang didapati di dalam daun kratom telah disenaraikan sebagai bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952, Akta 366 semenjak tahun 2003 dan terdapat kawalan ke atas aktiviti pengimportan, penjualan, pembekalan, pemilikan dan penggunaannya di bawah Peraturan-peraturan Racun (Bahan Psikotropik) 1989. Di bawah akta dan peraturan ini, sesiapa yang mengimport, menjual, membekal, memiliki atau menggunakan bahan psikotropik yang disenaraikan di bawah Jadual Ketiga Akta 366 bertentangan dengan kehendak akta dan peraturan tersebut adalah melakukan kesalahan di bawah seksyen 30(5), Akta 366 yang mana jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkenaan dengan penyalahgunaan kratom telah sering dipaparkan di dada-dada akhbar malah sering diperdebatkan di Parlimen. Banyak pihak yang mahukan tindakan yang lebih tegas diambil bagi membendung ketagihan air kratom yang semakin membimbangkan ini. Usul untuk pengharaman penanaman kratom juga telah sering dibangkitkan dalam usaha untuk menyekat penyalahgunaan bahan tersebut. Semenjak mitragynine diwartakan sebagai bahan psikotropik di bawah Akta Racun 1952, Akta 366, penguatkuasaan ke atasnya dijalankan mengikut seksyen 30, akta tersebut. Kes-kes yang dibawa ke mahkamah adalah berkaitan dengan penjualan atau pemilikan air kratom. Penyalahgunaan air kratom terutamanya di negeri-negeri utara Semenanjung kini telah mendatangkan masalah sosial yang berat dan mengancam ketenteraman masyarakat.

Akta 366 yang mengawal mitragynine ini tidak cukup kuat untuk mengekang penyalahgunaan kratom ini. Adalah menjadi satu keperluan untuk menjadikan kratom dan *alkaloidnya* sebagai dadah berbahaya bagi memastikan kawalan yang lebih ketat dapat dilaksanakan. Seksyen 4 dan 5, Akta 234 memperuntukkan kawalan dan sekatan ke atas pengimportan dan pengeksporan dadah berbahaya di bawah Bahagian 1, Jadual Pertama iaitu *raw opium*, *coca leaves*, *poppy straw* dan *cannabis*. Tiada seorang pun boleh mengimport atau mengeksport dadah berbahaya tersebut melainkan orang tersebut telah mendapat kebenaran dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Menteri Kesihatan. Sekiranya disabitkan kesalahan melibatkan pengimportan dan pengeksporan, pesalah boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan tidak kurang daripada tiga tahun. Walau bagaimanapun peruntukan yang sama tidak terdapat bagi pokok kratom dan *alkaloidnya*.

Penggunaan kratom adalah diharamkan di *Thailand* walaupun pokok itu merupakan spesies asli kepada negara tersebut. Akta Kratom 2486 yang berkuat kuasa pada 3 Ogos 1943 yang telah diluluskan

oleh Kerajaan *Thailand* memperuntukkan larangan terhadap penanaman pokok kratom dan peruntukan penebangan semua pokok kratom sedia ada. Akibat penanaman kratom di *Thailand*, kini terdapat aktiviti penyeludupan daun kratom daripada negara ini ke negara jiran tersebut dan terdapat juga laporan tentang penyeludupan kratom ke Amerika Syarikat. Dengan menjadikan kratom sebagai dadah berbahaya akan membolehkan pengeksportan dan pengimportannya dikawal dengan lebih ketat dan pemantauan langsung dapat dilakukan.

Seksyen 6, Akta 234 pula memperuntukkan kawalan dan sekatan ke atas pemilikan dadah berbahaya di bawah bahagian satu, jadual pertama. Tiada siapa boleh memiliki dadah berbahaya ini melainkan mempunyai kebenaran daripada Menteri Kesihatan seperti yang diberikan di bawah seksyen 4 dan 5, Akta 234 atau diberi kuasa di bawah peraturan yang diwujudkan di bawah Akta 234. Kawalan ke atas pemilikan kratom boleh dipertingkatkan jika ia dijadikan dadah berbahaya di mana penalti yang lebih tinggi juga boleh dikenakan ke atas pesalah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan undang-undang sedia ada ke atas kratom iaitu di bawah Akta 366 adalah terbatas menyebabkan tindakan penguatkuasaan kurang berkesan kerana tindakan hanya boleh diambil terhadap cecair yang mengandungi *alkaloid* mitragynine sahaja. Di bawah Akta 234, *raw opium, coca leaves, poppy straw* dan *cannabis* yang disenaraikan dalam Bahagian 1, Jadual Pertama, Akta 234 tidak boleh ditanam atau diusahakan. Sekiranya disabitkan kesalahan kerana menanam atau mengusahakan tanaman, boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan disebat tidak melebihi enam sebatan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 6b akta tersebut. Berbanding dengan kratom yang menghasilkan mitragynine, tiada peruntukan undang-undang yang menghalang atau mengawal penanamannya.

Permintaan yang tinggi ke atas air kratom dan daunnya telah menggalakkan penanaman kratom diusahakan terutamanya di negeri-negeri utara Semenanjung. Sekiranya perkara ini tidak dikekang, pembekalan dan penyalahgunaan kratom akan sukar untuk diatasi. Tanpa pindaan yang dicadangkan ini, segala usaha penguatkuasaan ke atas penyalahgunaan kratom akan menjadi sia-sia kerana sumber bekalan kratom yang mudah diperoleh. Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini, maka Kementerian Kesihatan mencadangkan kratom dimasukkan ke dalam Akta 234.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun daun kratom ada digunakan dalam rawatan tradisional namun ia semata-mata berasaskan kepada maklumat tradisi dan sehingga kini tiada kajian secara klinikal dijalankan. Selain daripada itu, pada hari ini terdapat banyak alternatif lain yang boleh digunakan untuk tujuan rawatan tersebut. Terdapat juga kajian untuk menjadikan kratom sebagai rawatan gantian kepada ketagihan heroin. Namun, penggunaan kratom itu sendiri juga menunjukkan kebergantungan kepadanya. Tambahan lagi menjadikan kratom sebagai dadah berbahaya tidak akan menghalang sebarang bentuk kajian untuk diteruskan untuk dijalankan ke atasnya kerana Akta 234 membenarkan pemilikan untuk tujuan penyelidikan makmal.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No.2) 2014 ini bertujuan membuat pindaan kepada Akta 234. Pertama bagi memasukkan takrif baru kratom dan menyenaraikan kratom berserta *alkaloidnya* iaitu mitragynine sebagai dadah berbahaya dalam Jadual

Pertama, Akta 234. Kedua, menyekat pengimportan, pengeksportan dan pemilikan kratom. Ketiga, menyekat penanaman dan pengusahaan kratom. Keempat, mengadakan peruntukan kuasa untuk mengawal selia penghasilan dan urusan berkenaan kratom. Peruntukan-peruntukan substantif yang dicadangkan adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 234, bagi memasukkan takrif baru iaitu kratom.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda tajuk '*part 2*' dengan memasukkan 'kratom' ke dalamnya untuk merangkumi kawalan ke atas kratom di bawah '*part 2*' ini.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 234, untuk menyekat pengimportan kratom.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 5, Akta 234, untuk menyekat pengeksportan kratom.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 6, Akta 234, untuk menyekat pemilikan kratom.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 6B, Akta 234, untuk menyekat penanaman dan pengusahaan kratom.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 7, Akta 234, untuk mengadakan peruntukan kuasa untuk mengawal selia penghasilan dan urusan berkenaan kratom.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 234, untuk menyenaraikan kratom sebagai dadah berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kinabatangan ada daun ketum ya, sila.

11.50 pg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama kali saya mengalu-alukan langkah yang dibawa oleh kerajaan iaitu untuk memastikan negara kita sekurang-kurangnya pengamal ataupun penggemar dadah jenis bentuk apa sekali pun termasuk daun ketum ini, kalau orang kampung kata ketum. Jadi saya pun bimbang nanti akta ini orang kampung tidak faham daun 'kratom', yang dia orang faham ketum. Jadi mungkin bahasa ini perlu kita halusi sebab kita bimbang orang kampung kata tidak faham ini 'kratom', yang saya tahu saya minum daun ketum.

Jadi, oleh sebab itu saya melihat Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini memang saya cukup hairan. Apa pun bentuk racun, orang suka makan. Saya tidak tahu, kenapa manusia di Malaysia ini suka makan racun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan. Madu itu racun?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Madu bukan racun. Dia penawar yang baik.
[Ketawa]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bukan madu tapi bermadu. Sama dua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Madu ini dia penambah khasiat kekuatan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: BN pun racun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi sebab itu dalam Al-Quran pun madu sejenis benda yang diturunkan oleh Allah S.W.T sebagai satu benda yang boleh menyihatkan tubuh badan, seperti Tuan Yang di-Pertua nampak segar hari-hari tadi sebab dia mengamalkan makan madu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dua-dua bermadu. Tuan Yang di-Pertua dengan Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Baling yang tiga. Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi langkah yang saya ambil ini, saya rasa langkah yang bijak. Isu yang pertama, daun ketum ini Yang Berhormat Menteri ia popular di sebelah Kedah, sebelah Perlis dan utara. Jadi apa yang penting pada saya iaitu bagaimana kita memberi kefahaman kepada orang kampung sebab hari-hari ini adalah usaha mereka. Jadi, jangan akta ini kita luluskan tiba-tiba orang kampung banyak terperangkap sebab *knowledge* mereka tidak ada.

Jadi pastikan kefahaman kepada mereka iaitu kerajaan telah melaksanakan undang-undang ini dan siapa mana-mana di kalangan warganegara Malaysia ini memiliki kebun ketum ini, di Kelantan pun banyak, supaya mereka terbang pokok-pokok dan kerajaan negeri pun harus dimaklumkan. Jadi, kita tidak bukan hanya rakyat cakap kita sengaja memerangkap pengusaha-pengusaha pekebun ketum ini sebab memang benar di Thailand, Tuan Yang di-Pertua kerajaan mereka telah mengharamkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya juga berpandangan bukan hanya untuk rang undang-undang ini ataupun untuk mana undang-undang jua kadang-kadang definisinya, interpretasinya oleh orang awam, orang kebanyakan mungkin berbeza daripada pemahaman saintifiknya. Termasuk juga kratom sebab kita biasa dengar di utara sana air daun ketum dan sebagainya. Jadi adakah Yang Berhormat Kinabatangan mahu mencadangkan seandainya rang undang-undang ini diluluskan diberi satu tempoh pendidikan, penyebaran maklumat sebelum ianya dikuatkuasakan. Ringkas.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Kuala Krai, itu memang satu cadangan paling baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap ya. Kalau boleh kementerian, lepas kita luluskan jangan terus tergesa-gesa tentang *enforcement* hendak tangkap mereka yang memiliki ini.

Kita bagi *time frame* mungkin tiga bulan, enam bulan supaya orang kampung ini betul-betul faham bahawa benda ini dikategorikan sebagai sejenis dadah. Bukan lagi seperti dianggap sebagai ubat. Sebab saya faham sebetulnya Tuan Yang di-Pertua, daun ketum ini mengikut kawan-kawan yang makan. Tapi ia bukan racun semua, daun itu kalau getah dia kita makan itu yang jadi racun. Tapi daun ketum itu kalau getah urat tengah-tengah kita tarik keluaran getah dia bukan sudah jadi racun.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi, dia kata kalau kita ambil dua keping bubuh air panas kita kerja dua hari satu malam pun kita masih bertenaga.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Macam biasa sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap, biar kita bahas perlahan-perlahan. Kalau dia ubat apa kita haramkan. Jadi salah guna itu mungkin bermakna apabila dia makan bulat-bulat getah itu pun tidak leraikan maka manusia itu akan diracun oleh getah ketum itu. Okey Yang Berhormat Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bersetuju kalau rang undang-undang diluluskan, kita hendak bagi tempoh pula untuk penguatkuasaan. Mana boleh begitu, sebab hari ini sebenarnya pun ramai dah tau tentang kesan daripada penyalahgunaan air ketum ini. Saya tidak bersetuju kalau kita luluskan bagi pula tempoh tiga bulan, empat bulan nanti sempat lagi penanam-penanam menjual secara borong, secara lambak, susah Yang Berhormat Kinabatangan. Sebab itu kita teruskan penguatkuasaan dan dalam waktu yang sama kita terangkan kepada rakyat, sebab saya bimbang kalau kita buat sebegitu Yang Berhormat Kinabatangan, ini pandangan saya Yang Berhormat Kinabatangan, kalau tidak setuju pun tidak apa. Tapi saya bimbang nanti kita dilihat tidak serius dalam soal penguatkuasaan kerana kita telah menuntut dan meminta dalam dewan ini Yang Berhormat Kinabatangan berpuluh kali bercakap bab ini untuk dimasukkan daun ketum ini dalam akta ini. Jadi bila ia masuk, kita laksanakan terus.

Saya satu lagi Yang Berhormat Kinabatangan, kita tengok di beberapa buah negara hendak menyelesaikan isu penyalahgunaan dadah ini. Ia tidak boleh kita letakkan hanya pada satu agensi sahaja. Kita mesti melibatkan semua pihak, kita letak satu matlamat untuk selesai masalah, maka semua pihak JKKK kampung, badan politik, NGO dan penguat kuasa mesti segera dan kita bersama, saya percaya kalau itu dapat kita lakukan maka kita dapat selesaikan masalah ini. Apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju kalau saya katakan untuk memastikan akta ini benar-benar dapat dilaksanakan dengan berkesan, kita mesti gerakkan bersama dengan NGO dengan pelbagai pihak supaya ia lebih berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya tidak setuju kalau ia mengambil masa untuk pelaksanaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong dah masuk dah itu.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh saya tambah sedikit. Terima Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap sahaja Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya hendak respons sedikit kepada isu pengharaman di Thailand. Isu lain itu saya harap saya dapat berucap. Thailand mengharamkan ketum pada 1943 bukan kerana kesan-kesan buruknya. Tapi 1943, ketika itu kerajaan Thailand memerlukan dana yang banyak dan dana yang banyak didapati kebanyakan dari cukai atas pengimportan candu dan penjualan candu, rumah-rumah candu.

Jadi ketum merupakan saingan kepada candu, orang ada ketum dia tidak ambil candu. Itu asas pengharaman dulu dan sekarang trendnya dia Thailand dan di seluruh dunia kembali kepada terbuka. Thailand sedang bergerak untuk tidak mengharamkan ketum. Itu faktanya dan itu kita kena ada *consideration* dalam meluluskan undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah ramai yang ambil ketum.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong dan Kuala Kedah. Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada Lenggong iaitu hujah beliau agar mungkin tidak diletakan penguatkuasaan apa juga bentuk dadah termasuk ketum ini kepada satu agensi semata-mata, saya setuju iaitu dadah ini masih ancaman nombor satu dalam negara kita. Sebab itu apabila nombor satu, maka kena gunakan *blue ocean strategy* untuk menangani musuh utama negara ini. Bermakna, kerajaan harus buat *engagement* kepada semua pihak tanpa memerlukan apa-apa lagi toleransi untuk kita memastikan kalau boleh Malaysia menjelang 2020 mungkin penggunaan dadah apa jenis pun. Kalau di Sabah saya selalu katakan di Sandakan membeli dadah jenis syabu ini macam beli pisang goreng di mana-mana pun ada. Kita tidak tahu dari mana sumbernya sedangkan sekarang ini ESSCOM pun sedang memantau kita punya *border*, tetapi masih banyak juga benda-benda ini datang ke Sabah. Lepas itu menyusup ke kawasan-kawasan luar bandar dan sebagainya.

Jadi ini merupakan satu ancaman. Jadi ketum ini pun akan begini jadi oleh kerana itu harus dilihat sebagai sebuah ancaman tetapi maksud saya Yang Amat Berhormat Lenggong supaya ketum ini memang kita terima hakikat dia. Apabila sehingga hari ini kerajaan tidak melakukan apa-apa.

■1200

Maka bagi orang kampung, sebilangan orang kampung yang sukar mendapatkan rawatan di bandar-bandar, mereka menggunakan daun ketum ini sebagai ubat kepada penyakit yang mereka hadapi. Ternyata pula mujarab. Jadi, mungkin di sebalik ia diharamkan, kerajaan cuba lagi menggunakan pula pakar-pakar saintis kita, betul kah daun ketum ini boleh jadikan ubat? Kalau boleh kenapa tidak kita hantar buat analisa dan sebagainya?

Jadi mungkin, walaupun ia ditanam, dikawal dan sebagainya, boleh dijadikan sebagai sumber mengubat penyakit di negara kita ini. Soal Thailand yang tadi ada hujah menyatakan bahawa diharamkan tahun 1947 dan sekarang ke arah untuk tidak mengharamkan itu, kita belum ada data-data untuk ia tidak mengharamkan. Apa yang berlaku, mana-mana mereka yang didapati membawa ketum ke Thailand, ke Siam akan didakwa oleh kerajaannya. Ini masih berlaku pada hari ini Yang Berhormat. Jadi, bermakna belum lagi kita nampak ada kelonggaran tentang ketum ini sendiri.

Oleh kerana itu saya melihat bahawa di samping kita mengenakan undang-undang sedia ada ini, kita juga harus memberi pendidikan, memberi *awareness* kepada pengguna-pengguna ini sebab terus terang kalau ini terus dilaksanakan, memang ramai orang kampung terperangkap. Jadi, *awareness* ini mungkin kita boleh buat kepada pengedar yang membawa berbakul-bakul mungkin boleh kita kenakanlah. Akan tetapi kepada yang mereka yang masih mengamalkan secara tradisi mungkin kita kena bagi konsultantlah. Ya, sila Yang Berhormat Batu.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan sebab kalau kita senaraikan ketum ini di bawah Akta Dadah Berbahaya. Untuk pengedar, hukumannya adalah sangat berat. Kalau ikut akta 39B ia hukum gantung atau penjara seumur hidup. Adakah dalam usaha kita hendak hapuskan perkara ini dari menjadi satu risiko besar, kita menghukum dengan terlalu berat dalam perkara ini sebab *substance* bahaya dalam daun ketum ini amat berbeza dengan opium, dengan heroin dan dengan *substance* yang lain. Apakah pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Batu sebab itu saya katakan kenapa kementerian tidak membuat kajian? Ia berbahaya daripada segi apa? Ini kerana bagi sebahagian orang kampung, daun ketum ini adalah ubat, contohnya anak-anak demam, dia ambil daun itu, dia bagi minum, anak itu sihat. Orang yang ada darah tinggi minum daun ketum satu minggu, darah tingginya turun. Bagi yang ada kencing manis, yang ada diabetes, diabetesnya boleh hilang. Jadi kalau lah ini menjadi ubat, kenapa tidak kita buat kajian?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ubat batuk juga.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Kenapa kita tidak buat kajian sedangkan contohnya apa juga benda dalam dunia ini kalau kita makan atau amalkan berlebihan maka ia akan memudaratkan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oleh sebab itu Allah SWT anjurkan supaya kita ini bersederhana. Kaya pun jangan terlampau kaya sebab kekayaan itu tidak dibawa ke mana-mana, akhirnya mati juga.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kita tahu bahawa ketum ini bukan cerita baru. Ada orang yang makan ketum tiap-tiap hari, kunyah ketum. Dia tidak kena ketum tidak boleh. Kata orang kalau kentut pun bau ketum. Sampai tahap itu sudah.

Jadi kalau kita buat undang-undang ini, saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat tahu atau tidak berapa orang yang sudah mati kerana minum ketum? Apakah simptom-simptom yang bahaya sangat kepada ketum? Saya lihat kepada maklumat bahawa pengharaman ketum di negeri Kedah yang dibuat pada tahun 2010 itu adalah penggunaan ketum dengan mencampurkan benda-benda lain yang terlarang, yang melibatkan khayal dan sebagainya.

Jadi saya bimbang, kebimbangan saya, saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, kalau undang-undang ini dikuatkuasakan terutama dengan suasana ketum, kalau di Utara ketum ini macam perkara biasa sudah. Sudah macam Panadol sahaja. Jadi kalau dikuatkuasakan, saya bimbang ramai orang yang kena tangkap dan ramai orang yang nanti ada *criminal record*, ramai orang yang tidak dapat kerja, adakah ini akan mendatangkan kesan lagi, takut kadar jenayah akan naik?

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, dia sebut Kedah, saya hendak kena sebut juga. Ketum ini sebenarnya ia tidak ada masalah. Ketum ini, saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan, kita kena sederhana. Kalau minum setakat dua tiga helai daun, direbus, minum *pure, it's okay* sebab katanya hendak buang angin, sakit belakang, semuanya lah. Yang ini untuk perubatan.

Isunya ialah hari ini apabila ketum ini telah disalahgunakan. Dicampurkan rebusan tersebut dengan ubat gegat, ubat nyamuk, ubat batuk, gam tayar. Ini sudah menjadi masalah dan kesan penyakit-penyakit yang kita tengok hari ini adalah dia susut badan, mukanya hitam, hitam tidak macam Yang Berhormat Baling lah. *[Dewan riuh]* Dia bukan penagih ketum. Dia sudah menjadi satu masalah yang amat besar.

Di Thailand, Yang Berhormat Kuala Kedah kata tadi tidak hendak di... sebenarnya Kedah ini telah pun menjadi tempat, kalau kita hendak kata pengeksport, betul. Banyak kali ditangkap, berguni, berlori-lori daun-daun ketum dihantar masuk ke Thailand. Jadi isunya ialah sekarang kalau Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan pergi ke Kedah tengok, ada sesetengah golongan masyarakat sudah memang hidupnya terpaksa bergantung dengan ketum. Dia sudah jadi satu ketagihan.

Malahannya yang paling kita sedih ialah apabila penyakit ketagihan ini sudah menular di kalangan anak-anak sekolah termasuk yang berumur sembilan tahun. Ada kes yang AADK sudah kesan, jadi ini isunya. Isunya ialah ketum itu tidak salah tetapi yang salahnya disalahgunakan dan ada juga yang sudah korbankan tanah bendang berekar-ekar menanam dan menjadikan ladang ketum. Dia sanggup menggunakan pagar *chain-link* untuk memastikan ketum itu selamat. Kalau kita tanam mempelam pun kita tidak sanggup pagar macam itu. Apa komen Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai dan juga Yang Berhormat Jerlun. Memang sebetulnya sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita harus ada kefahaman. Mana yang diharamkan ini. Macam juga arak, samsu. Ada samsu yang bukan halal tetapi diminum tidak membunuh. *[Ketawa]* Akan tetapi ada samsu haram yang dicampurkan dengan bahan-bahan yang tidak baik, ini yang selalu dimakan, diminum orang hari-hari. Ini yang membunuh.

Jadi ketum ini pun begini juga sebetulnya. Apa yang membunuh itu getahnya. Getah ketum itu. Kalau tidak dileraikan getah itu akan membunuh dan menjadikan manusia –bayangkan bagaimana getah itu melilit kita punya paru-paru, jantung dan sebagainya, menyusup sana, jadi keras. Jadi oleh kerana itu, rasa saya perlu ada kefahaman antara pihak penguat kuasa dan kementerian. Kita harus melihat juga ketum ini ke arah prospek yang baik. Benda ini baik, yang tidak baiknya disalah guna. Itu *[Disampuk]* Dadah berbeza sebab dadah itu memang berbahaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sik bangun.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Minta, minta.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, sila doktor.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Yang Berhormat Kinabatangan minta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila, sila.

Seorang Ahli: Tauke ketum...

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan tauke ketum. *[Ketawa]* Akan tetapi macam Yang Berhormat Bagan Serai cakap, Yang Berhormat Jerlun cakap, ketum ini adalah satu tanaman daun yang *common* di utara, di Kedah. Masalah ketum ini, saya doktor dan pengamal perubatan, kalau orang kata doktor jadikan ubat, saya pun tidak tahu apa ubat yang boleh menggunakan ketum untuk berubat. Ada orang kata ubat untuk kencing manis tetapi saya tidak pernah tengok satu *research*, satu bukti yang menunjukkan bahawa makan ketum boleh lega kencing manis.

Ada orang tolong bagi *research*, tolong bagi bukti dekat saya data dan fakta kepada saya. Hendak buat *research* ambil beberapa tahun lagi tetapi kita bincang undang-undang hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sik.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Begitu juga orang kata ubat cacing. Saya pun tidak pernah tengok ada bukti yang mengatakan ketum ini ubat cacing dan ubat-ubat lain. Jadi masalah ketum ini, bagi saya ketum ini menimbulkan masalah yang besar. Kalau kita makan lama-lama, ia menyebabkan kesan kepada diri kita. Sebagai contohnya pekerja. Saya ada pengalaman pekerja di tempat saya. Kalau dia makan ketum dia boleh tahan diri dia bekerja tengah panas.

■ 1210

Kalau buruh dia makan ketum tiap-tiap hari dia kuat kerja. Dia boleh kerja walaupun di tengah panas. Jadi masalah dengan ketum ini ialah masalah *perception*. Apabila kita kata ketum termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat pun ada yang kata ketum boleh buat ubat. Jadi ketum ini satu *perception* yang bagus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sik. Apa kaitan ketum dengan warna kulit jadi hitam? *[Ketawa]*

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Makan ketum boleh hitam? Kena tanya Yang Berhormat Baling, kena tanya Yang Berhormat Kapar. *[Ketawa]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Orang Kedah memang macam itu.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Itu saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa ketum ini kita kena bagi satu pendidikan kesihatan bahawa ketum ini tidak ada memberi satu kesan ataupun bagi ubat yang *significant* kepada orang dan kesannya yang buruk adalah lebih banyak daripada kesan yang baik. Malah kesan yang baik kita pun sebagai pengamal perubatan pun tidak tahu apa kesan yang baik bagi ketum tapi kalau kesan yang buruk banyak. Tidak campur dengan ubat gegat, tidak campur dengan racun pun dia menyebabkan kesan negatif. Apatah lagi kalau campur dengan ubat gegat macam budak-budak di kampung bila dia ambil ketum bubuh air ketum, lepas itu campur dengan ubat gegat lepas itu dia bubuh ikan puyu. Cara dia *test* Tuan Yang di-Pertua macam mana hendak tahu Tuan Yang di-Pertua? Dia bubuh ikan puyu kalau dia campur benda-benda ini tengok ikan puyu itu kalau pening dia kata boleh minum sebab ada *kick*. Tetapi kalau bubuh ikan puyu itu ikan puyu mati mereka tidak berani makan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini sudah ada kajian oleh Yang Berhormat Sik. Yang Berhormat Kinabatangan, panjang lagi?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memandangkan perkara ini perkara amat baik untuk pemahaman rakyat Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik seorang pengamal perubatan kedokteran. Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua sebab di Arau ini banyak penanam ketum. Bukan Yang Berhormat Arau yang tanam tapi orang-orang di Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan, itu yang saya tanya apa kaitan ketum dengan warna kulit kerana Yang Berhormat Arau sebelum ini pun warna hitam juga.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya bimbang ketum ini mungkin dipengaruhi dengan unsur-unsur DNA sehingga kulit bagi gelap sebab majoriti bukan kita, wakil rakyat Kedah orang-orangnya gelap.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Gelap-gelap cakap perlahan sedikit. Yang Berhormat Kinabatangan, gelap tarik balik. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi saya pun tidak tahu. Ini kita serius sedikitlah. Kalau boleh kementerian harus mungkin melalui *researcher* kita buat *research* yang sebaik mungkin. Kalau benda ini boleh mendatangkan manfaat yang baik boleh dihasilkan sebagai satu sumber untuk memulihkan penyakit kenapa kita mesti haramkan secara berleluasa. Kalau ia memudaratkan manusia...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Arau bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kawasan yang besar saya rasa Jerlun dan Kubang Pasu. Yang Arau mungkin nombor tiga sebab kawasan Arau kecil.

Yang keduanya saya hendak maklum bahawa ketum ini adalah sama spesiesnya seperti pokok kopi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Arau memang faham sangat tentang keadaan daun ketum itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi bermakna wakil-wakil rakyat di utara...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Kinabatangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Khususnya di Kedah kena balik di kawasan buat ceramah memaklumkan kepada rakyat bahawa...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya pun utara juga. Ada juga kesan ketum di Pulau Pinang. Begitu berat juga sama macam di Kedah. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan setujukah Yang Berhormat Kinabatangan supaya kita minta kerajaan mengeluarkan satu kenyataan rasmi tentang kedudukan daun ketum ini sama ada ia racunkah, boleh pakaikah, tidak bolehkah. Sebab sekarang ini macam kita kata tadi kita tengok semua orang ada yang kata ya, ada yang kata tidak. Lepas itu di peringkat bawahan sana mereka pula ada pandangan sendiri dan mereka cuba *legalize* kan apa yang mereka guna. Jadi keadaan ini menyebabkan makin lama makin lama kita berdebat saya ingat daripada dua tiga tahun lepas tentang daun ketum tetapi tidak ada satu keputusan pun kita dapat tentang daun ketum. Kenapa kajian hendak dapat terlalu lama sedangkan rakyat di bawah makin parah dengan penggunaan daun ketum.

Jadi setujukah Yang Berhormat Kinabatangan kerajaan perlu mengeluarkan satu kenyataan segera tentang status daun ketum ini. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Tasek Gelugor, saya memang bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat supaya kerajaan mengeluarkan satu maklumat khusus terhadap daun ketum ini sebab hari ini kita akan memutuskan akta ini dan akta ini akan terpakai...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Kinabatangan boleh sedikit? Belakang, Kuala Kangsar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Saya Perak pun tidak terkecuali kerana kita tahu penggunaan daun ketum di Perak Utara termasuk kawasan saya. Saya khuatir apabila kita tiba-tiba katakan daun ketum ini ada kebajikannya dan kita haramkan penggunaannya jadi bagaimana kita hendak *reverse* balik keputusan kita kerana saya lihat perkara ini hanya sekadar *stimulant* yang digunakan oleh orang-orang kampung. Seperti juga dengan akar pinang muda, daun karpilai, tongkat ali dan macam-macam herba.

Jadi janganlah kita rasa melatah tentang ini kerana ia hanyalah disalahgunakan oleh kalangan anak-anak muda kita tetapi saya yakin ada kebaikannya seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Arau ini ialah daripada *family* kopi dan juga herba-herba yang boleh kita lihat ada kebaikannya dari sudut kesihatan dan juga sudut kimianya untuk menjadikannya sebagai satu bahan perubatan kepada kita semua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar cuma hari ini saya rasa kita telah di tahap untuk memutuskan satu akta. Jadi akta ini kalau kita teruskan bermakna kita tidak akan dapat *reverse* balik. Jadi itu sebab adakah kementerian telah membuat kajian terperinci tentang kebaikannya, keburukannya dan sebagainya. Kalau tidak akhirnya kita akan ada unsur-unsur penganiayaan sebab satu untuk memberi pendedahan kepada masyarakat kampung ini. Sebab betul daun ketum ini dikategorikan juga sebagai daun serai dan sebagainya. Dia jadi ubat dan orang kampung yang akses susah ke bandar jadi masalah besar. Lagi pertama apa yang saya lihat iaitu salah guna dicampur aduk dengan ramuan-ramuan yang tidak sepatutnya dicampur. Itu yang mengakibatkan daun ketum itu dikategorikan sebagai salah.

Kedua, memang jelas bagaimana wakil-wakil rakyat kita yang berhadapan dengan masyarakat ini apa alternatif pula untuk mengganti tanaman-tanaman ini. Kalau tidak wakil-wakil rakyat kita akan kehilangan sokongan daripada rakyat, terus-terang, sebab ternyata kerajaan menganiaya rakyat tanpa ada jalan alternatif untuk digantikan dengan tanaman apa dan apakah cara kerajaan pula membantu petani-petani yang terlibat ini. Adakah kita biarkan begitu, kita musnahkan kebun ketumnya kemudian tidak ada apa-apa pampasan.

Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Mersing bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila, sila.

Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]: *Chief* bomoh hendak cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Mersing.

Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, ketum ini jenis alkaloid. Dia sama dengan bunga popi yang melahirkan morfin. Dia juga sama dengan kopi yang melahirkan kafein. Dia wujud *million years* lebih awal daripada manusia. Sudah tentu Khalid yang mewujudkan tumbuh-tumbuhan ini direka dan diadun untuk kebaikan manusia yang menjadi khalifah. Itu satu.

Kedua, yang saya ingat Tuan Yang di-Pertua yang bising-bising fasal ketum ini kita juga. Bertahun-tahun kita bising. Sewaktu saya jadi dahulu *years ago million years far-far from the galaxy* isu ini juga ditimbulkan. Sudah pasti pegawai-pegawai di kementerian sudah buat kajian-kajian, mendengar pandangan-pandangan kita dan akhirnya kita buat satu keputusan. Dahulu semua orang satu *marijuana grass* itu diguna berleluasa. Sudah ribu tahun orang makan jadi kuat dan sebagainya buat kerja tetapi bila ada unsur-unsur penyalahgunaan barulah kerajaan bertindak.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan adakah tindakan Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab ini sesuai dengan keadaan sekarang?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini jawapan yang berat tetapi kita kena beri...

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kangar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Satu kalilah Yang Berhormat Kangar.

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di tempat saya di Kangar pun lebih kurang Arau jugalah tidak banyak. Tidak macam Jerlun dan Kubang Pasu.

■1220

Akan tetapi yang ada di tempat saya adalah kebun-kebun yang mana petani-petani menggantikan tanaman padi dengan tanaman ketum dan hasilnya cukup lumayan sampai boleh buat banglo, rumah batu. Jadi macam mana kita nak banteras? Bila kita nak banteras, kita nak kena tebang habis pokok-pokok ketum ini. Jadi perlukan tenaga yang banyak. Juga sekarang ini, baru-baru ini, dalam surat khabar sebut pula daun dokong akan menggantikan daun ketum. Jadi kita nak kena tebang dokong pula. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Gerik. Mana satu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Saya tengok dalam huraian dalam rang undang-undang ini, dia ada maklumkan mengenai peningkatan pengimportan dan pengeksporan. Jadinya secara tak langsung kita merujuk kepada satu aktiviti yang berskala besar sampai boleh import dan juga boleh eksport. Jadinya adakah Yang Berhormat Kinabatangan merasakan bahawa apa yang kita bincangkan ini mengenai keburukan daripada aktiviti penggunaan ketum ini ada kaitan dengan satu aktiviti perniagaan berskala besar dan sebab itulah kerajaan mahukan supaya ianya dapat dibanteras dan kita dapat mengawal selia dengan peruntukan yang sedia ada. Minta pandangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gerik sekali. Ya, sila.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Saya melihat ketum di tempat sayalah... *[Disampuk]* Kratom ya? Kratom. Saya pun tadi jadi bingung sikit. Selalu saya sebut ketum, ini dia jadi kratom, kita pun tak tahu. Di mana ketum pada peringkat awal sebenar menjadi ubat-ubatan secara kecil-kecilan untuk membantu orang letih dan sebagainya. Akan tetapi hari ini saya tengok kesan di Gerik, kesannya ialah dia masak ketum ini dengan ubat batuk, kadang bubuh ubat nyamuk, *test* dengan ikan karin ataupun anak-anak ikan. Kalau ikan itu

dia pening mabuk, maknanya air itu sudah jadi *kick*. Yang masalahnya ialah dia memberi kesan terutama kepada pelajar-pelajar sekolah yang minum air ketum, mereka jadi macam penagih dadah. Tak nak pergi sekolah, tak nak belajar dah sekarang ini. Itu kesan yang paling teruk. Manakala pemandu-pemandu lori, pemandu bas, kebanyakan kalau kita *check* dalam kereta mereka, akan ada air ketum.

Seorang Ahli: Warna apa?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Dia warna macam air tebu itu bila dah masak. Kalau tempat saya, ketum ini cukup popularlah. Dia ialah tumbuhan semula jadi, berada di hutan – di Gerik memang banyak pokok ketum. Dan saya cukup tahu, kalau orang belah Pangkalan Hulu bawa daun ketum ke Siam, kalau dapat tangkap Polis Siam, mereka pasti kena *jail* di Siam, tetap kena jail. Cuma kita fikir kaedah ini takut kemungkinan macam kata Yang Berhormat Sik tadi, ketum ini mungkin ada ubat dia tapi kita tak tahu. Nak kata tak betul, ini amalan saya dengar sejak dari kecil-kecil dahulu, orang-orang tua, tapi dia kata tak boleh minum banyak. Minum gelas kecil itu setengah saja. Ha, itu boleh tapi 'la' ini penyalahgunaan sampaikan *toilet* lelaki dah jadi macam *toilet* perempuan.

Toilet perempuan sumbat pasal *pampers* masuk dalam itu. Apa nama orang panggil benda itu? [Disampuk] Ha, tetapi untuk *toilet* lelaki, tersumbat juga kerana beg-beg plastik dimasukkan dalam lubang najis menyebabkan... Kebanyakan sekolah ini, sama ada sekolah rendah, sekolah menengah, ibu bapa datang kompelin bila anak-anak mereka ketagih ketum, mereka tak nak belajar, dah mula buat masalah gejala sosial baru iaitu lelaki dan perempuan hidup macam suami isteri dan pelbagai lagi. Cuba-cubalah kita fikirkan ketum ini okey kah tidak bila ada penyalahgunaan. Ini nak minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih empat orang Yang Berhormat – Yang Berhormat Mersing, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yang Berhormat Kangar.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dah macam Menteri pula.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Macam Menteri menjawab.

Seorang Ahli: Ini menteri menjawab kah ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Ketawa] Bukan menjawab. Kita melihat bahawa pandangan tadi merupakan sokongan ke arah bagaimana Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini melihat bahawa ketum ini merupakan satu ancaman untuk masa depan. Pada saya, walaupun mungkin ianya merupakan sebagai satu sumber pendapatan bagi sebilangan masyarakat tetapi ada juga orang tengah mengambil kesempatan iaitu membuat eksport dan import. Kita sedar ada yang mengeksport ke Thailand, ke Siam dan sebagainya. Harga dia pun, kalau orang ini sudah sanggup memusnahkan kebun padi dia semata-mata menanam ketum, bermakna memang sudah ada hasil yang cukup baik. RM70 satu kilo, bayangkan, satu kilo daun basah. Getah berapa sahaja sekarang? Tak naik-naik pun, baru RM1.80 sekilo getah. Jadi memang tak ada harapan. Jadi ketum ini pasaran dia tidak turun, dia naik, naik.

Jadi oleh kerana itu, rasa saya, saya melihat bahawa perlulah kita bersetuju untuk melaksanakan undang-undang yang diberikan ini kepada kita. Cuma, mungkin perlu ada juga kefahaman kepada masyarakat di luar sana.

Apa yang penting kepada saya Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja daun ketum tetapi bagaimana penguat kuasa kita mencegah semua bentuk jenis dadah ini. Dadah jenis syabu di Sabah ini ramai orang sudah gila, Tuan Yang di-Pertua, sebab ketagih syabu ini. Apabila ketagih syabu ini, dia hilang akal. Kalau dia berkahwin, anak isteri dia tinggalkan. Kalau dia ada harta, harta dia leburkan. Macam-macam. Dia tak ada kesedaran, otak dia dah beku. Dia tak ada akal sudah. Kalau dulu dia boleh mencari sumber pendapatan tetapi apabila dia menjadi penagih syabu, dia menjadi manusia yang tidak berguna sudah.

Jadi ini yang perlu dilaksanakan oleh kementerian, oleh kerajaan, bagaimana nak meletakkan *blue ocean strategy* untuk mengekang aktiviti-aktiviti penyalahgunaan sama ada ketum, dadah, apa jenis segala pun, sebab ini penting untuk memastikan penyediaan ruang lingkup untuk masa depan negara, rakyat kita, generasi modal insan ini menjadi generasi yang ada keyakinan diri, yang ada tanggungjawab, yang ada personaliti yang baik, bukan yang ketagih dadah, yang tidak ada apa-apa hala tuju, yang tidak ada apa-apa yang dibangkitkan daripada minda dia. Ini pada saya merupakan kerugian kepada anak bangsa kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ramai kawan-kawan tadi memberi sokongan tentang bagaimana akta ini perlu kita berikan seluas-luasnya kepada masyarakat kerana ketum ini telah menjadi sebagai ancaman...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan, jangan berhenti lagi. Saya nak sambung sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Tasik Gelugor ada sebut kerajaan mesti segera menyatakan pendirian. Saya kira apabila kerajaan membentangkan, membawa rang undang-undang ini ke Dewan ini, ia dengan sendirinya menunjukkan bahawa kerajaan sudah meletakkan pendirian untuk mengkategorikan daun ketum ini sebagai satu bahan yang salah sama dengan dadah-dadah yang lain. Saya kata itu sudah jelas.

Maka, saya percaya dan saya yakin bahawa memang sebagaimana juga dadah dan bahan-bahan lain – dia nama pun penyalahgunaan dadah. Maknanya kalau digunakan secara betul, ia memberi kebaikan daripada segi perubatan dan sebagainya. Sama juga dengan daun ketum ini.

Oleh sebab itu, saya nak sebut tadi dan nak minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan sebut pasal NBOS tadi. Kalau penagih dadah, kita ada program penguatkuasaan dan pemulihan. Jadi saya fikir kerajaan di samping kita terus tetap dengan pendirian kita untuk membuat penguatkuasaan kerana kita tahu bahawa kesannya cukup besar terutamanya sekali penyalahgunaan ini telah menular bukan hanya secara tertutup tetapi dihidangkan di majlis kenduri dan sebagainya. Jadi saya fikir antara perkara yang perlu diberi perhatian setelah rang undang-undang ini diterima ialah bagaimana kita nak melakukan pemulihan dan memberi peluang yang lain kepada penanam-penanam ini.

■1230

Kementerian Pertanian mesti melaksanakan program-program untuk menukar daripada menanam daun ketum kepada tanaman lain yang lebih mendatangkan hasil ataupun melakukan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain kerana kita tahu juga kalau kita tidak melakukan usaha begini kita hanya membuat penguatkuasaan, kita tidak berikan alternatif lain, saya percaya mereka juga akan tetap menanam daun ketum ini sebagaimana kita membuat kuasa undang-undang walaupun tangkap hingga ke tali gantung tetap mereka akan beredar. Oleh sebab itu langkah-langkah pemulihan mesti diberikan perhatian khusus dan ini penting.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Memang betul sebab apa yang penting ke arah bagaimana, bukan hanya kita kerajaan berjaya membenteng suatu akta undang-undang yang menyekat penyalahgunaan ketum ini tetapi juga kita berjaya memberi *awareness*, memberi kebangkitan kepada masyarakat bahawa apa yang mereka lakukan selama ini memang salah.

Jadi bagaimana seperti awal-awal saya kata kerajaan kena ada *blue ocean strategy* berganding dengan kementerian-kementerian yang lain ke arah bagaimana memberi jaminan bahawa mereka yang selama ini menanam daun ketum apabila dimusnahkan beratus-ratus ekar ini, apa alternatif yang kerajaan tawarkan kepada mereka. Mesti ada alternatif. Kalau tidak ada, bermakna kita cuma mungkin mencapai hasrat kita untuk jangan ada salah guna daun ketum tetapi hasrat kita untuk merealisasikan kehidupan rakyat itu tidak tercapai.

Jadi akhir kata bermakna kementerian perlu melihat ke arah yang lebih positif ke arah membantu masyarakat mempertingkatkan pendapatan mereka sebab mereka telah kehilangan pendapatan yang boleh menjamin kehidupan mereka selama ini dan dalam masa yang sama kita dapat membendung penyalahgunaan sama ada ketum ataupun dadah jenis apa sekalipun di negara kita dan mungkin kementerian mempunyai *time frame*, bila kita mensasarkan *zero* dadah ini di seluruh negara kita. Berapa tahun? 5 tahun, 10 tahun kita kena ada sasaran supaya kita, semua pihak kita membuat *engagement* dengan berbagai-bagai NGO dan sebagainya mungkin memerangi bahawa dadah ini masih nombor 1, ancaman nombor 1 di negara kita dan perlu kita tumpaskan bersama. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

12.32 tgh.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca sepotong doa]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan undang-undang, suatu akta meminda Akta Dadah Berbahaya 1952. Saya mulakan dengan satu Firman Allah SWT membicarakan tentang isu arak.

[Membaca sepotong ayat Al-Quran] Maksudnya, “Kata Allah SWT, mereka bertanya kepada kamu wahai Muhammad tentang hukum arak dan juga judi. Sebutlah wahai Muhammad, sesungguhnya pada kedua-duanya ada dosa yang besar dan ada pula manfaat-manfaat kepada manusia tetapi dosa besarnya itu, dosanya itu lebih besar daripada manfaat kedua-duanya”.

Ayat ini patut kita jadikan sebagai sandaran di mana kita bincangkan isu yang kita bahaskan pada hari ini iaitu akta yang berkaitan dengan penyalahgunaan dengan satu bahan yang kita panggil ketum. Isunya adalah isu penyalahgunaan. Kita tidak menafikan bahawa asal pada ketum itu adalah halal dan mungkin di peringkat orang kampung dijadikan ubat dan sebagainya. Saya lihat di kampung mertua saya sendiri pun di Baling, Yang Berhormat Baling pun ada di sini sudah keluar. Memang ketum ini dijual, anak-anak kecil pun minum air ketum, jadi macam kebiasaan.

Jadi erti dia menjadi satu kebiasaan kepada orang kampung, anak-anak muda tetapi yang berlaku akhir-akhir ini ialah penyalahgunaan. Pertamanya, kita perlu melihat bahawa Islam sangat menekankan tentang *maqasid* Syariah. Antaranya *hizful* akal, menjaga akal. Matlamat syarak adalah untuk menjaga syarak. Apa sahaja perkara yang boleh merosakkan akal, maka Islam meletakkan tatacara untuk ia dicegah dan bila kita bincang tentang ketum pada hari ini, kalau kita lihat kaedah bila Allah Taala menyebut kisah Nabi Adam a.s., [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Kata Allah Taala, “Pada Adam dan Hawa kami sebut pada kamu Wahai Adam, duduklah kamu dalam syurga dengan isteri kamu dan makanlah selapar-laparnya kamu kehendaki”, [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Seterusnya, “Janganlah kamu mengkhianati pohon ini pasti kamu akan tergolong kalangan orang-orang yang zalim”.

Ayat ini mengajar kepada kita satu kaedah dalam kaedah syarak dipanggil *saddan lil zara'id*, untuk lubang-lubang kesesakan. Pokok yang dilarang oleh Allah untuk dimakan kesannya adalah besar. Allah Taala tidak menyatakan jangan makan tetapi Allah menyatakan jangan mendekati pokok tersebut. Maka ini kaedah yang boleh kita pakai di kala mana kita berhadapan isu ketum ini. Ketum memang asalnya boleh tetapi bila berlaku penyalahgunaan secara besar-besaran sampai ke peringkat dijadikan industri, bukan sahaja di peringkat besar-besaran, di peringkat orang kampung pun menjadikan jualan air ketum dengan harga 20 sen, 50 sen dengan harga RM1.00 menjadi rezeki untuk mereka sedangkan kesannya besar dalam jangka masa yang panjang.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Kuala Nerus. Ustaz, minta laluan sedikit hendak tanya pandangan Ustaz. Kalau kita menanam ketum, kita jual ketum, kita jual daun ketum, kita dapat hasil daripada itu apa hukumnya?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Bagus soalan tadi. Saya baru hendak bahas tentang kaedah, belum letak hukum lagi. Hukum asal pada ketum adalah harus tetapi disalahgunakan. Sekarang kita bincang daripada hukum siasah syariah, satu kaedah yang diambil oleh kerajaan bila mana satu benda yang halal boleh membawa kepada kesan dan kemusnahan yang tidak elok. Itulah perhatian kita pada hari ini, siasah syariah.

Oleh sebab itu saya datangkan data-data tadi untuk dijadikan sebagai panduan. Pada zaman Nabi SAW, bila sahabat tanya Nabi SAW kata mereka. [Berucap dalam bahasa Arab] “Satu minuman sedang dibuat di negeri kami. Minuman itu mempunyai *al-mizru minal sya'id* daripada gandum.”

[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “*Satu lagi minuman dipanggil bita’ dibuat daripada madu.*” Daripada madu, daripada gandum, gandum hukumnya halal, madu hukumnya halal tetapi ceritanya ialah bila orang minum mendatangkan mabuk lalu kata Nabi SAW. [Berucap dalam bahasa Arab] “*Setiap perkara yang memabukkan itu hukumnya adalah haram*”. Ini kaedah yang boleh kita ambil.

Oleh kerana ketum pada hari ini boleh membawa kepada penyalahgunaan dan menyebabkan ramai orang ketagih, memberi kesan sosial yang sangat besar, maka kaedah inilah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk kita menangani ketum ini. Sebab itulah saya sangat bersetuju dengan cadangan rang undang-undang ini untuk membuat satu halangan dan sekatan kepada penggunaan ketum ini agar tidak disalahgunakan.

Akan tetapi yang lebih besar lagi pada saya ialah bila kita bincang tentang salah guna, salah guna disebut *sulih ti’mal* dalam bahasa Arab. Salah guna melibatkan manusia maka bila melibatkan manusia perkara yang paling asas sekali ialah melibatkan manusia itu mesti dididik dan kerana itulah di samping kita meletakkan akta seumpama ini, kerajaan perlu juga menyebut tentang bajet-bajet yang berkaitan dengan pendidikan melibatkan ketum ini. Mungkin keterangan tentang salah guna ketum diperluaskan lagi di peringkat kampung-kampung, kempen-kempen di kampung-kampung, di sekolah-sekolah dijadikan sebagai satu agenda rasmi di setiap kawasan supaya rakyat mendapat maklumat yang lengkap tentang penggunaan ketum ini.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Kedah bangun, Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya faham daripada penjelasan beliau tentang kaedah tadi bahawa ini boleh kita katakan boleh dijadikan kesalahan, menjadi kesalahan kerana penyalahgunaan. Cumanya yang dipertikaikan oleh sebahagian daripada kita ialah hukumannya. Kalau 39(B) hukuman mati. Apakah itu berbaloi, apakah itu wajar bagi satu benda yang asalnya terdapat merata-rata, tumbuhan asal di negara kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih, saya menyokong secara dasarnya tentang sekatan yang akan dikenakan. Hukum perincian yang hendak dibentangkan boleh diperincikan lagi dalam perbincangan kita pada hari ini. Akan tetapi kalau kita lihat pada hari ini kerajaan sendiri pun data dan takrif yang saya dapat berkenaan dengan penagihan dadah sendiri, kerajaan telah membelanjakan RM1 bilion. Itu data tahun 2006.

■1240

Entah berapa yang telah dikeluarkan oleh kerajaan untuk menangani isu dadah sahaja pada hari ini sedangkan kita perlu berhadapan dengan isu yang baru yang namanya penagihan ketum. Oleh kerana itulah saya secara ringkasnya dalam ucapan ini, saya hendak memberikan sokongan kepada apa yang dibentangkan dengan data-data yang saya bentangkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Jerlun.

12.40 tgh.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, kerana memberi ruang kepada saya untuk turut membahaskan satu akta meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 khususnya berkaitan dengan ketum ataupun kratom. Ketum ini bahasa Malaysia, kratom bahasa US, biak ini ialah bahasa Kedah. Di Kedah ini pun ada satu kampung namanya Alor Biak, di Kubang Pasu ada nama satu kampung, Kampung Biak. Jadi, tumbuhan ini adalah dari *family* rubiaceae, di Thailand dipanggil kakuam ataupun ithang dan juga thom. Jadi, rubiaceae ini dikatakan mempunyai dadah yang psikoaktif yang memang boleh membawa masalah.

Asalnya, *buyernya* hanya sekadar macam kita sebut-sebut tadi bahan tradisional untuk seronok-seronok malam kenduri, hendak bagi orang berjaga untuk buat kerja dan sebagainya. Katanya boleh menjadi pemulih tenaga, tidak tahulah zahir sahajakah ataupun batinnya sekali, rawatan mengeluarkan angin dalam badan, rawatan sakit belakang, diabetes, kemudian darah tinggi tetapi dengan syarat, orang tua-tua kata hanya menggunakan dengan kadar yang sesuai iaitu dua atau tiga keping daun.

Akan tetapi yang menjadi masalah di hadapan kita hari ini adalah apabila daun ketum ini telah pun dibuat koktel macam kita sebut tadi dicampur dengan pelbagai bahan terlarang. Maksud bahan terlarang ini bahan antaranya ubat nyamuk, ubat gegat. Adakah itu boleh diminum ataupun secara biasanya kita dapat makan? Tidak boleh, tetapi inilah yang sedang dibuat.

Maka pada tahun 2003, ia telah pun menjadi satu bahan larangan melalui Akta Racun *Third Schedule of Poisons* yang katanya bahan ini mempunyai mitragynine. Mitragynine inilah yang boleh menjadikan orang yang minum itu ketagih. Kesan-kesannya banyak seperti susut berat badan, insomnia tidak boleh tidur, sawan, hilang akal, bibir kering, sembelit, hitam pipi dan sebagainya yang telah kita sebut tadi. *Withdrawal* simptomnya yang kita dapat tahu adalah hidungnya bersin, mata itu ditarik-tarik, sengal-sengal sendi, dia jadi pemarah. Kemudian, dia lemah dan malas hendak bekerja, ini isunya. Tadi kita sebut bila minum ketum, dia kuat bekerja tetapi bila sudah jadi penagih ketum, dia sudah malas bekerja.

Dahulu di US, kita dengar Coca-Cola, ada pokok jenis kola. Pokok kola ini kononnya dijadikan bahan untuk diadunkan bagi menjadi minuman Coca-Cola tetapi apabila lama-kelamaan didapati, pokok kola ini juga boleh menjadi ketagih. Maka Coca-Cola itu sendiri telah pun mengubah resipi mereka. Jadi, di Malaysia ini kita sedang menghadapi satu masalah yang cukup besar kerana apabila ketum ini disalahgunakan, ia sampai melibatkan anak-anak sekolah dan melibatkan rumah tangga dan sebagainya. Maka ia menjadi satu bebanan dan masalah yang besar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sepang bangun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Yang Berhormat Jerlun, kalau kita lihat perbincangan yang setakat ini, memang ada dua pendapatlah. Satu mengatakan ketum ini satu yang bahaya, ada juga mengatakan ia juga boleh

jadi ubat kepada sesetengah orang. *Anyway*, kita sudah ada akta sudah, ada Akta Racun yang mengenakan hukuman ke atas penyalahgunaan ketum ini. Jadi kalau sekiranya kita punya tujuan pindaan adalah untuk hendak menyelesaikan masalah penyalahgunaan ini, setuju atau tidak dengan saya, sepatutnya kalau kita rasa hukuman yang Akta Racun itu kena RM1,000 itu mungkin terlalu ringan, kenapa kita tidak menggunakan pinda akta itu untuk mengenakan hukuman lebih berat daripada kita masukkan dalam Akta Dadah Berbahaya ini?

Ini sebab dalam pindaan ini juga termasuk dalam seksyen 6B. 6B ini, hukuman dia adalah sampai hukuman penjara seumur hidup dan enam sebatan. Jadi ini nampaknya kita seolah-olah mencari jalan singkat. Saya rasa kalau masalahnya ialah **rampancy** - masalah dalam bahasa Melayunya, benda ini sudah biasa orang gunakan, *maybe* kita masukkan dalam Akta Dadah Berbahaya. Akta Dadah Berbahaya ini perbicaraannya berlainan. Apa lagi baru-baru ini kerajaan pinda pula masuk *double presumption* dan sebagainya. Jadi, proses hendak mendakwa dan menggunakan hukuman itu lebih mudah. Saya rasa kalau kita semua bersama pun bahawa ketum ini perlu dikenakan tindakan, setuju atau tidak dengan saya, kita pinda Akta Racun itu? Kenakan hukuman lebih berat lagi. Macam mana? Terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya pun sebenarnya tidak pandai hendak menyentuh hal-hal berkaitan dengan hukuman sebab dalam ini pun tidak ada dinyatakan adakah ia akan dikaitkan dengan 39B dan sebagainya. Akan tetapi saya melihat bahawa sekadar apa yang dimaklumkan selama ini di bawah Akta Racun ini, ia tidak mendatangkan apa-apa kesan kepada mereka. Banyak macam di tempat saya ini, pelbagai *raid* ataupun serbuan-serbuan telah dibuat sama ada di peringkat hendak kata kilang bukan kilang tetapi tempat proses air daun ketum ini, banyak kali telah pun ditangkap diberikan hukuman RM1,000 atau RM2,000 tetapi mereka sanggup bayar dan masih senyum.

Jadi, saya melihat bahawa daripada segi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sepang tadi, kalau hendak diperketat lagi, hendak ditingkatkan lagi hukuman di bawah Akta Racun, mungkin satu jalan. Akan tetapi hari ini kita sedang berbincang dalam suatu akta yang saya kira boleh memberi tamparan dan juga kesedaran kepada mereka yang memang hari ini bukan sekadar terlibat secara kecil-kecilan, malahan sudah menjadi *business* ataupun industri yang besar. Di Kedah, Jawatankuasa Fatwa Negeri telah pun bersidang pada 3 Oktober 2005 yang mana ekstraknya menyatakan meminum air daun ketum sehingga memabukkan dengan dicampur bahan-bahan yang lain, maka hukumnya haram. Akan tetapi katanya kalau daun ketum asal, maknanya daun ketum sahaja, bila direbus dua atau tiga helai ini diminum, itu harus kerana bagi tujuan perubatan. Maka isunya ialah masih apabila daun-daun ketum ini dicampur dengan bahan-bahan asing yang boleh merosakkan badan dan sebagainya.

Kemudian tadi ada mereka sebut bagaimana hendak mengatasi orang-orang yang kini telah pun di Kedah mengorbankan beberapa relung atau ekar bendang, menanam ketum secara *full time* dan di pagar, dibubuh *spotlight* dan sebagainya. Ini sebab daun ketum ini mahal, RM30, adakala sampai mencecah RM50 sekilo, maka mereka terpaksa pagarkan, kemudian diletak *spotlight* untuk menjaga orang-orang yang hendak mencuri pula. Ia jadi satu masalah lain pula. Akan tetapi kalau dicuri pun

mereka tidak *report* kepada polis sebab memang mereka tidak berani. Jadi, kita menggesa dan memang Kementerian Pertanian telah pun - Timbalan Menteri sendiri telah menyatakan di satu majlis di Sungai Petani. Kementerian Pertanian sanggup membantu mereka yang kini terlibat dengan industri ketum secara besar-besaran ini untuk digantikan pula pokok-pokok itu mungkin dengan tanaman mempelam, mempelam harumanis, sala, cakonan dan sebagainya untuk mengatasi masalah.

Namun, saya rasa kalau keadaan, kalau sekadar tawaran seperti itu tidak memberi tarikan ataupun minat kepada mereka kerana minat menjual daun ketum itu jauh lebih tinggi kerana pulangnya jauh lebih besar. Di Kedah juga banyak serbuan dan tangkapan dibuat yang mana kereta-kereta dari Thailand masuk bukan hanya sekadar hendak membeli petrol yang murah, diesel yang murah tetapi mereka juga mengisikan guni-guni ketum dan sebagainya untuk dibawa balik ke Thailand. Ini kerana di Thailand katanya, saya difahamkan, hukuman ketum ini yang ditangkap, yang menyalahi undang-undang, mereka yang didakwa katanya mudah hukumannya sekeping daun RM60, 60 Baht. Jadi 60 Baht cukup menakutkan orang-orang Thailand untuk menanam pokok ketum. Jadi, mereka datang ke Kedah dan mengambil jalan pintas ke Kedah, sempadan-sempadan di Gerik dan sebagainya untuk mengimport daun-daun ini balik ke negeri mereka.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Jerlun. Yang Berhormat Tasek Gelugor. Setujukah Yang Berhormat Jerlun bahawa proses penghantaran daun-daun ketum ini daripada satu tempat ke satu tempat juga telah melibatkan industri bas ekspres? Jadi, antara Malaysia Timur dengan Malaysia Barat dan sebagainya jadi menunjukkan keadaan ini begitu gawat. Terima kasih.

■1250

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Saya amat setuju dengan Yang Berhormat Tasek Gelugor. Itu kalau antara negeri. Tapi kita juga telah mendapati AADK telah melaporkan bahawa ada dikesan penghantaran daun-daun ketum ini melalui pos laju dan juga *courier service*. Jadi macam contoh di Kedah di hantar orang-orang Melawati di Kuala Lumpur dan sebagainya dihantar melalui pos laju. Ini mungkin cara yang biasalah. Dia orang ini pandai sebab dia orang tidak dapat dikesan dan sebagainya tetapi ada juga *report* dalam laporan mengatakan bahawa bukan hanya sekadar penghantaran-penghantaran antara bas dan sebagainya, malahan hendak dicepat, hendak daun *fresh* maka dihantar melalui pos laju.

Di Baling, Yang Berhormat Baling tidak ada di sini. Di Sik, di Baling dilaporkan hari ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang bangun.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat. Jika penguatkuasaan ini kita dapat melaksanakan melalui akta yang kita akan luluskan pada hari ini, adakah nanti bila pengusaha-pengusaha daun ketum yang kita tahu ada ladang dan sebagainya ini, kita pastikan mereka ini dikenakan tindakan dan kalau ada permohonan hendak insentif kah, hendak minta tanam semula daripada kerajaan dan sebagainya ini untuk tanaman-tanaman lain pun kita tidak akan layan. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Itulah yang sewajarnya yang saya sebutkan tadi. Macam di Kedah ditutup tanaman padi, dibuat batas ditanam ketum. Berelung-relung ini, berekar-ekar kita boleh nampak dari jauh dan sebenarnya saya melihat bahawa daun ketum ini pada asalnya tumbuhan liar. Dia hanya tumbuh satu dua batang pokok di celah-celah belakang rumah dan sebagainya tetapi bila sudah mendapat permintaan yang tinggi, maka orang sanggup terang-terangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sendiri sudah turun di kawasan saya di Jerlun dan melihat sendiri, berelung-relung, berekar-ekar tanaman ini dibuat.

Hari ini terdapat pula, tadi kita sebut jualan ketum dalam plastik macam Yang Berhormat Gerik sebut tapi hari ini air ketum ini ditaruk dalam macam dibuat jus kemudian disimpan dalam cup yang cantik. Jadi orang tidak nampak. Kemudian ada juga dibuat dalam bentuk puding. Puding ini macam satu makanan. Jadi yang ini pun sudah mudah untuk dibawa dan di dapati oleh anak-anak sekolah. Jadi inilah yang menjadi satu pada saya kita tidak perlu bimbanglah sama ada akta ini betul, tidak betul. Macam ada setengah-setengah pendapat mengatakan mungkin kita terburu-buru tetapi saya rasa dia sudah memang sudah menjadi satu masalah yang besar dan perlu tindakan segera dan kita harapkan dengan jadual-jadual yang akan dipinda ini akan insya-Allah dapat membendung masalah dan gejala daun ketum.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Jerlun lah, polisi yang ada sekarang ini tangkap berkenaan dengan dadah, tangkap, penjara dan yang mengedar hukum gantung sudah lebih dari 50 tahun tapi kita rasa kita tidak begitu berjaya. Sebab apa dadah makin banyak, dadah sintetik lagi naik. Lagi kalau ketum ini yang lebih senang didapati. Kenduri orang buat jamuan, kenduri, ada parti kah, apa semua orang guna dengan sewenang-wenangnya. Senang jugalah. Sampai boleh buat ladang, boleh buat pagar pun tidak kena tangkap. Jadi agak-agak bila dilaksanakan nanti macam mana kesan dia. Pulihkan dan berkurangan. Terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Saya ingat kerja menangkap, kerja mendakwa, kerja itu bahagian pihak polis ataupun ialah kerajaan tapi kalau kita tidak buat langsung lagi masalah. Kita ingat dulu tahun 60an saya kecil-kecil lagi masa itu, masa kenduri pun orang memang berseronok-seronok dengan daun ganja. Memang masa itu boleh dapat dan macam open juga tapi pada ketika itu orang yang bercakap sama juga hari ini dengan ketum. Kononnya air ketum ini untuk kita buat seronok-seronok, minum seronok-seronok sementara bekerja siang daging apa semua semasa malam kenduri tapi gejala ini sudah menular. Sudah menjadi di luar kawalan, sudah tidak terkawal.

Jadi apatah lagi kalau tidak ada langsung akta yang membendung, yang mencegah maka sudah tentu dia akan menjadi di luar kawalan dan sudah rosak. Hari ini kesannya, kesan yang kita sedih sangat ini dia sudah menular kepada anak-anak sekolah. Laporan saya baru ini pergi PIBG di Sekolah Matang Berulai, di sekolah dilaporkan kehadiran murid sudah menurun. Kemudian guru-guru ini dia kan KPI dia hendak kena, hari ini KPI guru memastikan kehadiran murid lebih daripada 96% tapi bila murid-murid ini sudah mula terjebak dengan perkara-perkara ini, kehadiran sudah mula menurun sampai 60%-70%.

Jadi ini antaranya dan ada juga laporan yang mengatakan ini *to be confirmed by authorities* yang saya dengar ada orang yang terlibat ini juga guru. Guru yang terlibat dengan daun ketum, makan minum, makan minum sampai akhirnya dia meninggal. Kemudian dibuat *post mortem*, dibelah dadanya. Katanya di paru-parunya itu terdapat liputan getah-getah ketum. Jadi yang ini saya tidak tahulah. Ini saintifik tapi yang penting ialah kesannya kita boleh nampak bahawa ia berat dan bermasalah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh mencelah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Kedah dan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Sila-sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang mana satu. Sila Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Saya hendak sebut sedikit kerana Yang Berhormat Jerlun menyebut tentang *side effect* ketum, kesan sampingan dan saya 20 tahun lebih pengamal perubatan di Kuala Kedah, kawasan asal permulaan ketum disalah gunakan secara meluas dan dikatakan orang yang mula-mula itu pun hidup sampai 100 tahun lebih. Disebut oranglah. Cuma saya hendak sebut bahawa ketum tidak mempunyai kesan sampingan sampai bawa maut. Kesan sampingannya minima dan kesan *withdrawal*, kesan bila dia meninggalkan ketum juga sangat minimum. Boleh diselesaikan dengan mudah. Tidak seperti heroin, tidak seperti morfina dan ramai penagih dadah heroin dan morfina yang dalam *follow up* saya memang dapat meninggalkan heroin dan morfin dengan mengambil ketum dan tidak ada kes kematian kerana ketum, tidak ada.

Cuma ketagihan dan *withdrawal* kerana tidak ada duit hendak beli, tidak ada bekalan maka malas bekerja itu adalah. Kalau yang terus-terusan dapat itu boleh juga lah. Cuma kuruslah sedikit. Terima kasih.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Jerlun, terima kasih. Saya ingin sentuh tentang penyelidikan ataupun *research* yang telah dibuat ke daun ketum ini. Tahap mana pihak kerajaan ataupun agensi telah membuat penyelidikan secara saintifik, secara baik dan buruknya. Yang itu hendak tahu dan adakah kajian ini akan terhenti sekiranya ketum ini diharamkan kerana kita mahu pihak kerajaan meneruskan *research* dalam kita mengkaji kebaikan yang ada dalam pokok-pokok ataupun hasil bumi ada di Malaysia ini. Sebagai contohnya dulu disebutkan tentang pokok bitangor. Famili kepada manggis yang boleh dikatakan mengubat AIDS dan HIV. Adakah penyelidikan itu diteruskan lagi. Jadi saya mohon pandangan dan juga saranan daripada pihak Yang Berhormat Jerlun supaya kita bersama-sama dapat meneruskan penyelidikan, *research* atas kebaikan dan juga keburukan secara saintifik oleh pihak kerajaan dan juga agensi-agensi kerajaan.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Pertama yang Yang Berhormat Kuala Kedah, saya tidak adalah, saya tidak pasti katanya bila minum ketum ini tidak nampak banyak orang mati. Kemudian *withdrawal symptom* pun tidak berapa jelas tapi yang jelasnya anak-anak muda berkeliaran menunggu di simpang-simpang. Tidak kiralah mungkin tidak di Kuala Kedah tapi saya rasa di Kuala Kedah tidak

terasing dengan pandangan-pandangan seumpama ini. Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi...

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Jerlun. Setiawangsa.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: ...Jadikan sebahagian daripada ucapan saya sebab minta kementerian kaji secara ini. Saya ingat kajian-kajian ini sudah dibuat sudah, *proven and all that* cuma mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jawab satgi. Terima kasih. Sila.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Jerlun, Hovid Berhad ialah salah sebuah syarikat farmaseutikal yang agak besar di Malaysia ini. Mereka telah mengkomersialkan ketum ini dan akan dilancarkan di Hong Kong. Saya hendak tanya adakah kerajaan tahu bahawa Hovid Berhad ini telah melakukan *research* ketum ini yang mana akhirnya akan dilancarkan ataupun farmaseutikal ini, pihak kerajaan tidak tahu mengenai perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Masukkan juga sebahagian ucapan sebab itu persoalan yang saya kira betul. Saya melihat bahawa sama dibuat kapsul ketum dan juga kapsul tongkat ali sekiranya paras atau hadnya tidak berlebihan dan tidak mendatangkan kemudharatan. Saya yakin kalau kata penyelidikan perubatan yang dibuat ini kalau digunakan dengan formula yang tertentu yang tidak memudaratkan orang, tentunya ia akan boleh dikomersialkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Lekas, pukul satu ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita ada bertentangan ini. Kalau undang-undang ini diluluskan, semua segala usaha ini akan dihentikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kerana tidak akan lah kita komersial heroin, kita hendak komersialkan bahan-bahan yang hendak disenaraikan dalam Akta Dadah Berbahaya. Saya agak kita harus faham implikasi kita luluskan undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun dok terfikirilah. Kalau hendak fikir benda yang kalau disalah guna, mendatangkan mudarat maka oleh sebab itu kita kena haramkan, yang gam itu, glue itu pun menjadi satu masalah. Orang dok hidu pun boleh jadi sebagai dadah. Lalu kita kena bezakan di antara benda yang pada asalnya tidak ada masalah dan perkara yang soal penyalahgunaan dan saya melihat mungkin persoalan ini persoalan kawalan ya. Mana tempat-tempat ataupun ladang-ladang ketum ini dia kena mungkin dia dijadikan sebagai kawasan kawalan macam *bonded area* ke apa. Lalu hasil daripada itu, jualan itu kena pergi kepada syarikat-syarikat farmaseutikal dan sebagainya dan bukan soal pengharaman yang menyeluruh yang sebegitu rupa yang mungkin akan menimbulkan masalah-masalah yang lain. Apa pandangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Jerlun, kita sudah pukul satu, hendak sambung atau menggulung.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Saya hendak habis sudah Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah pukul 1 ini.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Okey, kita tangguhkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sambung ya. Yang Berhormat Jerlun hendak sambung atau hendak...

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Sambung sikit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sambung sikit ya. Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang dan Yang Berhormat Jerlun lima minit lagi ya.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun.

2.32 ptg

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk meneruskan sedikit lagi perbahasan berkaitan dengan tajuk ini. Tadi ada ditimbulkan sedikit konflik antara contohnya ada orang cuba membuat kajian untuk membuat kapsul dan akan dilancarkan dan sebagainya. Mungkin dari segi ini kerajaan perlu melihat untuk melesenkan ladang-ladang berkaitan khusus untuk tujuan tersebut.

Seterusnya, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua selain daripada akta ini yang lebih daripada berbentuk menghalang dan juga mungkin menghukum kita perlu menekankan juga kerja-kerja berkaitan dengan pendidikan dan pembelajaran. Kita perlu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan sebelum ini iaitu usaha sama antara pelbagai kementerian dan agensi dalam bentuk NBOS. Sekolah-sekolah perlu diberikan penekanan lagi.

Kemudian, sudah tentulah pihak polis perlu untuk memberi maklumat dan taklimat, AADK, imam-imam dan juga sudah tentu JAKIM dan juga majlis atau pun Jabatan Agama Negeri-negeri, penghulu-penghulu dan juga JKKK, kemudian NGO termasuklah PEMADAM dan juga fokus kepada Jabatan Belia dan Sukan melalui persatuan-persatuan belia. Seterusnya, diperbanyakkan mungkin *billboard*, *posters* dan juga *leaflet* dan perlu dibuat maklumat dan juga taklimat kesedaran dan sebagainya dalam apa juga program-program yang melibatkan orang ramai. Jadi, saya kira selain daripada usaha-usaha yang dibuat melalui peruntukan akta yang dibentangkan ini, maka pembelajaran dan juga *educational* ini amat penting untuk memberi kesedaran kepada rakyat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput.

2.34 ptg

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya ruang berbahas Akta Dadah Berbahaya ini. Saya rasa pindaan yang dibawa ini tidak begitu bagus kerana saya rasa kita kena tengok. Sudah sampai masanya kita kena kaji balik pendekatan kita kepada penagih-penagih dadah.

Kaedah sekarang kita pakai ialah untuk tangkap, kita hukum mereka, tahan dalam penjara, kita *punish* mereka. Saya sendiri sudah nampak macam mana kaedah ini menjejaskan usaha mereka untuk memulihkan diri dan juga menyusahkan keluarga-keluarga mereka. Kita tidak boleh tafsirkan semua penagih dadah, semua orang yang ambil dadah sebagai *failure*, sebagai *useless*, tidak berguna kepada masyarakat.

Ada sebahagian daripada penagih yang sedang cuba untuk memulihkan diri, yang sedang cuba menjadi satu bapa ataupun satu suami yang bertanggungjawab. Mereka keluar kerja, mereka cari pendapatan, mereka cuba jaga keluarga mereka walaupun mereka masih ambil dadah, sekali sekala mereka ambil dadah. Akan tetapi bila kita pakai kaedah *punishment*, kita tangkap mereka, kita sudah serap dia punya *life*. Dia kehilangan kerja, majikan mereka *fade up* dengan mereka, dia tidak dapat kerja. Mereka tidak boleh cari makan untuk keluarga mereka. Akhirnya isteri dia *fade up* dengan mereka, mungkin *walkout* daripada mereka.

So, bila kita buat macam ini, bila mereka selalu ditangkap, ditahan, direman, kerja hilang, kita kecewakan keluarga mereka dan kita pun gagalkan usaha mereka untuk *turn a new life*, untuk memulihkan diri. Bila mereka sudah digagalkan, hilang kerja, hilang keluarga, *family* pun *fade up* dengan mereka, apa lagi insentif mereka untuk memulihkan diri. So, saya rasa kaedah ini kena kajilah. Kita mesti tengok mahukah kita terus mengiktiraf pengambilan dadah sebagai jenayah. *Do you want to criminalize drug take it* ataupun itu satu kelemahan ataupun kesakitan, masalah *health*. Saya rasa kita boleh menjenayahkan, *criminalize* pengedaran dadah *because* orang yang mengedarkan dadah, jual pada orang lain atau pun dia mencuri untuk membeli dadah. Itu semua adalah jenayah, kita boleh hukum ataupun dia bawa kenderaan bila di dalam mabuk dadah itu. Itu kita boleh jadikan jenayah tetapi pengambilan sahaja di rumah mereka sendiri saya rasa itu kita harus tafsir lain macam.

Jika tidak, mereka perlu kaunseling, mereka perlu usaha-usaha untuk memulihkan mereka. Bukan untuk dihukum, bukan untuk disimpan dalam penjara, bukan untuk menggagalkan usaha mereka untuk memulihkan diri.

So, saya rasa pindaan yang dicadangkan ini kita mahu lagi memperluaskan bahan-bahan yang boleh dikenakan semua syarat-syarat di dalam BDA ini. Saya rasa ini akan menyusahkan ramai lagi orang. Di kawasan saya pun saya tahu ada ramai orang yang ambil tetapi mereka masih kerja, mereka masih belajar. Saya ingat kita kena cari kaedah yang tidak *heavy handed* macam ini. Saya haraplah Kementerian Dalam Negeri dengan Kementerian Kesihatan akan kaji balik pendekatan kita. *What's our approach* dan saya haraplah kita boleh *decriminalize* pengambilan dadah. Lain dengan pengedaran, buat *business* dengan dadah semua jenayah tetapi ini pengambilan sahaja saya rasa kita harus

decriminalize dan cari kaedah yang lain untuk memulihkan mereka. So, oleh itu saya tidak dapat menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kedah.

2.38 ptg

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya bercakap satu topik yang agak dekat dengan hati saya kerana di kawasan Kuala Kedah ialah kawasan yang banyak terkena penagihan dadah dan antara kawasan yang paling awal dan paling ramai penagih ketum. Ini satu masalah yang besar yang saya rasa pendekatan kita ambil itu tidak begitu tepat dengan mengenakan hukuman yang sangat berat.

Akan tetapi sebelum saya pergi lebih lanjut saya perlu mengakui bahawa memang kita ada masalah yang besar tentang penagihan dadah dan penagihan ketum juga. Memang betul ada anak-anak di sekolah tidak dapat pergi sekolah dan ada penagihan di peringkat awal walaupun saya rasa boleh kita tangani dengan langkah yang lebih bersungguh-sungguh. Yang perlu ialah penguatkuasaan *policing* dengan izin dan juga di sekolah itu perlu ada pemerhatian yang khusus, kesungguhan yang khusus boleh kita atasi. Saya tidak merasakan langkah mengenakan hukuman yang berat sehingga membawa seumur hidup penjara, malahan berisiko dihukum gantung, dihukum sebat. Terutamanya kerana adanya perbezaan besar antara ketum dengan heroin dan *morphine* dan lain-lain lagi.

■1440

Pertamanya, ketum ialah tumbuhan asal dan kalau kita mengatakan sebatang pokok tumbuh pun, kita akan ada masalah di kawasan-kawasan luar bandar. Sesetengahnya, orang tua-tua yang sudah pencen, yang tidak pernah kenal pokok ketum, kampungnya pun semak, tidak pernah ditebas dan dibersihkan. Pokok ketum tumbuh, kalau tertangkap, maka akan ada perbicaraan yang berlarutan yang menganiaya orang tadi kerana tidak perlu dia menanam, memang ada tumbuh. Memang ketum ini senang membiak di Kedah, memang ada Alor Biak dan Biak itu nama tempat-tempat yang disebut memang ada tumbuhan asal. Itu satu.

Keduanya, tadi ada disebutkan bahawa ketum sebagai dalam pengubatan tradisional, digunakan dalam perubatan tradisional, itu memang betul. Walaupun tidak ada kajian-kajian yang cukup mantap tetapi ada yang berbentuk *anecdotal*, dengan izin, kejayaan menggunakan ketum, terutamanya pada dua aspek perubatan. Satu, dalam mengendalikan pesakit yang kronik, *in managing chronic pain*, dengan izin. Sakit saraf terutamanya, sangat teruk, sangat hebat, sangat menderita orang yang sakit saraf. Siapa yang pernah kena *prolapse intervertebral disc*, siapa yang pernah kena *sciatica fibromyalgia* akan tahu bagaimana seksanya sakit.

Ubat-ubat penyakit saraf Tuan Yang di-Pertua, juga sangat memabukkan. Ada ramai pesakit yang kali pertama diberi ubat pregabalin umpamanya, ubat yang terbaik, antara yang terbaik. Sebiji sampai RM7 atau RM8, sehari kadang-kadang sampai RM20 belanja, pregabalin tidak buka mata satu hari tetapi terpaksa ambil kerana tidak tahan sakit. Ubatnya begitu. Ambil ketum, hilang sakit tadi. Itu

bukan lagi satu yang direka-reka. Ketum jauh lebih murah serta tidak menyebabkan kesan sampingan yang begitu.

Adalah tidak betul mengatakan tidak ada kajian. Ada kajian, cumanya kerana ketum tidak tumbuh di Amerika. Jadi, kajiannya tidak begitu mantap, tidak begitu meluas. Akan tetapi begitu pun telah digunakan secara *anecdotal* apabila kita *check* dalam beberapa jurnal untuk menghilangkan *chronic pain* dan berkesan. Sekarang ini *management of chronic pain* kita tidak berkesan. Itu yang cuba dibuat oleh Hovid Pharmacy. Selain itu, ada...

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Titiwangsa bangun Yang Berhormat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ya, silakan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Kuala Kedah, saya agak tertarik dengan *argument* Yang Berhormat Kuala Kedah ini. Jadi, adakah perlu kerajaan melihat semula sama ada ketum ini kalau benar ia memberi manfaat daripada segi perubatan tradisional ataupun perubatan yang digunakan oleh syarikat-syarikat yang besar dalam menggunakan ini sebagai salah satu daripada syarikat yang menggunakan tumbuhan semula jadi ini.

Adakah perlu kita *instead of* kita ambil jalan mudah dengan membuat akta ini, adakah kita perlu gunakan ini sebagai melesenkan? Apabila kita melesenkan seseorang itu, maka mereka ini bertanggungjawab daripada segi memberitahu kepada kerajaan kepada mana dijual? Atau pun apakah tumbuhan ini diguna pakai untuk apa untuk dilesenkan? Apa pendapat Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Titiwangsa. Itu satu komen yang baik dan saya juga berpandangan sedemikian kerana ketum ada potensi pada masa depan. *Chronic pain* tadi yang saya sebut, saya jelaskan. *Chronic pain* adalah satu keadaan yang sangat sukar dirawat dalam *general practice* juga di hospital. Ramai orang gagal merawat kerana tidak dilihat tetapi dengan ketum, saya pernah melihat pesakit yang sembuh. Apabila saya *check* balik di internet ada *anecdotal evidence*. Itu satu potensi.

Keduanya, saya akan sampai ke situ. Keduanya juga, ketum digunakan oleh orang ramai di luar sana tanpa *supervision* doktor untuk menghilangkan ketagihan heroin dan morfin. Ini pengalaman pertama saya sebagai pengamal perubatan swasta tahun 1992 dahulu. Sebelum itu saya bekerja dengan kerajaan. Saya lihat penagih-penagih heroin dan morfin tiba-tiba datang dan dapat berhenti, dapat pergi kerja. Masa itu belum ada lagi yang disebut *substitution therapy*, terapi penggantian dengan *buprenorphine* dan *methadone*. Mereka rawat sendiri dan dapat pergi kerja, dapat menyara keluarga.

Apabila saya tanya, sekejap. Sedikit sahaja. Saya tanya bagaimana? Oleh sebab ada ketum. Akan tetapi betullah, mereka juga macam yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi, akhirnya mereka ketagihan ketum. Walaupun begitu, mengambil *buprenorphine* dan *subutex* yang sekarang digunakan dan mengambil *methadone* juga ketagih. Cuma bezanya Tuan Yang di-Pertua, sebiji *buprenorphine* beberapa tahun lepas RM48. Sehari ada yang kena ambil dua biji dan kesannya lebih kurang sama dengan mengambil ketum. Mengambil ketum dapat juga mengawal ketagihan tadi.

Jadi maksudnya, ada potensi, itu maksud saya. Menjawab soalan saudara saya Yang Berhormat Titiwangsa, saya rasa kita jangan terus memasukkan di bawah DDA dan menghukum dengan begitu keras. Kita buat kawalan. Kalau anak-anak sekolah berlaku penyalahgunaan- *something is wrong at the school*. Kita buat suatu pengawalan dan juga keraskan lagi denda, misalnya di Thailand. Di Thailand, sehelai daun THB60, RM6. Kenapakah kita tidak buat undang-undang begitu? Itu juga menggerunkan orang di Thailand untuk menanam ketum, tidak lagi jadi komersial, tidak lagi jadi menguntungkan.

Saya teringat masa di Turki, pernah sekali sampai ke tempat asal opium. Tempat itu pun bernama opium lebih kurang, begitu nampaknya. Saya diberitahu, di situ Kerajaan Turki membenarkan opium ditanam, pokok kopi, cumanya sangat *strict*. Ada *cropper*, ada pengawasan. Sesiapa yang melanggar, terus tarik lesen, terus didenda, begitu. Oleh sebab ia tumbuhan asal... Ya, silakan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerantut.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi yang mana Yang Berhormat?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Langkawi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Langkawi dahulu.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Jerantut dahulu.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Padang Besar, *sorry*.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Padang Besar?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Padang Besar dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Besar.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Pasal ketum ini sebab apa Tuan Yang di-Pertua, sebab disebut biak tadi memang di Padang Besar itu ada kampung Lembah Biak, memang banyak biak dan ia ditanam di merata-rata dan tumbuh dengan liar.

Jadi, apabila kita lihat nilai-nilai perubatan, saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah tadi. Ini kerana semalam pun saya ada dapat telefon dari seorang pegawai tinggi kerajaan, dia beritahu bahawa kadang-kadang dia bawa kereta mengantuk, dia makan daun untuk tahan mengantuk. Jadi, kita lihat di sini nilai-nilai perubatannya adalah banyak.

Ia tidak sama dengan kanabis, dengan dadah-dadah jenis lain. Jadi, apabila kita lihat di sini walau asasnya kita mengharamkan ketum ini kerana penyalahgunaan iaitu kita masak, kita campur dengan ubat pelbagai, ubat nyamuk, ubat gegat. Jadi, macam-macam benda. Jadi, itu asasnya, tetapi kita lihat daripada segi perubatan. Apabila kita lihat undang-undang yang mendenda orang yang terlibat dengan ketum ini terlalu keras iaitu langsung kita lihat di sini tidak boleh tanam pokok pun.

Pokok ketum pun tidak boleh ditanam sebagaimana pokok ganja. Jadi, ia terlalu keras. Jadi, saya rasa sebab orang kampung tanya, arak ini haram, Tuhan haramkan arak tetapi ketum kita pula haram. Arak tidak haram, ketum haram. Ini beza sedikit. Jadi, kadang-kadang kita berhadapan dengan orang

kampung, sesuatu tindakan yang kita buat itu mestilah kita lihat ia memberi *rationalize* ataupun satu justifikasi tentu kepada masyarakat. Jadi, kita lihat ini, saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah. Jadi, kawalan, kalau guna daun ketum...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Padang Besar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat, mencelah.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: *Sorry*, hendak minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Selepas Yang Berhormat Padang Besar.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Selepas Yang Berhormat Padang Besar.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Jadi, kita minta bahawa kita perlu kaji semula. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah, bahawa undang-undang ketum ini jangan terlalu keras dan kalau boleh ada pengawalan. Maknanya, kalau mereka hendak minum daun ketum, kita lesenkan. Daun ketum yang mana boleh minum dan tidak ada nilai racun dan sebagainya.

Jadi, kita lihat masyarakat, kita lihat di sini kalau penyalahgunaan pun kita tidak boleh kawal, hari ini kita hendak kawal, buat undang-undang hendak kawal. Jadi, ini sudah tentunya bertentangan dan saya rasa sukar untuk dikawal kalau kita buat undang-undang yang keras sebegini. Terima kasih.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Kuala Kedah, hendak tambah sedikit.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Sekejap. Sekejap lagi saya bagi peluang. Hendak tambah sedikit *point*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah potensi yang ada. Kalau kita meletakkan ia sama dengan ganja misalannya, maka *research* dan juga keinginan untuk buat *research* itu akan hilang, itu satu.

Nombor duanya, kita ada kecenderungan untuk meremehkan, memperlekehkan ubat-ubat tradisional daripada hujah beberapa orang yang saya pernah dengar tentang ketum ini. Memang tidak ada kajian yang mantap tentang darah tinggi, kencing manis dan lain-lain lagi tetapi itu digunakan secara tradisi. Saya dan ramai orang pernah melihat kesan yang positif. Oleh sebab itu ada *postings*, makna dalam kajian yang cukup mantap. Saya perlu ingatkan bahawa ubat yang paling dianggap hebat, anti malaria pada zaman ini, *artemisinin*.

■1450

Itu ialah ubat lama digunakan dalam perubatan Cina daripada satu pokok namanya *cinchona*, ia tidak dipedulikan. Sehingga penyelidikan malaria mendapati *the end*, tidak ada lagi jalan keluar, akhirnya balik dan didapati ubat tadi berkesan. Mungkin ketum dalam kategori tadi tetapi dalam masa yang sama saya tidak menafikan macam Yang Berhormat Padang Besar beritahu ada masalah. Akan tetapi penguatkuasaan dan juga kebolehan kita mengatasi masalah tadi, penagihan di kalangan remaja, polis, sekolah, itu perlu ditingkatkan. Kalau kita mengharamkan sahaja kita menangkap beberapa orang dengan tenaga polis yang ada sekarang heroin, morfin yang sudah tentu haram. Tentu najis dadah, tentu

hukuman yang keras tetapi masih beribu-ribu yang masuk pusat pemulihan pun tidak pulih. Tadi saya janji kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor lepas itu saya ingat Yang Berhormat Kapar. Sila.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dalam perbahasan kita dari pagi tadi ini tentang kita hendak kenakan satu hukuman yang berat atau tidak pada daun ketum ini. Jadi tadi Yang Berhormat Alor Star memberikan hujah yang teknikal untuk kita faham tentang kedudukan *content* atau kandungan dalam daun ketum dan sebagainya. Kemudian ada juga pihak yang beri pandangan sama ada ia haram ataupun tidak daripada segi Islam. Jadi, saya rasa kita sudah hampir kepada satu *conclusion*, dengan izin, iaitu di mana dalam hal ini saya berpendapat bahawa kita tidak boleh hendak putuskan keputusan itu hari ini tentang daun ketum ini.

Jadi sebaliknya, saya rasa kita perlu dapatkan satu pandangan yang *legal* terutama daripada segi haram atau tidaknya dan *condition* yang tertakluk daripada segi agama. Maknanya di sini kalau Yang Berhormat Alor Star setuju kita minta supaya JAKIM membuat satu ulasan tentang *condition* yang berlaku kepada isu ketum ini. Ada ketikanya dia halal, ada ketikanya dia haram dan sebagainya. Kemudian dalam masa yang sama juga Kementerian Kesihatan membuat satu analisa yang terperinci tentang kesan daun ketum ini secara teknikal. Jadi, antara dua hubungan teknikal dan juga hubungan daripada segi hukum agama, jadi kita boleh buat satu *conclusion* yang tepat, yang boleh membantu rakyat menghindarkan bahaya daun ketum tetapi tidak mengurangkan apa yang boleh dinikmati oleh rakyat. Jadi, setuju kah Yang Berhormat Alor Star kalau kita pergi kepada tahap itu? Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Kuala Kedah. Okey, saya beri dahulu Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kedatangan ibu bapa dari Sekolah Swasta Acmar mewakili Parlimen Kapar [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, mereka sedang melihat Ahli Parlimen mereka berbahas.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ya, betul Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya amat setuju dengan Yang Berhormat Padang Besar. Bila kita balik kepada gejala sosial saya rasa dengan minum arak ini lebih teruk, lebih utama lagi *cheap liquor*, *liquor* yang murah.

Seorang Ahli: ...Patta.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ha! *Patta sarayam*. Betul, saya bantu Yang Berhormat Baling, dia suka dengan *patta sarayam* [Ketawa]

Masalahnya, masalah gejala yang timbul ini dari arak lebih teruk tetapi ketum ini masih lagi boleh dikawal dan masih lagi boleh dibuat kajian. Dalam ulasan saya nanti kalau sempat saya boleh bicara lebih panjang tetapi pada pandangan Yang Berhormat Kuala Kedah, saya rasa fokus kini kepada Kerajaan Pusat adalah lebih kepada menahan penyeludupan alkohol murahan ini bukan kepada daun ketum. Pendapat?

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Kuala Kedah terima kasih. Tadi saya bagi tahu sebelum *lunch* tadi mengenai salah sebuah syarikat yang terbesar *pharmaceutical company* Hovid. Saya rasa kita tidak boleh korbakan ketum ini hanya kerana *ignorant* kita. Saya tidak rasa syarikat yang besar ini tidak membuat *research* sehingga mengambil daun ketum ini sebagai tidak ada *healing properties*. Bermakna ia ada *healing properties* tetapi disebabkan kebanyakan kita tidak mempunyai ilmu yang cukup untuk ketum ini menyebabkan kita rasa ia berbahaya. Satu lagi, *National Institute of Traditional Medicine Thailand, they also find out that* ketum ini mempunyai asas *to keep out drug habit*. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Kuala Kedah untuk tidak kita luluskan satu *bill* yang mempunyai implikasi yang besar, kita buat kajian dahulu sehingga kita dapat keputusan yang munasabah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Saya rasa saya perlu *straight to the point* sebab masa. Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Memang betul macam saya cakap tadi walaupun ketum digunakan untuk berbagai-bagai keadaan tetapi ada dua potensi yang sangat besar. Satu ialah *in the management of chronic pain* dengan izin, dalam merawat pesakit kronik yang tidak dapat dirawat oleh ubat biasa, yang memang sangat ramai pesakit, industri itu bernilai berbilion. Satu sebiju ubat *pregabalin* misalnya boleh bernilai RM8, sehari dalam RM20 untuk rawat. Itu yang saya rasa *research* Hovid itu.

Keduanya sebagai *substitution therapy* atau rawatan pengganti. Rawatan pengganti sekarang menggunakan dua cara umum *blueprint* morfin yang sebiju sampai RM48 dan juga *methadone*. Itu juga bermasalah besar. Bagi saya melihat walaupun saya tidak melakukannya tetapi melihat pesakit saya yang merupakan penagih heroin dan morfina, mereka ambil ketum memang lebih baik pada saya, mereka dapat pergi bekerja. Itu Tuan Yang di-Pertua isunya tadilah.

Apa yang saya sebutkan di Turki tadi misalannya boleh kita cuba macam tadi. Apa salahnya daripada kita memenjarakan orang seumur hidup atau merisikokan hukuman mati kita bagi hukuman denda wang yang lebih tinggi. Macam Thailand buat satu helai RM6 itu pun orang tidak menerima. Orang sudah rasa cukup berat dan tidak menguntungkan. Satu lagi *trend* sekarang Tuan Yang di-Pertua. *Trend* sekang di seluruh dunia ialah untuk melihat penagih dadah bukan sebagai penjenayah tetapi sebagai pesakit dan itu memang benar. Ini kerana kalau kita hari ini mengharamkan ketum esok orang akan menggunakan buah pinang. Buah pinang muda memang memabukkan, digunakan. Adakah kita hendak mengharamkan buah pinang juga? Itu sukar. *Approach* itu atau pendekatan itu kurang tepat.

Apa yang berlaku ialah sekarang mengikut apa yang kita dapat terakhir di Amerika, beberapa buah negeri di Amerika yang telah menggunakan pendekatan melihat penagihan ganja kanabis semua ini sebagai pesakit mereka membenarkan yang disebut *medicinal cannabis* misalnya, ada kebaikan. Kurang kerja polis, perubahan ada, orang dapat pergi kerja, orang sembuh ada dan dilihat ada kebaikan-kebaikan lain daripada segi kesihatan misalnya *anti epilepsy*, pencegahan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai bangun Yang Berhormat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ya, silakan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya cuma hendak minta pendapat Yang Berhormat Kuala Kedah sekali lagi tentang yang pertamanya, kita banyak membicarakan tentang bagusnya ketum ini tetapi kita tidak cukup *research*, tidak cukup kajian dan sebagainya. Setuju atau tidak Yang Berhormat Kuala Kedah, kerajaan perlu tambahan *research* dan kajian-kajian supaya kita dapat tahu ketum ini sebenarnya kegunaan dia baik itu macam mana? Macam tadi Yang Berhormat Sik ada cakap dia pun tidak tahu macam mana tetapi semua orang kata bagus, macam itu. Itu tidak cukup, testimoni sahaja tidak cukup, kita kena ada saintifik *research*.

Kita hendak tahu sebab apa, macam mana pun ketum ini dia mengarah pada ketagihan. Kalau dia mengarah kepada ketagihan, kalau tidak ada ketum *problem* juga. Jadi, kita kena ada kajian supaya macam mana kita hendak *test*. Sekarang ini kalau orang ambil ketum *test* air kencing negatif. Kita tidak boleh *test* dengan air kencing, kita tidak tahu pun. Kita perlu ada kajian supaya kita dapat tahu, kita boleh rawat atau tidak orang yang ketagih ketum ataupun macam mana kita hendak rawat, hendak masuk intervensi psikososial umpamanya. Supaya dia jangan bawa ketum pergi mana-mana, itu pun tidak betul. Mana boleh bawa ketum pergi mana-mana macam kita bawa makanan, tidak boleh.

Satu lagi yang saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Kuala Kedah sekali lagi tentang penggunaan ketum ini, sebenarnya pakcik-pakcik kita, Pak Long yang sudah makan lama itu, bagi dia itu macam sirih sahaja, dia memang bawa. Akan tetapi yang masalahnya ada 'saintis-saintis muda' ini yang bubuh *panadol*, ubat batuk, bubuh ubat gegat, macam-macam bubuh, sedikit hari lagi cicak pun dibubuh dalam itu.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sedikit, sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Kedah, apakah undang-undang yang setakat ini di bawah Akta Racun masih belum mencukupi untuk mengawal penyebaran ketagihan ketum ini? Contohnya kita baru melihat daripada segi pengguna. Penggunaanya telah berkembang jadi penagih. Apakah tindakan yang telah dibuat setakat ini mencukupi atau tidak daripada segi yang menjual? Menjual produk ketum ini sama ada air, daun atau serbuk. Begitu juga kepada pengusaha. Tadi kita dengar ada yang buat dalam bentuk kebun dan mungkin lepas ini ladang. Potensi juga ketum ini untuk dijadikan *research* yang menghasilkan lebih banyak produk yang membawa kebaikan.

■1500

Jadi, apakah undang-undang yang sedia ada ini, pada pandangan Yang Berhormat Kuala Kedah, boleh kita perkasakan lagi tanpa membawa atau meminda Akta Dadah Berbahaya yang mungkin membantutkan usaha penyelidikan serta juga mungkin membawa masalah kepada pengguna-pengguna tradisional yang banyak berleluasa di kawasan sebelah utara? Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih kepada semua yang memberikan pandangan. Di sini saya rumuskan.

Pertamanya, saya berpandangan undang-undang sekarang tidak cukup berat untuk menghalang penyalahgunaan ketum. Akan tetapi dalam masa yang sama juga, seperti undang-undang lain di negara

kita, penguatkuasaan itu sangat lemah. Misalannya di kawasan yang sangat banyak daun ketum daripada dadah, balai polis yang ada hanya ada beberapa orang anggota polis sahaja dari dulu sampai sekarang dalam menjalankan tugas tadi. Itu yang saya bimbangkan. Kalau sekarang kita haramkan ketum, siapakah yang nak buat penguatkuasaan tadi? Itu yang pertama.

Keduanya, tidak bolehkah kita misalannya mengenakan denda yang lebih tinggi, yang lebih berat sampai maksimum RM10,000 dan ditangkap misalannya, daripada kita membawa kepada satu rang undang-undang yang sangat sukar dan sangat mengambil masa, sangat berisikokan orang dan masyarakat iaitu *Dangerous Drug Act*, Akta Dadah Berbahaya yang hukumannya juga sangat berat.

Ketiganya, sekarang ini harganya tinggi kerana di Thailand masih diharamkan. Akan tetapi saya difahamkan, Thailand juga sedang berusaha untuk mengikuti trend dunia sekarang, trend global iaitu melihat penagihan dadah tadi sebagai penyakit dan mereka juga dalam usaha untuk menarik balik pengharaman ketum tadi. Saya percaya kalau ditarik balik, maka tidak ada harga lagi kerana Thailand biasanya mereka sangat maju dalam pertanian dan apa semua, dan kalau boleh ditanam, mereka akan tanam. Jadi harganya akan turun.

Akan tetapi dalam masa yang sama, masalah penagihan di kalangan orang muda dan lain-lain lagi itu memang ada. Begitu pun, saya perlu tegaskan lagi sekali, penagihannya tidak seserius heroin atau morfin. Simptom *withdrawal*nya tidak sukar dirawat walaupun bagi orang yang tidak pernah melihat atau orang awam yang bukan doktor atau doktor yang tidak pernah melihat, rasa gerun kerana mereka datang dengan tegang tangan, dengan panik dan kadang-kadang macam histeria. Akan tetapi rawatannya sangat *simple*. Dalam satu dua hari selesai. Sedangkan *withdrawal symptom* morfin dan heroin jauh lebih teruk dan lebih sukar kerana kena pergi pusat.

Keempatnya, selagi kita tidak tangani punca penagihan dadah dengan sungguh-sungguh, benda ini takkan selesai. Kalau dari ketum, ketum tidak ada, orang beralih kepada gam misalnya. Puncanya yang kekosongan dalam jiwa, turunnya nilai moral, nilai agama, perpecahan keluarga, keluarga yang jadi cacamerba kerana berlaku proses pemodenan dan hilang segala *phrases* asal dalam keluarga tadi yang mengawal. Misalnya keluarga tanpa orang tua, tanpa nenek dan datuk dan orang-orang tua yang boleh menegur. Itu berlaku di banyak tempat.

Di Kuala Kedah, yang berlaku penagihan itu ialah kerana orang bekerja tidak ada masa dan keluarganya telah pecah. Tidak ada lagi bentuk tradisional keluarga tadi. Segala unsur yang mengukuhkan keluarga tadi hilang. Itu kita kena sungguh-sungguh atasi. Bila kita kukuhkan institusi keluarga tadi, barulah benda ini boleh selesai. Akan tetapi, walaupun begitu, kita atasi penagihan tadi dengan mengukuhkan penguatkuasaan apa itu, saya setuju.

Last point, saudara saya Yang Berhormat Bagan Serai sebut tadi tentang *substitution therapy* tadi, tentang kebaikan ketum. Ketum memang lebih baik daripada *buprenorphine* atau *methadone* kerana ia digunakan pada dos yang tinggi juga, tidak berlaku yang disebut *respiratory arrest* ataupun gangguan pernafasan. Penagih *heavily to morphine*, kita bagi *methadone*, kita bagi *buprenorphine* untuk dia hilangkan ketagihan. Kalau diambil *overdose*, dia dapat *respiratory arrest* atau gangguan pernafasan.

Akan tetapi itu tidak berlaku pada ketum dan itu benda yang cukup menarik. Akan tetapi begitu pun, perlu ada kajian, perlu ada kawalan dan bukan bebas.

Itulah pandangan saya, kita kena pergi kepada *root causenya* tadi dan kita kena kendalikan isu ini dengan baik. Menjenayahkan dia di bawah DDA pada saya ialah satu yang amat malang sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada enam orang bangun. Bolehlah lebih kurang 20 minit seorang, Yang Berhormat ya. Maksimum 20 minit lah, 10 minit pun boleh. Yang Berhormat Bagan Serai.

3.05 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kerana beri saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang bertujuan meminda Akta Dadah Berbahaya 1992.

Pertama sekali, ketum ini kita tengok ada banyak namalah. Saya dengar tadi ketum, kratom, biak dan sebagainya. Di Thailand pun ada banyak lagi nama dia, tetapi... *[Disampuk]* Ha, macam mana?... *[Disampuk]* Sini pun banyak. Akan tetapi perkara ini sebenarnya sudah lama. Apa yang saya hendak gambarkan hari ini, benda ini sudah macam sirih sebenarnya. Kalau di Utara itu memang ketum ini banyak. Di tempat saya pun saya tengok dalam masa lautan banjir hari itu, saya tengok-tengok ada pokok ketum. Pokok Ketum, bagi dia sudah biasa perkara ini. Dia kata, "*Yang Berhormat tidak kenal pokok ketum?*", sebab saya tidak pernah tengok dulu. Saya tidak pernah tengok pokok ketum. Jadi saya tengok pokok ketum macam mana rupa daun dia, macam mana tinggi dia.

Ketum ini orang-orang tua dulu terus kata ini ubat. Dulu orang bagi untuk pulih tenaga orang bersalin, buang angin, sakit belakang. Macam yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tadi, *management of pain, chronic pain*. Akan tetapi sebenarnya tidak ada kajian yang lengkap yang dibuat. Kalau orang tanya, hanya testimoni. Jadi kita pun tidak tahu dan benda itu sudah lama berlaku.

Sehinggalah yang dikatakan ubat yang dikatakan bagus ini telah disalahgunakan oleh orang. Mula-mulanya orang-orang, contohnya orang yang bawa bas, bawa lori dia minum itu dia rasa dia kuat. Dia rasa dia kuat, diminum tiap-tiap hari. Jadi benda ini akan menyebabkan *dependency syndrome*. Dia bergantung kepada kebergantungan itu. Kebergantungan itulah yang bahaya, sebab dia menyebabkan *addiction*, ketagihan. Bila ketagihan ini, dia tidak boleh tidak dapat. Kalau saya, saya tidak tahulah.

Saya pernah tengok kawan sayalah yang ketagih rokok. Rokok ini pun ketagih jugakan? Saya pernah tengok orang, dia tidak boleh, selepas makan dia kena cari rokok. Saya rasa itu ketagih. Kalau tidak ada dia jadi kelam kabut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Minum kopi pun boleh ketagih, Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ha, minum kopi pun boleh ketagih. Jadi ada banyak. Rupa-rupanya Tuan Yang di-Pertua, dalam hidup ini ada banyak benda kalau ketagih, kalau

overdose memang bahaya. Kecuali benda itu yang baik untuk kita. Dan setelah disalahgunakan oleh yang sekarang ini yang banyak terlibat anak-anak muda. Orang-orang yang bakal jadi pemimpin negara telah jadi saintis tiba-tiba. Dia buat *testing* campuran-campuran ini, dia minum dia rasa lebih tinggi dia boleh *fight*, lebih *hi* lagi dia rasa, lebih *kick* lagi dia rasa dan dia teruskan. Ini yang boleh menyebabkan bahaya.

Jadi kita lihat benda ini makin berleluasa. Saya kira untuk meminda akta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hendak *break* Yang Berhormat Bagan Serai sebab dia laju sangat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, isunya sekarang ialah penyalahgunaan. Kita tidak nafi sebahagian daripada rakan-rakan kita sebut ada kebaikan. Soalnya, daripada segi jumlah yang menyalah guna dengan jumlah orang yang menggunakan kebaikannya, kecil orang yang menggunakan kebaikan. Banyak yang menyalah guna. Oleh sebab yang menyalah guna yang banyak ini menyebabkan kita terpaksa kuatkuasakan undang-undang. Kita telah bercakap banyak mengenai perkara ini dalam Dewan sebelum ini.

Jadi saya juga hendak merujuk- tadi sebut berkaitan dengan minta yang pakar bahagian agama untuk fatwakan apakah haram atau tidak. Saya hendak rujuk, malah dibincangkan dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Perlis baru-baru ini, merujuk Jabatan Fatwa Kerajaan Negeri Perlis pun telah pun mengharamkan daun ketum ini. Jadi saya ingat kalau ini sudah sampai ke peringkat ini, sudah pakai ke peringkat haram dan sebagainya, saya ingat tidak timbul lagi isu lain. Soalnya sekarang ialah penyalahgunaan.

Dadah pun kalau guna memang ada kebaikan tetapi penyalahgunaan. So, dah sampai ke peringkat ini, sebelum dia mudarat, dia lebih besar, saya ingat akta ini penting dan perlu kita sama-sama pertahankan. Soal-soal lain nanti kita bincang kemudianlah, Yang Berhormat.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Yang Berhormat, sikit sahaja Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan bangun, Yang Berhormat.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Sikit sahaja. Saya rasa dia lebih kurang dengan masalah ubat batuk dengan gam. Jadi apa penyelesaian kita mengenai penyalahgunaan ubat batuk dengan gam ini mungkin boleh menjadi *guide*- ataupun belum ada penyelesaian lagilah. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai? Terima kasih.

■1510

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong tadi. Ini kerana hukum agama itu sudah beritahu haram. Kalau sudah haram, kenapakah ambil lagi? Itu masalahnya. Sudah ada keputusannya haram, tetapi ambil lagi. Jadi yang tidak boleh ikut, yang kata haram halal tidak boleh ikut ini sebab masalah keimanan. Kalau orang iman kuat, benda haram dia tidak

ambil. Kalau orang iman lemah, benda haram dia sapu semua. Jadi kalau dia buat hukum macam ini, itu masalah lain. Makna umat Islam hari ini sebab itu hukum agama.

Akan tetapi yang saya hendak sebutkan sekali lagi ini, kalau yang biasa diambil oleh pakcik-pakcik kita itu, ia tidak mendatangkan mudarat sebab dia ambil sekali-sekala, diambil bila perlu. Akan tetapi yang jadi salahnya ialah ada kumpulan, ada orang sudah mula ambil setiap hari dan benda ini sudah menjadi ketagihan. Bahan *alkaloid mitragynine* di dalam ini, dikatakan inilah bahan yang menyebabkan ketagihan yang kuat. Kebimbangan kita ialah *addiction*. *Addiction* ini mesti ada *intervention*. Kalau *addiction*, kalau dia tidak dapat, dia jadi macam mana? Saya ingin hendak tahu, kalau orang yang sudah ambil lama, tiba-tiba kita sekat, tidak dapat, jadi macam mana? *Withdrawal symptom*. *Withdrawal symptom*, saya setuju dengan dengan Yang Berhormat Kuala Kedah. Akan tetapi kalau sudah ramai dapat *withdrawal symptom*, tidak boleh hendak *handle*. Dia tidak boleh hendak *handle* lagi.

Jadi sebab itu di sebalik benda ini bermasalah, kebimbangan kita ialah tentang undang-undang yang akan dikenakan ini. Kita dengar ada orang buka kebun, ada orang buka ladang, ada orang buat *business*, ada orang yang sudah jadi kaya-raya sebab benda ini. Undang-undang yang ada memang tidak cukup.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: [Bangun]

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Akan tetapi kalau undang-undang yang hendak diletakkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibuti bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga hendak tahu, saya pernah diberi oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Di Sarawak ada ketum Yang Berhormat?

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Ketum, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Di Sarawak ada?

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Tidak ada. Akan tetapi saya ada diberi oleh kawan yang datang dari Semenanjung ini untuk... [Disampuk] Dengarlah dahulu. Dia nasihatkan saya, kalau hendak memandu jauh dari Miri ke Bintulu dan Kuching, gunakanlah air ketum, cium. Kalau kita mencium air ketum itu, lebih kurang sedut tiga kali...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Lain macam bunyinya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sibuti buat atau tidak Yang Berhormat Sibuti?

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Dengarlah dahulu. Sudah disedut tiga kali, tarik nafas perlahan, lepas, kemudian itu *driving*. Betul, saya cuba [Ketawa] Akan tetapi yang saya hendak katakan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ketagih. Hanya saya gunakan untuk waktu memandu sebab perjalanan jauh, tidak mengantuk. Betul itu, memang betul. Saya pergi Bintulu tidak mengantuk. Dari Bintulu terus pergi ke Mukah pun tidak mengantuk. Bererti ini ada kebaikan. Saya sokong apa yang

dikatakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi supaya kita selidik perkara ini dengan baik supaya dapat digunakan dengan betul untuk kebaikan masyarakat kita. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh sedikit?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Yang Berhormat Sibuti ada barang dalam beg? Tidak ada. [Ketawa] Jadi, berkisar kepada...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Bagan Serai, boleh sedikit?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sila Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak respons sedikit. Sebenarnya ada yang disebut Borneo Kratom. Borneo Sabah dan Sarawak memang ada ketum. Saya ke Kuching tahun lepas, memang saya nampak pokok ketum, memang ada di Kuching.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Jadi berkisar undang-undang yang kita hendak kenakan pada ketum ini. Orang ramai sudah terlibat dan boleh menggugat macam-macam akan terjadi. Contohnya di kawasan utara Malaysia.

Saya ibaratkan ini, undang-undang yang kita bincangkan hari ini, ibarat, ditelan mati emak, diluahkan mati bapa, ataupun kalau kita hendak sebut, umpama tarik rambut dalam tepung. Rambut jangan putus, tepung jangan berselerak. Kalau tidak, jadi susah. Jadi, banyak mana yang kita hendak buat? Undang-undang yang ada sekarang ini sudah tentu tidak cukup, sebab itu orang tidak takut. Kalau setakat hendak bayar itu tidak takut. Jadi, undang-undang itu perlu ditingkatkan lagi. Akan tetapi yang membingungkan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah akta ini akan memenjarakan orang. Akta ini akan menyebabkan ada orang kena hukum gantung sebab ketum.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Temerloh bangun, Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Satu lagi, ramai orang akan mendapat banyak rekod jenayah. Rekod jenayah ini akan menyebabkan orang tidak dapat kerja. Apabila orang tidak dapat kerja, maka orang akan buat lagi banyak jenayah. Jadi, kita bimbang benda ini jadi *vicious cycle*, ia akan berpusing-pusing dan menyebabkan lagi banyak masalah. Silakan.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya dari Bagan Serai. Saya percaya, hasrat untuk pindaan rang undang-undang ini adalah kerana berlakunya penyalahgunaan ketum. Akan tetapi dalam menangani isu penyalahgunaan ini, saya kira ada beza ketum dengan dadah ini sebab dadah itu merupakan bahan berbahaya pada asasnya. Lalu ia disebut sebagai dadah berbahaya dan ia diambil tindakan juga atas salahguna dadah, tetapi asas dadah itu telah berbahaya. Ia hanya tidak menjadi bahaya apabila diambil oleh pihak yang pakar pada dos yang mungkin sesuai untuk membuat rawatan dan seumpamanya tetapi asasnya bahaya. Berbeza dengan ketum. Ketum ini, bahan asasnya tidak berbahaya. Cuma apabila diambil secara salah, baru ia menjadi bahaya.

Atas dua perkara ini, maka *facts* dia berbeza. Kaedah kita hendak meletakkan hukum pada dua perkara ini berbeza. Ia tidak boleh masuk dalam satu *clause* begitu sahaja.

Jadi saya kira, apabila dimasukkan dalam Akta Dadah Berbahaya ini, maka ia akan timbul permasalahan sebagaimana Yang Berhormat timbulkan tadi iaitu soal bagaimana hukuman itu setimpal ataupun tidak dengan kesan yang timbul daripada ketum itu. Adakah Yang Berhormat setuju itu?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Temerloh itu. Baguslah pada hari GST ini, banyak kita setuju satu perkara hari ini *[Ketawa]*

Jadi saya hendak sambung Tuan Yang di-Pertua, tentang *research and development*, kajian-kajian yang perlu dilakukan. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah sekali lagi tadi, tentang *Opioid Substitution Therapy* (OST). Sekarang ini kita menggunakan *methadone*, malah ada mempertikaikan *methadone*. Saya lihat kalau *methadone* tidaklah *hangover*nya macam *morphine*. Tadi Yang Berhormat Temerloh cakap tentang adakah ia dadah yang macam *heroin* dan sebagainya, ketum ini ia punya bahan *mitragynine* itu, bahan ketum ini dipanggil *receptor agonist*nya macam *morphine*. Akan tetapi tidak sekuat dan tidak semerbahaya *morphine*. Oleh sebab itu benda yang ada *similarities*, kesamaan, kita boleh gunakan untuk OST.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Mungkin ini satu cadangan yang baik sebab *methadone*, *buprenorphine*, *subutex*, semua ini mahal. Kalau ada kajian yang betul, kenapa kerajaan tidak fikirkan supaya kita dapat alihkan untuk jadi kegunaan sebagai OST, mungkin lebih baik dan tidak banyak *side effects* seperti produk yang lain?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh tambah sedikit?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sekali sahaja.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tambah sedikit. *Heroin*, *morphine*, *methadone* dan juga *buprenorphine* kalau *overdose* boleh menyebabkan membawa maut. Akan tetapi, tidak ada laporan maut dengan ketum atau *mitragynine*. Itu perlu dijelaskan. Tidak ada maut, cuma ketagihan. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Minta laluan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya setuju sebab kita tidak ada *respiratory problems*, pernafasan itu. Itu tidak ada dengan ketum. Itu memang kajian telah menunjukkan. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai yang membenarkan laluan. Saya sebenarnya mendengar hujah-hujah rakan-rakan sebentar tadi, daripada Yang Berhormat Kuala Kedah dan Yang Berhormat Bagan Serai sedang berhujah. Maknanya kita melihat beberapa perkara, ada baik dan buruknya. Saya seronok dengar Yang Berhormat Sibuti beritahu tadi, yang mana dia ada melakukan percubaan sendiri, betul. Saya tidak tahulah Yang Berhormat Temerloh mungkin cuba juga.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *[Menunjukkan isyarat tangan]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Temerloh angkat tangan, tidak dia kata.

Saya juga sebenarnya, tidaklah hebat di Lipis ini dengan ketum. Akan tetapi walau bagaimanapun, ia tetap ada sebenarnya penggunaan di Lipis. Saya ada dua pengalaman yang diceritakan oleh rakan saya. Pertamanya, dia seorang penagih dadah, penagih dadah yang sangat tegar. Apabila beliau menggunakan air ketum, campuran ketum di dalam kopi dia beritahu saya, saya tanya betul pada dia. Dia kata dia ambil sesudah serbuk ketum diletakkan dalam kopi waktu pagi sebelum pergi kerja, maka penagihan dadah beliau telah ditinggalkan. Tidak lagi menagih dadah, tetapi setiap pagi beliau kena minum air ketum tersebut. Maknanya daripada segi penjimatan kewangan beliau, telah berlaku penjimatan yang begitu ketara sekali. Ini kerana beliau mengambil *morphine* dan sekarang tidak lagi. Dia hanya mengambil air ketum, dia mencampurkan air ketum yang diproseskan menjadi serbuk, diletakkan di dalam kopi.

■1520

Maknanya saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah. Ertinya satu kajian perlu dilakukan dalam penggunaan daun ketum ini. Satu perkara lagi, dua pengalaman yang saya katakan. Rakan-rakan yang bermain bola sepak, dia kata sebelum bermain bola sepak kalau kena air ketum, stamina cukup sehinggalah boleh bermain tambahan masa. Yang Berhormat Temerloh, boleh sehingga tambahan masa dia bermain bola... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, dia orang tanya kalau main benda lain pula. Dia orang kata cukup *power* juga Tuan Yang di-Pertua. Dia orang kata. Sebab saya tahu saya pernah tengok rakan-rakan saya waktu bersembang malam mungkin untuk menahan daripada...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Speaker senja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak campur, tidak campur Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Menahan daripada mengantuk mungkin. Mereka juga membawa air ketum dalam botol gelen itu. Maknanya dia orang boleh bersembang mungkin seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sibuti tadi, daya tahan untuk memandu begitu jauh dan mereka boleh bersembang sehingga agak larut malam sedikit. Itu mungkin saya bersetuju supaya kajian menyeluruh tentang daun ketum ini perlu dilakukan. Kalau ia berguna untuk perubatan umpamanya, apakah salah kita gunakan?

Kalau Yang Berhormat Kapar kata tadi arak lebih berbahaya, baik kita mengharamkan arak ini. Kita mengharamkan arak ini. kita tangkap yang menjual arak ini. Kita tutup kilang di Selangor itu. kilang *Carlsberg* yang begitu besar. Baik- kita tahu siapa yang menggunakan arak ini sama ada dalam bentuk yang jenis mahal kah atau yang jenis murah kah, bawa kereta terhuyung hayang, boleh berlaku kemalangan dan sebagainya yang boleh meragut nyawa lebih teruk daripada ketum ini, baik kita mengharamkan arak itu dan kita jadikan hukuman yang lebih berat kepada arak tersebut. Minta pandangan Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis, masukkan dalam perbahasan saya itu. Saya hendak cerita balik yang tadi saya dengar daripada Yang Berhormat

Jerlun. Ada cerita dahulu ada pokok kola. Pokok kola ini ada bahan yang digunakan, bahan asas untuk digunakan *CocaCola*.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *Coca..*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *CocaCola.*

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *Coca...*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Coca, bukan cola?*

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Sekarang masih guna.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Pokok koka digunakan bahan asas untuk membuat *CocaCola* tetapi didapati boleh menyebabkan ketagihan. Kajian telah dilakukan di mana mereka *eliminate*, maknanya mengeluarkan bahan ini dan *CocaCola* dia teruskan yang orang pun sedap minum *CocaCola*. Ada ketagihan kah *CocaCola* sekarang ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Temerloh bangun, Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit. Jadi saya terfikir Tuan Yang di-Pertua, apa kata kalau ketum- satu kajian yang besar dilakukan untuk memikirkan macam mana kita hendak mengurangkan atau menurunkan kadar *mitragynine* supaya dia tidak jadi ketagihan ubat dan kita boleh buat jadi ketum cola. Pakat-pakat minumlah. Jadi tidak adalah yang tidur dalam Dewan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Temerloh bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Produk-produk yang ada kebaikan perubatan contohnya dalam satu...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Baru-baru ini ada program *United Nations Commission on Narcotic Drugs in Vienna* pada 9 hingga 20 Mac baru-baru ini. Kebanyakannya peserta-peserta menggagalkan cadangan China untuk *schedule ketamine* sebab dikatakan *ketamine* itu ada nilai-nilai perubatannya. Jadi mungkin kita boleh buat begitu juga di sini sebab apa ia ada nilai-nilai perubatannya. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya pertama sekali bab ketum ini, saya bercakap selalu di Parlimen ini. Daripada awal lagi. Saya bercakap ini kerana sebagai Yang Dipertua PEMADAM Kebangsaan lah. Saya mewakili 160 lebih daerah-daerah di seluruh negara. Kita sudah mengkaji berkali-kali, kita tengok kesan daripada- bukan masalah ketum. Ketum ini kalau digunakan betul-betul, tidak ada masalah. Masalahnya sekarang

disalahgunakan. Salah guna ketum sehingga menyebabkan ketagihan dan sehingga menyebabkan contohnya di tempat sayalah di sebuah sekolah menengah.

Saya hadir di sebuah sekolah dia orang. Saya tahu doktor yang pakar-pakar perubatan ini dia ada alasan-alasan daripada segi perubatan tetapi kesan yang dibawa oleh ketum ini yang menyebabkan ketagihan yang *later on* dia akan terlibat dengan ketagihan yang lebih teruk. Macam di sekolah, di kawasan saya. Kalau kawasan saya, Jerlun, Padang Besar dan lain-lain ini tempat, Kuala Kedah pun sama kan. Akan tetapi saya tengok di sebuah sekolah menengah. Saya pergi merasmikan mesyuarat PIBG. Guru besar beritahu kepada saya tandas sekolah tersumbat. Tanah sekolah yang berkenaan tersumbat. Tersumbat kerana plastik air ketum yang dibawa balik, yang dibawa oleh pelajar-pelajar sekolah menengah yang berkenaan- selepas minum dibuang dalam lubang tandas sehingga menyebabkan lubang tandas tersumbat.

Jadi sebagai wakil rakyat pada hari itu kena RM1,500 untuk membaiki tandas itu. Selepas setahun kemudian, saya hadir semula ke sekolah berkenaan untuk merasmikan mesyuarat PIBG. AADK beritahu kepada saya, mereka membuat saringan air urin. AADK membuat *urine test*. Dia ambil sampel 30 orang. Daripada 30 orang, enam orang positif syabu. Daripada ketum, dia ke syabu. Ini yang menyebabkan masalah. Saya tidak kisah, kita akui daripada segi perubatan ada kebaikannya tetapi masalah yang kita cakap sekarang ini salah gunanya. Kalau dia buat kajian yang diguna secara betul, *no problem* tetapi masalahnya salah guna. Kalau kita tengok di kampung-kampung, di Kubang Pasu dan sebagainya mereka ketagihan air ketum. Kalau tidak kena air ketum, budak-budak sekolah tidak pergi ke sekolah. Tidak boleh bangun pergi ke sekolah. Ini yang menjadi masalahnya.

Soal hendak berubat ini, sekali skala *it is no problem*. Kebanyakan kita bergurau di sini tetapi kesan dia. Kesannya akan meninggalkan kesan yang cukup besar kepada masyarakat yang akan datang. Dia punya kebaikan sedikit sangat. Kebaikan yang saya tengok yang digunakan sekarang ini kebanyakannya daun ketum ini ditanam untuk tujuannya menghilangkan ketagihan, bukan untuk berubat. Macam tok wan saya dahulu kalau ke bendang, dia pekena air ketum, dia buat tetapi dia buat secara *proper*. Daun itu dikeringkan, diproses selepas itu diminum. Minum pun bukanlah dicampurkan. Sekarang ini dicampurkan dengan *Redbull*, ubat batuk, ubat nyamuk, gam, *Fumakila* dan kadang-kadang viagra dia bubuh. Pada waktu itu viagra dia bubuh. Jadi inilah yang menyebabkan kesannya. Apa yang kita cakap ini kesan kerana sekarang ini di Malaysia, penagihan dadah kita 300,000 lebih, *almost* 400,000. Didarab dengan empat sudah 1.6 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: 1.6 juta orang rakyat Malaysia yang menjadi penagih dan penagih inilah yang menyebabkan jenayah. 46% daripada banduan dalam penjara mereka yang terlibat dengan penagihan. *Accident* di jalan-jalan raya terjadi kerana apa, kerana syabu dan sebagainya. Inilah punca yang saya kata kesan daripada penyalahgunaan dadah.

Sebab itu PEMADAM- saya mewakili PEMADAM Kebangsaan, ahli-ahli yang kita ada, dia orang kata inilah yang kita bimbang soal hendak membuat kajian, hendak buat itu, hendak buat ini itu tidak ada masalah. Kalau kita buat secara- tetapi setakat ini tidak ada usaha, belum ada usaha mana-mana pihak

untuk kita hendak membuat kebaikan, kajian, hendak buat ubat belum ada. Apabila kita membangkitkan usaha untuk mengambil tindakan kepada salah guna dadah barulah hari ini kita, Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini celahan kah, ucapan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, mencelah.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Masalah-masalah ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini bukan pencelahan...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: ...Kajian.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Ucapan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Ini betul. Ini pasal apa Yang Berhormat Shah Alam ini dia tidak tahu apa-apa. Kalau di Shah Alam tidak ada ketum, dia tidak tahu. Dia kawan dengan ketum sahaja.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk]*

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Ini saya cerita betul. Ini cerita betul, bukan cerita lawak. Ini bukan soal politik...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau hendak berucap, biarlah berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Macam ini.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: ...Ini bukan mencelah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tak payahlah cakap macam ini. Ini mencelah.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Ini bukan berucap.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ringkaskanlah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Ini mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Saya boleh berucap panjang, saya mencelah sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya balik kepada Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Ini yang saya ingin menarik perhatian Dewan ini berkenaan dengan salah guna. Ini yang kita hendak tengok. Salah guna yang menyebabkan kesannya. Sekarang ini 1.2 juta lebih rakyat di Malaysia ini yang kena dadah. Daripada 27 juta orang rakyat kita, berapa *percent* daripada rakyat kita yang ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: ...Sekarang ini.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Yang hari ini tengok punca kemasukan dadah, penggunaan dadah sama ada masuk ke negara kita. Bererti bahawa *supply* banyak di negara kita ini, *demand* begitu banyak kesan daripada itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Itu Yang Berhormat.

■1530

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu, masuk dalam perbahasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai, boleh gulung Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bagan Serai, sikit sahaja. Kita tadi sebenarnya banyak sangat bercakap aspek kebaikan sahaja. Akan tetapi kesannya - saya setuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kubang Pasu tadi. Soal kalau kita kata bahawa bagaimana menanam sekarang. Saya rasa itu boleh dibuat dengan langkah-langkah, minta kementerian untuk membantu supaya mereka beralih kepada aspek lain.

Ada juga sebut tadi kata bahawa terlalu keras. Sebenarnya ini langkah baik kerana kita lambat mengambil beberapa tindakan menyebabkan dadah akhirnya berleluasa. Ini langkah awal, saya sokong langkah ini, kita segerakan lah supaya ia tidak melebar. Jadi, kalau kita membuat tindakan yang *flip flop*, kadang-kadang hendak ambil, tidak ambil, hendak luah mati mak, telan mati bapak, tidak boleh. Ini kita kena bertegas daripada awal, kita kena konsisten baru kita boleh pastikan supaya perkara tidak menular. Apakah pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ringkas, ringkas, sikit sahaja. Sekali dengan saya. Saya ada pendapat seorang doktor.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk negara maju, negara hendak pergi pada negara maju pada lima tahun lagi. Kita bukan sahaja hendak capai status ekonomi yang terbaik tetapi kita mesti mencapai status kesihatan yang terbaik yang ada polisi-polisi yang baik untuk kita laksanakan supaya kita jadi negara maju. Sebab contohnya, macam GST itu satu polisi yang baik. Jadi, untuk polisi dadah ini sama juga. Cuma pemikiran saya adalah sejauh manakah kita patut tingkatkan undang-undang ini supaya rakyat lebih selamat daripada penyalahgunaan ketum ini, yang mana anak-anak muda kita banyak terjebak. Seperti kita katakan tadi, ketagihan ini lama-lama *upgrade*, dia naik makin tinggi pangkat, akhirnya dia akan pergi pada morfin, syabu dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini memang kalau kita lihat apa yang dicadangkan adalah pindaan-pindaan yang cukup serius. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, ia memasukkan ke dalam takrifan *trafficking a dangerous drug*, ketum. Kami tahu Tuan Yang di-Pertua, bahawa untuk satu kesalahan mengedar iaitu *trafficking*, hukuman yang dikenakan adalah hukuman mandatori, mati. Ini satu perkara yang serius, saya setuju dengan apa yang disebut tadi oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Bagan Serai.

Perkara yang berbangkit adalah adakah ini dadah atau takrifannya benda yang seharusnya dimasukkan ke dalam rang undang-undang yang membawa hukuman yang serius ini. Itu satu, kalau kami ikutkan takrifan *trafficking*. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pada seksyen 2, dalam rang undang-undang asal iaitu dalam *Dangerous Drugs Act*. Dinyatakan di situ takrifan *trafficking*. Kalau kita lihat kepada apa yang terlibat, yang termasuk dalam lingkungan skop *trafficking* yang saya baca, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerana ini penting.

Section 2 - definition diberikan, ini apa yang dinyatakan Tuan Yang di-Pertua. *Trafficking includes the doing of any of the following acts*. Minta maaf, saya dalam bahasa Inggeris. *That is to say, manufacturing, importing, exporting* dan perkataan yang digunakan, *keeping*, Makna dia, dalam *section 2 of Dangerous Drugs Act*, dengan izin. Kalau kita simpan, *keeping a dangerous drug*, ianya membawa kepada satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman gantung sampai mati.

Kalau kita lihat kepada seksyen 6, Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat bahawa undang-undang ini, rang undang-undang ini ada pindaan kepada seksyen 2 dan juga kepada seksyen 6. Ini kerana dimasukkan ke dalam seksyen 6 juga, perkataan ketum. Seksyen 6 bergantung atau berkisar kepada perkara milikan. Maknanya, dalam *Dangerous Drugs Act* ada 2 perkara, 3 perkara yang sebenarnya.

Satu - *trafficking*, kedua - *possession*, milikan dan ketiga - *self administration*. Di mana kita minum, dalam keadaan kes ketum, bila kita minum *or administer to ourself* ketum.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 6, perkataan sama digunakan, "*Any person who keeps or has in his possession, custody of control...*" ketum yang ingin dicadangkan. Jadi, perkara yang berbangkit adalah ini. Saya minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri setiap kali datang untuk rang undang-undang ini, tapi Menteri Kesihatan dia tidak tahu *law*. Akan tapi saya harap dapat dijelaskan perkara ini. Jadi, kita ada dua yang sama. Kalau simpan, satu kesalahan bawah seksyen 6. Satu kesalahan juga di bawah seksyen 2. Masalahnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, di bawah seksyen 2 hukumannya mandatori, hukum gantung sampai mati. Akan tetapi dibawa seksyen 6, maksimum 5 tahun penjara dan denda. Jadi, manakah seharusnya kesalahan ini berada? Apakah sebenarnya niat kerajaan dalam perkara ini? Adakah kita sekarang hendak menghukum orang, gantung sampai mati, orang yang simpan ketum ini di mana, adakah kita tahu?

Kalau kita lihat kepada apa yang disebut dalam hujahan semua wakil rakyat terdahulu, memang ini menjadi satu perkara di mana orang ramai ada menggunakan ketum. Soalan kami di sini ingin untuk mengenakan hukum mandatori gantung sampai mati kepada mereka. *Is that the* niat kerajaan? Bagaimanakah dengan seksyen 6 di mana hukumannya ringan? Kemudian kita seksyen 6B dan ini penting. Tuan Yang di-Pertua, seksyen 6B adalah *the fourth classification*, di mana kita tanam pokok ketum. Tanam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Kedah bangun, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Just one minute* Yang Berhormat Kuala Kedah. Kalau kita tanam pokok ketum, itu satu. Akan tetapi kalau orang tanam dalam tanah kita, ketum. Kita juga bersalah untuk satu kesalahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kesalahan di situ hanya satu hukuman, *life in*

prisonment, mandatori. Ia bermakna, bahawa semua orang sekarang, yang mana dalam tanah mereka ada tanaman ketum ini. Walaupun dia tidak tanam sendiri, hukuman yang dikenakan mandatori *life*. Di sini maknanya, bukan 30 tahun Tuan Yang di-Pertua, *i means natural life*, sampai mati. Adakah ini satu perkara yang kita hendak masukkan dalam *Dangerous Drugs Act*? Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pada Yang Berhormat Kuala Kedah dahulu dan selepas itu kepada sahabat saya, Yang Berhormat Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam tidak disebut. Yang Berhormat Kuala Kedah dan Yang Berhormat Sepang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Kuala Kedah dahulu.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Puchong. Senario yang saya hendak minta Yang Berhormat Puchong komen ialah begini. Ada banyak tanah terbiar di Kedah, misalnya di kawasan saya Parlimen Kuala Kedah, yang tumbuh pokok ketum, mungkin ditanam, mungkin tidak ditanam. Saya tidak bercakap tentang ladang ketum. Ladang ketum memang ditanam untuk tujuan mengkomersialkan. Akan tetapi ini yang tumbuh pokok ketum, apakah yang akan berlaku pada tuan tanah tadi? Yang kadang-kadang setahun, dua tahun, tiga tahun, tidak pernah menjejakkan kaki pun ke tanahnya. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Jawapan kepada soalan itu, jangan takut Yang Berhormat Kuala Kedah. Walau apa jua keadaan pun bukan Ahli Parlimen tempat itu yang dihukum atau disabitkan dengan kesalahan. Akan tetapi jawapan itu Tuan Yang di-Pertua, ada dalam seksyen 6B sendiri. Ini juga satu perkara yang menjadi masalah. Kalau saya bacakan seksyen 6B dan ini adalah dalam (4), subseksyen 4, saya baca. *Any person found on land or occupies land on which, or any person found in possession of any receptacle in which any plant form...* ada dinyatakan ketum di situ, *maybe obtained it directly or indirectly, is planted or cultivated, shall be presumed until contrary is proved to be the person who planted or cultivated such plant*.

Jadi, ada di situ anggapan. Kalau ada pokok ketum di atas tanah saya dan saya di situ, saya dianggap sebagai orang yang menanam ketum itu. Jadi, saya secara *prima facie* pun telah melakukan kesalahan. Ini juga di bawah sub seksyen 2, di mana dinyatakan berkenaan tuan punya tanah tersebut. Ini menjadi satu masalah juga. Kita berbalik kepada apa yang saya sebut tadi. Adakah ini ketum, satu perkara ataupun satu *drug* yang kita hendak samakan dengan misalnya, heroin ataupun disebut sebagai *hard drugs*, syabu dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, silakan.

■1540

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat daripada Puchong. Seperti mana Yang Berhormat Puchong, saya pun nanti risau juga apabila Timbalan Menteri Kesihatan yang akan menjawab benda ini seperti mana *double presumption* hari itu, saya kesian melihat beliau begitu *struggle* untuk jawab.

Kalau melibatkan perundangan, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh arahkan Menteri bahagian perundangan, lebih mudah lagi untuk dia hendak menjawab. Okey, saya hendak tanya kepada

Yang Berhormat Puchong, seksyen 6 ini yang lebih malang lagi, dia tidak meletakkan satu prasyarat, kalau kita hendak guna *presumption*, kalau dalam undang-undang seksyen 37 itu, untuk *cannabis* memang ada *presumption*. *Trafficking* itu kalau kita memiliki 200 gram. Dalam undang-undang ini, oleh sebab kita tidak pinda seksyen 37 itu dengan meletakkan ketum itu sebagai bahan yang dilarang juga bermakna *any amount*. Maknanya kecil, jadi kalau dalam bentuk air, macam mana kita hendak *presumption* itu?

Keduanya, saya hendak tanya juga, apabila kita- walaupun dalam seksyen 6B itu mengatakan *cultivation planting* tetapi dalam amalan yang ada sekarang dalam mahkamah ini, dalam kes yang berlaku ini ialah kadang-kadang orang tanam satu pokok ganja sahaja pun, dia akan didakwa. Jadi, kita risau nanti daripada segi amalannya apabila kita letak undang-undang begitu *general* seperti itu, ada satu pokok daun ketum pun mungkin akan didakwa. Akan tetapi bila didakwa pula seksyen 6B ini sampai ke peringkat tidak boleh jamin, '*un-bailable*'. Undang-undang ini kalau '*non-bailable*' masih boleh jamin. '*Un-bailable*' tidak boleh jamin. Tidak boleh jamin maknanya kita kena kurung dia sampai bicara habis. Kalau didapati bersalah, langsung tidak boleh keluar sudah. *Life imprisonment*, enam rotan pula itu.

Jadi, saya hendak tanyalah kepada Yang Berhormat Kepong setuju kah bahawa sebenarnya inilah masalah Barisan Nasional, mereka ini ketagih dengan undang-undang. Sikit-sikit hendak buat undang-undang, sedikit-sedikit hendak pinda undang-undang sebab mereka sudah ketagih untuk nanti buat pindaan ke *Anti-Terrorism Act*, ketagih dengan ISA, seperti mana orang ketagih dengan ketum. Setuju atau tidak? Terima kasih [Tepuk]

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Puchong boleh sedikit?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, saya *confined* kepada *bill* dulu. Selepas itu sedikit sebanyak berkenaan politik. Tuan Yang di-Pertua, masalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang tidak boleh lari, dia memang tidak boleh pisahkanlah [Ketawa]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tapi dia betul. Saya akan ulas nanti. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf tetapi bila saya lihat kepada *bill* yang ada di atas meja saya, nampaknya bahawa terdapat dua versi. Satu bahasa Inggeris dan satu lagi Bahasa Malaysia. Akan tetapi versi Bahasa Malaysia itu takrifan untuk kratom itu atau ketum dalam bahasa Inggeris juga. Ia tidak dalam bahasa Malaysia. So, kalau kita boleh lihat, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 2, *it say "Akta Dadah Berbahaya dipinda"* dan sebagainya tetapi takrifan dalam bahasa Inggeris, tidak dalam bahasa Malaysia. *I think* itu penting untuk kita kerana kita tahu bahawa dalam mahkamah versi Bahasa Malaysia yang menjadi bahasa rasmi.

So, untuk kepentingan semua Ahli Parlimen. Saya rasa ini adalah satu yang pentinglah. Kalau boleh dicadangkan supaya dalam masa depan barangkali, dalam bahasa Malaysia takrifan itu. Tuan Yang di-Pertua, ini penting kerana kalau kita lihat kepada takrifan, saya pohon izin untuk baca dalam bahasa Inggeris. *This is what it says* Tuan Yang di-Pertua, "*kratom" means any part of any plant of the genus Mitragyna from which there is found to be present mitragynine irrespective of its quantity, and by whatever name the plant may be designated*".

Kalau kita lihat kepada definisi ini, "*Any part of any plant*". Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau ketum itu dalam air, tetapi air itu ditapis *and there is no part of the plant there then* bagaimana, macam mana, semua pindaan ini untuk apa? *Because it is not part of the plant. Understand* Yang Berhormat Menteri? Faham kan. Saya dengar jawapan nanti lah ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Allowed...*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh beri? Mesti pasti [*Ketawa*] Di belakang ada yang gelak-gelak, boleh tanya mereka. Semua mereka tahu. Ya, Yang Berhormat Sepang, *you want to follow up?* Jadi, itu masalahnya. *So, what exactly-* dan kalau kita lihat kepada semua bahagian dalam rang ini, apakah yang digunakan adalah perkataan kratom atau ketum, tidak ada takrifan yang lain. Saya hendak tahu apakah yang kita bahas di sini? Adakah ia untuk seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kubang Pasu tadi. Adakah ia untuk mengatasi semua masalah yang sedia ada seperti mana disebut tadi, dalam sekolah dan sebagainya kita hendak *control* dan sebagainya. Orang-orang bawa kereta dan sebagainya, kita hendak *control*, adakah *bill* ini sebenarnya ditujukan kepada mereka. Kalau ia ditujukan kepada mereka *this is all wrong* dengan segala hormatnya melainkan boleh diberikan satu penjelasan. Ya, jadi...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Puchong, sedikit.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Sebentar Yang Berhormat Batu. Berbalik kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi. Sedikit berkenaan politik. Ya, apabila kita buat cadangan untuk pindaan, Yang Berhormat Menteri, *especially when comes to Dangerous Drug Act*, saya ada sebut banyak kali dalam Dewan ini. Hukuman-hukuman di bawah akta ini cukup berat. Kita kenal pasti apa yang kita hendak daripada pindaan ini. Kalau kita sebut daripada *plant*, hanya *plant*, adakah ia bermaksud bahawa kita ini tidak hendak mengatasi masalah yang sebenarnya. Semua Ahli Parlimen dalam Dewan ini tadi berhujah. Itu perkara yang dibangkitkan. Saya rasa juga itu menjadi satu perkara yang menjadi masalah kepada Yang Berhormat Sepang. Boleh Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak faham apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Puchong. Lalu setakat mana yang saya faham apa yang diucap itu, Yang Berhormat Puchong tidak menafikan segala masalah yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Parlimen yang sebelum ini ya iaitu masalah ketagihan, masalah budak-budak sekolah baling plastik dalam jamban, jamban tersumbat. Sepatutnya diharamkan plastik *bag* itu. Ketum itu tidak menyebabkan jamban itu tersumbat.

Akan tetapi kita tidak nafikan masalah-masalah ini. Hanya yang kita pertikaikan ialah cara bagaimana ia ditangani. Di mana ia tidak disasarkan kepada masalah yang sebenar. Menggunakan bagaikan satu pukut tunda, tangkap semua, boleh *cover* semua sedangkan orang yang tidak salah pun akan terlibat juga dengan undang-undang yang sebegitu rupa yang terus mendatangkan hukuman yang begitu berat. Saya rasa itulah maksud Yang Berhormat Puchong ya. Dengan izin, *we acknowledge the problem, we understand the problem but we do not agree with the way it's being handled by using the Dangerous Drug Act, am I correct?*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: [*Bangun*]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *So, I would say that would be-* saya nampak Yang Berhormat Puchong mengangguk, maknanya dia bersetuju. Di sinilah yang kita kena ada sedikit keterbukaan dalam kita hendak membahaskan masalah ini. Bukan sekadar kita hendak bahas tentang soal bahawa ia masalah. Akan tetapi juga bagaimana kita hendak tangani ini. Saya rasa bahawa dalam soal ini ia tidak dibahas dan dikaji dengan penuh teliti oleh pihak kerajaan.

Implikasi daripada apa yang disebut tadi. Saya pun tidak boleh gambarkan lah orang tua-tua yang sudah biasa menggunakan ketum ini sebagai perubatan dan sebagainya, dipenjarakan seumur hidup. Seolah-olah merupakan seorang penjenayah yang besar. Sedangkan dia tidak terlibat dalam usaha untuk mengedar dadah ataupun *as a drug* lah kan, yang ganja, morfin dan sebagainya. Maka saya mengharapkan bahawa persoalan ini boleh ditangani.

Kedua, saya hendak juga sebutlah tadi ada saya dengar disebut bahawa Majlis Fatwa sudah kata ketum ini haram. Maka apabila dikatakan ia haram maka macam kita seolah-olah kita tidak ambil kira implikasi hukuman ini. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, Majlis Fatwa kata merokok pun haram, yang timbulkan isu kata Majlis Fatwa kata haram pun merokok. Kalau tidak silap saya. Tidak ada pula kita mengatakan bahawa...

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat, satu saja, Majlis Fatwa Perlis sahaja tadi yang dibangkitkan oleh... bukan semua.

■1550

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak bagi contoh hujah. Walaupun ia dikatakan haram tetapi daripada segi pelaksanaan undang-undang bagaimana kita hendak tangani itu, kita kena bincanglah dengan serius. Tak boleh kita gunakan itu sebagai satu hujah untuk menutup segala-galanya. Yang budak-budak sekolah yang terlibat, kena rotan kah, kena hantar untuk, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Kedah, dia punya *treatment* hanya dua hari, yang *withdrawal symptom* yang mudah untuk ditangani, banyak cara. Tak boleh kita dengan menggunakan satu pukut tunda, tangkap semua, semua *life imprisonment* ataupun dengan hukuman-hukuman yang sebegitu berat untuk masalah ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Puchong?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Puchong, sedikit sahaja.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *I'll come to you next.* Saya akan bagi pada Yang Berhormat Padang Serai. Saya sangat setuju, itu maksud saya. Akan tetapi saya bukan Menteri. Apa yang kita perlu untuk dengar daripada Yang Berhormat Menteri ialah apakah dia bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Shah Alam. Jadi saya masukkannya dalam sebahagian daripada ucapan saya dan saya harap bahawa Menteri dapat menjelaskan. Sila Yang Berhormat Padang Besar.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Puchong, kita dengar perbincangan tadi, kita bersetuju bahawa penyalahgunaan ketum ini, kita setuju. Akan tetapi daripada segi prinsip keadilannya, sekarang ini saya tengok Yang Berhormat Puchong, kita rasa keadilan ini tidak kena, sebab kratom daripada Akta Racun Berbahaya, kita pindah sama dengan *cannabis*. Bermaknanya ia tidak adil. Itu sahaja yang saya minta Yang Berhormat Puchong, setuju kah tidak? Kita samakan dengan

cannabis, hukumannya berat. Kalau kita tingkatkan hukuman daripada Akta Racun kepada jumlah beberapa ribu dan kawalan, kita bersetuju. Akan tetapi kalau sama dengan *cannabis*- saya tengok di sini semuanya, "*or and cannabis*". Tidak adil. Tidak sama. Kratom dengan *cannabis* tidak sama. Di sini kalau kita hendak mengundi, tak sama.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Puchong...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *I will give it to you after this.* Saya setuju dengan apa yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Padang Besar. Sebenarnya itu juga menjadi apa yang saya sebut. Saya rasa kita semua setuju bahawa kalau perlu ditangani masalah ini, kita perlu ada strategi. Maknanya ia perlu bermula daripada titik permulaan. Tidak apabila kita rasa ia merupakan satu masalah, terus kita bawa kepada akta yang paling berat daripada segi hukuman dia.

Jadi kita perlu lihat- saya rasa ia berbalik pada *drafting*. Kita sebagai Ahli Parlimen kita kena lihat, kita kena tanya sama ada *drafting* ini membawa maksud yang sebenar yang diinginkan oleh Dewan ini. Apabila kita ke mahkamah, apabila undang-undang ini diguna pakai kemudian, mahkamah akan tanya balik apakah niat Parlimen apabila kita menggubal.

Di sini juga saya ingin bawa kepada poin kedua dan saya ingin minta juga pandangan daripada Yang Berhormat Sepang. Kalau kita lihat kepada akta ini, pindaan ini, sepertimana yang saya sebut tadi, ada tiga bahagian iaitu *trafficking*, milikan iaitu *possession* dan apabila kita *cultivate*, kita tanam pokok. Itu satu. Itu seksyen 2, seksyen 6 dan seksyen 6B. Saya sudah sebut, sudah habis dengan perkara itu.

Kita sekarang berbalik kepada seksyen 15. Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 15, ia melibatkan *administering*. Maknanya kalau ia daripada segi suntikan, kita suntik dadah itu ke dalam badan kita. Kalau ia sebagai air, kita minum. Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada *definition*, disebut *administering kratom into our body*. Kalau kita balik pada kepada *definition*, "*kratom*" means *plant*. So bagaimana kita *administer plant* ke dalam badan kita? [Ketawa] Saya minta Yang Berhormat Sepang, *you better check this*. Kita Ahli Parlimen, tahu? Kita pergi mahkamah, hakim itu gelak. "*What are you all doing in Parliament?*" Itu penting. Yang Berhormat Menteri, *I want to find out why your Ministry thinks that we can administer a plant into our body*. Mungkin ini idea Yang Berhormat Arau, saya rasa [Ketawa]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sila, Yang Berhormat Batu dahulu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Mengikut tafsiran itu, saya amat khuatir kerana tadi saya dengar dari Yang Berhormat Titiwangsa, ada sebuah syarikat luar negeri akan melancarkan produk dari daun ketum ini. Ini juga bermaksud apa undang-undang ini- saya hendak mendapatkan pandangan. Kita tidak haramkan *substance* itu, *mitragynine*, iaitu *substance* yang memberi *stimulant* dan menyebabkan yang kita sebut *effect kick* itu. Maksudnya, kalau syarikat di luar negara mereka *produce* dalam bentuk pil dan dibawa masuk ke Malaysia dan tanpa *associate* dengan kratom, itu boleh dijual secara meluas. Ini juga sedikit sebanyak sama dengan rokok. Rokok mempunyai pelbagai racun, tetapi oleh sebab syarikat ada *pattern rights* semua ini, kita membenarkan.

So, apa pandangan Yang Berhormat Puchong, adakah ini tidak adil apabila sebuah syarikat boleh menggunakan hak dia untuk memperoleh *pattern right*, memperoleh itu, selepas itu dibenarkan bebas untuk mengedar kerana undang-undang kita tidak lengkap untuk menahan pengedaran *substance* yang beracun ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Batu. Memang satu pandangan yang baik. Saya masukkan dalam ucapan saya dan mungkin saya harap Timbalan Menteri boleh bantu kita dalam jawapannya nanti. *Last* daripada Yang Berhormat Kapar sebelum saya gulung.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong, saya arif Yang Berhormat banyak juga buat kes-kes yang melibatkan dengan penagih-penagih dadah ini. Saya berpendapat penagih ini- *I am focusing on* penagih, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Penagih ini dia perlukan bantuan kesihatan dan bukan hukuman berat. Setiap kali ada isu penagih dadah ini, kita ibaratkan dia sebagai seorang penjenayah. Kita tangkap dia, kita bawa dia dekat lokap, kita gari tangan dia, simpan dua tiga hari. Kecenderungan untuk dia menagih itu bertambah-tambah. Saya selalu ibaratkan penagih dadah ini seperti orang kurang siuman. Dia perlukan penglibatan kesihatan pada masa itu juga secara mendadak dan secara terbuka. Daripada kita ibaratkan dia sebagai mangsa, kita datang dengan undang-undang ini, ibaratkan dia sebagai seorang penjenayah. Saya rasa fokus Kerajaan Persekutuan untuk membantu, menolong penagih ini terkeluar sasar. Apakah pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Sebenarnya itu topik akhir saya Tuan Yang di-Pertua sebelum saya duduk. Perkara yang berbangkit adalah ini.

Kita tahu bahawa dalam 10 tahun yang lalu ada banyak kajian yang dibuat, Yang Berhormat Kapar, di mana disebut bahawa memang hukuman yang berat seperti *death penalty* dan sebagainya, ia tidak membantu. Ia tidak membantu membanteras masalah pengedaran dadah. Itu untuk pengedaran. Akan tetapi kalau kita lihat kepada *structure bill* ini, nampaknya juga penagih dadah pun boleh dibawa ke muka keadilan untuk kesalahan pengedaran. Itu menjadi masalah dia. Jadi kita kena *split*. Apabila kita lihat kepada masalah pengagihan, kalau kita hendak *charge* seseorang...

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya terus terang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukankah Kementerian Kesihatan tidak tahu sebenarnya ada atau tidak bekalan dadah ini datangnya dari mana? Kalau orang itu ditahan, orang itu disimpan dalam penjara, orang itu dilokap di pusat pemulihan dan sebagainya, bukankah aduan didapati berkenaan dengan mereka ini? Apakah yang berlaku apabila mereka dimasukkan ke dalam penjara? Adakah mereka ini dijadikan ataupun – *are they cured of this problem?* Apakah yang kita niatkan sebagai kerajaan?

Adakah kita hendak untuk satu keadaan di mana kita lihat orang itu seorang penagih, terus kita bawa hukuman kepada dia sehinggalah dia dimasukkan ke dalam penjara dan menjadi lebih teruk ataupun adakah kita sedar bahawa ini satu masalah kesihatan, masalah yang juga perlu ditangani dari

segi kesihatan dan kenapa tidak ada sebarang cadangan yang dibawa oleh kementerian supaya perkara ini dapat dilihat dari segi itu supaya mereka-mereka yang mengalami masalah ini dapat diselesaikan masalah itu supaya mereka boleh kembali kepada masyarakat sebagai rakyat yang berguna. Itu saya rasa lebih penting. Kalau kita fokus sebegini...

Yang Berhormat Menteri, saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh datang ke mahkamah. Hari-hari *you go on remand*. Berapa ratus kes urin dia orang tangkap, beratus-ratus dilonggokkan dibawa masuk ke penjara. Itu *doesn't help. It makes it worst*.

Jadi apa yang kita cadangkan di sini? Apakah tujuan pindaan ini? Adakah kita hendak menyelamatkan ataupun bantu mereka yang ada masalah ini ataupun adakah kita di sini hanya hendak menunjukkan bahawa kita ada undang-undang yang cukup berat tetapi sebenarnya undang-undang itu tidak tepat pada tempatnya, tidak menyelesaikan masalah yang seharusnya kita lihat dan seharusnya kita tangani?

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

■1600

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu.

4.00 ptg.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang telah dibincangkan dari pagi tadi, pada asalnya daun ketum ini memang telah digunakan secara tradisional seperti mana yang kita tahu. Banyaklah yang telah disebut, cuma ada yang tidak sebut untuk mengeluarkan angin daripada badan. Itu satu sebab lagi dan juga untuk meningkatkan tenaga untuk melakukan kerja berat. Jadi rata-rata saya lihat, banyak yang memberi kelebihan daripada penagihan. Bermakna, yang baik lebih daripada yang buruk. Banyak lagilah yang kalau hendak kata disebut juga sakit belakang tadi, demam, batuk, cacing, penawar kepada diabetes, kepada darah tinggi dan lain-lain. Maknanya sebagai sejenis ubat.

Jadi, sebenarnya benda ini sudah dimasukkan sebenarnya. Kalau kita hendak beritahu contohnya, kalau kita ambil panadol itu sendiri, panadol itu ubat. Akan tetapi kalau dicampurkan dengan ubat batuk dan sebagainya, ia boleh menjadi dadah yang agak berbahaya. Boleh bawa kereta dengan tidak mengantuknya dan macam-macam lagi. Jadi maknanya kalau perkara macam itu berlaku, takkanlah kita hendak haramkan pengilang, penjual dan sebagainya.

Pada sayalah sekarang ini, berkenaan dengan pemilikan daun ketum ini semua telah dinyatakan dalam Akta Racun 1952, disebut pemilikan, pengilangan, eksport, import. Jadi maknanya benda ini sudah dinyatakan dengan jelas. Apa yang kita cuba atasi sekarang ini, kita cuba banteras ialah penyalahgunaan. Jadi kalau penyalahgunaan, saya cadangkanlah maknanya kita tidak boleh ambil semua pindaan ini sehingga kepada hukuman mati. Mungkin kita boleh limit setakat macam yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong tadi, setakat seksyen 15. Kalau ikutkan pindaan ini, seksyen 2 itu *any part of the plant. Is not it? Any part of the plant* itu maknanya daunnya kah, bermakna kalau kita ambil, setakat

kita tumpukan kepada penagih daun ketum itu sendiri. Jadi maknanya kita pinda setakat itu, kita jangan pinda habis. Maknanya kalau kita boleh buat, kalau kita tidak dapat hendak buat sekarang, kita rasa kita tangguhkan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Setiu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Puchong bangun, ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya cadang kita tangguhkan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Setiu, boleh saya hanya hendak tambah di situ? *Just for completion* di bawah seksyen 15 itu yang perlu mungkin diubahsuai ataupun digubal semula cara ia disebut kerana *administering of plant* itu yang menjadi masalahnya. So mungkin *to administer the part of it*. Saya rasa ada disebut dalam seksyen 7 tetapi kita kena lihat semula. Itu sahaja, tetapi saya setuju dengan apa Yang Berhormat Setiu sebut tadi.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Pindaan kepada *kratom* ini- sebab dia sebut *any part of the plant*, maknanya memang kita kena ubahsuailah. Ini disebabkan kalau kita hendak tumpukan kepada penagih, jadi maknanya kalau penagih itu memiliki, dia kena. Sebab itulah banyak yang kita kena ubah daripada segi takrifannya sebagaimana penagih dan sebagainya. Jadi makna kalau yang kita syak dia itu penagih dan dia memiliki dan sebagainya, kita mungkin boleh teruskan dengan hukuman-hukuman yang berat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sekarang kita tidak boleh hendak buat apa sebab takkanlah makcik-makcik yang tanam pokok banyak di Kedah, di Pantai Timur semua kita hendak samakan. Kasihan dengan mereka nanti, yang tidak tahu apa-apa dengan undang-undang dan kita laksanakan undang-undang ini, jadi apa kesannya kepada mereka?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kedah bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi Yang Berhormat Kuala Kedah?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Oh! Ada juga.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya hendak ringkaskan bahawa kita hari ini berbahas isu ketum kerana kegagalan kita mengatasi masalah penagihan dadah dan *substance abuse* atau penyalahgunaan *substance*. Ia tidak akan selesai dengan kita menjenayahkan penanaman ataupun pemilikan ketum kerana orang akan beralih kepada *substance* yang lain, bahan yang lain. Jadi itu pokoknya dan apakah komen Yang Berhormat Setiu?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ia tidak timbul masalah beralih atau tidak beralih. Kalau apa pun keadaannya, dia kalau penagih ini dia akan cuba dengan apa cara sekalipun.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Belum habis lagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Jangan risau, saya tidak pukul. Saya hanya hendak minta pandangan Yang Berhormat Setiu tentang pindaan seksyen 2 ini, ia punya takrifnya. Saya baca sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong, ia dalam bahasa Inggeris ya. “*‘Kratom’ means any part of any plant of the genus Mitragyna from which there is found to be present mitragynine irrespective of its quantity and by whatever name the plant maybe designated*”.

Definisi ini bagi sayalah, begitu luas dan tidak adil bagi orang di kampung yang bila dibaca ini, dia pun tidak tahu *genus Mitragyna*, pokok apa yang lain yang merupakan katakan daripada keluarga yang samalah dan mengandungi *mitragynine* ini. So takut pokok dokonglah, pokok mempelamlah. Manalah orang hendak tahu? Sepatutnya kalau hendak haramkan sesuatu jenis pokok, dia kena senaraikan. Jangan mengharap orang kampung pula pergi *check* pokok ini ada atau tidak *mitragynine* dan sebagainya. Apakah pandangan Yang Berhormat Setiu? Kalau tidak, *it will be very, very unfair. You can beholding something which is wrong you do not even know it*, bukan?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Itu yang saya cakap tadi. Maknanya kalau kita hendak gunakan dengan pindaan yang ada sekarang, kita merangkumi kepada orang kampung yang tidak tahu mengenai undang-undang ini. Itu masalah yang timbul. Jadi, kepada soalan daripada Yang Berhormat Shah Alam tadi, memang betul. Jadi ia akan memberi kesan kepada orang kampung yang memang sudah sedia tanam daripada awal lagi, bukan baru tanam kerana hendak meniaga, kerana hendak jual kepada penagih-penagih. Jadi kalau kita tumpukan betul-betul kepada penagih itu sendiri yang biasanya penagih beli ini air daun itu, bukan daun itu. Daun ini orang tidak beli biasanya sebab yang dijual dalam *plastic bag* tadi pun air rebusan tadi. Air rebusan itu yang menjadi ubat kepada sesetengahnya menjadi ubat dan sesetengahnya sebagai penagihan.

Jadi maknanya secara keseluruhannya, saya cadangkan supaya *bill* ini ditangguhkan kepada satu masa... [Tepuk] Ini supaya tidak memberi penganiayaan kepada mana-mana pihak sebab kita hendak kena jaga yang betul-betullah. Kalau yang baik itu kita cuba jaga mereka, yang tidak baik itulah yang sebenarnya kita hendak perangi. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

■1610

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang.

4.10 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengambil bahagian ini sebenarnya seperti mana yang telah saya celah tadi dalam peringkat apabila Yang Berhormat Puchong berbahas tadi saya tidak tahulah sama ada ini satu yang disengajakan atau tidak. Saya mengakui kalau setakat pindaan ini berkaitan dengan unsur-unsur *drugs* sahaja yang tidak melibatkan pelaksanaan hukum dan sebagainya mungkin sesuai Menteri Kesihatan.

Akan tetapi sebagaimana pengalaman di Dewan ini pada bulan Disember 2013, saya masih ingat lagi saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Puchong. Kami membangkitkan satu pindaan yang bukan sahaja satu pindaan yang berbentuk drakonian sebab kita memperkenalkan *presumption* ke atas *presumption*. *Double presumption* orang kata. Sekarang ini kalau hasil kita pinda ini memang pihak polis dia lebih senang kerja.

Jadi mereka kalau boleh hendak mati, hukum mati, hukum gantung. Ini kesannya. Tanyalah kepada mana-mana pengamal undang-undang sebagai contoh Hisham Teh Poh Teik seorang peguam yang boleh dikatakan semua kesnya adalah melibatkan *drug*. Dia pun tulis buku fasal *drug*. Dia beritahu maknanya polis lebih *relax* sedangkan kita sepatutnya bila masalah dadah ini kita bukan setakat hendak berdiri menolong polis tetapi juga dalam masa yang sama beri keadilan kepada pihak yang kena tuduh. Apalagi setiap pindaan yang melibatkan kesan daripada hukuman dia berat iaitu hukuman mati.

Apabila saya dengan Yang Berhormat Puchong khususnya masa itu berbahas, kita menyatakan bahawa *even the wording* dalam pindaan itu sampai tulis *rules of law*. *Rules of law* ini satu konsep tidak boleh masuk dalam perundangan tetapi ini malangnya saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Setiu. Hari ini Yang Berhormat Setiu kata minta tarik balik. Saya ragulah, saya ragu. Tangguh itu maknanya tarik baliklah. Kita pinda hari lainlah. Saya harap pihak Barisan Nasional ini supaya dalam hal seperti ini jangan tergopoh-gopoh, satu. Keduanya jangan takut mengaku kesilapan. Mengaku kesilapan lebih baik daripada kita terus dalam kesilapan.

Kami ini- usaha saya dengan Yang Berhormat Puchong khususnya lah memang kami membuat kes-kes melibatkan dadah ini. Sebab itu saya kata kami berbahas ini untuk menyumbangkan pengalaman kami supaya diambil kira. Sekarang ini kalau kita pergi mahkamah seperti mana oleh Yang Berhormat Puchong tadi bila undang-undang *was poorly drafted*, mahkamah kata *you* dengan Parlimen buat apa. Saya hendak beri contoh baru-baru ini bila kita luluskan Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan. Seksyen 6 kita pinda, yang kita meletakkan satu hukuman mandatori ke atas mereka yang memiliki dipanggil *offensive weapon*.

Seperti baru-baru ini ketika berada di Pulau Pinang. Hakim Mahkamah Sesyen berjumpa dengan kami dalam mahkamah, dia beritahu saya pening dengan seksyen ini sebab seksyen ini telah menyebabkan budi bicara hakim ini telah terikat, telah disekat. Dia berhadapan dengan satu kes di mana seorang penjual air batu gunakan alat *ice breaker* itu. Balik daripada jual air batu itu letak dalam motor ditangkap kerana memiliki *offensive weapon*, didakwa di mahkamah. Dia hendak mengaku salah. Hakim kata kalau awak mengaku salah, hukuman penjara. Dia tidak tahu. Bagi dia apa yang dia buat tidak salah sebab dia penjual air batu.

Jadi undang-undang ini bila kita letakkan *mandatory sentence* itu menyebabkan hakim menghadapi masalah. Tanyalah Yang Berhormat Setiu dia bekas hakim Mahkamah Sesyen dia tahu. Saya sudah tegur dahulu dalam perbahasan ini jangan sedikit-sedikit buat *mandatory sentence*. Akan tetapi kerajaan ini tidak mahu dengar, sombong, bongkak, takbur. Rasa dia seorang sahaja yang betul.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memang takbur. Kalau tidak takbur, mesti tarik balik. Hendak bangun-bangun. Sila Yang Berhormat Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau hendak tanya sila bangun. Kalau hendak membebel-bebel itu, pergi kedai kopi sahaja, kafeteria [*Ketawa*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa lagi, apa lagi. Yang Berhormat Arau benda ini Yang Berhormat Arau pun setuju. Tadi saya kata berkaitan dengan ini saya kata tadi apabila kita letakkan, kita tadi kita bahas penyalahgunaan semua setuju memang ini masalah tetapi kenapa kita masukkan pindaan yang *massive* sebegini. Pindaan yang kita letak dalam satu ibarat kita ada mata kalau nyamuk seekor masuk dalam kelambu kita bakar kelambu itu, sedangkan kita boleh pakai *Ridsect* sahaja boleh selesaikan masalah itu.

Jadi inilah masalahnya. Saya lihat apabila kita hanya meletakkan ketum. Bagaimana pula dengan penyalahgunaan gam, penyalahgunaan benda-benda lain. Tadi dikatakan arak, dikatakan oleh dari Pahang tadi, daripada Yang Berhormat Lipis. Dia kata arak ini haram tetapi kita kena lihat dalam Islam pula arak ini walaupun dia haram dalam undang-undang Al-Amwal Islam, mengenai harta orang Islam, dia kata untuk orang Islam haram. Kita tidak boleh haramkan benda yang bagi orang bukan Islam itu haram. Tidak boleh. Kita dalam Islam ini kita lihatnya dahulu. Kalau dalam agama kamu boleh, kita orang Islam tidak boleh haramkan ke atas orang bukan Islam. Bagi orang bukan Islam itu mungkin dibenarkan. Berbeza dengan judilah. Judi ini mungkin lain.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tadi Yang Berhormat Sepang ada menyentuh tentang arak tetapi bagi orang-orang bukan Islam pun pada pandangan saya, arak murah yang sekarang berleluasa dijual di kedai-kedai secara terbuka saya rasa perkara ini pun harus diberi pertimbangan yang sewajarnya. Perlu ada satu undang-undang. Kalau kita lihat di antara ketum dengan arak murah ini, kalau ketum saya dengar perbincangan daripada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat ada yang sebut okey, ada baiknya. Ada yang sebut buruknya.

Akan tetapi kalau arak murah itu apa baiknya. Semuanya buruk tetapi tiada apa-apa tindakan diambil setakat ini untuk mengatasi masalah arak murah ataupun samsu haram ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Sepang berkaitan perkara ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Kalau itu masalahnya, kita patut memberikan *treatment* yang sama. Kita jangan membeza-bezakan. Kalau ketum ini satu masalah penyalahgunaan, saya rasa dalam benda yang lain pun, menyalah guna. Begitu juga kita tidak suka penyalahgunaan kuasa. Kita bagi sedikit kuasa, sedikit-sedikit tangkap orang. Ini pun tidak boleh juga. Biasalah Barisan Nasional kena fahamlah itu.

Saya ingat tadi berkaitan dengan seksyen 6 dan seksyen 6B ini. Ini satu seksyen yang memang saya rasa kalau kita hendak pinda pun biarlah setelah kita betul-betul ada satu penyelidikan yang muktamad bahawa ketum ini adalah memang benda yang langsung ada kebaikan. Sebab itu kita dalam Islam kita tidak letak arak itu bukan kita tentukan. *It is divine* punya standard.

Oleh sebab itu dalam Islam penentuan *darar* dengan manfaat ini bukan melibatkan manusia, dia melibatkan campur tangan Tuhan. *For us* kita mungkin nampak arak itu. Dalam Islam mengatakan... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kau tanya kepada manusia apa hukum arak dan juga judi. Allah juga mengaku, ada manfaat tetapi dia punya mudarat dia lebih besar. Bukan kita cakap tetapi ini Allah cakap. Kalau orang tanya mengapa manfaat, memang ada manfaat daripada segi ekonomi sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tadi.

Antara sebab kerana apa kerajaan Thailand tidak benarkan ketum ini sebab cukai. Sekarang ini memang mereka dalam proses saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah, memang Thailand dalam proses *legalizing* ketum ini. Menurut satu kajian yang saya baca dalam satu artikel yang ditulis oleh seorang profesor di US. Mereka mengatakan memang ada *research* yang mengatakan bahawa ketum ini mempunyai berpotensi untuk membantu daripada segi menawarkan perubatan kepada penyakit-penyakit tertentu. Sebab itu dia kata, saya bacakan dia kata, "*Fears of a drug...*" Ini, "...*don't stop discovery process because of that fear*". Maknanya oleh sebab ada *fear* itu terus menutup segala proses *discovery* itu.

■1620

Jadi, saya hendak katakan bahawa kalau sekiranya kita merasakan penyalahgunaan ini memang satu yang kritikal dan Akta Racun itu tidak berupaya untuk menawarkan satu penyelesaian. Oleh sebab mungkin hukumannya terlalu ringan. Kenapakah kita tidak pergi balik pada Akta Racun itu? Kenapa kita tidak boleh letakkan. Kita meminda akta itu untuk membolehkan hukuman yang setimpal? Kita hanya memfokuskan kepada soal penyalahgunaan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu dan sahabat saya dari Puchong. *The only section* yang kita boleh pakai ialah seksyen 15. Akan tetapi saya melihat pindaan ini, saya mungkin berbeza pendapat sedikit dengan Yang Berhormat Puchong.

Saya lihat seksyen 15 ini mungkin tidak berguna untuk daun ketum ini. Oleh sebab ia sebut pasal satu *drug* yang disebut di bawah *part 3 and part*. Sedangkan yang kita pinda ini semua berkaitan dengan *part 2*. Akan tetapi sekiranya kita merasakan ia terpakai, sudah tentu kita fokus pada seksyen 15 sahaja, kita pinda seksyen 15. Akan tetapi dalam ini pun, seksyen 15 pun tidak dipinda secara spesifik. Jadi, saya minta supaya seksyen 6B, khususnya...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kedah bangun Yang Berhormat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya ingin menambah sedikit. Pada saya, pengharaman ketum ini tidak tepat kerana memang dadah yang telah diharamkan dan hukumannya yang sangat berat seperti *heroine*, morfin, ganja dan juga syabu. Saya tidak melihat sebarang pengurangan pada jumlah penagihnya. Sedangkan

itu memang sudah ada undang-undang. Apa yang berlaku sekarang ialah apabila mereka ini, keputusan dadah tadi, mereka mengambil ketum sebagai pengganti, sebagai satu alternatif yang lebih murah, lebih mudah didapati, itu yang berlaku.

Ketum tidak pada saya dan juga ada orang lain, kalau kita Google, ia berpandangan demikian. Bahawa ketum tidak bermula sebagai dadah mula, rokok sebagai pemula untuk penagihan dadah. Akan tetapi seorang tidak bermula dengan ketum dan terus naik tinggi, tidak. Ketum itu diambil apabila dadah yang lebih kuat tidak didapati. Itu dia punya *relationship* penagihan dan ketum. Jadi, pada saya bukan masalahnya ketum sangat. Walaupun tidak bolehlah kita biarkan *freely available*, dengan izin.

Akan tetapi bukan masalahnya dari ketum, masalah adalah pada kegagalan kita mengatasi punca-punca, *the root causes*, dengan izin, penagihan. Itu yang perlu kita *address*. Dalam masa yang sama saya sangat bersetuju kalau kita kembali pada Akta Racun, kenakan hukuman yang lebih berat. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Itu yang dimaksudkan. Bagi saya apa yang dinyatakan ialah masalah '*repecy*', masalah benda ini terlampau terlalu biasa. Jadi, ketika itu, kalau itu masalahnya, bukan masalah undang-undang, ini masalah penguatkuasaan. Apabila masalah penguatkuasaan ada masalah, kita pinda undang-undang pun tidak akan menyelesaikan masalah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Sepang faham apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah seperti mana yang saya faham. Yang Berhormat Kuala Kedah sebut, orang pergi ke ketum oleh sebab dia sudah ketagih dengan morfin dan *heroine*. Selepas itu dia pergi ke ketum, maka morfin dan *heroine* sudah tidak lagi menjadi satu keperluan bagi dia.

Kalau kita haramkan ketum juga dan ketum ini menjadi satu masalah untuk diperolehi walaupun dalam bentuk *treatment*, tidakkah kemungkinan mereka akan kembali kepada morfin dan *heroine* yang pada asalnya merupakan masalah ketagihan yang mereka perlukan? Maknanya, kalau kita bertindak seperti mana yang kita inginkan melalui undang-undang ini, maka daripada segi dia punya reaksinya ialah ada kemungkinan orang yang sekarang ini sudah tinggalkan morfin dan *heroine* kerana pergi ketum, akhirnya dia balik pada morfin dan *heroine*. Adakah itu yang mungkin dimaksudkan?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *Can I explain*, boleh saya jelaskan? Itu memang *observation*, pemerhatian saya. Itu juga pemerhatian semua orang yang pernah merawat penagih dadah di utara Semenanjung terutamanya. Mereka meninggalkan *heroine* dan morfin, mengambil ketum kerana *side effect*nya kurang, penagihannya kurang, berat simptomnya kurang, harganya juga kurang. Itu yang berlaku, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itu yang saya cakap tadi. *Unless* kita ada satu keputusan yang muktamad. Bagi sayalah, mungkin *cannabis* dan dadah-dadah lain ini, morfin semua ini,

jenis dia punya kesan buruk. Sebab itu kita rasa tidak ada orang yang berbahas ataupun minta dipinda jangan anukan - walaupun ada juga yang saya dengar orang kata ganja ini kalau kita gunakan sedikit pun tidak menjejaskan dan sebagainya. Akan tetapi secara umumnya, boleh katakan daripada segi ganja ini tidak seperti ketum. Orang Utara kata, ketum ini menjadi satu minuman macam- semalam di Thailand, dia kata, dicampur dengan ubat batuk, jadi satu jenama minuman pula- 4x100. Satu minuman yang ada kandungan herba ketum itu.

Jadi, sebab itulah sekarang ini, ini masalah yang berlaku apabila kita pun tidak diterangkan secara saintifik, adakah ketum ini betul-betul memudaratkan. Kalau sekiranya yang bercampur-campur dengan benda lain, ubat nyamuk dan sebagainya, saya rasa itu satu persoalan lain. Akan tetapi yang ketum itu diminum secara ketum sahaja, mungkin juga apabila undang-undang dibuat, dia bukan fikir pasal minum dan campur yang lain. Minum ketum itu pun dah salah. Makna, kalau kita tanam pokok ketum pun salah. Walaupun hendak guna untuk tujuan kesihatan dan sebagainya, sampai boleh kena hukum penjara seumur hidup.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ada pandangan yang sedikit berbeza sebab kalau *bill* ini, rang undang-undang ini dibawa daripada Kementerian Kesihatan, sepatutnya Kementerian Kesihatan akan memahami fenomena ketagihan ini lebih mendalam. Kalau dikatakan yang campur-campur itu, ubat batuk juga merupakan bahan yang boleh menjadi ketagihan. Seperti yang disebut dengan gam tetapi *tobacco* secara umumnya, semua kajian saintifik telah menunjukkan *tobacco* mempunyai unsur yang lebih merbahaya daripada ketum dan banyak bahan lain. Kalau kita ikut cara yang *simplicity*, dengan hukuman sahaja kita boleh mengatasi masalah ketagihan dan masalah sosial. Kita akan mengharamkan banyak barang dan kita dengan *simple* sahaja senaraikan semua barang-barang ini dalam Dangerous Drugs Act. Jadi, adakah ini akan menyelesaikan masalah? Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya pengalaman di sini sudah dua tahun, saya dapati apabila adanya *outcry*, adanya teriakan-teriakan daripada pihak luar ini, kita kadang-kadang terlalu tertekan dengan *pressure* itu, maka kita ambil jalan singkat. Ini saya melihat apa yang berlaku dalam Parlimen ini, sudah banyak kali. Kita tidak tahan dengan *pressure* itu, kita ambil jalan singkat. Ini yang saya kata dalam perundangan tidak boleh ambil jalan singkat. Kalau kita hendak selesaikan masalah dengan perundangan sahaja, ia tidak akan selesai. Sebab perundangan ini biasanya mekanisme terakhir, *the last resort*. Kalau sekiranya dari mula-mula sudah kita rasa hendak tunjuk kepada orang kita serius dengan ketum ini, maka kita buat undang-undang. Buat undang-undang pula, kita terus masukkan semua. Kita tidak fokus apa yang sebenarnya kita hendak capai.

Jadi, cara kita *react* tidak *proportionate*, tidak sepadan dengan masalah yang kita hendak cuba selesaikan. Inilah masalah yang paling besar dalam Parlimen ini, saya lihat apabila kita buat undang-undang. Jadi, seperti mana yang saya katakan tadi oleh Yang Berhormat Batu, sepatutnya pihak Kementerian Kesihatan ini sudah betul-betul pasti dan yakin dengan kita ini dan terangkan kenapa ketum ini perlu kita pinda seperti ini.

Walaupun saya faham dalam *explanation* ini, tidak perlulah kita hendak meletakkan justifikasi seperti itu. Akan tetapi paling kurang, kalau hendak meyakinkan kita ini, boleh kepilkan bersama kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan. Saya hendak tanyalah, apakah kajian yang telah dibuat tentang daun ketum ini? Adakah kajian itu telah betul-betul dijadikan sebagai *findings* yang muktamad? Inilah hasilnya dan tidak boleh dipertikaikan? Jadi, saya...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Satu belah Dewan... [Ketawa]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang.

■1630

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kacau daun!

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Sepang supaya kementerian mengambil inisiatif awal untuk mendidik sebelum membawa satu undang-undang yang dianggap agak keras. Sejauh mana agaknya Kementerian Kesihatan telah melaksanakan tanggungjawab mengenai masalah ketum. Apa yang kita dengar ketum ini laporan-laporan akhbar yang sesensasi, yang tidak akademik, yang tidak menjelaskan fakta-fakta tentang kesan sampingannya sama ada teruk ataupun tidak, statistik-statistik yang boleh meyakinkan kita bahawa ketum ini sangat berbahaya sehingga boleh dikategorikan sebagai dadah berbahaya kerana sebagai Ahli Parlimen kita sendiri pun bertemu suatu kajian yang dihebahkan. Kalau kita hendak harapkan orang kampung, pelajar-pelajar kita menyelidik, melihat *literature* dan sebagainya. Itu satu perkara yang kita jarang buatlah.

Akan tetapi sepatutnya kementerian sudah mendedahkan. Sebagai contoh, kita baca, sedikit pun kita sudah tahu bahawa ketum ini tidak berbahaya. *Side effect* nya ringan. Malah *side effect* nya boleh ditundukkan dengan hanya disebut di situ dadah, dadah *hydrocodone*. Dadah *hydrocodone* Tuan Yang di-Pertua, biasa. Tuan Yang di-Pertua biasa minum ubat ini. Ubat batuk ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kadang-kadang, bukan biasa.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ini baru ubat biasa lagipun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa sakit minum ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Bukan *hydrocodone* pun boleh. *Simple*.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya juga ingin tahu dan diperjelaskan kepada rakyat sama ada kesan penggantungan...

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, tengah mencelah ini. Kenapa mencelah tetapi macam berucap.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Oh! Mencelah. Saya ingat dia sudah berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bukan, bukan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya bertanya.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Mencilah lama sangat macam berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, lama sangat ya.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Macam mana ini?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Rompin tengah tidur tadi. Dia tidak perasan... [*Dewan riuh*]

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Yang ini Yang Berhormat Shah Alam, dia geng, satu geng. Dia satu geng- tolong sama geng. Ini semua geng tidak sokong Presiden PAS... [*Dewan riuh*] Geng PASMA. Ini geng semua ini.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Sepang, sama ada Yang Berhormat Sepang tahu kah sama ada *mitragynine* ataupun ketum ini mempunyai kesan penggantung *psychological* kah ataupun fizikal ya? Dia ada beza itu. Kalau setakat *psychological*, kita boleh rawat dengan mudah tetapi kalau fizikal, itu macam kadar heroin...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Soalan, saya kuis nanti kepada dia. Macam P. Ramlee kan. Dia ada kuis kan. Saya kuis pada Yang Berhormat Kesihatan, dia jawablah sebab itu bukan bidang saya dalam bidang perubatan itu. Akan tetapi saya hendak katakan, sebagaimana yang dikatakan Yang Berhormat Kuala Krai tadi ialah patutnya diberikanlah *finding* itu supaya kita jelas. Jadi saya juga minta supaya Yang Berhormat Menteri juga, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, okey sekarang katakan akta ini akan diluluskan dan saya nampak macam nampak gaya akan diluluskan. Dia akan menyebabkan pendakwaan akan berlaku. Bila pendakwaan berlaku ini, dulu bawah Akta Racun mungkin *lawyer charge* tidak tinggi sangatlah. Akan tetapi sekarang kalau *charge* bawah seksyen 6B sudah tentulah apabila melibatkan hukuman sampai penjara seumur hidup, tidak boleh *bail*, *lawyer* akan *charge* lebih tinggi sedikit. Lepas itu kena GST lagi pula. Sudah lah orang itu dulu minum ketum tidak kena dakwa. Sekarang ini kena dakwa, pakai *lawyer*, kena GST lagi, bertambah-tambah lagi masalah. Ya, Yang Berhormat Rompin.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat***]

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini bukan isu lain ya. Ini isu Mahkamah Sivil, bukan isu Mahkamah Syariah.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya hendak bertanya tentang ancaman kepada penagih dadah seperti sekarang kita hendak takrifkan ketum sebagai juga penagih. Saya hargai Dewan berbincang tentang ancaman penagih. Saya hendak bertanya juga kerana Yang Berhormat Kuala Krai bertanya soalan tadi. Penagih-penagih dadah ini, seperti ketum ini ialah dia boleh membuat sesuatu di luar pertimbangan yang biasa. Adakah Yang Berhormat setuju atau tidak? Yang

membakar kereta Yang Berhormat Kuala Krai mungkin penagih dadah ketum sebab itu elok kita awasi penagih dadah ketum ini.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya tanya Yang Berhormat Sepang, yang Yang Berhormat Kuala Krai bangun buat apa? Kalau Yang Berhormat Kuala Krai berucap saya tanya ini. Saya hendak melahirkan simpati saya, kereta Yang Berhormat Kuala Krai dibakar. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Sepang adakah kerana kemungkinan ancaman daripada penagih dadah ataupun penagih politik yang songsang? Itu saja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apalah. Tidak apa. Saya bayangkan apabila orang yang pernah jadi duta di Amerika ini, soalan itu macam begini saya bayangkan... *[Menunjuk ke atas]* Saya pun takut menggigil-gigil. Tengok-tengok macam budak PASTI saja. Budak Tadika KEMAS. Ya Allah, malu betul saya... *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Ketawa]*

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Ini 36(6), tuduhan liar ini... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Budak Tadika KEMAS.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, takkan hendak jawab budak tadika? Malulah saya.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya tanya tentang- dia jawab pergi ke Amerika pula.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You* pun pergi kereta terbakar, apakah kaitan dengan ketum ini?

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya boleh jemput Yang Berhormat Sepang ke Amerika sekali tetapi kena menang dulu calon Presiden PAS. Yang mana menang itu baru pergi Amerika.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kita ingat dari balik Amerika sudah pulih sudah. Rupanya macam minum ketum. Kepala otak pun sudah tidak betul... *[Dewan Riuh]* Patutlah tidak jadi Menteri, jadi dekat situ saja. Kasihan betul ya. Okey ya, puas hati ya?

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya kasihan, betul-betul dengan Yang Berhormat Rompin ini, Allah. Tidak apalah.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, lagi satu, yang ini mungkin terakhirlah. Apabila kita hendak mengendalikan kes ini, kita ada perlu pembelaan. Jadi saya pun kalau bayangkan, kalau kes seperti ini, *cultivation*. Memang kalau ikut falsafah undang-undang itu untuk tanam pokok ganja, pokok ketum yang untuk tujuan eksport dan sebagainya memang besarlah. Memang perladangan

sebagai contoh tetapi dalam pelaksanaan yang ada sekarang ini, dia tidak fikir begitu. Polis-polis ini mereka akan dakwa juga kalau kes yang melibatkan mungkin belum perladangan pun. Ada satu pokok pun dia akan dakwa. Ini yang masalah ini. Penyalahgunaan ini bila kita bagi...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap ya Yang Berhormat Batu. Kita undang-undang ini ibarat pisaulah, ada masa dia boleh menjadi *protector*, jadi *shield*. Akan tetapi ada masa juga kalau disalahgunakan, dia jadi ancaman. Jadi, kalau kita bagi undang-undang ini kepada orang yang *overzealous* ini, khususnya mereka yang mungkin ada sebab-sebab tertentu, ini akan jadi satu penganiayaan kepada orang-orang kampung dan sebagainya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, saya sedikit saja sebab saya tidak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Hanya bezanya ketum saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Sepang, keberkesanan untuk menghapuskan ketum ini sebagai satu jenis spesies. Bezanya ialah ketum adalah seperti pokok kopi. Dia adalah sama famili dan ketum juga adalah *native* pada Malaysia, Myanmar dan Thailand. Kalau kita hendak hapuskan heroin atau ganja, yang bukan *native* daripada tanaman kita, senang, kita tahu siapa ada di rumah dia, di tanah dia itu ditanam. Akan tetapi kalau *native* itu adakah dengan akta ini kita kena hapuskan secara keseluruhan spesies ini di dalam tanah air kita?

Ini satu tugas yang sangat sukar dan pada pandangan Yang Berhormat Sepang kerana ini adalah *native plant*, senang kita dapat. Selagi kita luluskan undang-undang ini, harga barang ini akan jadi sangat *lucrative* untuk siapa-siapa yang menjual. Ia akan menggalakkan lebih banyak orang *traffic* dan juga menjalankan aktiviti yang *illegal* ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu, saya setuju dan saya minta Yang Berhormat Menteri memberi jawapan Yang Berhormat Batu. Jadi yang saya katakan tadi, contohnya bila seseorang didakwa di bawah seksyen 6, menyimpan atau *in possession* ketum ini sedangkan selama ini memang dia- sebelum kita masuk dalam Akta Dadah ini memang dia telah menggunakan, simpan ini perkara biasa. Sekarang ini apabila kita dakwa di bawah seksyen 6 ini, kalau dia kata saya minum ini- sebagai contoh, saya pernah berbual dengan dari Bagan Serai, dia kata kebanyakan *driver* lori, pemandu lori di utara ini memang biasa guna daun ketum ini.

Sekarang ini kalau sekiranya mereka didakwa seperti ini, didakwa di bawah seksyen 6, di bawah Akta Dadah Berbahaya ini, bukankah ini menyebabkan kalau dalam undang-undanglah kita buat benda ini, kita kata bagus untuk saya. Saya tidak sakit apa-apa, saya sihat, saya makin boleh kerja dengan mudah. Adakah itu sebagai pembelaan dalam perundangan? Ini masalah apabila kita letak ketum ini, kalau kanabis dengan itu sekurang-kurangnya jelas. Kalau katakan saya minum ganja ini sebab saya, mungkin tetapi ketum ini boleh dikatakan tidak ada satu kajian yang muktamad.

■1640

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Baling bangun. Ya, rakan sekpal bangun.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bagi laluan sedikit, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh, boleh!

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya ini khusyuk dengar perbahasan Yang Berhormat Sepang. Saya tengok pembelaan ini khususnya pada orang salah ini, saya tengok Yang Berhormat Sepang ini bagus dalam konteks pembelaan. Akan tetapi di sini saya hendak tanya. Apa yang diujahkan Yang Berhormat Sepang tadi adalah berkaitan dengan undang-undang. Okey, bagus. Saya tengok Yang Berhormat Puchong tadi pun bagus yang cakap dengan begitu... *[Disampuk]* Tak, apa yang dicakap betul, betul.

Akan tetapi saya hendak tanya pada Yang Berhormat Sepang berkaitan dengan teori dan praktikal dalam konteks pembelaan. Saya pembelaan masyarakat dalam konteks UMNO di mana anak-anak muda, mat rempit yang naik motor semua kita bela mereka selama ini. Saya juga tahu kes daun ketum ini juga menjadi masalah khususnya di kawasan luar bandar di mana ia disalahgunakan sehingga memungkinkan ada kes-kes telah sembelih kepala ibu dan ayah mereka kerana ketagihan daun ketum ini.

Jadi, saya melihat dari sudut undang-undang, betul, di mana daripada seksyen 6 tadi yang mana Yang Berhormat Sepang sebut mahu membela, tidak mahu mereka sehingga ke hukuman gantung, tetapi bagaimana Yang Berhormat Sepang hendak menyelesaikan masalah salah guna daun ketum ini? Apakah kaedah dia Yang Berhormat Sepang hendak sarankan kepada kerajaan bagaimana kita hendak laksanakan? Ini saya tanya ini bukan main politik. Saya tanya yang betul atas nama pembelaan. Sana bela daripada segi undang-undang, sini pembelaan masyarakat membuat pendekatan secara holistik dan praktikal terhadap anak-anak muda ini. Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang panjang lagi?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hendak habis dah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Sepang, boleh saya sedikit?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin respons kepada Yang Berhormat Baling. Setahu saya, tidak ada kes *withdrawal* ketum sampai menyembelih tetapi heroin dan morfin ada. Ketum, maaf ya, *it is much milder*, tidak sampai peringkat itulah. Itu pengalaman saya di Kuala Kedah.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya ada pembetulan. Di kawasan saya sudah berlaku. Saya sudah *study* kes. Di Kuala Ketil ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak boleh macam ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okeylah, terima kasih. Saya sudah hendak habis dah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Baling, terima kasih kepada Yang Berhormat Kedah.

Kita bersangka baiklah, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Baling itu berlaku. Ini bukan perkara luar biasa. Dalam mana-mana undang-undang pun memang ada kejadian-kejadian ekstrem itu. Kita ada undang-undang *best* macam mana pun, tetap ada. Akan tetapi adakah kejadian *isolated* itu, kita terus *react* kita pinda Akta Dadah Berbahaya? Itu bukan caranya, Yang Berhormat Baling.

Tadi Yang Berhormat Baling kata macam mana hendak selesaikan. Oleh sebab itulah Yang Berhormat Baling- saya tidak tahulah, saya, Yang Berhormat Kepong, ramai sudah bercakap. Rupanya Yang Berhormat Baling tidak faham. Kalau Yang Berhormat Baling faham, Yang Berhormat Baling tidak akan tanya apa yang kita telah menawarkan penyelesaian itu. Antaranya kita kata cara hendak selesaikan masalah ini bukan dengan pinda borong macam ini. Kalau ada kelemahan di bawah Akta Racun, kita pinda Akta Racun. Jangan masukkan semua ini dalam satu pakej.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jadi setujuah? Cuma hendak pindalah? Yang Berhormat Sepang setujuah kita adakan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sejak dari awal.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itulah maksud Yang Berhormat Sepang tadi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling, dengar tidak ucapan Yang Berhormat Setiu tadi, dengar? Kenapakah sudah dengar tidak faham-faham? Daripada kawan sendiri pun tidak faham. Macam mana ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tadi Yang Berhormat Setiu kata kalau kita hendak buat terus pun, pinda seksyen 15 sahaja iaitu yang berkaitan dengan *administration of the material* itu. Jangan masukkan seksyen 6.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Baling lah. Katakanlah seorang keluarga dekat Baling ini dia tanam pokok ataupun ada orang tanam pokok dalam tanah dia, dia tidak tahu, tiba-tiba didakwa di bawah seksyen 6B ini. Pertama, tidak boleh dijamin, *unavailable*, Yang Berhormat Baling. Maknanya kita guna hujah apa pun tidak boleh. Keduanya, kalau didapati bersalah, kena hukuman penjara seumur hidup. Lepas itu kena enam kali sebatan. Adakah Yang Berhormat Baling setuju? Setuju tidak setuju Yang Berhormat Baling? Bangun Yang Berhormat Baling.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak payahlah macam ini, Yang Berhormat. Dia bukan Menteri, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dia tidak faham. Dia tanya tadi saya pun pelik. Kita sudah cakap banyak dah tadi. Jadi, itulah maksudnya, Yang Berhormat Baling. Maknanya jangan...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tadi Yang Berhormat Sepang yang cakap jangan angkuh tetapi nampaknya Yang Berhormat Sepang angkuh. Saya tanya cara baik tetapi Yang Berhormat Sepang angkuh cara jawabnya. Mentang-mentang Yang Berhormat Sepang pengamal undang-undang, janganlah angkuh. Saya pembela masyarakat. Saya datang cakap dari sudut

pembelaan. Kalau perlu *refine* perkara tersebut, seksyen 6B, okey, kita boleh bincang, tetapi janganlah angkuh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya ini Yang Berhormat Baling, dahulu saya cakap supaya Yang Berhormat Pekan saman *New York Times*, dia kata angkuh juga. Yang ini dia kata saya angkuh. Yang Berhormat Baling pula asyik kerja membodek sahaja itu dia tidak kisah pula. Itu kita pun sakit telinga dengar. Pantang sedikit...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang, jangan saya *start* Sungai Buloh. Saya sebut Yang Berhormat Permatang Pauh, Sungai Buloh, Yang Berhormat Sepang marah. Jadi, tolong jangan hendak sebut ayat bodek. Yang Berhormat Sepang bodek Yang Berhormat Permatang Pauh itu kalau boleh Yang Berhormat Sepang hendak duduk dalam Sungai Buloh, keluarkan dia. Itulah perangai Yang Berhormat Sepang ini... *[Disampuk]* Tengok, baru cakap Sungai Buloh, Yang Berhormat Permatang Pauh, dia sudah mengamuk. Tengok. Ha, jangan *double standard*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okeylah. Yang Berhormat Permatang Pauh ini kita *react* itu kerana benda itu salah. Saya cakap pasal Yang Berhormat Pekan itu saya kata kalau hendak jaga nama, reputasi, integriti, apa salah saman juga *New York Times*. Itu angkuh juga kah? Kalau itu pun angkuh, saya tidak tahulah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, di luar tajuk ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memang. Dia yang mulakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, cukup ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadi, saya haraplah Yang Berhormat Menteri berlaku jujur. Macam hari itu, memang ada masalah, hari ini lagi banyak masalah sebab banyak soalan ini. Saya minta tolong, *stop* sekejap, jumpa, telefon sesiapa pun, tarik balik. Lepas itu kita pinda kemudian. Setuju?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 62. Sila.

USUL

MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62

4.46 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebelum itu mengucapkan terima kasih banyaklah kepada semua Wakil Rakyat, Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No.2) 2014 (DR. 24/2014) seperti yang tertera di No.1 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini ditangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang.”... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN (PINDAAN) 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

4.47 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha melahirkan modal insan berkemahiran tinggi selaras dengan Wawasan 2020, satu anjakan baru amat perlu dilakukan dalam sistem pendidikan negara. Sehubungan itu, langkah kerajaan mentransformasikan pendidikan vokasional merupakan satu langkah yang tepat dan kena pada masanya bagi mengangkat martabat pendidikan vokasional sebagai aliran perdana.

Penambahbaikan kepada sistem pendidikan vokasional ini akan menyediakan ruang dan peluang yang lebih luas kepada rakyat seiring dengan anjakan satu iaitu menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa di bawah PPPM 2013 hingga 2025 dan Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA.

Transformasi ini adalah untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam memenuhi keperluan tenaga mahir negara bagi mencapai hasrat dan aspirasi negara sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, persepsi umum terhadap pendidikan vokasional sebelum ini menganggap aliran vokasional dikategorikan hanya pada tahap kelas kedua. Maka, transformasi yang dilaksanakan ini bukan sahaja telah mengubah stigma masyarakat, malah ketika ini ia merupakan pilihan ramai murid. Ini terbukti apabila bilangan permohonan untuk mengikuti program Kolej Vokasional dari tahun 2012 hingga 2014 selepas transformasi ini dilaksanakan melonjak ke jumlah 311,837 permohonan berbanding sebelum transformasi dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kedudukan penyertaan murid peringkat menengah dalam bidang vokasional di negara ini yang masih rendah iaitu kira-kira lima peratus jika dibandingkan dengan negara maju yang telah melebihi 50%, transformasi ini amat wajar dilaksanakan bagi memastikan keperluan tenaga mahir negara yang berjumlah sekurang-kurangnya 3.3 juta orang pekerja mahir menjelang tahun 2020 dapat direalisasikan.

■1650

Ingin dikongsi di sini kedudukan negara serantau seperti Indonesia dan Thailand dalam bidang kemahiran yang mana jumlah peratusan yang berada di bidang berkenaan menjangkau 40% hingga 60%. Manakala di negara Jerman, penyertaan dalam aliran teknik dan vokasional telah mencapai hampir 60% hingga 70% yang sekali gus berjaya mengurangkan kadar pengangguran kepada 3%. Di Australia pula, 78% orang murid memasuki bidang vokasional dan hampir 60% rakyat Australia yang bekerja mendapat pendedahan dalam bidang tersebut. Oleh yang demikian, transformasi ini merupakan satu langkah tepat yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan sumber manusia berkemahiran tinggi mampu dijana untuk memenuhi keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan pesat dalam sektor industri negara sudah pasti akan tergugat sekiranya tenaga mahir tidak dapat disediakan secukupnya. Justeru, langkah kerajaan mengarusperdanakan pendidikan vokasional seperti yang terkandung di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh akan dapat menyediakan ruang dan peluang kepada modal insan negara untuk memiliki keupayaan dan tahap kemahiran tinggi serta memenuhi permintaan pasaran.

Justeru, bagi memastikan modal insan yang dijana dalam bidang ini mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dan memenuhi kehendak industri, maka kualiti pendidikan vokasional perlu dipertingkatkan dan disesuaikan dengan perkembangan dan kehendak semasa. Ini bertujuan untuk memastikan kualiti tenaga mahir yang dihasilkan bukan sahaja boleh memenuhi keperluan industri, malah dilengkapi dengan elemen kreatif dan inovatif yang mampu menyumbang kepada penjanaaan kekayaan baru bagi negara.

Dalam konteks ini, Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) yang telah diperkenalkan ini membabitkan dua aspek penting iaitu program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan Kolej Vokasional (KV) sebagai laluan dalam usaha mencapai matlamat berkenaan. Sehubungan itu, bagi memantapkan dan melestarikan penerimaan keseluruhannya serta kurikulum di bawah PTV, maka melalui sesi persekolahan tahun 2012, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan projek rintis PAV di 15 buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) di samping menaiktarafkan 15 buah sekolah menengah vokasional menjadi kolej vokasional (KV).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sejumlah 80 KV di seluruh negara yang sedang giat melaksanakan TPV. Lepas Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan kini Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) yang memohon dan memenuhi syarat yang ditetapkan akan mengikuti pengajian sepanjang tempoh empat tahun tiga bulan di KV di peringkat pradiploma dan peringkat diploma dengan mengguna pakai sistem semester dengan kurikulum berasaskan kemahiran tertentu. Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang diubah terdiri daripada dua buah komponen yang masing-masing membabitkan 70% buah komponen kemahiran dan 30% buah komponen akademik di peringkat

pradiploma. Manakala 80% buah komponen kemahiran dan 20% buah komponen insaniah atau *soft skill*, dengan izin, dilaksanakan di peringkat diploma bagi memenuhi hasrat yang terkandung di bawah Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Di akhir pengajian, murid yang lulus dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia akan dianugerahi Diploma Vokasional Malaysia (DVM). KSKV telah rangka dan digubal dengan mematuhi keperluan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652], dan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]. Ini ialah bagi memastikan sijil atau diploma yang dianugerahkan adalah setaraf dengan sijil atau diploma yang dianugerahkan oleh pemberi pendidikan vokasional yang lain serta diiktiraf oleh industri.

Untuk makluman Dewan yang mulia, program DVM yang sedang dilaksanakan ini telah pun memperolehi perakuan akreditasi sementara atau *provisional accreditation*, dengan izin, dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 15 Januari 2015 yang lalu. Usaha-usaha kini sedang giat dilaksanakan ke arah mendapat perakuan akreditasi penuh ke atas program DVM daripada agensi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan TPV ini mencapai matlamatnya, sektor industri awam dan swasta turut dilibatkan dari awal pelaksanaan transformasi ini. Peranan dan tanggungjawab kedua-dua sektor industri awam dan swasta tersebut ialah menyediakan tenaga pakar industri sebagai tenaga pengajar jemputan di KV. Selain daripada itu, kedua-dua sektor tersebut diharap dapat membantu menyediakan prasarana yang diperlukan khususnya yang melibatkan industri berteknologi tinggi melalui kerjasama strategik seperti yang digariskan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Menerusi kaedah ini, keperluan dan maklumat industri semasa dapat didedahkan secara terus kepada murid. Selain daripada itu, Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) juga dilibatkan untuk melaksanakan transformasi ini dengan mengguna pakai KSKV bagi menampung penyertaan murid yang berpotensi yang tidak dapat ditampung oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan telah menjalinkan kerjasama dengan ILKS bagi melaksanakan TPV dalam bidang kemahiran berimpak tinggi.

■1700

Sehingga ini sejumlah 10 LIKS telah terlibat dalam pelaksanaan TPV melalui inisiatif *buying places*, dengan izin. Antaranya meliputi bidang seperti kejuruteraan penerbangan, teknologi marin, kejuruteraan kapal, mekatronik dan kimpalan dasar laut.

Selain daripada itu bagi menampung permintaan permohonan yang tinggi dalam kalangan murid lepasan PMR dan PT3. Kementerian Pendidikan turut melibatkan LKIA seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan GiatMara bagi melaksanakan PTV melalui inisiatif kolaboratif yang menjurus kepada bidang berteknologi tinggi. Antaranya teknologi pemesinan industri, fabrikasi, aplikasi logam, pembuatan, perkakasan seramik dan perkayu.

Menyedari akan potensi minat kecenderungan dan kebolehan Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam bidang kemahiran, Kementerian Pendidikan turut menjalinkan kerjasama secara *buying seats*,

dengan izin dengan ILKS untuk melaksanakan transformasi pendidikan vokasional dalam bidang kemahiran seperti kulinari, penyediaan makanan, pengkomputeran, multimedia dan automatif. Sehingga ini terdapat sejumlah 1,210 orang murid berkeperluan khas yang sedang mengikuti pendidikan dan latihan vokasional di enam buah ILKS.

Sukacita saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bagi melaksanakan transformasi pendidikan vokasional, perjanjian-perjanjian kerjasama telah dimeterai dengan pihak industri yang berkaitan. Kerjasama ini dijalankan berteraskan pendekatan *National Blue Ocean Strategy*, dengan izin, atau NBOS yang dijalankan oleh kerajaan bagi mengoptimumkan kepakaran dan kemudahan yang dimiliki oleh agensi dan industri tempatan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hasil kerjasama dengan pihak industri tersebut telah berjaya meningkatkan kadar enrolmen murid yang mengikuti pendidikan vokasional di KV, ILKA dan ILKS bermula dari tahun 2012 hingga kini yang telah mencapai angka seramai 57,788 orang murid.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa semenjak transformasi ini dilaksanakan, beberapa pencapaian cemerlang telah dicapai oleh guru dan murid KV khususnya dalam pertandingan yang melibatkan kemahiran yang telah dianjurkan sama ada dalam atau luar negara. Kejayaan murid dari Kolej Vokasional Arau yang telah merangkul pingat gangsa dalam *ASEAN Youth Skill Competition 2014*, dengan izin, di Hanoi dalam bidang automotif secara langsung menyerlahkan keupayaan murid KV dan merupakan suatu pencapaian yang seharusnya dibanggakan. Begitulah juga dengan pencapaian pasukan KV Slim River yang telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan *Asia-Pacific Regional Space Agency Forum*, dengan izin, dalam *Water Rocket Event* yang berlangsung di Tokyo, Jepun pada bulan November tahun 2014.

Kehebatan dan kebolehan guru-guru KV juga seharusnya menjadi contoh dan kebanggaan kita semua. Sebagai bukti Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) kumpulan Master-H yang terdiri daripada guru-guru KV telah berjaya meraih pingat emas di *International Conference on Quality 2014* yang telah diadakan di Tokyo. Sebagai maklumat pertandingan ini ditaja oleh pelbagai agensi menetapkan kualiti dari Amerika Syarikat, negara-negara Eropah dan Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan perubahan struktur pendidikan di KV Kementerian Pendidikan telah mengkaji dan mengenal pasti terdapatnya keperluan untuk mengadakan peruntukan khusus di bawah Akta Pendidikan 1996, Akta 550 bagi tujuan mengoperasikan KV di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan. Pindaan kepada Akta 550 ini memperincikan pelaksanaan dan pengurusan KV sebagai institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan dan latihan teknik dan vokasional selepas pendidikan menengah rendah yang merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan.

Pindaan kepada Akta 550 ini juga menetapkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang seharusnya diperoleh oleh murid KV melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Kolej Vokasional atau KSKV pada akhir tempoh pendidikan vokasional. Pindaan ini juga menetapkan mana-mana institusi lain yang menjalinkan kerjasama melaksanakan program atau latihan dengan KV hendaklah menggunakan KSKV.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 1 di bawah rang undang-undang ini mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 550 untuk memasukkan takrif kolej vokasional dan kurikulum standard kolej vokasional.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan bab baru 5A ke dalam Akta 550. Seksyen 33A bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menubuhkan dan menggerakkan sepenuhnya kolej vokasional. Seksyen 33B memperuntukkan bahawa semua kolej vokasional hendaklah menggunakan kurikulum standard kolej vokasional.

Seksyen 33C membenarkan kolej vokasional untuk bekerjasama dengan mana-mana institut, pertubuhan atau organisasi perindustrian bagi maksud antara lain melaksanakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional dan meningkatkan kemahiran pendidikan dan latihan teknik dan vokasional murid. Mana-mana program atau latihan yang dijalankan dengan kerjasama institusi, perbadanan atau organisasi perindustrian itu hendaklah menggunakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional. Seksyen 33D bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru ke dalam seksyen 130(2) Akta 550, untuk memberi Menteri kuasa untuk menubuhkan, menyusun, mengurus, mengawal dan membubarkan apa-apa majlis, badan atau jawatankuasa bagi pendidikan dan latihan teknik dan vokasional.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014 ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan kepada kerajaan. Dalam hal ini, sebarang perubahan yang melibatkan tambahan kepada peruntukan perbelanjaan akan dibincangkan secara berasingan dengan Kementerian Kewangan.

Rang undang-undang ini juga melibatkan kuasa yang diperuntukkan kepada Menteri Pendidikan dalam melaksanakan KV sebagai institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan latihan teknik dan vokasional selepas pendidikan menengah rendah. Rang undang-undang ini juga akan membolehkan kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan dasar pendidikan dan latihan teknik dan vokasional di KV secara berstruktur dan bersistematik.

Pindaan ini juga bertujuan untuk mengemas kini peruntukan undang-undang sedia ada supaya selaras dengan pindaan yang dicadangkan serta bersesuaian dengan perubahan dan perkembangan semasa dalam sistem pendidikan kebangsaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan.

Dengan termaktubnya pindaan ini sebagai undang-undang, tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia akan menjadi lebih jelas, kemas kini dan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya berkaitan dengan KV akan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan lancar. Pindaan-pindaan lain yang tidak sebut secara khusus adalah pindaan-pindaan kecil atau yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga ini telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi memperkasa pendidikan teknik dan vokasional dan akan terus komited meneruskan usaha murni ini. Justeru, Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014 ini diharap mampu melancarkan pelaksanaan transformasi pendidikan vokasional dan meningkatkan peratusan murid aliran berkenaan kepada 20% menjelang tahun 2020.

Apa yang jelas, transformasi pendidikan vokasional ini bukan sekadar memberikan satu alternatif kepada sistem pendidikan negara tetapi antara pendekatan untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam mengisi perancangan dan memenuhi keperluan tenaga mahir negara ke arah mencapai hasrat dan aspirasi negara sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tenom mengganggu, sila Yang Berhormat Tenom.

5.13 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya juga untuk membahaskan Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014 dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengalu-alukan rang undang-undang ini yang bertujuan menjenamakan semula pendidikan teknikal dan vokasional, termasuklah meningkatkan taraf kolej vokasional ke peringkat lebih tinggi lagi.

Memang sudah sampai masanya persepsi ibu bapa dan masyarakat perlu juga diubah. Kita boleh bayangkan jenama "*Made in Malaysia*" dengan izin, menguasai pasaran global secara holistik dalam tempoh 20 tahun akan datang. Ketika itu hampir semua negara tertumpu di Malaysia, bersandarkan produk dan perkhidmatan yang disediakan begitu berkualiti, diiktiraf, memiliki lanjutan teknologi tinggi yang pesat, inovatif, kreatif dan memberi manfaat kepada konsumerisme sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, boleh diandaikan menjelang tahun 2035 itu, Malaysia akan mencapai tahap puncak sebagai sebuah negara maju berteraskan vokasional dan juga teknikal. Waktu itu negara kita sebagai pengeluar enjin berteknologi tinggi menggunakan kuasa elektrik atau solar sebagai pengganti kepada sumber petroleum. Malah, negara mempunyai pakar autotronik bagi kenderaan berteknologi tinggi dan canggih di samping pada waktu itu kita sudah mempunyai pembekal produk inovatif penyejukan penyaman udara, pembekal perkhidmatan katering yang diiktiraf di dunia di samping sebagai hab dunia bagi fesyen dan seni kecantikan, selain pakar rujuk dalam seni bina kapal dan marin penyelenggaraan kapal.

Dunia juga tertumpu di negara ini kerana mempunyai modal insan dalam kepakaran industri pertukangan kayu, fotostat dan menjilid, pengendalian mesin cetak, pembersihan kenderaan dan

bangunan, dobi pakaian, mengecat kenderaan dan bangunan, kemahiran inovatif dalam teknologi tayar dan sebagai hab jahitan langsir, gunting rambut dan memperbaiki kasut peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, inilah bayangan visi dan misi modal insan negara berteraskan vokasional pada waktu itu. Pasti tidak mustahil untuk dicapai. Transformasi pendidikan vokasional yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan sejak 2012, saya melihat sudah mula diperkemas dan kurikulum standard kolej vokasional mula di susun semula dengan mengandungi 70% latihan kemahiran dan 30% akademik umum. Saya harap Tuan Yang di-Pertua, ini bukan omong-omong kosong.

Saya berharap di bawah fasal 33C(1) hendaklah memastikan kolej vokasional ini perlu mengadakan pendidikan dan latihan teknik dan vokasional mengikut kebolehpasaran, meningkatkan kemahiran pembelajaran dalam bidang berkenaan dan melaksanakan pemindahan teknologi pada masa kini. Kalau dulu saya sendiri merasai perubahan itu yang mana sewaktu itu pada awal lewat 70-an dan 80-an, sebahagian besar masyarakat memandang sebelah mata kepada mereka yang berkecimpung dan mempunyai pendidikan dalam vokasional.

Akan tetapi pada era ini rasanya tidak. Apatah lagi kolej vokasional (KV) menawarkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan termasuklah taraf DVM diiktiraf dan diakreditasi Malaysia Accreditation Qualification (MQA). Lebih-lebih lagi saya dimaklumkan bahawa kurikulum asas kolej vokasional berlandaskan National Occupational Skills Standard (NOSS) ditambah dengan pelbagai kemahiran mengikut keperluan industri seperti *implementability skills*, *production-based education*, *school enterprise* dan *on the job training*.

Cuma persoalannya sekarang Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ialah setakat mana pula syarat-syarat kelayakan bagi kursus diploma lanjutan dan ijazah sarjana muda di politeknik, universiti awam dan swasta menerima pakai kelayakan pelajar yang mempunyai DVM ini. Perkara-perkara sebegini boleh dilihat secara serius dan segera dalam memastikan misi dan visi kementerian mempunyai kesinambungan kepada pelajar DVM untuk melanjutkan pendidikan lebih tinggi selain mempunyai kemahiran yang tinggi.

Saya juga mendapat maklum daripada data menunjukkan 80% graduan lepasan vokasional di institusi latihan perindustrian (ILP) memperoleh pekerjaan, manakala ujian rintis Kementerian Pendidikan tahap graduan vokasional dan kemahiran, menunjukkan 95% mendapat pekerjaan dengan gaji asas yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil satu negara. Negara Jerman sebagai contoh, dalam memberi tumpuan utama kepada rakyat dalam aspek pendidikan vokasional dan teknikal yang sudah memulakan sejak abad lalu dan bangkit semula selepas Perang Dunia Kedua. Di Jerman, 60% hingga 70% pelajar di peringkat menengah memasuki sekolah aliran vokasional dan teknikal. Pelajar dilatih dalam 340 bidang pekerjaan dan pemerintah Jerman berjaya mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan pendapatan rakyat.

■1720

Malah, sekitar 100,000 jurutera dan *scientist* baru dilahirkan menerusi 200 sekolah dan fakulti kejuruteraan dan teknikal saban tahun bagi memenuhi pasaran kerjaya di negara mereka. Berdasarkan

kepada pengalaman yang lalu, di sebuah kawasan yang dikenali sebagai Papenburg, German. Sebuah kawasan industri membina perkapalan pada pertengahan 1990-an, rakyat German yang tidak mempunyai pendidikan tinggi sekalipun, tetap mempunyai kemahiran tinggi dalam menyumbang kepada pengeluaran tinggi negara mereka.

Ini terhasil dengan sistem pendidikan di Jerman. Pada seusia menengah rendah, umur antara 12 tahun hingga 15 tahun diberikan ruang untuk mengikuti bidang vokasional dan teknikal yang bersesuaian dengan minat masing-masing. Mereka didedahkan dengan keperluan industri di negara mereka seperti di negara kita, kolej vokasional pada masa ini mempunyai tawaran kursus sekurang-kurangnya 20 hingga 30 bidang kursus mengikut industri pekerjaan. Kalau kita melihat ekonomi Jerman yang dilambakkan dengan pekerja mahir yang dipercayai rahsia sebenarnya negara itu berpaksikan kepada kelompok masyarakat dikenali sebagai *Mittelstand*, sebagai tulang belakang ekonomi Jerman selama ini. Kelompok ini diasuh dan diajar mengikut generasi ke generasi yang mana 99% merangkumi 3 juta syarikat yang mempunyai pekerja tidak lebih 500 orang di Jerman adalah milik syarikat keluarga.

Cologne Institute for Economic Research (IW) dalam kajian mereka berpendapat bahawa industri pemilikan keluarga yang menekankan pekerja berkemahiran tinggi menyumbang kira-kira 26% kepada ekonomi Jerman selama ini. Saya sendiri juga adalah antara peminat jenama sukan terkenal Jerman Tuan Yang di-Pertua, iaitu Adidas. Melalui jenama Adidas yang merupakan peralatan dan pakaian sukan turut memastikan Jerman model ini mempunyai keupayaan teknologi lanjutan yang pesat berkembang. Inilah antara sebab didikan vokasional berjaya membentuk aliran ekonomi yang utuh dan menjadikan Jerman sebagai sebuah negara yang maju dan juga konsisten. Tidak hairan sebanyak 11% pekerja Jerman bekerja dalam industri *high-tech*, suatu perangkaan lebih tinggi yang ditetapkan dalam pasaran kerjaya Kesatuan Eropah (EU).

Tidak dinafikan tumpuan Malaysia masa ini dalam memperkasakan latihan kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi berada di landasan yang tepat. Cabaran pertama ialah supaya bidang kemahiran vokasional dan teknikal sedia ada ditambah lagi kepada 100 bidang bagi tahun 2015. Bidang-bidang kemahiran vokasional dan teknikal amat penting bagi mengisi pasaran pekerjaan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah fasal atau seksyen 33B dan juga 33C, yang mana membenarkan kolej vokasional bekerjasama dengan institusi kehendak pasaran luar mengikut kurikulum standard kolej vokasional. Saya yakin bidang-bidang kemahiran ini amat berkait rapat dengan dunia keusahawanan dan dengan itu, subjek ini perlu diajar serentak dalam bidang kemahiran berkenaan. Di samping itu, saya juga ingin mengesyorkan kepada pihak kerajaan supaya pendidikan vokasional dan teknikal ini kalau boleh, kita mulakan dari Tingkatan 1 sebagai satu ruang dan peluang untuk menjana elemen kemahiran tinggi.

Sistem persekolahan di peringkat rendah sepatutnya mengenal potensi pelajar sama ada perlu disalurkan ke bidang akademik dan juga profesional ataupun ke bidang vokasional dan juga teknikal. Dengan itu, kita tidak perlu lagi memaksa pelajar yang tidak sesuai di bidang akademik belajar perkara-perkara yang tidak diminati. Sebaliknya, mereka terus disalurkan ke bidang kemahiran yang sesuai dengan potensi dan minat mereka.

Saya juga ingin mengesyorkan supaya menukar 50% sekolah menengah harian biasa menjadi sekolah vokasional dan teknikal walaupun bunyinya itu sukar tetapi setiap kejayaan itu pasti ada pengorbanannya. Pasti juga tenaga pengajar hendaklah dimantapkan dan dipertingkatkan. Kalau di Jerman, profesion perguruan vokasional ini menerima imbuhan tinggi kerana untuk seseorang itu diterima sebagai pendidik, mereka terpaksa menjalankan latihan yang panjang dan juga rapi. Keadaan inilah yang memberikan Jerman dapat dikenali sebagai sebuah negara yang menjadi peneraju kepada perkembangan teknologi terkini, khasnya di dalam bidang automatif, kejuruteraan berat dan juga ketenteraan.

Soalnya sekarang, negara German sudah bermula 100 tahun yang lalu dan kita sudah mempunyai laluan ajaib, *fast track* Tuan Yang di-Pertua, dalam menjadikan pendidikan vokasional berperanan sebagai sistem alternatif bagi menjadikan Malaysia bukan sahaja sebagai sebuah negara maju, malah sebagai sebuah negara yang dirujuk. Dengan itu, saya mohon menyokong rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

5.26 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih. Kolej vokasional ini telah menjadi projek rintis bermula pada tahun 2012 dengan pengambilan pertama pelajarnya di kolej vokasional yang melibatkan lima buah sekolah. Pada tahun 2012, sekolah vokasional ini dinaiktarafkan ke kolej vokasional di seluruh Malaysia, kecuali ada beberapa buah sekolah menengah teknik. Isunya ialah berkenaan dengan peralatan kolej vokasional. Walaupun sudah hampir empat tahun kolej vokasional ini diperkenalkan tetapi peralatannya masih digunakan dengan peralatan yang ketinggalan. Ada yang sesetengahnya mesin telah rosak sejak tahun 1989, masih lagi diguna pakai.

Kalau mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Tenom tadi, satu harapan yang cukup tinggi kepada pelajar-pelajar yang berkelulusan vokasional yang kita tahu negara German adalah merupakan negara yang menjadi rujukan kepada kita dalam soal sekolah vokasional ini. Akan tetapi kalau keadaan peralatan yang digunakan ini peralatan yang tidak selari dengan perkembangan zaman, bagaimana mungkin untuk melahirkan tenaga mahir yang selari dengan keadaan semasa? Malahan juga, apa yang malang sekali ada yang P&P nya terpaksa bergantung dengan pusat bertauliah yang lain, yang mempunyai alat yang ingin digunakan.

Walaupun tempat yang digunakan ialah tempat masih lagi institusi kerajaan *g-to-g* tetapi bayarannya tetap dikenakan kepada setiap pelajar. Apabila melibatkan kewangan, ada sesetengah dari kalangannya pengarah kolej bising. Ia menyukarkan guru untuk menyiapkan modul yang tiada peralatan di sekolah.

Oleh yang demikian, diharapkan pihak yang bertanggungjawab supaya memberikan perhatian kepada permasalahan yang dihadapi dan memberikan alternatif serta memberikan cara penyelesaian

terbaik supaya projek kolej vokasional ini tidak gagal, supaya ia dapat mencapai cita-cita yang diharapkan. Sekarang isu yang timbul di kalangan para waris ialah berkenaan dengan hala tuju pelajar sekolah vokasional. Ini kerana kebanyakan mereka ini tidak mengambil SPM dan adakah diploma yang dianugerahkan oleh kolej vokasional ini sah dan boleh digunakan untuk mencari pekerjaan, terutama di sektor kerajaan? Ini saya minta pengesahan ya.

Sejauh manakah pula kelulusan yang telah diterima daripada pihak MQA, berkenaan dengan diploma kolej vokasional ini dianggap sebagai sijil institusi pengajian tinggi. Seperti yang kita sedia maklum, MQA ini ialah merupakan entiti yang terdapat dalam negara kita ini untuk *recognize* dengan izin, setiap sijil ataupun ijazah yang ditawarkan.

■1730

Maka dengan sebab itu, di sana ada dengar bunyi – ini pun saya hendak minta pengesahan, adakah wujud istilah pensijilan sementara iaitu pengiktirafan sementara daripada MQA untuk Diploma Vokasional Malaysia? Kenapakah situasi ini berlaku? Kenapakah pihak MQA tidak mengiktiraf sepenuhnya Diploma Vokasional Malaysia tersebut dan apakah masalah yang dihadapi oleh pihak kementerian?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini aliran Sijil Kemahiran Malaysia yang ditawarkan Sekolah Menengah Vokasional telah menjadi mangsa kerana tahun 2015 digantikan dengan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Mulai tahun 2016, yang dimaklumkan, kursus SKM ini tidak akan ditawarkan lagi di kolej vokasional sehingga timbul kekeliruan kerana umum maklum bahawa pengambilan pelajar untuk Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) ini adalah di kalangan pelajar yang tercicir dalam bidang akademik. Inilah yang kita tengok pada permulaannya untuk kita perkenalkan. kerana ada di kalangan manusia ini Allah Taala jadi bukan semua sama. Ada otak kiri, ada otak kanan.

Oleh sebab itu yang mahir, kemahiran dalam bidang vokasional – malahan ada saya jumpa sekali dalam *flight*, pelajar vokasional sekarang ini sudah menjadi seorang pensyarah pun di sebuah universiti walaupun dianya daripada sekolah vokasional. Allah Taala berikan anugerah kepada dia untuk meningkatkan kemahiran. Walau bagaimanapun, matlamat kita ialah untuk memastikan supaya mereka yang tercicir dalam bidang akademik ini diberikan melalui Sijil Kemahiran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan kolej vokasional ini pada awalnya mempunyai matlamat iaitu memberi peluang kedua kepada pelajar yang tercicir dalam akademik. Kemahiran diberikan kepada mereka untuk memenuhi keperluan tenaga mahir dan separuh mahir dalam sektor swasta. Dalam masa yang sama, kita hendak mengurangkan Malaysia ini terlalu bergantung dengan pekerja asing. Jadi, kenapakah SKM tidak lagi ditawarkan kepada golongan pelajar tersebut? Ini saya hendak minta kepastian.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada pihak yang tertentu untuk menampung keperluan berkaitan tenaga pengajar di kolej vokasional yang ada cadangan antaranya, sumber guru daripada pasaran terbuka iaitu seni kulinari, cadangan sumber gurunya daripada UPSI, KLMU, Kolej PTPL dan *Food Institute Malaysia*. Kursus teknologi automatif pula, cadangan sumber gurunya daripada Proton, Toyota Motor, Naza, Perodua dan UMW dan CIIAST. Manakala teknologi marin dan seni bina kapal,

cadangan sumber gurunya daripada UniKL, ALAM, RANACO, MISC dan CIAST. Kursus teknologi pembuatan pula daripada UniKL, GMTI, TATI, UTHM, UniMAP dan UTEM. Kursus agro industri tanaman daripada UPM, NATC, CIAST, MARDI dan FAMA. Kursus pengurusan hotel daripada UiTM, Twintech, KLMU, MSU dan Kolej PTPL. Soalannya ialah apakah nasib masa depan tenaga pengajar yang sedang mengajar di kolej vokasional tiba-tiba kita hendak pergi ambil *outsourc*e daripada kolej vokasional ini?

Tuan Yang di-Pertua, matlamat kolej vokasional untuk melahirkan tenaga mahir dan juga separa mahir seperti mana disebut tadi. Pecahan keluaran vokasional, ini harapan kita, 70% dalam bidang industri, 20% untuk melanjutkan pelajaran dan 10% untuk menjadi usahawan. Dengan situasi semasa, kerana ada daripada kalangan pelajar yang mencatat CGPA nya lebih daripada 3.0, adakah mereka yang mendapat CGPA 3.0 ini hendak pergi ke industri untuk menjadi pekerja mahir ataupun mereka akan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?

Persoalan saya ialah adakah institusi pengajian tinggi yang telah bersedia untuk menerima pelajar yang telah mempunyai kelulusan CGPA 3.0 ini? Kalau ada, tolong senaraikan kepada saya mana institusi IPTA yang telah bersedia untuk menerima keluaran daripada kolej vokasional yang mendapat CGPA 3.0. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong.

5.36 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain hendak cakap sedikit mengenai rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996. Ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan.

Pertamanya adalah mengenai penggunaan kurikulum standard kolej vokasional yang merupakan salah satu daripada komponen penting dalam penubuhan sebuah institusi pendidikan. Konsep kurikulum memainkan peranan penting terutamanya dalam bentuk insan yang dilahirkan oleh institusi pendidikan tersebut selaras dengan matlamat institusi itu diwujudkan. Jadinya apabila kokurikulum standard kolej vokasional ini nanti perlu dipakai oleh semua kolej vokasional, jadi secara tidak langsung dan sebab itulah saya hendak bertanya kepada pihak Menteri kalau boleh jelaskan dalam Dewan ini, tentang konsep kurikulum yang akan diguna pakai di kolej vokasional bagi melahirkan tenaga mahir yang diperlukan oleh industri.

Dalam kita membina kurikulum ini, adakah kementerian membuat satu analisa di mana kurikulum ini nanti akan memenuhi kehendak industri tempatan dan juga antarabangsa kerana itu yang sangat pentingnya sekali. Ini kerana, kurikulum standard kolej vokasional ini dikatakan hendaklah termasuk pengetahuan kemahiran dan nilai yang dijangka akan diperolehi oleh murid pada akhir tempoh pendidikan vokasional tersebut.

Jadi soalnya pula, adakah kurikulum yang dibina ini juga dapat memenuhi, tadi saya sudah tanya mengenai industri tempatan dan juga antarabangsa, dan saya harapkan juga kementerian dapat memberi keutamaan kepada kurikulum yang menepati keperluan dan juga pasaran. Apa juga pembinaan

kurikulum, yang pentingnya nanti apabila habisnya saja dari tempoh pendidikan, pekerjaan itu adalah yang paling utama.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkembangan teknologi masa kini yang dilihat begitu pantas dan juga pesat. Negara kita ini sudah jadi macam negara maju di mana teknologi ini memang terlampau pantas. Dalam waktu yang sama, kita hendak pastikan juga guru dan juga murid itu didedahkan kepada perkembangan terkini teknologi dalam pelbagai kemahiran seperti tenaga mahir yang dilahirkan yang perlu seiring dengan keperluan tenaga kerja industri.

Jadinya saya hendak mohon daripada pihak kementerian, sama ada boleh atau tidak menjelaskan kepada kita mengenai kaedah yang akan diguna pakai nanti dalam usaha untuk kita memastikan bahawa pemindahan teknologi ini ataupun *transfer of technology* di kolej vokasional ini dapat dilaksanakan dan kita juga perlu memastikan sama ada *transfer of technology* ini sesuai dan juga memberi manfaat kepada pelajar-pelajar dan juga kolej vokasional itu sendiri.

■1740

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita hendak mencapai negara maju ini juga, penambahan bilangan modal insan yang berkemahiran tinggi, berdaya saing ini dan juga mempunyai elemen kreatif dan inovasi menjadikan adalah satu teras kepada kepesatan industri. Oleh sebab itulah Kementerian Pendidikan sudah buat satu inisiatif melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional dalam usaha untuk memartabatkan pendidikan vokasional ini. Cuma ada sedikit yang mungkin boleh dijelaskan di sini sebab sebelum ini, ia ada kenaikan taraf antara sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional.

Cuma saya hendak tahu, bagaimanakah penubuhan kolej vokasional ini dan apakah tujuan penubuhan kolej vokasional ini dan memandangkan sekolah menengah vokasional pun telah lama beroperasi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia? Saya percaya ia telah beri banyak manfaat kepada masyarakat setempat. Jadinya, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri menjelaskan perbezaan antara sekolah menengah vokasional yang telah dilaksanakan perbezaannya dengan kolej vokasional dengan itu sendiri? Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

5.41 ptg.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang untuk berbahas tentang rang undang-undang Akta Pendidikan 1996. Secara dasarnya ini adalah satu pendekatan yang baik untuk *reform* sekolah menengah teknik kepada kolej vokasional. Saya rasa ini adalah sesuatu yang baik. Walau bagaimanapun, kita kena lihat selalunya kita ada banyak rancangan daripada Kementerian Pendidikan - kita ada banyak penjenamaan. Apa yang penting adalah *substancenya*. Kita tidak boleh membuat penjenamaan tanpa perubahan yang mendalam daripada segi *transformation of mentality* dan sebagainya.

Ini saya rasa kementerian perlu titik beratkan. Kenapa kita selalunya ada satu stigma bahawa sekolah menengah teknik, sekolah menengah vokasional ini adalah substandard disebabkan oleh mentaliti masyarakat? Mentaliti masyarakat adalah supaya kanak-kanak kita masuk universiti dan sebenarnya ini bukan sahaja berlaku di Malaysia. Di serata dunia juga macam itu. Dalam *The Economist* terbaru ia kata, ia membuat laporan yang mendalam tentang *university application* yang mana semua rakyat di seluruh dunia, dari negara maju sampai ke negara China dan Asia dan *South East Asia* semuanya ibu bapa mahu anak mereka masuk ke universiti melalui *academic route*.

Daripada segi *alternative route* yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan, ini adalah *the road less traveled* dan bukannya semua negara di seluruh dunia boleh berjaya. Hanya yang agak menonjol ialah Jerman. Kita kena faham asas-asas di negara Jerman mengapa mereka berjaya. Sebenarnya saya difahamkan bahawa – dan semua Ahli Parlimen *quote* hanya Jerman sahaja. Selain daripada Jerman, tidak ada negara lain yang lebih berjaya. Saya bukan mempertikaikan, kita harus - *this is a right thing to do* tetapi kita kena faham supaya asas tersebut membuatkan kita *prepared to do more*.

Asasnya adalah negara Jerman - ibu bapa mereka, mentaliti mereka bukan semuanya hendak masuk universiti walaupun anaknya cerdik, dia pun kata – “*Okey, you boleh...*” - anaknya boleh dimasukkan ke sekolah menengah vokasional. Akan tetapi di Malaysia, anak yang kurang berjaya dalam akademik dimasukkan ke dalam ke sekolah vokasional. Ini menyebabkan kualiti pelajar-pelajar kita tidak mempunyai *competitiveness* daripada segi pelajar-pelajar dan mereka dilihat sebagai pelajar-pelajar yang kurang berjaya dalam akademik mereka, maka dimasukkan ke vokasional.

Satu lagi yang di negara Jerman pula, kalau mereka masuk ke vokasional, mereka akan menjadi *technician* dan sebagainya, mereka boleh mendapat *high income, it ties to career*. Kalau mereka berjaya dalam kolej vokasional, dapat diploma dan sebagainya, selepas dia keluar, selepas beberapa tahun dia dalam pekerjaan, dia boleh hendak sampai 17,000 Euro *per year*. Ini daripada statistik yang kita dapat. Jadi, kalau mereka menjadi doktor, dia pun lebih kurang sama iaitu 60,000 Euro atau 70,000 Euro satu tahun. Jadi *technician* pun boleh dapat gaji yang lebih kurang sama. Itu sebab ramai di antara ibu bapa, mereka mahu anak mereka ke vokasional sebab *it guarantees a middle class income*. Jadi, ini adalah cabaran-cabaran yang *college vocational*, kita kena *make sure* pekerjaan yang bakal ditawarkan kepada graduan-graduan daripada kolej vokasional, mereka mempunyai pekerjaan yang lebih baik dan menjamin pendapatan yang lebih tinggi.

Jadi setakat ini, saya rasa kita kena - *we have a very low base*. Kita masuk ke penjenamaan ini pada masa yang kira agak lambat tetapi walau bagaimanapun, itu perlu dijalankan. Saya hendak tanya kementerian, setakat ini, bagaimana kejayaan untuk sekolah menengah teknik, sekolah menengah vokasional? Bagaimana pencapaian pelajar-pelajar kita? Selepas SPM, berapa peratus yang berjaya masuk ke kolej-kolej, dapat diploma atau dapat *degree*? Kita hendak tahu setakat berjayakah mereka. Okey selepas itu, berapa di antara mereka yang berjaya masuk jadi *technician* atau dapat karier yang bagus? Jadi kita hendak tahu, setakat berjayakah atau apa tahap mereka.

Saya rasa sebarang penjenamaan atau *reform* atau transformasi apa yang *you* kata, ia perlukan *decentralization*. Daripada segi kolej vokasional pun, kuasa kena diberikan kepada sekolah atau *colleges*

tersebut kerana di setiap tempat ada perbezaannya. Saya ambil contoh di Pulau Pinang kita ada sekolah menengah teknik. Mungkin *you* akan *upgrade* kepada kolej vokasional. Di Pulau Pinang, industrinya banyak. Ada industri *high-tech*, ada industri pelancongan, *hotelier*, ada industri *business*, F & B, ada industri pelbagai. Jadi, dia perlu ada kuasa untuk mereka *adapt to the local context*. Kalau *high-tech*, diperlukan - dia tidak boleh *one size fits all*. Kurikulumnya yang dicadangkan oleh kementerian iaitu KSKV, ia tidak boleh *one size fits all*, dia kena *adapt*.

Tadi Timbalan Menteri kata, di Jerman ada 530 program. Saya hendak tahu di Malaysia berapa program yang dicadangkan oleh kementerian? Jadi kita mahu bagi *decentralization*, beri kuasa lebih kepada sekolah dan kolej untuk menentukan program dan bekerjasama dengan *local* institusi, dengan kilang-kilang, dengan hotel, dengan F&B dan sebagainya. Kuasa kena dibahagikan kepada kolej vokasional. Saya rasa kita perlu juga ada elemen-elemen *entrepreneurship* ke dalam vokasional sebab *at the end of the day*, adalah bagaimana mereka boleh menjadi seorang *entrepreneur* yang boleh membina negara kita.

■1750

Kalau setakat cari kerja sahaja, ia tidak mencukupi. *So, entrepreneurship training* kena ada, *leadership training* pun kena ada juga sebab dalam negara kita masalahnya sekarang adalah kekurangan pakar kepimpinan. *So we have failed in every industry of every sector because we don't have leaders* yang beretika, *leaders* yang komited kepada pekerjaan mereka, *leader* yang boleh memimpin perubahan dan juga kreativiti dalam – saya rasa kreativiti memang ada dalam kurikulum tetapi saya rasa *leadership* dalam *entrepreneurship* itu penting.

Saya juga minta kalau boleh kolej vokasional juga menumpukan kepada *service industry* kerana setakat ini kita nampak bahawa masa depan adalah *service industry*. Di Malaysia *service industry* cukup teruk. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat pergi ke restoran mana-mana pun dan kita *compare* dengan *service industry* di negara jiran, kita sudah tahu perbezaannya. Tidak payahlah pergi jauh ke *Europe* atau Amerika Syarikat. *You* tahu bahawa *service industry* Malaysia teruk dengan pekerja-pekerja asing yang tidak boleh berbahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Apa yang kita order salah. Selepas itu panggil dia punya kapten juga Bangla. Jadi ini adalah...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kena GST lagi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: GST kena lagi. GST. *Service tax* 10%. Apa servis yang kita dapat kena bagi 10%. *Let me get this lousy service. Why should we pay 10% service tax.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pendidikan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jadi pendidikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila gulung.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey. Jadi saya hendak minta kalau boleh kita tumpukan kepada *service industry* yang membawa – saya minta kementerian juga kena bincang dalam Kabinet bahawa kalau kita tidak menyelesaikan masalah struktur pekerja asing yang terlalu banyak, ia tidak akan meningkatkan gaji untuk graduan-graduan dari kolej vokasional. Ini kerana kalau *forever* kita menggunakan *cheap labor model*, gaji mereka tidak akan naik dan mereka tidak akan mempunyai satu kerjaya. Tidak akan masuk *high income or middle class income* dan akan menyebabkan kolej vokasional ini gagal kerana ia tidak dapat menentukan kerjaya atau *income* mereka pada masa akan datang. Ini adalah *structural problem* yang kita kena tangani. Kita tidak perlu terlalu ramai pekerja asing. Kita memerlukan *automation* yang lebih tinggi. Kita perlu hadkan pekerja asing supaya warganegara Malaysia mempunyai pendapatan yang lebih tinggi termasuk *technician* dan sebagainya. Itu adalah cadangan saya kepada kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik.

5.53 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membahaskan tentang Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014 dengan melihat Dasar Pendidikan Nasional, kita tengok apa perubahan yang telah dibuat. Kalau kita perhatikan dari tahun satu sehingga ke tahun enam, satu perubahan yang dibuat iaitu UPSR nya mulai tahun hadapan akan berasaskan kepada PBS di mana semasa ujian tidak diambil markah penuh 100%, cuma 60% dan 40% akan dinilai dari Tahun 1 sehingga Tahun 6 dengan mengambil kira bakat, penglibatan kokurikulum, penglibatan sukan dan pelbagai lagi. Itu kita tengok semasa sekolah rendah. Ini Dasar Pendidikan Nasional.

Kemudian apabila pergi ke sekolah menengah, Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 3 masih memakai kaedah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di mana guru-guru akan menilai daripada Tingkatan 1 sehingga ke Tingkatan 3 sama kaedah, ujian yang akan dibuat pada PT3 tadi bertulis 60% difahamkan, kalau salah tolong betulkan dan 40% sama juga macam di sekolah rendah iaitu kehadiran, kokurikulum dan segala-gala inovasi dan pelbagai lagi akan dilihat.

Dalam Dasar Pendidikan Nasional juga selepas PT3, pelajar-pelajar kita boleh memilih untuk masuk ke Tingkatan 4, Tingkatan 5 di mana mereka akan mengambil SPM. Ini masih kaedah lama iaitu SPM 100% ambil ujian yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Kalau pelajar tadi terus hendak menyambung daripada Tingkatan 5 ke Tingkatan 6, sekarang ini Tingkatan 6 sudah tidak ada Tingkatan 6 bawah dan Tingkatan 6 atas, menggunakan kaedah Tingkatan 6 dipecahkan kepada tiga semester. Semester satu, dua dan tiga. Di mana kelonggaran telah diberikan sekiranya mengambil subjek di semester satu keputusan kurang memuaskan, maka pelajar-pelajar tadi diberikan peluang untuk mengambil semasa semester dua dan tiga.

Kalau sistem lama, selepas PMR pelajar boleh terus naik ke Tingkatan 4 atau memilih masuk ke aliran vokasional dengan dua buah sekolah iaitu sekolah vokasional atau sekolah menengah teknik. Sama dengan Tingkatan 4 di mana vokasional ataupun teknik ada Tingkatan 4 dan ada Tingkatan 5. Akan tetapi dalam Dasar Pendidikan Nasional, kedua-dua sekolah tadi telah dimansuhkan menjadi kolej

vokasional. Maknanya kolej vokasional, pelajar-pelajar kita di peringkat Tingkatan 4 apabila memilih kolej vokasional, mereka akan belajar empat tahun dan apabila lulus *insya-Allah* akan dapat diploma vokasional.

Di sinilah kita bermula hendak membincangkan rang undang-undang yang dibentangkan dalam Parlimen pada hari ini, di mana kolej vokasional satu yang baru dalam Kementerian Pelajaran di mana beberapa peruntukan perlu kita luluskan dalam Dewan ini. Di mana kita memberikan kuasa kepada Menteri, kita membina kokurikulum untuk kolej vokasional, lupakan sekolah menengah vokasional, sekolah menengah teknik sudah tidak ada. Sekarang kita tengok kepada kolej vokasional. Di sinilah kita hendak tengok peraturan-peraturan, seksyen-seksyen yang ada dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan pada pandangan saya kesemua seksyen yang ada ini perlu Parlimen, kita Ahli-ahli Parlimen tidak kira di sebelah kerajaan atau pembangkang, memberi dukungan yang padu untuk memastikan kolej vokasional tadi dapat berjalan dengan baik.

Cuma tadi Yang Berhormat Bukit Gantang beritahu, kalau tidak silap saya, permulaan kolej vokasional yang mula menumpang di sekolah menengah vokasional atau sekolah menengah teknik, kalau tidak silap saya 2013, menggunakan kelulusan PMR. Akan tetapi pada tahun sudah, sudah mula 2014 PMR sudah tidak ada. Kita menggunakan PT3. Maknanya pada tahun ini, kelulusan untuk masuk ke kolej vokasional menggunakan PT3 yang mana peperiksaan PT3 bermula tahun sudah yang berasaskan PBS – ini yang ada sesetengah orang *complain* kenapa anak dia dapat 9A, oh anak dia anak cikgu dan pelbagai lagi yang ada timbul persoalan.

Sebenarnya kalau kita tengok hasrat Kementerian Pendidikan amat baik kerana sebenarnya dari Darjah 1 sehingga Darjah 6, Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 3 mereka telah menunjukkan bakat di mana setiap guru telah mencatat kebolehan mereka kerana buku bermula dari Tahun 1 dibawa ke Tingkatan 3, kalau mereka buat keputusan hendak masuk kolej vokasional, segala keupayaan dan penglibatan mereka dengan kokurikulum dan sebagainya telah dinilai. Itu pemahaman saya.

Kemudian, apabila kita membincangkan kolej vokasional adalah persoalan-persoalan yang berbangkit. Saya melihat pada tahun 2013 ramai di kalangan pelajar-pelajar yang mendapat 9A, 8A minat hendak masuk ke kolej vokasional.

■1800

Saya ingat, akhir kita melihat ketika itu macam ada satu dasar yang tidak disedari. Hendak masuk kolej vokasional mesti dapat 8A *straight* ketika itu. Bila mana ada tawaran-tawaran ke asrama penuh dan lain-lain, kita nampak yang dapat 9A, 7A, 8A tarik diri. Selepas itu baru kita nampak ia berbalik macam asal. Di mana Pengarah Kolej Vokasional berkuasa memilih yang layak untuk masuk ke kolej-kolej vokasional. Akan tetapi pada hari ini semua sekolah menengah teknik dan semua sekolah menengah vokasional telah ditukarkan nama kepada kolej vokasional. Apa yang paling penting, kita ibu bapa, rakyat dalam Malaysia ini kena memahami. Sebenarnya kalau anak kita memilih masuk kolej vokasional, maknanya mereka tidak masuk ke Tingkatan Empat. Sebenarnya, daripada PT3, taraf kolej vokasional sudah sama *level* IPTA, IPTS dan kolej vokasional. Maknanya, umur di tingkatan empat, mereka sudah belajar empat tahun nanti akan dapat diploma vokasional.

Persoalan saya, saya melihat di dalam ini, kuasa diberi kepada Menteri untuk memberi sijil dan juga diploma. Apakah yang gagal dalam akademik, kita akan bagi sijil sahaja? Pada pandangan saya, kerana mereka telah belajar empat tahun di kolej vokasional, seharusnya kesemua pelajar tadi diberi diploma. Tidak kisah lah macam mana kaedah untuk mereka dapatkan diploma. Dalam masa yang sama, bila undang-undang rang undang-undang ini dibuat, kita berharap pihak Yang Berhormat Menteri melihat seperti mana rakan-rakan saya sebut tadi, supaya keluaran kolej vokasional ini akan memenuhi pasaran dalam negara.

Maka, tidak hairanlah kita kalau dia hendak ambil guru dari Petronas, dari mana-mana institusi yang berada dalam pasaran di mana mereka boleh melatih kemahiran vokasional kepada pelajar-pelajar yang telah memilih kolej vokasional. Cuma saya terfikir supaya pihak kementerian menilai semula, banyak kementerian menyediakan institut latihan seperti ILP, Pusat Giat Mara dan macam-macam lagi lah. Kalau di RISDA, ada Institut RISDA, supaya kementerian melihat semula semua yang ada dalam negara ini jangan dibazirkan. Jangan masing-masing kementerian hendak buat pusat latihan mengeluarkan tenaga mahir tetapi biarlah di *centralkan* di bawah Kementerian Pendidikan supaya semua tadi mendapat *syllabus* yang baik yang tidak menipu kepada mereka yang telah memilih jurusan tadi.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan kerjasama, kolaborasi Kementerian Pendidikan dengan pihak swasta. Pada 6 Januari 2012, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan Transformasi Pendidikan Vokasional. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Transformasi Pendidikan Vokasional ini bertujuan untuk melahirkan murid-murid lebih ramai tenaga kerja berpendapatan tinggi. Bagi melahirkan murid-murid kolej vokasional yang berkualiti serta diperlukan oleh industri, kurikulum pendidikan vokasional telah dibina berasaskan keperluan industri seperti mana yang berlaku di negara-negara seperti Finland, Jerman, Korea dan lain-lain. Justeru, apa yang saya faham, penubuhan kolej vokasional telah melibatkan kolaborasi dengan pihak industri dan swasta agar kualiti pendidikan sejajar dengan standard industri.

Soalan saya ialah bagaimana Kementerian Pendidikan Malaysia memastikan kualiti pendidikan vokasional ini apabila bekerjasama dengan pihak swasta dan industri? Seterusnya, untuk melahirkan rakyat berpendapatan tinggi, kerjasama dengan pihak swasta dan industri amat penting. Pihak swasta dan industri perlu memainkan peranan mereka untuk mempercepatkan proses tersebut. Salah satu kaedah untuk pihak swasta dan industri membantu kerajaan bagi mencapai visi ialah melalui bidang pendidikan vokasional atau kemahiran. Apabila berlaku transformasi pendidikan vokasional dengan promosinya yang begitu banyak, saya dapati banyak pihak swasta berminat untuk membantu.

Pertanyaan saya ialah bolehkah kolej vokasional swasta ditubuhkan bagi memastikan lebih ramai murid berpeluang mengikut pendidikan vokasional? Selain itu, terdapat banyak institut latihan kemahiran awam dan institut latihan kemahiran swasta yang beroperasi di bawah Akta NASDA 652, berkaitan dengan latihan kemahiran. Latihan kemahiran yang dijalankan terdiri daripada pelbagai bidang. Justeru, dengan berlakunya transformasi pendidikan vokasional, keperluan kerjasama dalam bidang-bidang kritikal dengan ILKA dan ILKS dilihat amat *significant* bagi memenuhi keperluan industri. Peluang kerjasama ini dilihat akan membuka peluang kepada lebih ramai murid untuk menjadi tenaga mahir.

Tambahan lagi, kurikulum yang dibina bagi kolej vokasional ini berdasarkan keperluan industri dan swasta. Apa yang saya lihat, penglibatan industri dan swasta telah menampakkan suatu yang positif. Oleh itu...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat, Sibuti.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Sibuti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya mahu bertanya, di Sarawak adalah kuasa minyak dan gas, begitu juga di Sabah dan juga di Terengganu. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau boleh diberi peluang kepada belia-belia ataupun anak-anak Sarawak, Terengganu dan juga Sabah ditempatkan di kolej vokasional ini lebih ramai daripada yang tidak mempunyai kemahiran dalam minyak dan gas ini? Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Sibuti, saya amat bersetuju. Pada saya, pihak Kementerian Pendidikan tengok semula kolej komuniti yang nilainya berjuta-juta, pelajar kadang-kadang 100 orang, 50 orang. Jadi akhirnya, kita belanja duit yang tidak banyak, di mana di sinilah kita tengok kalau hendak memperkasakan kolej vokasional. Oleh sebab kolej komuniti juga di bawah Kementerian Pendidikan. Saya ambil contoh, kolej komuniti di Gerik ada asrama Sepatutnya boleh memuatkan pelajar lebih daripada 700 orang. Akan tetapi kerana kita buat kursus jangka pendek, tidak ada kursus yang menarik, mungkin keyakinan orang tempatan tidak ada, maka pelajar yang ada dalam kolej komuniti tinggalah tidak sampai 200 orang. Di sinilah kita tengok kalau tidak diuruskan dengan baik, seolah-olah pembaziran yang dibuat oleh kerajaan.

Saya hendak sambung balik yang tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi Yang Berhormat Gerik?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Sedikit sahaja. Lepas ini saya hendak gulung, tidak panjang. Oleh itu, persoalan saya berkait dengan perkara yang ketiga tadi yang saya sebut. Bagaimanakah institut latihan kemahiran swasta boleh terlibat melaksanakan pendidikan dan latihan teknikal dan juga vokasional? Itu persoalan yang ketiga saya hendak tanya.

Akhir kata, saya hendak gulung. Sekali lagi saya berharap di Dewan yang mulia ini bersama-sama kita hendak mencapai dasar pendidikan nasional dan terutamanya kolej vokasional ini satu yang baru, kita luluskan rang undang-undang ini.

■1810

Kita harap diploma yang keluar dari kolej vokasional ini akan diiktiraf oleh semua pihak dalam negara, luar negara dan yang paling penting ada keyakinan daripada ibu bapa untuk memastikan anak-anak dapat masuk ke kolej vokasional di mana kita tahu paling istimewa. *Start* daripada selepas Tingkatan 3 atau PT3, sebenarnya anak-anak kita sudah berada di institusi pengajian tinggi yang boleh belajar empat tahun dapat diploma. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Serdang.

6.10 ptg.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan tentang pindaan Akta Pendidikan 1996. Saya ada beberapa soalan yang saya hendak kemukakan kepada pihak kementerian. Saya mengucapkan tahniahlah kepada pihak kementerian atas inisiatif ini sebagai satu langkah untuk menyelaraskan undang-undang negara mengikut rancangan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025. Saya nak dapatkan kepastian dan *confirmation* dengan izin, daripada pihak kementerian bahawa inisiatif sebenarnya telah bermula sejak tahun 2013 di mana lebih daripada 80 buah sekolah menengah teknikal dan vokasional telah ditukarkan kepada Kolej Vokasional KPM ataupun KV.

Saya nak bangkitkan beberapa soalan mengenai rancangan kementerian ini untuk menaiktarafkan SMKT dan juga SMKV kepada kolej vokasional. Pertama ialah saya nak tanya kepada Menteri, apa yang pihak kementerian akan buat untuk menggalakkan lebih ramai pelajar untuk mengambil laluan sekolah vokasional ataupun *vocational pathway* terutamanya mereka dalam kumpulan yang berisiko tinggi iaitu kumpulan yang berkemungkinan besar akan keluar sekolah ataupun *drop out of school* selepas ujian tingkatan tiga oleh kerana mereka tidak minat terhadap arus akademik. Buat masa sekarang, pandangan saya ialah bahawa pihak kementerian terlalu pasif daripada segi *marketing* ataupun pemasaran untuk menggalakkan lebih banyak pelajar melalui laluan vokasional terutamanya terhadap kumpulan sasaran.

Saya rasa untuk menarik kumpulan ini, strategi yang baru mesti digunakan dengan izin, *vocational education must been seem to be cool*. Gambaran KV sekarang adalah satu tempat di mana semua pelajar yang tidak ada pilihan lain disalurkan. Gambaran ini mesti diubah. Saya harap Menteri boleh memberi sedikit penjelasan tentang strategi yang telah dan akan diambil untuk menangani cabaran ini.

Soalan yang seterusnya ialah apakah proses yang kementerian gunakan untuk mengenal pasti mana sekolah-sekolah menengah biasa ataupun sekolah menengah teknikal yang akan ditukarkan kepada KV ataupun kolej vokasional. Saya faham bahawa tanah dan juga dana untuk membina kolej vokasional baru terhad. Sebagaimana yang saya tahu ada beberapa sekolah menengah biasa di beberapa tempat telah ditukar kepada SMKT ataupun SMKV dan seterusnya ditukarkan kepada KV.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Serdang. Saya nak pasti, Yang Berhormat Serdang pakai pakaian *lounge suits* ya? Ada *tie* kah?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ada, ada. Ini semua hitam punya. Hari ini pakai hitam kerana nak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Macam berkabung ya?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tak nampak daripada tempat saya. Ya, sila-sila.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ada *tie. Conform, confirm* ada *tie*. [Disampuk] Okey, soalan kedua ialah tentang proses dan juga pemikiran yang digunakan oleh pihak kementerian untuk menentukan mana-mana sekolah yang ditukarkan kepada KV.

Soalan yang ketiga ialah, apakah langkah yang digunakan oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa KSKV ini yang digunakan di semua kolej vokasional tidak terlalu *rigid* dan tidak terlalu *inflexible*, dengan izin. Dalam akta, penjelasan telah diberikan di mana *and I quote* “Seksyen 33C membenarkan kolej vokasional untuk bekerjasama dengan mana-mana institusi, pertubuhan ataupun organisasi perindustrian bagi maksud antara lain melaksanakan KSKV dan meningkatkan kemahiran pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional murid. Mana-mana program atau latihan yang dijalankan dengan kerjasama institusi, perbadanan ataupun organisasi perindustrian itu hendaklah menggunakan KSKV”.

Saya rasa syarat ini terlalu *rigid*. Saya sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru tadi, mesti ada lebih desentralisasi kuasa kepada KV di tempat-tempat yang boleh mengubahsuaikan kurikulum mereka untuk *local context*. Seperti satu contoh, mungkin satu persatuan perkilangan yang terletak berhampiran dengan KV mahu bekerjasama dengan KV ini untuk mengajar kemahiran dalam bidang-bidang tertentu tetapi disekat daripada berbuat demikian akibat daripada pengaturan ataupun syarat KSKV ini. Ini mungkin akan mengurangkan peluang untuk bekerjasama dengan pihak luar dan menjejaskan peluang pelajar untuk mendapatkan pendedahan kepada *industry knowledge and experience*, dengan izin. Saya harap pihak kementerian boleh menimbangkan semula dan memasukkan elemen fleksibiliti dan desentralisasi dalam sistem pendidikan KV.

Soalan keempat ialah apa rancangan kementerian untuk melatih guru-guru yang mempunyai kemahiran yang khusus kepada kursus teknikal dan vokasional? Sekarang saya rasa kebanyakan guru-guru di sekolah menengah dilatih untuk mengajar pelajar dalam arus akademik. Kalau bilangan KV hendak ditambah, apa rancangan yang telah disediakan oleh pihak kementerian untuk melatih lebih banyak guru yang berkemampuan dan juga mempunyai kemahiran untuk mengajar pelajar di KV.

Saya juga nak mendapatkan pengesahan daripada pihak kementerian bahawa dalam pengubahsuaian ataupun penaik taraf SMKT dan SMKV kepada KV, salah satu perubahan ialah kurikulum akan diajar dalam bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris. Saya rasa ini adalah satu perkara yang baik kerana ada banyak aduan ataupun komplain daripada pihak *employer* di mana mereka kata penguasaan bahasa Inggeris oleh pelajar yang keluar daripada kolej teknikal ataupun sekolah menengah teknikal itu tidak berapa memuaskan.

Soalan yang terakhir ialah apakah tindakan yang telah dan sedang diambil oleh pihak kementerian supaya *overlap* dengan program-program lain di Kementerian Pendidikan dan juga di kementerian yang lain boleh dikurangkan ataupun diminimumkan. Saya mendapat maklumat tadi bahawa pihak kementerian ada rancangan untuk *lease space* ataupun membeli tempat daripada ILKS. Akan tetapi saya rasa pihak kementerian juga mesti memberi penjelasan kerana di bawah Kementerian

Pendidikan terdapat 32 politeknik dan 84 kolej komuniti mengikut statistik daripada tahun 2013. Saya rasa ada banyak kursus di politeknik dan juga kolej komuniti yang bersifat teknikal dan juga vokasional yang saya rasa sama dengan KV juga. Di bawah KBS ada 20 buah IKBN. Di bawah MOHE, *human resource* terdapat 23 buah ILP, lapan buah ADTEC dan juga sebuah GMTI. Di bawah MARA ada 13 buah IKM, 10 buah KKTM, 231 buah GIATMARA dan sembilan buah KPTM.

Jadi, saya rasa dengan begitu banyak pilihan yang sedia ada sekarang, saya rasa sedikit penyelarasan perlu dibuat oleh pihak kementerian supaya *overlap* ini dapat dikurangkan. *Last* sekali, saya nak gulung daripada segi latihan kemahiran dan termasuk latihan vokasional dan teknikal. Ada banyak agensi dan kementerian yang terlibat. Saya rasa ini perlu dilihat semula. Akhir sekali, saya rasa pindaan ini adalah pindaan yang wajar dan sesuai tetapi saya harap Menteri boleh memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini supaya kita semua boleh mendapat pengetahuan yang lebih tentang rancangan KV yang sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ramai lagi ya? Ada lapan orang lagi. Ya, Yang Berhormat Jerantut, 10 minit ya.

■1820

6.20 ptg.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan tahniah kepada warga Kementerian Pendidikan kerana telah melakukan transformasi dalam pendidikan khususnya dalam pendidikan teknik dan vokasional yang mana tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, negara kita hanya terlibat sekitar 10% sahaja yang terlibat dalam pendidikan vokasional dan teknik ini berbanding dengan negara-negara lain yang lebih maju seperti Jerman, lebih kurang 59%, negara jiran kita Indonesia 51%, Thailand sendiri 41%. Jadi mudah-mudahan dengan berlakunya transformasi dalam bidang teknik dan vokasional ini sudah pastilah akan mewujudkan pelbagai peluang kerjaya baru di negara kita.

Melihat kepada negara-negara yang telah maju berbanding negara kita seperti negara Jerman yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi, sudah pastilah usaha yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan ini, *insya-Allah*, akhirnya akan membuahkan hasil yang baik. Penambahbaikan sudah pastilah mendapat sambutan daripada para ibu bapa dan seluruh masyarakat Malaysia kerana kita dapati dalam aliran teknik dan vokasional ini, aliran teknikal, aliran vokasional, aliran kemahiran dan berakhir dengan kolej vokasional. Penambahbaikan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, misalnya para pelajar ini akan mengikuti kursus pra-diploma selama dua tahun dan selepas itu diikuti pula dengan kursus peringkat diploma. Cuma, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah laluan kerjaya lepasan kolej ini?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada laluan akademik biasa, para pelajar lepasan SPM ada laluan yang sama ada bekerja ataupun universiti. Berbanding dengan laluan vokasional ini, adakah ia hampir sama dengan lepasan akademik biasa? Dan yang lebih penting lagi, adakah lepasan sijil vokasional ini diiktiraf oleh JPA untuk membolehkan lepasan kolej ini memasuki skim perkhidmatan

awam? Juga saya ingin bertanya, apakah lepasan vokasional ini nanti akan mudah ataupun akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke universiti dalam negara serta juga ke universiti di luar negara?

Seterusnya saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah penaksiran yang dilaksanakan terhadap murid yang mengikuti pendidikan di peringkat teknik dan vokasional ini? Adakah sama penilaian yang dibuat di peringkat sekolah akademik biasa? Contohnya, PBS di peringkat sekolah biasa. Bagaimanakah penilaian yang kita buat kepada para pelajar yang mengikuti sekolah vokasional dan kolej vokasional ini?

Juga, apakah jaminan lepasan Diploma Vokasional Malaysia ini benar-benar mempunyai kemahiran dan ianya boleh diterima di pasaran kerja kita? Kita bimbang, jika tidak berlaku padanan kursus dengan peluang pekerjaan, ianya akan mewujudkan lepasan yang tidak diterima di pasaran, lebih-lebih lagi kalau sekiranya lepasan yang kita hasilkan nanti tidak mempunyai kualiti sepertimana yang diperlukan di pasaran. Ini juga akan menambahkan lagi lambakan keluaran vokasional tetapi tidak ada kualiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kementerian, apakah kelulusan vokasional nanti diberi pertimbangan yang lebih baik daripada lulusan akademik atau sama dengan lulusan akademik atau ianya diberikan pengiktirafan yang lebih rendah berbanding dengan sektor akademik biasa?

Bagaimanakah prasarana yang sedia ada setakat hari ini? Apakah Kementerian Pendidikan telah bersedia dengan, seperti kata rakan kita tadi, dengan tenaga pengajarnya, kemudahan-kemudahan yang telah disediakan di sekolah dan juga di kolej-kolej memandangkan...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Jerantut, di sini Limbang.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Ya, Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerantut.

Saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat Jerantut. Apakah pendapat Yang Berhormat Jerantut dan mungkin juga Kementerian Pendidikan sebab kita tahu selepas kita membentangkan Rang Undang-undang Pendidikan kolej vokasional ini, kita akan membentangkan rang undang-undang tentang MBOT, penubuhan Lembaga Teknologis negara kita.

Tadi Yang Berhormat Jerantut ada menyebut tentang kemanakah *path* atau laluan kepada mereka ini yang keluaran kolej vokasional ini. Apakah pendapat Yang Berhormat Jerantut, mungkin Kementerian Pendidikan membuat persediaan supaya segala kurikulum dalam kolej vokasional ini nanti akan dapat menjurus kepada mereka pergi ke tahap yang lebih tinggi melalui boleh diiktiraf menjadi Lembaga Teknologis dan sebagainya yang akan ditubuhkan di negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih sahabat saya dari Limbang. Itulah antara persoalan saya tadi. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Limbang, bagaimana laluan kerjaya lepasan sekolah menengah teknik dan vokasional ini serta kolej vokasional ini. Saya minta masukkan sebahagian daripada ucapan saya.

Bagaimana dengan prasarana yang ada di sekolah dan juga kolej yang akan kita bina nanti serta tenaga pengajarnya? Sepertimana kita tahu, kita bimbang selepas ini ada pula dasar lain kerana sebelum ini aliran vokasional dan teknik ini dipentingkan oleh kementerian, kemudian satu ketika ia senyap begitu sahaja hinggalah Maktab Teknik yang dahulunya kita kenali dengan nama Maktab Teknik, sebahagian daripada kursusnya kita hentikan dan peralatannya terbiar begitu sahaja. Kita haraplah kali ini kementerian benar-benar serius dan tidak akan berlaku lagi, tidak berulang lagi sejarah seperti sebelum ini.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri seperti mana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi. Setakat ini kita lihat banyak agensi yang telah pun terlibat dengan sektor teknik dan vokasional ini seperti lain-lain kementerian, misalnya Kementerian Sumber Manusia dengan ILP, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan Institut Kemahiran MARA, Giat MARA. Tak cukup dengan itu, kita ada juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kita ada Kolej Pertanian. Di bawah Kementerian Belia sendiri kita ada IKBN. Semuanya ini menjurus ke arah kemahiran teknik dan vokasional. Jadi apakah nanti akan wujud persaingan dengan institusi yang sedia ada ini apabila kita memperkasakan teknik dan vokasional ini?

Kalau boleh, saranan saya, sama ada seperti mana rakan tadi, kita selaraskan ataupun semua institusi ini kita letakkan di bawah satu bumbung agar jenama teknik dan vokasional ini lebih diperkasakan lagi. Kalau tidak, dia ada persaingan, seolah-olah ada persaingan dan pemilihan terbuka kepada pelajar-pelajar dan ia mewujudkan persaingan yang tidak sihat dibimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di situlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Jerantut untuk meletakkan semua institusi teknikal ini di bawah satu pengawasan. Saya hendak mohon pandangan Yang Berhormat Jerantut, sekiranya bila diletakkan di bawah satu bumbung ataupun satu lembaga ataupun satu pengawasan, secara tidak langsung adakah ini juga akan mewujudkan satu elemen untuk mengurangkan *mismatch* khususnya dalam memberikan peluang-peluang pekerjaan serta juga mendapat maklum balas daripada majikan untuk mengambil seseorang individu itu bekerja? Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor kerana apabila kita meletakkan di bawah satu institusi, sekali gus kita dapat memperkasakan bidang teknik dan vokasional itu sendiri apabila kita letakkan di bawah satu pengurusan dan ini juga akan menambahkan lagi keyakinan kepada

masyarakat seluruhnya dan juga masyarakat di luar daripada negara kita. Saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Temerloh.

6.29 ptg.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk berpartisipasi dalam perbahasan pindaan rang undang-undang Akta Pendidikan ini.

Pertamanya, kita semua faham bahawa ilmu adalah suatu yang sangat bernilai dan nilainya ternyata mengatasi harta yang kita cari, yang kita miliki.

■1830

Malah ia menjadi kunci kepada perbendaharaan dunia dan juga akhirat. Sebab itulah Nabi kita Muhammad SAW pernah bersabda [*Membaca sepotong hadis*] Dalam hadis ini, Nabi sebut “*Barang siapa yang mahukan dunia, maka dia mestilah memiliki ilmu. Barang siapa yang mahu memiliki akhirat, maka dia juga mesti memiliki ilmu dan barang siapa yang ingin mendapatkan kedua-duanya dunia dan juga akhirat, maka dia mestilah memiliki ilmu*”.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pindaan akta yang kita bincang pada hari ini yang bertujuan untuk menjenamakan kolej vokasional dan turut memperkenalkan kurikulum baru yang dinamakan sebagai Kurikulum Standard Kolej Vokasional, saya sangat berharap bahawa ia bukan sahaja sekadar untuk memulihkan keyakinan rakyat ataupun keyakinan masyarakat terhadap aliran teknik dan vokasional serta bukan sekadar untuk memenuhi pasaran semasa industri pada hari ini, tetapi lebih jauh daripada itu, ia juga adalah bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai pakej yang unik, memenuhi ciri-ciri insan yang terbaik dalam diri mereka. Mempunyai kecerdikan akademik dalam masa yang sama juga mempunyai satu keperibadian akhlak, moral yang sangat tinggi untuk menjadi generasi yang akan datang menguasai teknikal, menguasai teknologi. Dalam masa yang sama, sangat berguna kepada tamadun dan juga peradaban yang akan kita hadapi pada masa-masa yang akan datang.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah buku yang bertajuk Isu Pendidikan di Malaysia: Sorotan dan Cabaran yang diterbitkan pada tahun 1999, yang mana penulis ini telah menggariskan garis masa perkembangan pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia. Di mana disebut dari awal abad ke-19, Kerajaan Inggeris telah menubuhkan satu jawatankuasa yang disebut sebagai Jawatankuasa Lemon 1918 yang bertujuan untuk menggubal pendidikan teknik dan juga perindustrian bagi Negara-negara Selat yang akhirnya lahirlah Sekolah Teknik Treacher di Kuala Lumpur pada tahun 1906. Kemudian

disusuli dengan Maktab Teknik pada tahun 1942 dan akhirnya tersergamlah Universiti Teknologi Malaysia.

Evolusi ini terus berlaku sehingga menampakkan kecenderungan para pelajar untuk memilih aliran teknik vokasional ini yang telah dianggap lebih sesuai dan mempunyai tawaran peluang pekerjaan yang lebih luas kepada mereka. Walaupun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya lihat sebenarnya kita masih lagi dibelenggu dengan beberapa masalah utama dalam sistem pendidikan ini. Masalah yang saya maksudkan itu yang rata-rata disebut oleh pengamat isu ini ialah yang pertama soal kekurangan dana. Kedua, kekurangan tenaga pengajar yang pakar dan berkemahiran dan yang ketiga ialah kekurangan penglibatan bersama dengan penggerak industri hasil ataupun pelajar-pelajar daripada teknik ini. Jadi permasalahan ini saya kira perlu ditangani terlebih dahulu sebelum kurikulum baru yang diterapkan dalam kolej vokasional ini dapat diimplementasikan dengan secara lebih berkesan selepas daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dari awal, gambaran persepsi masyarakat terhadap aliran teknikal dan vokasional ini umumnya meletakkan bahawa ia hanyalah untuk pelajar-pelajar yang rendah pencapaian akademiknya. Itu secara umum. Walaupun saya tidak nafi ada mereka yang cemerlang tetapi masih memilih aliran ini tetapi secara umumnya. Oleh kerana itu, tidak hairanlah kalau kita lihat dahulunya pernah ditubuhkan satu jawatankuasa pada tahun 1925 lama dahulu iaitu *The Winsted Committee on Industrial and Technical Education*. Itu nama jawatankuasa ini yang bertanggungjawab untuk menyediakan kurikulum khas untuk para pelajar aliran ini sebelum ia dipasarkan kepada pasaran pekerjaan. Di mana walaupun jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyediakan kurikulum itu, jawatankuasa ini tidak mendapat respons yang menarik daripada masyarakat walaupun ia bertujuan untuk menggubal kurikulum khas untuk aliran ini. Dalam satu kertas kerja yang dibentangkan oleh seorang pensyarah Universiti Tunku Abdul Rahman, kebanyakan para pelajar yang memasuki sekolah menengah teknik ini disebut di situ tidak mampu untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik, menguasai Matematik dengan baik dan termasuk juga bahasa Inggeris.

Jadi persoalan saya di sini ialah, adakah kriteria yang ditetapkan oleh institusi-institusi yang berada di bawah *Technical & Vocational Education Training (TVET)* ini dengan izin, adakah kriteria yang ditetapkan sekarang ini selari dengan kelayakan yang ada pada mereka sewaktu mereka memasuki aliran teknik ataupun vokasional ini? Ini disebabkan saya tengok contohnya syarat pengambilan selepas daripada itu untuk mengambil diploma di politeknik mestilah lulus Bahasa Malaysia, lulus Bahasa Inggeris dengan kepujian dalam lima subjek termasuklah Matematik dan juga Matematik Tambahan. Jadi, waktu mereka masuk, mereka mempunyai tahap akademik yang rendah tetapi untuk peralihan pergi mengambil diploma, mereka perlu mempunyai satu tahap kelulusan yang tinggi. Jadi saya mempersoalkan, apakah selari dengan kelayakan mereka sewaktu meletakkan kriteria ini dalam institusi di bawah TVET ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu, secara asasnya saya sokong setelah beberapa perubahan dibuat supaya kolej vokasional ini digalakkan untuk terus mempunyai kesinambungan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi sehinggalah ke tahap pasca siswazah umpamanya. Itu adalah satu perkara yang baik. Ia juga adalah merupakan satu trend yang selaras dengan sistem *European Qualifications Framework*, dengan izin yang lebih banyak memberikan peluang lebih terbuka kepada para pelajar dalam

aliran ini. Seterusnya menyumbang kepada tenaga utama sektor pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi Eropah yang kalau kita lihat di peringkat luar dari negara kita. Ini termasuklah inisiatif-inisiatif untuk memperkasakan badan-badan profesional dalam aliran ini.

Jadi sehubungan dengan itu, kebimbangan kita juga ialah terhadap komponen kurikulum kolej vokasional yang ditawarkan kepada para pelajar sebab setakat ini Tuan Yang di-Pertua, 70% ialah kemahiran vokasional dan selebihnya ialah akademik. Jadi kita mesti memahami perlunya keseimbangan sebagaimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kita tidak mahu hanya sekadar untuk melahirkan pelajar-pelajar yang sebagaimana saya sebutkan tadi, hanya mampu menguasai satu bahagian tetapi tidak dalam bahagian yang lain.

Satu lagi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri, sebab saya kurang pasti. Satu lagi yang saya lihat, ada dua subjek iaitu subjek Bahasa Mandarin dan juga Bahasa Arab Komunikasi yang telah dilaksanakan di bawah program Transformasi Pendidikan Vokasional untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan ini, adakah ia telah dilaksanakan dengan secara berkesan subjek ini? Jadi saya harap ia dapat diberikan maklum balas sebab sebagaimana saya sebut awal tadi, kita tidak mahu sekadar untuk melahirkan keupayaan memahami satu aliran ataupun satu bidang yang kecil tetapi mestilah dia mempunyai penguasaan termasuk mampu untuk nanti turun ke tengah masyarakat, berdepan dengan suasana kehidupan yang bukan sahaja mengambil aspek teknikal tetapi juga akhlak, peribadi dan juga moral mereka.

■1840

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak bangkitkan di sini ialah selain itu isu utama yang melanda negara kita ialah pergantungan ataupun saya lihat ketagihan sektor ekonomi negara terhadap penggunaan pekerja asing. Ini berkait dengan sektor ini ataupun aliran ini. Pada tahun lalu, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia telah mendedahkan kepada kita ada kira 6.7 juta pekerja asing yang bekerja di negara kita Malaysia malah keberadaan mereka di Kuala Lumpur ini pun semakin hari semakin ramai. Baru-baru ini delegasi kami daripada Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan juga telah berdialog dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur dan mengakui bahawa antara cabaran terbesar di Kuala Lumpur adalah lambakan pekerja-pekerja asing yang mendiami kawasan-kawasan tertentu hatta mereka ini mengurus premis-premis perniagaan di sekitar Kuala Lumpur.

Jadi pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, dalam satu statistik yang dikemukakan oleh PEMANDU, lebih kurang 28% atau 130,000 pelajar yang telah tamat belajar dan tercicir daripada SPM telah memasuki sektor pekerjaan tanpa mempunyai sebarang kemahiran. Jadi saya hendak sebut, kalau ini fenomena terus berlaku dalam negara kita, saya kira Malaysia belum benar-benar bersedia untuk mengorak langkah ke arah apa yang disebut sebagai *knowledge-based economy* selagi mana isu pokok masih belum dapat diselesaikan.

Oleh kerana itu kita mestilah harus bersedia menempatkan tenaga mahir dan separuh mahir tempatan yang hasil daripada produk kita atau hasil daripada sistem pendidikan kita ini untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Jadi adakah nantinya kita benar-benar mampu untuk memenuhi nisbah yang ideal yang telah ditentukan oleh Bank Pembangunan Asia sebagai contoh

seorang jurutera, lima juruteknik dan 12 operator. Jadi nisbah ini mungkin ideal tapi apakah kita mampu untuk mencapai ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan supaya diwujudkan satu badan penyelarasan kerana TEDT ini saling berkait dengan pelbagai kementerian dan juga industri. Ini kerana kita tidak mahu berlakunya lebih penawaran dalam sektor pekerjaan sehingga akhirnya mengakibatkan pengangguran yang tinggi seperti mana yang berlaku dalam aliran akademik pada hari ini. Walaupun mempunyai sijil, diploma, keluar daripada kolej vokasional ataupun mungkin universiti teknologi tetapi pengangguran itu berlaku.

Mereka tidak ada peluang pekerjaan sebab berlakunya penawaran yang begitu banyak, lebih, berbanding dengan apa yang ada, keupayaan yang ada pada kita. Sebab kita tengok sekarang ini ekonomi negara kita memang telah berubah daripada apa yang disebut sebagai *labor intensive* kepada *capital intensive* dan sekarang ini saya tengok dia telah meneroka ke arah *knowledge intensive*. Jadi ini adalah cabaran semasa yang harus kita tangani dengan penuh sedar.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, tentunya kita kena bersiap untuk meletakkan satu *mind set* bahawa persepsi masyarakat terhadap *technical and vocational training* ini mestilah benar-benar dapat melahirkan ataupun memenuhi kepentingan dan juga keutamaan semasa yang ada pada hari ini. Bukan sekadar ia wujud tetapi tidak sesuai dan tidak selari dengan kepentingan dan keutamaan semasa dan tentunya saya hendak tutup dengan satu *fundamental* yang tegah yang saya sebut di awal ucapan ini ataupun perbahasan ini ialah supaya sistem pendidikan yang telah kita lakukan ini, yang telah kita pinda ini, yang telah kita bina ini supaya ia benar-benar bukan saja melahirkan kecerdikan akal semata-mata ataupun kecerdikan otak semata-mata dalam bidang akademik tetapi biarlah dia membina jiwa dan jasad yang seimbang untuk dia nantinya mampu untuk melahirkan generasi dan juga orang panggil pemimpin-pemimpin yang akan datang yang baik untuk memimpin negara dan juga masyarakat.

Ini kerana kita tidak hendak tengok ramai orang pandai tapi akhirnya melakukan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah, penipuan dan seumpamanya. Akhirnya dia mengganggu tamadun dan juga kemajuan yang mahu kita bina. Jadi saya harap begitu supaya sistem ini, pendidikan ini dapat diberikan satu penumpuan serius oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tiada had masa lagi. Bolehlah ringkas-ringkas Yang Berhormat. Sebagai panduan 36(1), perkara-perkara yang dipinda sahaja boleh dibahas dan bukan akta induk. Jadikan itu sebagai panduan untuk berbahas Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

6.46 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Saya ucap terima kasih sekali lagi beri peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Pendidikan dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan. Pindaan ini selaras dengan dasar ataupun Transformasi Pendidikan Vokasional yang telah dilancarkan pada 6 Januari 2012 yang dizahirkan melalui penjenamaan Sekolah

Menengah Vokasional kepada Kolej Vokasional. Penjenamaan semula ini melibatkan pengenalan kurikulum pendidikan baru yang dikenali sebagai Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) digunakan di semua kolej vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya mula-mula sekali hendak bawa pada persepsi ataupun fikiran yang ada pada masyarakat hari ini sebab apa bila kita kata transformasi pendidikan, transformasi literal, kita bercakap juga tentang transformasi minda. Kalau dulu masuk sekolah vokasional ini orang yang pendidikannya tidak bagus ataupun periksanya mungkin tidak *pass* bagus. *Result*nya tidak bagus. Sebab itu dia pergi vokasional. Dulu, zaman saya dekat sekolah dulu, saya masih ingat lagi. Kalau kita tanya ibu bapa pun dia kata pergi mana anak kamu, bapa akan kata oh anak saya vokasional saja. Kalau pergi universiti itu hendak tanya dia mana pergi anak kamu belajar, anak saya masuk UM. Itu minda dulu tetapi untuk negara maju, kita memerlukan tenaga mahir.

Sebab itu tadi dikatakan kita hanya terlibat, Malaysia terlibat 10% dalam transformasi vokasional sedangkan untuk negara maju memerlukan banyak tenaga mahir. Jadi transformasi minda ini perlu ada pada masyarakat. Masyarakat patut rasa penting dan bangga dan pencapaian ataupun *qualification* untuk masuk ke vokasional dan teknik dan vokasional ini patutnya diselaraskan dan ditinggikan. Jadi ibu bapa pun rasa bangga. Dia rasa hendak hantar anak dia ke vokasional, belajar vokasional dan pelajar itu sendiri rasa bangga dan pelajar itu tidak rasa macam saya ini tidak bagus kah pergi, itu kita perlu ada. Sebab apa transformasi untuk negara maju memerlukan ini.

Jadi kita lihat tenaga mahir yang ada sekarang ini. Kalau kita ada tenaga mahir yang cukup, sebab apa di Malaysia hari ini kita ada *gap* dalam *labor* ini, dalam pekerja-pekerja. Kita punya *supply and demand* tidak *balance* dan kita banyak memerlukan tenaga-tenaga asing yang mahir dan tidak mahir, berlambak dekat Malaysia hari ini. Jadi kita hendak lihat hari ini satu persaingan di mana kita mengisi ruang-ruang kosong ini, anak-anak Malaysia mengisi ruang-ruang kosong ini. Kita lihat dalam banyak aspek, kita katakanlah dalam *electrical*, pendawaian elektrik ataupun dalam *plumbing*, *piping* umpamanya. Dalam permotoran, mekanik umpamanya.

Kalau dulu ini kita kata rosak, kita panggil *plumber*, kita rasa *plumber* itu tidak bagus, dia pun rasa tidak bagus tapi akan datang negara maju. Bila cakap negara maju ini, contohnya mekanik keretalah. Gambaran yang kita ada hanya mekanik macam mana. Kata orang Kedah 'belemuih', kotor, pakai baju kotor, kelam kabutlah dia. Kita rasa macam itu tapi untuk negara maju, untuk tenaga mahir yang profesional, pakaiannya pun bersih. Pakaiannya pun macam pakaian doktor dekat hospital. Pakai putih semua bersih. Gambarannya bersih, gambarannya putih, bersih. Bukan Yang Berhormat Seputeh, tapi gambaran putih. Putih itu bersih tapi dia buat kerja mekanik. Jadi itu profesional. Gajinya tinggi, ilmunya tinggi dan mungkin orang ini mendapat kelulusan bukan saja dalam negeri tetapi pergi ke luar negeri.

■1850

Tuan Yang di-Pertua, naik taraf sekolah vokasional kepada kolej vokasional. Saya hendak tanya, dah berapa dah pengambilan pelajar-pelajar, adakah ditingkatkan kepada kolej vokasional? Di samping pelajaran vokasional, akademik sepertinya bahasa Inggeris, *command of English* mesti bagus. Kalau

tidak, tidak profesional. Profesional ini dia hendak pilih pergi luar negara, pergi belajar. Jadi, sekurang-kurangnya kalau dahulu zaman saya, saya rasa *bilingual* tetapi sekarang patut *trilingual*. Patut ada.

Sekarang ini bahasa kita boleh ambil bahasa Inggeris, bahasa Malaysia, bahasa Mandarin, bahasa Arab, umpamanya. Ini supaya dunia boleh datang sini. Kita boleh berbahasa, umpamanya. Pencapaian dalam pendidikan Matematik dan Sains. Ini yang tadi saya dengar daripada Yang Berhormat Temerloh tadi, *knowledge based economy*. Itu untuk negara maju, maknanya pencapaian ilmu itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga lihat dalam kurikulum kolej vokasional. Kita lihat kurikulum ini memang cukup bagus kerana ada elemen-elemen kreativiti, ada elemen-elemen inovasi dan keusahawanan dan juga kemahiran. Ini melengkapkan. Ini yang kita katakan transformasi untuk negara maju. Jadi, negara maju perlu ada transformasi ekonomi, transformasi masyarakat, transformasi pendidikan, transformasi infrastruktur. Kita lihat ini yang perlu ada.

Kita lihat Tuan Yang di-Pertua, Malaysia hendak capai negara maju tahun 2020, lima tahun dari sekarang. *Five years is not long*. Lima tahun, rakyat dan pemimpin kementerian perlu ada fokus yang jelas, perlu ada impian yang betul ke mana kita hendak pergi hala tuju. Perlu ada *plan* yang betul, perlu ada tindakan dan pemantauan supaya kita hendak mewujudkan tenaga mahir yang cukup ini, tidak ada masalah persediaan untuk negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat hari ini, saya melihat hari ini apa yang dirancang oleh Kementerian Pengajian Tinggi, salah satu daripada terasnya adalah *Technical Vocational Education Training (TVET)*. TVET ini adalah perkara yang penting untuk pencapaian negara maju, untuk transformasi ekonomi, TVET adalah satu perkara yang sangat-sangat penting. Itu sebab kita lihat hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan fokus kepada TVET ini. Tidak lama lagi Yang Amat Berhormat akan melancarkan pemerkasaan TVET untuk menyelaraskan *supply and demand* supaya pemerkasaan TVET akan memberikan banyak lagi *supply* tenaga-tenaga mahir yang mampu menampung usaha kita untuk pergi ke negara maju dan juga *demand*.

Kita memang agak bimbang kerana apa yang saya hendak tanya dan ingin tahu adalah apa yang kerajaan buat sebenarnya supaya mengimbangi nilai-nilai graduan-graduan daripada TVET ini nanti. Di Malaysia ini ada banyak tenaga tidak mahir. Tenaga tidak mahir, dia bagi *service* juga. Kita panggil dia mekanik, dia boleh datang juga. Kita panggil dia *repair* paip, dia boleh datang juga, *wiring* pun dia boleh buat juga sebab dia tidak ada SOP nya. Dia buat dengan pengalaman dia, dia tidak ada kelulusan macam yang kita katakan hari ini. Dia menawarkan perkhidmatan dengan harga yang lebih murah. Jadi, macam mana? Rakyat Malaysia macam mana? Macam mana penerimaan rakyat Malaysia?

Ini yang saya katakan tadi transformasi minda kita. Sebab kita hendak pergi negara maju, banyak benda yang hendak dibuat sebenarnya. Oleh sebab itu antaranya benda yang kita sudah buat hari itu ialah GST. Itu bagus. Itu polisi orang cerdik, itu polisi negara moden, polisi negara maju yang kita sudah buat. Tahniah lah kepada Kerajaan Malaysia. Sekarang ini kita tengok pada TVET, pada transformasi pendidikan vokasional. Jadi, saya amat-amat bersetuju dengan pindaan ini.

Mudah-mudahan kita dapat mencapai *supply and demand*. Maknanya, kita menyediakan tenaga-tenaga mahir yang cukup untuk negara kita ini pergi ke destinasi yang kita impikan selama ini. Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

6.54 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014. Saya mengambil masa yang sedikit sahaja, menambah daripada apa yang rakan-rakan telah sebutkan tadi.

Pertama, kita lihat pindaan rang undang-undang ini adalah satu pindaan bagi transformasi pendidikan vokasional melalui penjenamaan semula Sekolah Menengah Vokasional kepada Kolej Vokasional. Saya mengucapkan tahniah di atas usaha yang telah dibuat oleh kerajaan. Cuma, saya ingin penjelasan daripada kerajaan ialah sejauh mana persiapan yang telah diberi kepada sekolah-sekolah vokasional? Oleh sebab apa yang kita lihat hari ini adalah satu transformasi pendidikan yang mana ia sudah tentu memerlukan kepada banyak perubahan. Terutama, dari segi peralatannya, persiapan sekolah, persiapan guru dan sebagainya.

Sebab saya dapat makluman sebelum ini ada di kalangan pelajar-pelajar di sekolah vokasional, contohnya dalam membaiki TV, kongsi 40 orang satu TV. Macam mana hendak lahirkan tenaga mahir yang mempunyai kemahiran tinggi kalau peralatan tidak cukup. Ada aduan daripada para guru, barang yang diperlukan, di *order* berbulan tidak sampai lagi. Jadi, sejauh mana kepekaan kementerian memastikan peralatan-peralatan yang diperlukan cukup mengikut standard yang ditetapkan untuk benar-benar melahirkan pelajar yang berkualiti yang berkemahiran tinggi. Oleh sebab saya bimbang berulang kes yang sama sebab saya pernah pergi ke sekolah-sekolah yang berkenaan dan melihat, mendengar aduan daripada pihak sekolah. Banyak kekurangan yang mereka keluh kerana mereka hendak mengajar tetapi peralatan yang lambat sampai, tidak mencukupi dan sebagainya.

Kedua, adalah latihan kepada guru. Kita hendak melahirkan pelajar yang mahir. Guru juga mestilah mempunyai kemahiran. Bayangkan mereka yang sebelum ini mengajar di sekolah vokasional. Apabila dinaik taraf kepada kolej vokasional, latihan yang diberi, terutama bagi guru-guru kemahiran, mereka ini terutama guru-guru yang veteran, mereka diajar dengan teknik-teknik teknologi yang agak ketinggalan berbanding dengan teknologi yang baru. Jadi, menyebabkan kebanyakan daripada guru-guru yang lama yang masih lagi mengajar di sekolah vokasional tetapi apabila dinaik taraf kepada kolej vokasional, mereka tidak mempunyai kemahiran tinggi dalam mengajar, terutama kemahiran menggunakan mesin dan teknologi yang terkini. Jadi, sejauh mana latihan yang telah diberi kepada para guru, para pensyarah untuk memastikan mereka mempunyai kemahiran dalam menepati matlamat kolej vokasional itu diwujudkan.

Seterusnya, saya ingin tahu tentang kebajikan guru. Sejauh mana skim yang telah diberi kepada para guru? Apakah dia masih dari segi gajinya, kemudahannya sama seperti di peringkat sekolah

vokasional? Kalau dia naik taraf dari segi jenama sahaja, tentang dari segi kualitinya, dari segi gurunya, dari segi skim gajinya sama, indah khabar dari rupa. Sebab saya pernah mendapat aduan di mana mereka bekerja kalau di peringkat sekolah vokasional, mereka bekerja mungkin sampai pukul 2, pukul 3 petang. Akan tetapi apabila tahap taraf kolej, mereka terpaksa balik pukul 5, pukul 6 petang tetapi gaji mereka sama. Jadi, sejauh mana perkara ini diberi perhatian oleh pihak kementerian untuk menilai kebajikan para pensyarah atau pun guru supaya memastikan mereka setaraf dengan imej kolej itu sendiri.

Seterusnya ialah saya ingin tahu tentang sejauh mana manfaat yang telah digunakan oleh kerajaan. Oleh sebab kita sekarang kita mempunyai lambakan lepasan siswazah yang begitu ramai. Mereka ini tidak mempunyai kemahiran. Mungkin mereka cemerlang dari sudut akademik tetapi mereka tidak mempunyai kemahiran menyebabkan mereka payah untuk mendapat pasaran di tempat pekerjaan dalam negara. Jadi, hari ini sejauh mana, adakah satu mekanisme dibuat oleh pihak untuk memastikan mahasiswa lepasan siswazah juga yang berminat dalam bidang kemahiran, ada peluang untuk memasuki latihan-latihan kemahiran ini untuk melahirkan tenaga mahir yang berkualiti memenuhi keperluan negara. Oleh sebab kita tahu 8.4 juta tenaga dalam negara kita, buruh yang tidak mahir dalam negara kita.

Kebanyakan pendatang asing yang datang dalam negara kita adalah buruh yang tidak mahir. Jadi, saya ingin penjelasan juga, setakat ini berapa peratus sebenarnya yang kita ada dalam negara kita, tenaga mahir yang berkemahiran tinggi? Oleh sebab untuk mencapai taraf negara maju, berekonomi tinggi kita memerlukan tenaga mahir yang ramai. Tempoh 2020 *target* kerajaan untuk mencapai negara maju berpendapatan tinggi dengan beberapa tahun sahaja lagi, apakah kita sempat mencapai ini dengan keadaan persiapan yang masih jauh kita tengok ketinggalan daripada apa yang kita harapkan. Begitu juga apakah mekanisme yang akan dibuat oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pelajar-pelajar yang tercicir yang kita dapat pastikan setiap tahun puluhan ribu pelajar-pelajar yang tercicir yang mereka ini kadang-kadang terus masuk kepada pasaran pekerjaan dengan tidak ada apa-apa kemahiran.

■1900

Jadi, sejauh mana perkara ini diberi perhatian untuk memastikan modal insan ini yang menjadi tunggak utama dalam pembentukan negara kita dapat kita manfaatkan sebaik mungkin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terkejut Tuan Yang di-Pertua panggil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya rasa memadailah kita hentikan perbahasan jam 7.30. Selepas itu Menteri menjawab.

7.01 mlm.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri, saya cuma rujuk kepada akta kita ini. Pertama iaitu kita tengok 33A yang diberi kuasa kepada "*Menteri untuk menubuhkan dan menyelenggarakan sepenuhnya Kolej Vokasional*". Bagi saya, saya ada

beberapa permasalahan di sini yang perlu diberi penjelasan iaitu kalau kita tengok dari sudut minat untuk pelajar kita memasuki bidang ini masih lagi di tahap yang rendah kalau saya ada sedikit statistik di sini.

Daripada IPT yang menawarkan pengajian yang diminta hampir oleh 200,000 orang lebih, yang minta kepada institut kemahiran ini hanya lebih kurang 20% sahaja. Kita hanya ada lebih kurang 287 buah institut kemahiran. Ini memberi saya satu tanda soal dalam usaha kerajaan yang saya sokong sebenarnya tetapi saya cuma hendak tahu secara praktikal macam mana perkara itu hendak dicapai sedangkan kalau kita tengok statistik yang ada, yang disebut sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Malaysia ketinggalan 10% berbanding dengan yang disasarkan iaitu 44%.

Kalau kita tengok statistik, *10 years from now* Tuan Yang di-Pertua kita memerlukan lebih kurang 3.3 juta pekerja yang mahir hasil daripada produk kolej ini dan seumpamanya. Jadi, saya tertanya-tanya bagaimana kita hendak capai dalam 10 tahun masa yang akan datang, *figure* yang begitu idealistik dengan apa yang ada dari segi struktur sedangkan saya difahamkan penambahan 10 bidang di bidang vokasional dan teknik. Kalau kita buat *benchmark* dengan negara Jerman Tuan Yang di-Pertua, mereka ada 340 bidang. So, macam mana kita hendak kejar, itu yang menjadi saya punya minat dalam saya melihat 33A(1) dan 33A(2).

Seterusnya ialah kurikulum 33B. Persoalan saya ialah Tuan Yang di-Pertua, kita hendak bukan sahaja di sini melahirkan pelajar-pelajar di kolej ini tetapi juga kita ada dua perkara besar yang mesti dicapai oleh kerajaan dalam istilah yang dipakai, transformasi itu. Pertama, bagaimana keupayaan pelajar-pelajar yang kalau dilihat dalam 33D ini ada peraturan berhubung dengan kolej vokasional, kurikulum standard dan sebagainya. Bagaimanakah kemahiran mereka untuk berkomunikasi dan *social skill* mereka dan kedua ialah bagaimana kita memenuhi kehendak tenaga buruh di pasaran? Saya takut nanti ia tidak *match* apabila kita sudah ada kolej tetapi dari sudut pasaran buruh kita masih belum menyediakan ruang untuk mereka masuk ke dalam pasaran buruh.

Akhirnya, saya punya persoalan kepada Menteri, sejauh manakah dari sudut usaha yang dibuat oleh kementerian diimbangi dengan masalah pekerja asing yang terlalu ramai di dalam negara kita yang kalau kita ambil setelah pemutihan seramai 2 juta dan yang tidak didaftarkan mungkin 2 juta. So, itu *about 15% of our labor* yang tidak berkemahiran, *mainly* adalah daripada pekerja asing yang mungkin akan merampas hak bekerja di kalangan mereka yang akan lahir daripada kolej ini.

Jadi, saya harap dapat diberi perhatian dari sudut kementerian dengan hasrat yang murni ini dengan masalah pasaran khususnya pasaran buruh yang dipenuhi oleh pekerja asing. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar.

7.04 mlm.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya juga berbincang tentang pindaan Akta Pendidikan 1996 untuk membawa masuk pindaan berkenaan kolej vokasional. Ini adalah satu percubaan untuk meluaskan ruang untuk aliran vokasional dalam sistem pendidikan yang telah diamalkan di kebanyakan negara. Ini sebenarnya

satu hala tuju yang selari dan sejajar dengan kemajuan teknologi dan tuntutan ekonomi sesebuah negara.

Namun begitu disebabkan terhad masa saya untuk membahas, saya terus berkongsi beberapa rungutan dan mitos negatif terhadap pelaksanaan kolej vokasional, bertujuan untuk memperbaiki sistem yang sedia ada untuk manfaat bersama. Pertama sekali, kewujudan kolej vokasional ini dianggap sebagai jalan pintas atau *shortcut* kerana ia menjanjikan kelulusan hingga ke peringkat diploma selepas Tingkatan 3.

Bagaimana kerajaan bercadang untuk menepis tanggapan negatif sebegini? Kerajaan sepatutnya memperkasakan dan memartabatkan kolej vokasional dan bukan hanya mewujudkannya sebagai satu lorong atau wahana menuju masa depan secara pintas. Nilai diploma atau ijazah muda vokasional ini wajib diberi semakan dan anjakan secara bermakna dan pengiktirafan pasaran termasuk pasaran antarabangsa dan juga kajian terhadap pendapatan graduan vokasional perlu dikaji dengan teliti dan sewajarnya.

Persoalan seterusnya yang saya cuba bangkitkan ialah mengenai bidang-bidang yang akan diceburi. Adakah kita akan memperkenalkan bidang-bidang bertahap tinggi seperti *aviation, maritime, oil and gas*, ICT, kejuruteraan, perakaunan, pengajian termasuk pengajian perniagaan. Saya menuntut penjelasan terperinci mengenai bidang-bidang yang kerajaan bersedia atau sudah bersedia untuk menawarkan ketika ini.

Persoalan ketiga saya adalah dari sudut ibu bapa. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dari golongan ibu bapa risau memikirkan masa depan anak-anak mereka kerana kolej vokasional ini memberi ruang untuk anak tersebut tidak mengambil Sijil Pelajaran Malaysia atau SPM. Apakah jaminan masa depan anak mereka sekiranya memilih kolej vokasional tetapi mengorbankan SPM? Kita ada sejarah sebelum ini setiap kali kita ada Menteri Pendidikan yang baru, kita ada perkataan-perkataan baru, kita ada polisi, dasar yang baru tetapi tidak berterusan apabila diganti oleh Menteri Pendidikan yang baru.

Kita agak runsing dan risau tentang kesinambungan sesuatu polisi atau dasar yang dikemukakan. Ini memang wujud alam Kementerian Pendidikan. Bermaksud kerisauan – apabila saya bincang dengan ibu bapa ini adalah kerisauan yang praktikal. Saya harap daripada kementerian bersifat defensif nanti, tidak perlulah bersifat defensif. Tolong terangkan tentang hala tuju dan perangkaan tentang kolej vokasional ini.

Saya juga kaitkan tentang hala tuju dan sasaran kolej vokasional ini yang perlu dijelaskan secara terperinci. Penjelasan juga wajar dilakukan dan diuar-uarkan supaya semua lapisan masyarakat dapat memahami dan memperhalusi bidang-bidang yang akan diserapkan dalam kolej vokasional ini. Apakah kementerian untuk merealisasikan hala tuju dan sasaran kolej vokasional ini? Bermaksud, jangan berhenti sekadar datang dengan satu program tetapi kalau tidak ada hala tuju dan sasaran, ini akan mencacatkan program ini daripada dinikmati oleh anak-anak muda.

Seterusnya, saya ingin sentuh sedikit tentang peluang kerjaya yang tidak stabil dalam ruang vokasional ini dan juga merunsing ibu bapa daripada menggalakkan anak-anak mereka daripada menceburi ruang kolej vokasional. Ibu bapa termasuk pelajar-pelajar mengharapkan bahawa setelah

mengikuti bidang-bidang tertentu dapat memberikan mereka kebolehan, kemahiran dan yang amat penting adalah pendapatan tinggi. Adakah kerajaan melakukan sesuatu untuk menarik minat lebih ramai pelajar cemerlang juga memasuki aliran ini?

■1910

Sekiranya pendidikan ini dapat menjanjikan peluang pekerjaan yang baik, pendapatan yang tinggi, sudah tentu dapat galakan luar biasa daripada golongan anak-anak muda. Adakah peluang pekerjaan telah dikenal pasti dan sejajar dengan permintaan dan penawaran pekerja telah diuruskan? Apakah mekanisme yang telah diguna pakai dan bagaimana ianya sedang diteliti? Saya menuntut penjelasan daripada kementerian.

Tambahan kepada rintihan ibu bapa, Tuan Yang di-Pertua, guru-guru juga mengeluarkan ketidakpuasan kerana terpaksa mengajar lebih masa berbanding sekolah biasa dengan gaji yang sama. Apakah modul pengajaran dan kurikulum yang telah disediakan untuk guru atau guru terpaksa sediakan secara sendiri? Kalau mereka terpaksa menyediakan modul atau kurikulum secara sendiri, ini mengambil masa berlebihan untuk mereka menyediakan tetapi gaji mereka sama seperti gaji cikgu-cikgu di sekolah. Ini amat membebankan pakar-pakar guru yang akan mengajar. Saya minta penjelasan. Kalau ada kekurangan, saya minta kementerian meneliti sebab guru adalah aset yang paling berharga. Kalau program ini hendak mencapai hasrat dan objektif, kita kena mula dengan sasaran guru. Jangan guru pula mempunyai rintihan.

Seterusnya adalah, saya secara peribadi agak keliru sedikit dengan vokasional yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Mereka yang berjaya mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia itu dipanggil sebagai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Apakah peranan Kementerian Pendidikan dengan meluluskan rang undang-undang ini? Kalau saya hendak rujuk pindaan seperti seksyen 2 mengatakan bahawa kolej vokasional ialah suatu institusi pendidikan yang ditubuhkan, disenggarakan sepenuhnya oleh Menteri. Soalannya ialah perkataan iaitu *"Disenggarakan sepenuhnya oleh Menteri"*, apakah peranan ini hanya kepada Kementerian Pendidikan atau ada gabungan dengan Kementerian Sumber Manusia? Saya menuntut penjelasan supaya kita tidak dikelirukan dengan pindaan rang undang-undang ini.

Lagi satu poin terakhir tentang masalah vokasional ini, juga masih lagi menghadapi masalah dari segi prasarana dan kelengkapan bengkel untuk menjalankan kursus. Kerisauan ibu bapa dan guru mengenai prasarana dan kelengkapan bengkel wajib dihalusi dan ditangani segera. Pelancaran program telah dilaksanakan tetapi prasarana dan kelengkapan bengkel belum dikemaskinikan. Saya menuntut penjelasan mengenai persediaan prasarana dan kelengkapan bengkel.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menggunakan kesempatan ini untuk menanyakan soalan tentang sebuah sekolah rendah swasta iaitu Sekolah Sri Acmar. Ini ada kaitan sebab di sini ada satu surat daripada sekolah tersebut, dia kata di sini dengan izin, *"I would like to kindly inform you that the Ministry of Education has approved the relocation of the primary school to the existing kindergarten premises. The existing primary school building will be converted to an International School."* Saya tidak ada masalah apabila *primary school* diconvertkan untuk menjadi *International School*. Itu boleh diterima.

Akan tetapi untuk *primary school to the existing kindergarten premises*, dari sekolah rendah akan masuk ke prasekolah. Dekat sini ada surat dari sekolah tersebut mengatakan telah mendapat *approval* daripada *Ministry of Education* (MoE). Situasi macam ini perlu diteliti. Saya minta Menteri jelaskan juga adakah memang betul wujud *approval* sebegini dan bagaimana *approval* sebegini boleh diberikan sebab ini mempunyai teknikal secara mendalam.

Saya menuntut penjelasan kepada KV tadi dan juga Sekolah Sri Acmar, sekolah swasta ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tujuh minit seorang. Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

7.14 mlm.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin terlebih dahulu menyatakan sokongan saya terhadap penjenamaan semula yang saya nampak sebagai satu penaikan taraf sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional.

Namun, dalam pindaan yang dibentangkan, saya nampak ada satu kelemahan yang amat ketara dan saya tidak ada keyakinan bahawa pembaharuan yang dicadangkan tersebut boleh menyelesaikan masalah yang kita hadapi terutamanya bagi anak muda. Saya telah berkali-kali membangkitkan isu pengangguran dan *under employment* atau guna tenaga tidak penuh anak muda di Malaysia termasuklah pengangguran para siswazah.

Pada sidang Parlimen yang lepas, Menteri Sumber Manusia telah memberikan kadar pengangguran anak muda untuk negara kita iaitu pada 10.4% jauh lebih tinggi daripada negara jiran seperti Singapura, 7%; dan Thailand, 3.4%. Apa yang menyedihkannya ialah kadar pengangguran anak muda berumur 20 hingga 24 tahun iaitu umur mereka yang sepatutnya sudah keluar ataupun baru keluar dari alam persekolahan meningkat dari 8.8% pada tahun 2012 kepada 9% pada tahun 2013. Ini bermakna anak muda yang baru tamat persekolahan di Malaysia tidak popular dengan majikan dan justeru tidak mendapat kerja. Apa yang lebih menyedihkan lagi, 87.9% daripada jumlah penganggur di Malaysia mempunyai pencapaian pendidikan menengah dan *tertiary*. Ini bermakna sistem pendidikan kita gagal untuk menjamin rakyat Malaysia untuk mendapat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di sini akses kepada pendidikan bukannya masalah. Kita ada lebih kurang 20 buah IPTA dan 365 buah IPTS. Setiap tahun institusi-institusi ini melahirkan lebih kurang 200,000 orang graduan. Kini, dengan pindaan Akta Pendidikan 1996 ini untuk menaikkan taraf sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional, maka kita akan ada lebih banyak lagi institusi pendidikan tinggi. Saya sebenarnya menyokong kenaikan taraf ini, tetapi saya khuatir semua ini hanyalah kerja penjenamaan semata-mata. Tukar nama tetapi tidak tukar sistem. Kata orang utara, pi mai pi mai tang tu.

Dalam pindaan ini, kelemahan yang paling ketara ialah pemusatan kuasa dalam tangan kerajaan. Saya rasa pindaan ini tidak ubah macam AUKU 2.0. Contohnya, pindaan seksyen 2A, kolej vokasional ditakrifkan sebagai sebuah institusi pendidikan yang ditubuhkan dan disenggarakan sepenuhnya oleh Menteri. Saya nampak peranan Menteri begitu besar dalam pindaan rang undang-undang tersebut

daripada urusan penubuhan kolej vokasional kepada penetapan kurikulum kolej vokasional kepada membuat peraturan-peraturan berhubung dengan kolej vokasional. Peraturan-peraturan tersebut termasuklah apa jenis ilmu kemahiran dan nilai-nilai yang boleh diajar di kolej vokasional, disiplin pelajar dan aktiviti pelajar, penerimaan kemasukan pelajar dan hak-hak berpersatuan.

Pindaan baru seksyen 33D(h) telah memberikan satu *blank cheque* kepada Menteri untuk membuat peraturan tentang apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan suai manfaat atau perlu oleh Menteri. Ini sebenarnya tidak lari seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang mana memang dibantah kuat oleh para akademik dan mahasiswa di mana parti pemerintah diberi kuasa begitu besar untuk mengawal dan mengongkong institusi pengajian. Institusi sekolah dan masyarakat setempat tiada autonomi sebab kuasa dipusat di tangan Menteri.

Satu laporan OECD tentang penilaian PISA pada tahun 2014 menunjukkan bahawa lebih besar kuasa autonomi diberi kepada institusi pendidikan, maka lebih baik prestasi pelajarannya. Laporan Bank Dunia *Malaysia Economic Monitor* pada bulan Disember 2013 juga menyarankan agar dengan izin, *“Decision making is made closer to schools and parents and providing more information to parents and communities so that they can better demand a quality education for their children.”* Dalam kata lain, lebih banyak autonomi dan akauntabiliti dan desentralisasi kepada sistem sekolah kita. Bahkan dalam *Malaysia Education Blueprint 2012-2025* dalam anjakan keenam ataupun *shift number six*, sudah pun ada rancangan oleh kerajaan untuk memberikan autonomi yang lebih besar kepada sekolah termasuk dalam hal ehwal pengurusan sekolah dan hal ehwal kewangan.

■1920

Seawal Penyata Razak 1956 telah pun menyarankan agar kuasa diberikan kepada pihak berkuasa tempatan untuk menyelenggarakan pendidikan rendah dan pendidikan kemahiran. Pada masa itu tahun 1956, Ahli Majlis PBT ataupun pihak berkuasa tempatan memang dipilih melalui pilihan raya setempat. Kerajaan kena sedar bahawa sekadar memberikan pengetahuan buku teks tidak mencukupi. Kaji selidik dengan majikan dan kajian-kajian oleh badan-badan negara kita dan badan-badan antarabangsa telah menunjukkan bahawa graduan kita kekurangan *soft skills* seperti kemahiran komunikasi, berfikir secara kritikal dan *independent* ataupun bebas, nilai-nilai ataupun kemahiran kepimpinan dan *team works spirit*.

Jika pendidikan termasuklah pendidikan vokasional ini dikongkong oleh orang politik, oleh kerajaan (penguasa) dan pelajar tidak diberi peluang untuk berfikir secara bebas dan kritikal, maka masalah yang sama akan berulang. Saya tidak dapat menyokong pindaan ini atas sebab di atas dan saya memohon agar pindaan dibuat semula supaya mengambil kira kajian-kajian antarabangsa tersebut yang saya sebutkan, *Malaysia Education Blueprint* supaya kebebasan akademik, autonomi pengurusan dan juga akauntabiliti kepada masyarakat setempat dan juga pihak berkuasa sekolah diberikan agar kita boleh mewujudkan satu institusi vokasional yang betul-betul memberikan manfaat kepada anak-anak kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya hendak bagi Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat.

7.21 mlm.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada pindaan atau hasil daripada pindaan akta 2014 ini Tuan Yang di-Pertua, saya membayangkan bila nanti berjaya, kita dapat melahirkan segolongan graduan yang mandiri. Graduan yang terbangun, keupayaan berfikirnya dan keupayaan kekuatan akhlak dan moralnya, yang mempunyai kemahiran yang membolehkan dia mencari kehidupan, ada *technical and vocational competencies*. Mereka boleh memenuhi keperluan pasaran dan kalau pasaran tidak mahu, mereka boleh *create*, boleh mencipta pekerjaan hasil daripada kompetensi dan juga kekuatan diri dan kepimpinan mereka. Ini oleh sebab adanya kemahiran *entrepreneurship* diberikan bersama dalam pendidikan kurikulum kolej vokasional (KV) ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya membayangkan begitu wajah anak yang lahir nanti. Saya fikir itu juga yang diimpikan oleh kementerian kalau betul saya memahaminya. Ini satu cita-cita besar dan cita-cita ini sebenarnya memang kalau saya sebagai seorang pendidik, sejak daripada awal dahulu memang mahu melahirkan anak-anak yang demikian. Anak-anak yang kemudiannya dapat menyelesaikan masalah pengangguran dalam kalangan generasi muda, anak-anak graduan yang boleh menangani banjir tenaga asing, anak-anak yang boleh, graduan yang boleh membawa diri dan dapat mengelak daripada segala jenis kemungkaran dan ke-fasad-an yang berlaku dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau itu cita-cita dan idealisme kita, saya fikir ada beberapa *ingredient*. Selain daripada prasarana yang telah disebut oleh rakan-rakan, yang prasarana kolejnya, jenteranya dan segala macam itu, saya fikir yang pertama sekali kena diperkasakan ialah pengetuanya. Pengetua mesti ada keupayaan kepimpinan dan kepemimpinan dan pengurusan yang dia ada kuasa untuk membuat keputusan untuk bekerjasama dengan kolej mana, dengan institut latihan yang mana, yang mereka boleh diberikan kuasa dan berkuasa. Ini dikata dan disebut oleh teman saya daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi tentang keperluan memberikan mereka batasan atau ruang legar untuk membuat keputusan sendiri.

Kemudian, bukan sahaja pengetua, kita perlukan cikgu. Pendidikan ini Tuan Yang di-Pertua, ia proses memanusiakan manusia. Oleh sebab itu pengetua kena manusia, gurunya kena manusia, baru boleh melahirkan graduan, anak didik yang manusia ciri-cirinya. Jadi kalau mereka sendiri tidak ada ciri kemanusiaan itu, mereka tidak akan dapat melahirkan anak didik yang bersifat kemanusiaan.

Antara poin penting yang saya hendak sebutkan soal ciri kemanusiaan ini Tuan Yang di-Pertua ialah para guru mesti berupaya menimbulkan kesedaran diri dalam kalangan anak didik, yang mereka ada upaya, yang mereka ini boleh ada potensi, mereka boleh mengurus masa depan mereka. *That self-confidence*, keyakinan diri itu harus dibangunkan oleh guru-guru, apatah lagi yang datang ini murid-murid yang dikatakan dari *drop out* yang masuk ke vokasional. Jadi maknanya, guru dan pengetua mesti dapat menanamkan *self-confident* (keyakinan diri), jati diri dan keyakinan kepada keupayaan diri dalam kalangan anak-anak murid ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir faktor-faktor lain - kalau pengalaman saya sebagai seorang pendidik, sebagai seorang pensyarah, sebagai seorang – ya, bidang pendidikan ini saya sudah *gone through all the systems* dalam hierarki. Apa yang paling penting sebenarnya, peranan yang harus dimainkan, yang harus berperanan ialah soal pengetua dan guru. Jadi kalau KV ini mahu berjaya, kementerian harus memperkasakan dua golongan manusia ini, *of course* saya mengandaikan prasarana yang lain itu telah disempurnakan seboleh mungkin, segala jenteranya dan segala macam.

Jadi kalau kita dapat melahirkan dua golongan ini yang berwibawa, mampu memimpin dan mampu mengurus dan mampu melahirkan manusia daripada manusia, kita ada masa depan. Kalau tidak kita 'pi mai pi mai' macam Yang Berhormat Bukit Mertajam sebut tadi, 'dok tang tu' jugalah kita, '*Indah khabar daripada rupa*'. Kita nyatakan sahaja kita punya hasrat, lain Menteri datang, ia berubah balik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bagan.

7.28 mlm.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam pindaan ke atas Akta Pendidikan 1996 dengan satu isu yang begitu penting dan dekat di hati. Itulah sebabnya saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada pihak Kementerian Pendidikan. Adakah penjenamaan ini atau soal ini adalah sekadar daripada segi nama sahaja? Ini kerana kalau kita lihat tujuan pindaan ini adalah selaras dengan Dasar Transformasi Pendidikan Vokasional melalui penjenamaan semula sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional.

Kalau ini sekadar nama, saya rasa ia tidak akan mencapai hasrat sebenarnya untuk memberikan sistem pendidikan vokasional yang bermakna dan berfungsi. Selagi tidak bermakna dan berfungsi, saya rasa ia bukan sahaja merupakan satu pembaziran wang. Akan tetapi apa yang lebih penting lagi, tidak akan memberikan peluang pekerjaan kepada semua pelajar dalam kolej vokasional yang ditubuhkan.

Kalau kita lihat fasal 33A(2), yang dinyatakan bahawa, "*Kolej vokasional yang ditubuhkan hendaklah mengadakan pendidikan dan latihan teknik dan vokasional bagi murid yang sudah tamat mengikuti pendidikan menengah rendah*". Ini bermakna bahawa ini hanya satu penjenamaan, *rebranding*, dengan izin. Kalau daripada segi isi kandungan tidak ditambah baik, saya rasa ia akhirnya akan jadi '*Indah khabar daripada rupa*'. Kita tahu dalam pendidikan, apa yang paling penting ialah isi kandungan, *content*.

■1930

Nothing is more important than content dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Itulah sebabnya kalau kita lihat dalam sistem vokasional dalam negara kita, boleh dikatakan gagal. Gagal kerana daripada segi peluang pekerjaan susah diambil oleh syarikat-syarikat MNC, contohnya di Pulau Pinang. Sukar kerana tahap yang mereka capai adalah tidak memenuhi standard yang diperlukan oleh syarikat-syarikat tersebut. Pada masa yang sama, ia dianggap sebagai tempat di mana mereka tidak dapat masuk kepada aliran-aliran sekolah, tidak kira sama ada sekolah yang berprestij ataupun institusi pengajian tinggi berprestasi, barulah masuk ke sekolah vokasional. Saya rasa kita kena tukar persepsi negatif seperti ini.

Di seluruh dunia khususnya di negara Eropah Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan vokasional mempunyai imej yang berprestij tinggi. Lihat negara Jerman, dia sama tahap dengan peringkat universiti. Akan tetapi di Malaysia, bila kita sebut sekolah menengah vokasional, ia dianggap ialah pilihan terakhir. Mengapa begitu Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana dasar yang gagal yang diterima pakai oleh pihak Kementerian Pendidikan. Saya ingin cadangkan, sekiranya apa yang kita terima pakai selama ini gagal, mengapa kita tidak mencontohi sistem vokasional yang digunakan oleh German. *Dual vocational system*, sistem German di mana bukan sahaja mereka mendapat pengajian dari segi akademik dan teori, tetapi dari segi aplikasi dan praktikal dengan kerja di syarikat-syarikat tersebut. Apa yang kita sebut, “*Sambil menyelam minum air*”, buat serentak dan sekali gus.

Dalam aspek ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah cuba untuk menceburi bidang ini dengan mewujudkan sistem vokasional Jerman yang pertama di Malaysia bersama dengan syarikat-syarikat German untuk melihat sama ada kita boleh memulihkan sistem vokasional ke tahap antarabangsa seperti mana yang diamalkan di negara Jerman. Ini adalah satu usaha murni, saya faham, oleh pihak kementerian. Akan tetapi usaha murni tidak akan membawa apa-apa hasil sekiranya tidak disokong oleh satu *plan* terancang dan oleh pakar-pakar yang tahu apa yang mereka buat. Kalau tidak dengan izin, *the way to hell is paved with good intentions*.

Itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan, syorkan gunakanlah sistem vokasional German seperti mana yang dipakai oleh syarikat-syarikat Jerman. Belajar dalam syarikat kilang. Biar mereka – saya tidak tahu sama ada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Yang Berhormat Menteri ada pergi melawat syarikat-syarikat Jerman yang ada sistem vokasional seperti ini. Tengok macam mana mereka lakukan sistem pendidikan dengan serius.

Kalau ada 200 tempat kosong, dia ada 2,000 atau 3,000 orang akan berbaris untuk memohon masuk ke sekolah vokasional tersebut. Bukan macam Malaysia, saya rasa tempat kosong lagi banyak daripada pemohon. Kalau kita hendak pulihkan prestijnya, bolehkah kita gunakan *learn from the success stories*. Guna pakai apa yang telah dibuktikan berjaya di negara-negara lain. Ini kerana kita kena akui bahawa punca utama mengapa negara Jerman ekonominya begitu berjaya, begitu mampan adalah kerana kejayaan sistem pendidikan vokasional mereka. *They are the backbone of the Germany's economy*.

So dalam aspek ini, saya ingin dapat tahu daripada pihak Kementerian Pendidikan. Sekiranya semua kolej vokasional sedemikian hendaklah mengikuti standard piawaian dan sebagainya, adakah kita *benchmark*, kita sama tarafkan dengan peringkat antarabangsa. Kalau kita hanya ikut sistem penarafan di Malaysia sahaja, saya rasa tidak bermakna. Kita akan sekadar menjadi jaguh kampung, tetapi bukan jaguh dunia. Saya rasa masa sudah sampai sistem pendidikan mesti mencapai tahap dan prestasi antarabangsa. Ini barulah bermakna untuk anak-anak kita.

Dalam aspek ini, saya hendak bertanya kerana kalau kita lihat daripada segi pelesenan, kuasa mutlaknyanya adalah terletak dalam tangan Menteri. Sekiranya sebuah kerajaan negeri ingin mengadakan sistem pendidikan vokasional, bukan dengan sendiri, kerana pada pandangan kami, kami bukanlah pendidik. Kami tidak ada kepakaran dalam bidang pendidikan dan kita tidak ada minat dan tidak ada

tujuan untuk mendirikan sekolah. Akan tetapi kalau secara usaha sama dengan pakar-pakar, khususnya daripada negara Jerman di luar negara, sistem vokasional mereka.

Kalau ini dijalankan, adakah lesen akan diberikan kepada kerajaan negeri? Ini kerana kalau tidak, saya rasa dengan syarat-syarat sedemikian akan mencacatkan sebarang usaha untuk meningkatkan sistem vokasional dengan syarikat-syarikat Jerman yang telah melaksanakan sistem yang teruji dan telah pun membuktikan kejayaan untuk melahirkan anak-anak ataupun graduan-graduan yang berpakaran dan juga terlatih.

So saya rasa ini satu isu yang penting. Ini kerana apa kurikulum yang kita laksanakan pun, saya rasa apa yang penting adalah mutu dan kualiti. Bukan sahaja oleh si pengajar, tetapi tentang murid-murid yang keluar ataupun berjaya menghabiskan kursus itu. So, dalam aspek ini, saya harap boleh dapat jawapan. Kalau usaha ini dijalankan oleh sesebuah kerajaan negeri, bolehkah ini berjalan? Ini kerana dalam aspek ini Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengambil satu inisiatif. Itu inisiatif saya sendiri pun tidak tahu sama ada akan berjaya atau tidak, iaitu bersama dengan syarikat Jerman yang telah pun beroperasi di Pulau Pinang.

Kalau ini berjaya, kita boleh memperbesarkan ini dengan memperbanyakkan murid-murid yang boleh menyertai program ini. Program ini bukan hanya terhad kepada pelajar-pelajar dari Pulau Pinang, tetapi seluruh negara. Mereka yang berminat bukan untuk baca buku, tetapi menggunakan kepakaran dari segi tangan dan aplikasi seperti mana yang wujud dalam sistem vokasional ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

7.38 mlm.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian secara aktif dalam perbahasan Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014 dan kesemua Ahli Yang Berhormat telah menyokong rang undang-undang ini. Kesempatan ini, saya akan mengulas isu-isu serta cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tenom kemukakan satu cadangan untuk menukar 50% sekolah harian ditukar kepada atau menjadi sekolah vokasional. Perancangan menukar taraf sekolah harian kepada kolej vokasional telah pun dilaksanakan. Sebagai contoh, Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad telah pun dinaiktarafkan kepada kolej vokasional. Peluasan penukaran taraf sekolah harian kepada kolej vokasional akan dilaksanakan secara berfasa.

Yang Berhormat Tenom juga cadangkan bahawa kita wujudkan modul pembelajaran vokasional sejak Tingkatan 1. Sejajar dengan keperluan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) diwujudkan pada peringkat menengah rendah iaitu Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 di sekolah menengah harian bermula dengan 15 sekolah menengah kebangsaan rintis pada tahun 2012.

■1940

Sehingga kini, terdapat 85 buah SMK, termasuk empat buah sekolah K9 yang melaksanakan PAV dengan penawaran 12 kursus di seluruh negara. Yang Berhormat Tenom juga ada menyebut tentang negara maju berteraskan vokasional untuk memberikan latihan mengikut kebolehpasaran. Soalan yang ditanya adalah setakat mana syarat kelayakan di politeknik dan kolej swasta mengiktiraf TVM sebagai syarat kemasukan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tenom, syarikat kelayakan minimum permohonan adalah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh MQA, di mana pemohon mesti warganegara Malaysia, lulus SPM dan mendapat kepujian Bahasa Melayu dan bilangan kepujian mata pelajaran lain diperlukan bergantung pada program pengajian yang dipohon.

Terdapat satu cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tenom untuk memohon Kementerian Pelajaran Malaysia mengkaji secara terperinci, teori dan praktikal setiap program yang baru diguna pakai dalam negara ini kerana bukan semua idea atau program yang berjaya di luar negara akan berjaya di Malaysia. Kementerian memang sedar akan keperluan sumber tenaga atau modal insan adalah aset penting ke arah status negara maju. Oleh itu, di peringkat kementerian terdapat beberapa garis panduan yang telah dilaksanakan untuk menawarkan program di peringkat institusi pendidikan tinggi.

Bagi peringkat IPTS, institusi tersebut perlu memohon untuk kelulusan bagi mengendalikan program pengajian dan permohonan akan melalui proses saringan dan penilaian di peringkat MQA. Kementerian juga membuat saringan akan mengambil kira bilangan program yang sedia ada bagi mengelakkan berlakunya lambakan. Selain itu, pandangan daripada lembaga atau badan profesional, fokus pendidikan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) laluan kerjaya program dan kebolehan institusi menyediakan sumber serta kemudahan yang mencukupi juga diambil kira semasa proses saringan dilakukan. IPTS juga perlu membuat pembentangan di hadapan panel yang dilantik untuk menilai sama ada kelulusan boleh diberikan atau tidak. Kementerian turut melaksanakan dasar moratorium bagi program-program pengajian yang dikenal pasti mempunyai lambakan graduan di pasaran kerja.

Yang Berhormat Tenom juga ada bertanya yang berkaitan dengan perbandingan dengan Jerman dalam bidang kemahiran. Yang Berhormat Tenom, jika dibandingkan dengan penglibatan pelajar aliran vokasional di peringkat global, didapati penyertaan pelajar Malaysia masih rendah iaitu di tahap 5% sahaja berbanding dengan negara Jerman, Austria, Australia dan Singapura. Ini menunjukkan keperluan transformasi pendidikan vokasional dilaksanakan untuk meningkatkan penglibatan pelajar aliran vokasional sehingga sasaran 20% menjelang tahun 2020.

Yang Berhormat Tenom juga ada bertanya tentang laluan pendidikan Diploma Vokasional Malaysia (KV) ke ijazah dan diploma lanjutan. Graduan Diploma Vokasional Malaysia yang cemerlang telah disediakan laluan melanjutkan ke empat buah universiti teknikal, melalui *Malaysia Technical University Network* (MTUN) seperti Universiti Malaysia Pahang, Universiti Teknikal Melaka, Universiti Malaysia Perlis dan Universiti Tun Hussein Onn.

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang, berkaitan dengan status pengiktirafan sementara oleh MQA. Bagi pelaksanaan program baru, sebagai permulaan MQA akan memberi perakuan akreditasi sementara. Seterusnya, apabila program telah matang iaitu apabila pelajar kohort pertama berada pada semester akhir pengajian, MQA akan melaksanakan proses penilaian perakuan akreditasi penuh. Proses penilaian perakuan akreditasi penuh akan dijalankan sebelum pelajar tersebut *bergraduate*.

Yang Berhormat Bukit Gantang juga ada bertanya berkaitan dengan sumber guru dan apakah masa depan pengajar dari KV ini jika tenaga pengajar luar diambil? Buat sementara Yang Berhormat, ini cadangan menggunakan khidmat tenaga pengajar dari luar adalah secara kontrak. Ini bagi mengatasi masalah guru-guru vokasional sedia ada sedang dilatih untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang kursus sehingga SKM tahap lima. Jadi, ini bermakna bahawa masa hadapan guru tempatan tidak terjejas di mana mereka masih menikmati keistimewaan seperti kenaikan gaji dan kenaikan pangkat.

Yang Berhormat Bukit Gantang juga ada bertanya satu soalan yang berkaitan dengan peralatan KV yang masih ketinggalan dan peralatan yang sedia ada masih boleh digunakan dan bukan isu kritikal. Namun begitu, pihak Kementerian Pendidikan terus berusaha melengkapkan peralatan bagi memastikan murid-murid pendidikan vokasional mendapat pendidikan yang berkualiti. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga mengamalkan guna sama peralatan prasarana kepada institusi-institusi pendidikan di bawahnya seperti kolej komuniti dan politeknik, selain kolaboratif dengan institusi latihan kemahiran di bawah kementerian yang lain. Ini adalah satu artikulasi *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Persoalan saya ialah berkenaan dengan satunya oleh sebab peralatan yang tidak cukup, maka diguna pakai dari institusi lain. Persoalan saya, adakah kena bayar? Itu satu.

Kedua ialah iaitu saya hendak mencadangkan supaya berkenaan dengan kelulusan vokasional ini sepatutnya sudah tidak perlu masuk bawah MQA. Biarlah ada sebuah badan yang lain. Oleh kerana disiplin pengajian vokasional ini agak berbeza. Ini kerana MQA ada satu piawaian yang ada satu minimum, *requirement standard* yang perlu ada kepada setiap tawaran kursus tadi. Apa salahnya untuk kelulusan daripada vokasional ini, mesti dibuat macam MLVK dahulu. Ini kerana ada Majlis Latihan Vokasional yang kita iktiraf sendiri. Kadang-kadang kita tengok macam tahap *chargeman* yang ada di kalangan mereka yang berkelulusan elektrik yang agak pakar, lebih daripada mereka yang berkelulusan daripada *engineer* walaupun mereka dapat BA bahagian *electrical* tetapi yang *chargeman* yang tahapnya tinggi, lebih hebat daripada mereka yang berkelulusan BA bahagian *engineering* elektrik, minta penjelasan.

■1950

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang dan saya mengucapkan terima kasih kerana nampaknya memang ada memberi perhatian terhadap pendidikan vokasional. Berkaitan dengan cadangan untuk menggunakan *expertise* daripada tahap yang lebih tinggi, memang amalan ini sudah

dijalankan seperti yang saya sudah beritahu tadi bahawa kita mengadakan permuafakatan dengan institusi swasta dan institusi tinggi awam. Memang tidak dinafikan bahawa memang *expertise* atau kemahiran yang di tahap yang lebih tinggi itu digunakan.

Yang Berhormat Bukit Gantang, bertanya berkaitan dengan pelajar yang tidak ambil SPM. Jadi adakah mereka, dapat sijil yang sah dan boleh diambil bekerja kerajaan. Yang Berhormat, sistem pendidikan yang berkualiti mesti dihasilkan dengan hala tuju yang jelas dan standard yang mendapat pengiktirafan dalam dan luar negara dan murid yang mengikuti latihan dan pendidikan di kolej vokasional selama empat semester iaitu dua tahun pertama akan dianugerahkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan dan bagi membolehkan murid lepasan SVM di kolej vokasional memasuki skim perkhidmatan awam, perkara ini adalah dalam bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sehubungan ini, pihak JPA telah memohon Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Lembaga Pemeriksaan untuk menyatakan syarat-syarat kelayakan SVM bagi membolehkan JPA menentukan taraf SVM dan maklumat tersebut telah dikemukakan kepada pihak JPA. Justeru, suka cita dimaklumkan bahawa KPM telah mendapat persetujuan JPA bagi memberi pengiktirafan penyetaraan Bahasa Melayu KV kod 11004, dengan Bahasa Melayu SPM kod 1103 pada 9 Julai 2013 dan memang saya boleh sampaikan kepada Yang Berhormat Bukit Gantang bahawa ada pelajar yang sudah 'bergraduan' dari sekolah vokasional atau sekolah menengah teknik dan sekarang kolej vokasional. Saya boleh beritahu kepada Yang Berhormat bahawa pelajar pelepasan dari KV akan menjadi *employable* dan lebih *marketable*. Saya bagi ini kerana saya tahu berdasarkan pengalaman sebagai pengetua Sekolah Menengah Teknik Tawau.

Pelajar saya sebelum tamat mengambil peperiksaan SPM dan tamat kursus SKM, industri-industri sudah berhubung dengan saya untuk meminta pelajar bidang automotif, pelajar yang ikut kursus kimpalan fabrikasi logam, elektronik, pendawaian elektrik dan lain-lain untuk bertugas atau berkhidmat di kilang atau di bengkel masing-masing. Jadi, *I can assure you*, saya boleh memberi satu jaminan bahawa apabila dengan transformasi pendidikan vokasional untuk KV di mana Sekolah Menengah Vokasional dinaik taraf untuk menjadi KV dengan perubahan dan peningkatan daripada segi sistem yang lama diwujudkan, saya boleh beri jaminan bahawa ada pelajar dari KV akan menjadi lebih *employable* dengan izin dan *marketable*.

Yang Berhormat Bukit Gantang juga bertanya kenapa kah SKKM tidak ditawarkan kepada murid. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui bahagian pendidikan teknik dan vokasional telah melaksanakan program *apprenticeship* dengan izin dan program kemahiran iaitu SKM untuk murid lepasan PT3 yang gagal mencapai tahap akademik melalui program dua tahun di beberapa kolej vokasional dan 237 GIATMARA seluruh negara di samping program DVM/DKV.

Yang Berhormat Bukit Gantang juga bertanya tentang pengajaran dan pembelajaran terpaksa bergantung dengan pentauliahan yang lain dengan bayaran yang dikenakan kepada pelajar. Dalam proses P&P, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia akur dengan tahap kelengkapan peralatan dan bahan rujukan yang terdapat di kolej vokasional seluruh Malaysia. Bagi memastikan kelangsungan

pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran, pihak kolej vokasional melalui KPM telah mengadakan kerjasama antara institusi seperti yang saya sudah sebut iaitu politeknik, kolej komuniti dan ILKS. Hanya terdapat beberapa peralatan dalam kelengkapan yang tidak terdapat di institusi di bawah G2G, pihak KV mengadakan perkongsian peralatan dengan ILKS.

Yang Berhormat Parit Sulong bertanya bagaimana penubuhan dan apakah tujuan kolej vokasional ini. Jawapan ini agak sangat panjang dan izinkan saya kerana penubuhan KV memang dapat dijalankan melalui satu proses dan saya akan sentuh tentang tujuan penubuhan kolej vokasional dan ini adalah lima objektif utama:

- (i) menghasilkan lepasan pendidikan menengah rendah yang memiliki sijil kemahiran yang diiktiraf oleh kerajaan dan badan-badan pensijilan kebangsaan;
- (ii) menghasilkan lepasan pendidikan menengah rendah yang bersedia melanjutkan pendidikan atau pengajian vokasional ke peringkat yang lebih tinggi;
- (iii) menghasilkan lepasan sekolah menengah atas yang memiliki sijil atau diploma yang diiktiraf oleh kerajaan dan badan-badan pensijilan kebangsaan;
- (iv) menghasilkan lepasan pendidikan menengah atas yang berupaya menjadi usahawan yang berdaya saing; dan
- (v) memperkenalkan sistem penyampaian Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional.

Yang Berhormat Parit Sulong juga ada memohon penjelasan konsep Kurikulum Standard Kolej Vokasional dan adakah KPM membuat analisa sama ada kurikulum ini mengikut kehendak industri atau tidak. Sebuah institusi pendidikan memerlukan kurikulum yang mantap dalam mencapai objektif penubuhannya. Kurikulum yang diguna pakai di kolej vokasional ialah Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV). KSKV pada peringkat pra diploma terdiri daripada komponen akademik dan komponen vokasional dengan nisbah peratusan 30/70 dan komponen akademik mengandungi modal teras iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik, sains, sejarah, pendidikan Islam atau pendidikan moral.

Kandungan modul bahasa Melayu adalah sama dengan bahasa Melayu di peringkat SPM. Manakala modul komponen akademik yang lain meliputi enam buah mata pelajaran teras yang mematuhi kurikulum kebangsaan. Komponen vokasional pula dibangunkan dengan menambahbaikkkan berpanduan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau *National Occupational Skills Standard* (NOSS) yang dibina bersama Jabatan Pembangunan Kurikulum dan pihak industri.

■2000

KSKV pada peringkat diploma atau Diploma Vokasional Malaysia (DVM) terdiri daripada komponen akademik dan komponen vokasional dengan nisbah peratusan 20:80. Komponen akademik DVM ini merangkumi modul insan yang menjurus kepada penguasaan *soft skill* dengan izin, termasuk penguasaan bahasa antarabangsa dan bahasa perniagaan seperti bahasa Arab dan bahasa Cina. Komponen vokasional pula mengandungi modul-modul yang dibangunkan berasaskan Standard

Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan. Elemen *on the job training* yang disediakan adalah untuk memberikan pendedahan dan pengalaman dunia pekerjaan sebenar kepada murid KV. Pengalaman OJT atau *on the job training* juga menambah baik nilai kebolehpasaran mereka.

Yang Berhormat Parit Sulong juga memohon pastikan berlaku pemindahan teknologi di KV dapat dilaksanakan sesuai serta memberi manfaat kepada pelajar KV. Berkaitan dengan *transfer of technology*, dengan izin, di kolej komuniti, sukacita dimaklumkan bahawa guru kolej vokasional yang mengajar murid DVM diwajibkan mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia tahap empat dan lima yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Di samping itu, mereka juga dihantar untuk mengikuti latihan peningkatan kepakaran untuk mendapatkan persijilan antarabangsa seperti TWI, City and Guilds, LCCI dan lain-lain. Selain daripada itu, guru-guru juga turut dilatih oleh pihak universiti atau IPTA, ILKA, ILKS bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkaitan.

Program latihan sangkutan industri atau LSI dilaksanakan untuk memberi pendedahan dan pengalaman serta meningkatkan pengetahuan guru KV kepada teknologi terkini khususnya dalam bidang kemahiran di peringkat antarabangsa. Program LSI yang telah dilaksanakan sehingga kini membabitkan negara seperti Thailand, Australia, Singapura, *Holland* dan Brunei.

Selain daripada itu, penyediaan KSKV sentiasa dipantau dan dikemas kini mengikut keperluan kesesuaian bagi memastikan ia seiring dengan perkembangan teknologi dengan berpanduan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan sebagai rujukan.

Yang Berhormat Bayan Baru ada bertanya tentang kolej vokasional di mana masih ramai orang muda yang ragu dengan diploma vokasional kerana persepsi tidak mendapat jaminan masa hadapan. Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah dan akan terus melaksanakan promosi yang bertujuan untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap program kolej vokasional.

Antara program promosi yang telah dilaksanakan adalah jelajah KV satu Malaysia bagi zon Semenanjung Malaysia, zon Sarawak dan zon Sabah pada tahun 2012. Kedua, dialog Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) bersama komuniti pada tahun 2013. Ketiga, program jelajah industri bagi 80 buah kolej vokasional yang dilaksanakan pada tahun 2013 dan tahun 2014. Keempat, hari bertemu pelanggan Kementerian Pendidikan Malaysia empat kali setahun pada tahun 2012, tahun 2013 dan tahun 2014. Hari bertemu pelanggan KPM akan dilaksanakan pada tahun 2015 sebanyak enam kali. Selain daripada itu, panel bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia akan diadakan juga empat kali pada tahun ini.

Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus melaksanakan program-program promosi untuk mencungkil kesedaran yang berkaitan dengan kepentingan pendidikan vokasional supaya ini boleh meningkatkan keyakinan masyarakat khasnya golongan muda iaitu lepasan PT3 terhadap program kolej vokasional.

Yang Berhormat Bayan Baru memberitahu bahawa perlu ada unsur *entrepreneurship* dan *leadership training* dalam kurikulum di KV. Memang kedua-dua elemen atau komponen yang disebut oleh Yang Berhormat Bayan Baru adalah termasuk dalam kurikulum standard kolej vokasional.

Yang Berhormat Bayan Baru ada sentuh tentang isu perbandingan dengan Jerman dan saya sudah jawab soalan yang sama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tenom. Jadi tidak perlu saya sebut lagi.

Soalan yang berikut ada berkaitan dengan kejayaan kolej vokasional dan selepas SPM berapa dapat masuk ke universiti. Jadi saya hendak ambil kesempatan ini untuk menyampaikan kepada Yang Berhormat Bayan Baru bahawa kolej vokasional belum mengeluarkan graduan kerana mula pada tahun 2012 dan akan tamat kursus pada tahun 2016.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Walau bagaimanapun, daripada program jelajah industri, pihak industri sangat berminat untuk mengambil pelajar KV. Ini dibuktikan dengan MoU yang sudah ditandatangani antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan industri. Sebanyak...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya tanya dulu SMT dan SMV berapakah – kejayaan SMT dan SMV berbanding dengan SPM. Dia masuk ke universiti kah? Kejayaannya kerana kita hendak tahu supaya kita tahu *benchmarknya* dan bagaimana *in future* KV akan lebih berjaya. Itu yang kita mahu. Terima kasih.

Satu soalan lagi. Jerman ada 530 jurusan. Berapakah jurusan yang akan KV tawarkan? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, saya tidak ada statistik yang berkaitan dengan bilangan pelajar dari SMV dan SMT yang berjaya masuk universiti kalau dibandingkan dengan pelajar dari sekolah akademik. Jika diperlukan, saya akan berikan kepada Yang Berhormat.

Soalan yang kedua ada berkaitan dengan – *sorry?*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jurusan.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Jurusan?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Maksudnya...

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: KV?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Kursus?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya, kursus. Betul.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Untuk KV, 12 kursus ditawarkan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri boleh namakan kursus tersebut? Terima kasih.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sebelum itu Yang Berhormat Menteri. Saya ingat ada 19 bidang yang ditawarkan campur dengan 10 yang baru akan ditawarkan, kalau tidak silap saya, saya ada sebut tadi, *in comparison with* 340 yang dia sebut dan saya ada sentuh yang ditawarkan dalam bidang-bidang vokasional dan kemahiran ini.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Okey, terima kasih.

■2010

Terdapat 12 bidang yang ditawarkan dalam pendidikan vokasional di Kementerian Pendidikan Malaysia. Antaranya adalah bidang teknologi, kejuruteraan mekanikal dan pembuatan, teknologi kejuruteraan elektrik dan elektronik, teknologi maklumat dan komunikasi yang memerlukan pencapaian akademik minimum gred 'C' bagi lima mata pelajaran dalam PT3 manakala pertanian dan hospitaliti juga ditawarkan.

Yang Berhormat Bayan Baru ada kemukakan satu isu yang berkaitan dengan KV perlu ada kuasa untuk penuhi keperluan setempat. Berapa program yang ditawarkan? Jadi saya sudah jawab tadi. Yang Berhormat Bayan Baru juga tanya, bagaimanakah KPM memastikan kualiti pendidikan vokasional ini bekerjasama dengan pihak swasta dan industri? Kerjasama dengan pihak swasta dan industri bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan vokasional. Justeru, bagi memastikan kualiti pendidikan vokasional tersebut terjamin, Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai prosedur yang perlu dipatuhi.

Seksyen 33C di bawah rang undang-undang pindaan dicadangkan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan vokasional melalui perpindahan teknologi pembangunan kurikulum, *on the job training*, dengan izin, latihan guru dan perkongsian prasarana. Selain daripada itu, kerjasama yang dilaksanakan dengan ILKS mengambil kira ILKS yang telah mendapat pengiktirafan Jabatan Pembangunan Kemahiran dan agensi yang lain. Pemantauan terhadap ILKS dan industri berkaitan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan institusi latihan berkenaan sentiasa mematuhi standard kualiti yang telah ditetapkan. Bagi mengukuhkan perhubungan antara KPM dengan swasta dan industri pula, sejumlah 224 MoU telah ditandatangani antara kolej vokasional dan industri.

Berkaitan dengan penubuhan kolej vokasional swasta tidak ada peruntukan untuk di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] yang membolehkan penubuhan kolej vokasional swasta.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, boleh tanya sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit tentang isu desentralisasi sebab kita hendak bagi kuasa kepada KV supaya mereka boleh *adjust* kurikulumnya *based on needs* di kawasan tertentu. Itulah persoalan fundamental yang tadi saya tanya dan Menteri belum jawab lagi.

Satu lagi ialah isu tentang bidang. Kita tahu bahawa banyak bidang yang perlu KV *produce* seperti *service industry* yang tadi Menteri hanya kata pertanian, *hotelier*, hospitaliti. Itu hanya satu tetapi ada banyak lagilah seperti pelancongan, F&B dan sebagainya. Itu kita perlu kerana kita hanya ada tadi ada 12 bidang sahaja dan kita perlukan lebih banyak bidang lagi pada masa depan. Minta komen Menteri, terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin [Tawau]: Yang Berhormat, untuk pendidikan vokasional atau pendidikan kemahiran, bukan hanya KV yang akan menawarkan kursus. Akan tetapi pelajar juga boleh melanjutkan pendidikan vokasional di kolej komuniti dan di politeknik. Jadi, ini bermakna bahawa bukan semua bidang akan ditawarkan di kolej vokasional. Apabila saya sebut yang berkaitan dengan hospitaliti, memang ini merupakan salah satu *the service industry*, industri perkhidmatan. Ini kerana di bawah hospitaliti, memang ada berkaitan dengan komponen yang berkaitan

dengan kulinari dan pelancongan juga. Jadi, hospitaliti sebenarnya adalah satu dengan izin, *an umbrella for the service industries*.

Yang Berhormat Gerik memohon semua pelajar KV diberi diploma setelah empat tahun belajar di KV, memohon Kementerian Pendidikan Malaysia membantu pelajar yang gagal bagi mendapat diploma. Murid layak untuk dianugerahkan Diploma Vokasional Malaysia setelah berjaya dalam peperiksaan berterusan dan pentaksiran akhir. Hanya pelajar yang melalui sistem Sijil Vokasional Malaysia (SVM) layak untuk mengikuti program Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Manakala pelajar SVM yang tidak *competent* atau tidak memenuhi *entry point* program di TVM mereka akan disalurkan untuk mengikuti program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM).

Yang Berhormat Gerik juga bertanya, bagaimana Kementerian Pendidikan Malaysia memastikan kualiti pendidikan apabila bekerjasama dengan swasta, industri. Bagi memastikan kualiti pendidikan vokasional oleh pihak swasta dan industri, maka pemilihan memenuhi kriteria yang ditetapkan, menawarkan program berimpak tinggi dan pensijilan diiktiraf oleh badan profesional atau bertaraf antarabangsa, pemantauan berterusan oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Gerik juga mengemukakan satu cadangan bahawa kita tengok semula keperluan kolej komuniti dan beri kursus yang menarik, keyakinan pelajar dan masyarakat. KPM telah melaksanakan kerjasama antara kolej vokasional, kolej komuniti dan politeknik, satu permuafakatan. Di mana Nota Kerjasama telah ditandatangani pada 20 Ogos 2014 bagi melaksanakan dan mempertingkatkan kerjasama dan hubungan kolaboratif dalam aspek-aspek berikut:

- (i) kerjasama dalam penggunaan *facility* dan peralatan;
- (ii) kerjasama dalam penggunaan sumber manusia atau tenaga pengajar dan kepakaran;
- (iii) pelaksanaan aktiviti *employability*, dengan izin dan kebolehpasaran murid dan pelajar; dan
- (iv) perkongsian *best practices*, dengan izin antara kolej vokasional, kolej komuniti dan politeknik.

Kementerian Pendidikan Malaysia yakin kerjasama antara ketiga-tiga institusi akan dapat mengoptimalkan kemudahan di institusi pendidikan tersebut.

Yang Berhormat Gerik bertanya, bagaimanakah pentaksiran murid dilaksanakan di kolej vokasional. Pentaksiran yang dilaksanakan di kolej vokasional adalah tidak sama dengan pentaksiran yang berlaku di sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin [Tawau]: Panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya melihat jawapan Yang Berhormat ini secara terperinci. Setiap soalan dikemukakan oleh wakil rakyat, dijawab satu persatu. Sebenarnya Yang Berhormat, perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan akta induk, yang tidak berkaitan dengan pindaan, tidak perlu dijawab Yang Berhormat. Boleh jawab secara bertulis.

■2020

Hanya perkara-perkara yang dipinda sahaja.

Datuk Yap Kain Ching@Mary Yap Ken Jin: Perkara-perkara?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang dipinda ya.

Datuk Yap Kain Ching@Mary Yap Ken Jin: Jadi ini yang berkaitan dengan pentaksiran. Jadi saya akan memberi jawapan yang berkaitan dengan pentaksiran di mana saya bagi tahu bahawa pentaksiran yang berlaku di sekolah menengah rendah dan menengah atas tidak sama dengan pentaksiran yang dilaksanakan oleh kolej vokasional. Pentaksiran dilaksanakan berpandukan Dokumen Pentaksiran Standard Kompetensi atau DPSK yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan dan mekanisme penilaian ada dua kaedah iaitu pentaksiran berterusan dan pentaksiran akhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, yang lain boleh bertulis Yang Berhormat ya. Perkara-perkara yang lain itu saya rasa boleh jawab secara bertulis ya.

Datuk Yap Kain Ching@Mary Yap Ken Jin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja ulasan dan jawapan yang sempat saya berikan. Bagi isu-isu yang tidak dijawab, KPM akan mengambil perhatian dan dengan tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Pengerusi (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

**RANG UNDANG-UNDANG
PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN) 2014**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.24 mlm.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat malam, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2014 iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bacaan kali pertama rang undang-undang ini telah dibuat pada 26 November 2014. Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] adalah undang-undang buruh utama yang mengawal selia perhubungan serta mengekalkan keharmonian perusahaan antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja di sektor swasta yang mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai hak majikan dan pekerja dalam penyelesaian pertikaian perusahaan. Sejak mula dikuatkuasakan pada tahun 1967, Akta 177 telah melalui proses pindaan sebanyak enam kali di mana pindaan kali terakhir telah dikuatkuasakan pada 28 Februari tahun 2008. Akta ini dicadangkan untuk dipinda sekali lagi bagi memenuhi perubahan semasa terutamanya dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan dalam aspek perhubungan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, objektif utama pindaan ini adalah memantapkan penyampaian perkhidmatan Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) dan memantapkan sistem pelantikan presiden dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan supaya dapat mencerminkan konsep 1Malaysia. Selain itu, pindaan kepada Akta 177 juga berhasrat untuk mempercepatkan proses penyelesaian pertikaian dan penguatkuasaan *award* di mahkamah. Walau bagaimanapun, cadangan pindaan itu tidak mencapai persetujuan di peringkat *tripartite*. Justeru, cadangan pindaan tersebut ditangguhkan terlebih dahulu untuk dibincangkan dan diperincikan semula dalam fasal pindaan Akta 177 seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, pindaan-pindaan di bawah undang-undang ini hanya melibatkan pindaan kepada peruntukan sedia ada sahaja dan tidak melibatkan perwujudan peruntukan baru. Tiga peruntukan sedia ada yang dipinda adalah seperti berikut;

Pertama, perenggan 2A(2)(b) dipinda dengan memasukkan perkataan Timbalan Pengarah Perhubungan Perusahaan dan Penolong Pengarah Kanan Perhubungan Perusahaan. Bertujuan untuk memberi *local standi* kepada pegawai dalam gred tertentu untuk menjalankan fungsi di bawah akta ini dan menyelaraskan gred perjawatan dengan gelaran sedia ada.

Kedua, subseksyen 23A(1) sebelum ini memperuntukkan bahawa seseorang itu layak untuk dilantik sebagai Presiden di bawah perenggan 21(1)(a) dan sebagai Pengerusi di bawah subseksyen 23(2) sekiranya beliau pernah menjadi peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 Akta 166 selama tempoh tujuh tahun sebelum pelantikannya atau sebagai anggota pentadbiran atau sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan persekutuan atau

perkhidmatan undang-undang negeri. Melalui pindaan ini, kelayakan untuk dilantik sebagai Presiden dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan juga adalah termasuk mereka yang pernah menjadi peguam bela di negeri Sabah dan Sarawak di bawah Advocates Ordinance of Sabah (Sabah Cap. 2) atau Advocates Ordinance of Sarawak (Sarawak Cap. 110). Ini bagi memberi peluang dan hak kesamarataan bagi pengamal undang-undang di Sabah dan Sarawak untuk dilantik sebagai Presiden dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan.

Ketiga, subseksyen 56(4) dipinda dengan menetapkan tempoh masa tujuh hari bagi Pendaftar Mahkamah Perusahaan dengan mendaftar salinan *award* yang telah disahkan kepada Mahkamah Seksyen atau Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berharap dengan pindaan yang dicadangkan menerusi rang undang-undang ini, aspek pengurusan perhubungan perusahaan di negara ini akan menjadi bertambah baik. Dengan itu, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Siapa menyokong? Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

8.31 mlm.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup terima kasih, sambung esok Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ini laluan mudah 11.30. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 2 April 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.31 malam]